BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Surat Penyampaian

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi,
Perdana Menteri/Menteri Kewangan,
Malaysia.

YAB Dato' Seri,

Mengikut seksyen 56 Akta Takaful 1984 dan seksyen 192 Akta Insurans 1996, saya dengan hormatnya mengemukakan laporan berhubung dengan pentadbiran Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996, dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 sebagaimana dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2007 ini, untuk dibentangkan di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

26 Mac 2008

Kandungan

Perutusan Gabenor

Ringkasan Eksekutif

Laporan Kestabilan Kewangan

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

11 Tinjauan Keseluruhan
12 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Global
16 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Malaysia
25 Penilaian Risiko Sektor Kewangan
38 Penilaian Risiko Masa Akan Datang
41 *Rencana: Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawasan – Penunjuk Hadapan Kelemahan Sistem Perbankan*
46 *Rencana: Program Pencegahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Malaysia*

Pembangunan Sektor Kewangan

53 Pembangunan Keinstitusian
54 Meletakkan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa
55 *Rencana: Sukuk: Mekanisme Pempelbagaian yang Efisien dan Kelas Aset Baharu*
62 Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengendalian
63 Pengukuhan Infrastruktur Pasaran Kewangan
64 Mengeratkan Kerjasama Antara Agensi
65 Pembangunan Modal Insan
69 Memperluas Akses Kepada Perkhidmatan Kewangan
71 Cabaran dan Prospek
73 *Rencana: Landskap Sistem Kewangan Malaysia Hari Ini*

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

86 Pelaksanaan Peraturan Berasaskan Prinsip
87 *Rencana: Piawaian Kehematan yang Dikeluarkan pada Tahun 2007*
92 Penyeliaan Berasaskan Risiko
94 Memastikan Rangka Kerja Kehematan dan Penyeliaan yang Padu
96 Pelaksanaan Rangka Kerja Kecukupan Modal Semakan
97 Keutamaan pada Tahun 2008
101 *Rencana: Ciri-ciri Khas Urus Niaga Kewangan Islam: Perspektif terhadap Musyarakah Mutanaqisah (Perkongsian yang Semakin Berkurang)*

Amalan Pasaran dan Peningkatan Keupayaan Kewangan

109 Menggalakkan Amalan Pasaran yang Adil dan Saksama
111 Meningkatkan Keupayaan Kewangan Pengguna
113 Mengukuhkan Saluran Pembelaan Pengguna
113 Penyeliaan dan Penguatkuasaan Amalan Pasaran
114 Kawal Selia Pengantara Insurans dan Takaful
115 Melangkah ke Hadapan

Laporan Sistem Pembayaran

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

119 Mengurus Keselamatan dan Kestabilan Sistem Pembayaran

125 Menggalakkan Sistem Pembayaran yang Lebih Efisien

Tambahan

Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pada tahun 2007, isu-isu kestabilan kewangan diserlahkan dengan ketara. Daya tahan sistem kewangan global mengalami tekanan hebat susulan masalah dalam pasaran gadai janji subprima Amerika Syarikat (AS) yang pantas menular menjadi masalah mudah tunai skala besar. Ketika peristiwa yang menyelubungi pergolakan tersebut kian merebak di samping kebimbangan yang makin serius tentang prospek pertumbuhan global, bank-bank pusat dan para pengawal selia terus memantau dengan teliti haluan risiko terhadap sistem kewangan. Apa yang perlu ditekankan ialah keperluan untuk membendung implikasi perkembangan ini terhadap kestabilan kewangan, dan memastikan keupayaan untuk melaksanakan tindakan yang tegas lagi diselaras, termasuk memudahkan penyelesaian yang teratur, bagi mengelakkan krisis besar pada tahap global.

Sistem kewangan Malaysia setakat ini agak terlindung daripada pergolakan kewangan global, lantaran pendedahan langsung bank-bank Malaysia yang amat sedikit kepada pelaburan subprima AS dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem. Di samping itu, bank-bank Malaysia tidak banyak bergantung pada pendanaan dalam pasaran hutang borong luar pesisir. Namun, kesan turun naik pasaran kewangan yang meluas dirasai dalam pasaran kewangan dalam negeri. Aliran portfolio dua hala yang bertambah telah menyebabkan peningkatan dalam turun naik harga aset kewangan pada tahun 2007. Meskipun keadaan turun naik kian meningkat, institusi perbankan pada keseluruhannya mencatat prestasi teguh bagi tahun 2007, disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang kukuh, pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan dan berasaskan fi yang lebih tinggi dan peningkatan berterusan dalam kualiti pendedahan kredit. Pinjaman tak berbayar kian menurun ke tahap paling rendah sejak krisis kewangan Asia. Kedudukan modal dan kesolvenan industri perbankan dan insurans terus kukuh sepanjang tahun, manakala sistem pembayaran telah berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

Sektor kewangan Malaysia terus berubah dan kian matang pada tahun 2007. Perubahan ini menggabungkan insentif berasaskan pasaran, perubahan dalam konfigurasi keinstitusian dan peningkatan kedalaman dan keluasan pasaran kewangan. Kesemua kumpulan perbankan domestik Malaysia telah berkembang menjadi konglomerat kewangan, yang menyediakan pelbagai penyelesaian kewangan komprehensif yang memenuhi keperluan pelbagai pengguna dan perniagaan. Perkhidmatan kewangan kini disediakan melalui saluran yang lebih berpelbagai dan mudah, yang berjaya memperluas skop dan jangkauan perkhidmatan kewangan dengan ketara. Amalan perniagaan terbaik kian giat diserap ke dalam institusi domestik memandangkan perkhidmatan kewangan kini makin menunjukkan dimensi antarabangsa. Ini diperkukuh oleh liberalisasi yang terus menambah kepelbagaian peserta dan penyertaan asing dalam sistem kewangan.

Sektor kewangan yang makin kukuh membolehkan Malaysia memberikan tumpuan pada agenda penyahkawalseliaan dan liberalisasi secara progresif. Langkah-langkah penyahkawalseliaan dan liberalisasi telah dirancang urutannya dengan teliti agar dapat menggalakkan peningkatan prestasi, sambil mengelakkan implikasi ketidakstabilan berbangkit daripada liberalisasi yang terlalu awal. Prasyarat yang penting ialah keupayaan keinstitusian domestik yang diperkukuh, pasaran kewangan yang efisien, infrastruktur kewangan yang teguh, sistem kewangan yang inklusif dan jaringan keselamatan kewangan yang komprehensif. Sambil faktor-faktor ini terus diperkukuh, Bank secara progresif telah meliberalkan sektor kewangan untuk mengeratkan lagi hubungan negara dengan ekonomi global dan menggalakkan aktiviti perniagaan baharu. Sementara liberalisasi ini telah dipercepat, ia bukan sahaja disertai peningkatan daya tahan ekonomi dan kewangan, malah keupayaan yang lebih kukuh di pihak Bank untuk mengawasi dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan liberalisasi.

Ekoran pasaran kewangan yang kian berkembang, pasaran bon Malaysia merupakan antara pasaran yang lebih maju di rantau ini. Ini telah memperkukuh kecekapan dan pertumbuhan perniagaan dengan menyediakan saluran pembiayaan alternatif, dan pada masa yang sama mengurangkan penumpuan risiko

kredit pada sektor perbankan. Satu perkembangan yang menggalakkan adalah berhubung dengan kedudukan Malaysia di perbatasan pembangunan kewangan Islam yang makin bersemarak dengan dimensi antarabangsanya makin memainkan peranan penting. Sistem kewangan Islam di Malaysia kini merupakan antara yang paling komprehensif dan aktif di dunia. Seiring dengan perkembangan ini, rangka kerja pengawalseliaan dan amalan tadbir urus Syariah turut diperkukuh. Tahap pembangunan sistem kewangan Islam yang maju membolehkan Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk landskap kewangan Islam global. Dalam usaha-usaha ini, Malaysia amat mementingkan hubungan yang lebih erat merentas bidang kuasa bagi memastikan pengharmonian dan pertumpuan terhadap amalan berhemat dan saling mengiktiraf pentafsiran Syariah. Hubungan dan hubung kait antarabangsa yang lebih erat yang berlaku setakat ini telah menyumbang kepada peningkatan pertumpuan tersebut. Penubuhan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) oleh Malaysia sebagai akademi dalam Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) bertujuan menyediakan struktur keinstitusian formal untuk memudahkan proses ini. Kesemua perkembangan ini menyumbang kepada perjalanan sistem kewangan yang cekap, berdaya tahan dan seterusnya mencapai kestabilan kewangan.

Bank akan terus berwaspada terhadap trend dan cabaran yang baru muncul terhadap sistem kewangan Malaysia yang mungkin membawa risiko kepada kestabilan kewangan. Dalam persekitaran dalam negeri, persaingan dalam sektor perbankan kian hebat, dengan tekanan yang bertambah terhadap margin faedah. Peralihan ke arah pengantaraan kredit berasaskan pasaran pensekuritian juga kian giat. Ini bakal menambah kerumitan dan kesamaran pengagihan risiko kredit dalam sistem dan rantaian antara pasaran kredit dengan institusi kewangan, lantas membangkitkan keperluan bagi institusi kewangan menangani cabaran penilaian setelah menerima pakai ukuran nilai saksama (*fair value measurement*), dan mewujudkan proses yang kukuh bagi menilai instrumen yang rumit.

Pada tahun 2007, keupayaan pengawasan Bank banyak diperkukuh. Perkembangan di dalam dan luar negeri dipantau dengan teliti bagi tanda-tanda awal implikasi sistemik terhadap sistem kewangan. Perhatian juga ditumpukan pada sebarang kemerosotan dalam penilaian kredit, sebarang perubahan ketara dalam profil mudah tunai institusi perbankan atau sebarang kekurangan dalam keupayaan institusi untuk memantau dan mengukur keamatan risiko dengan berkesan dan berterusan. Tanda-tanda sedemikian tidak menjelma. Penilaian penyeliaan yang lebih ketat dan penggunaan alat pengawasan yang dipertingkatkan telah diterima pakai untuk mengesan rantaian yang lebih rumit antara komponen berbeza dalam sistem kewangan. Rangka kerja pengawalseliaan kehematan juga diperteguh dalam beberapa bidang utama – termasuk piawai kecukupan modal, ujian ketahanan, amalan pengurusan risiko dan tadbir urus korporat. Proses pengurusan risiko dalam institusi kewangan kini lebih teguh, mencerminkan teknik pengukuran dan pengurusan risiko yang bertambah baik. Penjajaran semula fungsi pengawalan dan penyeliaan turut memudahkan pendekatan yang lebih bersepadu terhadap pembaharuan pengawalseliaan dan pengawasan, dan membolehkan sumber penyeliaan Bank diagihkan dengan lebih efisien.

Infrastruktur keinstitusian untuk menyokong penyertaan kewangan yang lebih meluas kini sudah mampan. Rangkaian sokongan menyeluruh telah diwujudkan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro. Ini termasuk Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad yang baharu menjalani proses transformasi, Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS, Skim Penyelesaian Hutang Kecil, Portal SMEinfo, Biro Kredit PKS dan baru-baru ini, penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Persediaan berjalan lancar untuk mewujudkan Agensi Penyelarasan Pusat PKS yang bertanggungjawab menyelaras dasar PKS dan program Kerajaan merentas semua sektor. Di samping memperkukuh struktur keinstitusian, produk kewangan baharu yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus PKS makin bertambah, manakala strategi pembiayaan mikro oleh institusi kewangan kian menjana momentum. Perkembangan ini telah meningkatkan akses pembiayaan dengan ketara kepada segmen ini, yang dulunya kurang diberi perhatian oleh sistem kewangan dan dengan itu, menyumbang kepada penyertaan kewangan yang lebih meluas dan meningkatkan kegiatan sektor ini dalam arus perdana ekonomi.

Bank terus mengambil langkah proaktif untuk membendung keberhutangan pengguna pada tahap berhemat. Pendidikan pengguna kekal sebagai tumpuan utama usaha Bank untuk melengkapi pengguna agar dapat membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi, untuk melindungi diri mereka

daripada amalan peminjaman pemangsa, dan untuk menguruskan hutang mereka dengan berkesan. Usaha jangkauan oleh Bank kian dipergiat pada tahun 2007, dengan menyediakan pendidikan kewangan asas kepada golongan yang lebih muda pada tahap awal proses pendidikan formal. Pelancaran BNMTELELINK memperlengkap lagi saluran sedia ada agar orang ramai dapat memperoleh maklumat dan bantuan berkaitan dengan perkhidmatan kewangan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah memperluas kehadirannya di pelbagai kawasan utama negara ini. Dalam tempoh kurang daripada dua tahun selepas penubuhannya, bantuan telah diberikan kepada hampir 50,000 pengguna, termasuk bantuan kaunseling dan pengurusan khusus tentang hutang kepada lebih 5,000 individu dengan jumlah hutang sebanyak RM478 juta.

Pengaturan keinstitusian yang diwujudkan oleh Bank untuk memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna juga mempunyai impak ketara dan positif terhadap sistem kewangan. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), khususnya, telah mencipta reputasi kukuh di dalam dan luar negeri sebagai model amalan terbaik bagi sistem insurans deposit, dan institusi pertama di dunia yang memberikan perlindungan terhadap deposit konvensional dan deposit Islam di bawah satu sistem berdasarkan model yang berlandaskan prinsip Syariah. PIDM akan memasuki tahun penilaian ketiganya pada tahun 2008 dengan pelaksanaan sistem premium terbeza bagi sumbangan premium daripada institusi ahli, sekali gus memperkukuh insentif bagi pengurusan risiko dalam institusi yang lebih baik.

Ekonomi Malaysia terus meraih manfaat yang ketara lantaran usaha untuk membangunkan dan memperteguh daya tahan sektor kewangan. Sektor kewangan kini menjadi sumber utama pertumbuhan ekonomi manakala akses yang lebih meluas kepada pembiayaan dan perkhidmatan kewangan telah memberi lebih peluang untuk lebih ramai rakyat dan peniaga Malaysia menikmati manfaat daripada kemajuan ekonomi. Sektor kewangan turut menyumbang ke arah mengekalkan pertumbuhan yang dijana di dalam negeri, dengan itu mengurangkan pendedahan Malaysia kepada keadaan pasaran luar negeri. Keyakinan terhadap sistem kewangan dan rejim pengawalan dan penyeliaan Malaysia adalah tinggi. Pada masa yang sama, pembaikan dalam tahap keupayaan kewangan dalam kalangan isi rumah dan peniaga kecil Malaysia telah menggalakkan pengurusan kewangan yang lebih berhemat, dan menggalakkan inovasi dan sistem kewangan yang lebih bersaingan.

Berdepan dengan persekitaran luar negeri yang makin tidak pasti, sistem kewangan Malaysia kini berada pada kedudukan yang kukuh, dari segi kewangan dan struktur, untuk menempuh prospek bagi tahun 2008 yang lebih mencabar. Pada tahun yang akan datang ini, tumpuan akan diberikan pada pengawasan secara berkesan, pembangunan keinstitusian, pembangunan pasaran dan infrastruktur kewangan serta memastikan Malaysia sentiasa bersedia menangani sebarang potensi kejutan kepada sistem dan lantas mengekalkan kestabilan dan keyakinan keseluruhan dalam sistem kewangan. Matlamat ini dapat dicapai dengan memesatkan lagi pembangunan sektor kewangan yang lebih pelbagai - yang termasuk sistem kewangan Islam dan pasaran pertukaran mata wang asing agar dapat memperlengkap komponen sistem kewangan lain, memperkukuh daya tahan institusi kewangan kepada kejutan yang berasaskan pasaran dan akhirnya, mempertingkatkan rangka kerja pengurusan krisis dan keupayaan pengawasan Bank. Perhatian penting turut diberikan pada usaha membangunkan dan memperoleh secara intensif sumber modal insan mahir yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan berterusan sektor kewangan serta kebertanggungjawapan Bank dalam persekitaran yang jauh lebih mencabar. Perundangan utama sektor kewangan akan turut diperkukuh dan dikemas kini untuk menguatkan rangka kerja perundangan yang teguh bagi kestabilan kewangan. Bank amat komited untuk mencapai matlamat-matlamat ini.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

26 Mac 2008

Ringkasan Eksekutif



Ringkasan Eksekutif

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan sistem kewangan. Laporan ini meliputi penilaian Bank Negara Malaysia terhadap risiko dan trend utama dalam sistem kewangan, dan implikasi yang mungkin wujud terhadap keteguhan fungsian sistem ini. Laporan ini juga meninjau perkembangan yang berkaitan dengan transformasi sektor kewangan dan sistem pembayaran, di samping inisiatif pengawalan dan penyeliaan utama yang telah diambil untuk mengekalkan kestabilan kewangan.

Penilaian Risiko dan Prestasi Institusi Kewangan

Sistem kewangan Malaysia terus mampan sepanjang tahun 2007 walaupun menghadapi persekitaran luar yang mencabar ekoran kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), tekanan inflasi global yang semakin meningkat, amalan menghindari risiko oleh peserta pasaran yang kian nyata, dan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu. Pada tahun 2007, pasaran kewangan global mengalami ketidakstabilan dan ketidaktentuan yang semakin ketara setelah tempoh cergas yang berlarutan.

Pada keseluruhannya, tahap permodalan institusi kewangan di Malaysia terus kukuh sepanjang tahun 2007. Tambahan pula, asas-asas kestabilan jangka panjang terus mengukuh dengan peningkatan keupayaan pengurusan risiko, tadbir urus dan kecekapan pengendalian operasi secara berterusan. Pasaran antara bank dan pasaran wang kekal cair, dengan kadar tawaran antara bank terus stabil sepanjang tahun dan institusi perbankan mengekalkan penimbal mudah tunai yang secukupnya. Keadaan ini telah membolehkan sistem kewangan Malaysia terus berfungsi dengan berkesan tanpa sebarang gangguan besar, sungguhpun pasaran kewangan domestik mengalami beberapa tempoh turun naik yang nyata.

Jumlah pembiayaan yang disalurkan kepada sektor perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat 14.1% pada tahun 2007. Dengan peningkatan prestasi kendalian dan kewangan, pelaburan swasta oleh sektor perniagaan terus teguh. Manakala keperluan pembiayaan sektor isi rumah juga terus menggalakkan, dengan pinjaman perumahan dan kemudahan pembiayaan sekuriti terkumpul masing-masing meningkat 5.9% dan 11.1%. Secara keseluruhan, pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan meningkat dengan kukuh pada kadar 8.6%, sementara sekuriti hutang swasta terkumpul berkembang 15.2%. Dalam sektor insurans, penanggung insurans hayat telah mencatat pertumbuhan premium baharu sebanyak 6.1%, manakala perniagaan baharu takaful keluarga pula meningkat 15.8%, didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan permintaan terhadap produk berkaitan pelaburan. Meskipun jualan kenderaan bermotor agak lembap dan tekanan terhadap margin pengunderaitan berterusan berikutan jumlah tuntutan yang lebih tinggi, sektor insurans am telah mengekalkan momentum pertumbuhan positif walaupun pada kadar yang lebih sederhana, dengan peningkatan premium langsung kasar sebanyak 4.3%.

Meskipun persaingan yang lebih hebat telah mengecilkan margin, disiplin kredit masih terpelihara. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih (non-performing loans, NPL) bertambah baik pada kadar 3.2%, iaitu tahap terendah dalam tempoh satu dekad. Ciri-ciri struktur pembiayaan perumahan Malaysia, termasuk struktur dana berasaskan deposit dan model pembiayaan perniagaan 'keluarkan-dan-pegang' (originate-and-hold) yang telah lebih diterima pakai, memberikan insentif secukupnya kepada institusi perbankan untuk mengawal dan mengawasi kualiti portfolio pinjaman secara berterusan. Ini terbukti melalui peningkatan kualiti aset yang dilihat dalam segmen pembiayaan perumahan yang mencatat penurunan nisbah NPL kepada 7% pada tahun 2007 (2006: 8.7%).

Dengan dedahan langsung yang terhad kepada pasaran yang terjejas akibat krisis subprima di AS, berserta keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan, tahap keberuntungan institusi perbankan di Malaysia terus bertambah baik. Keuntungan sebelum cukai belum diaudit awalan berjumlah RM17.7 bilion (2006: RM12.9 bilion), sebahagian besarnya hasil daripada peningkatan kecekapan dan produktiviti yang diperoleh melalui usaha rasionalisasi berterusan dan pelaburan dalam

teknologi, di samping pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan dan berasaskan fi lain yang lebih tinggi. Pulangan yang lebih besar juga diraih daripada program pengurusan modal yang lebih cekap, sementara inovasi produk yang berterusan membolehkan bank mengekalkan dan menambahkan bahagian pasaran masing-masing.

Pembangunan Sektor Kewangan

Sistem kewangan yang lebih pelbagai terus berkembang pada tahun 2007. Peranan pasaran modal sebagai sumber dana dan saluran untuk mempelbagaikan risiko telah menjadi semakin penting. Terbitan sekuriti hutang sepanjang tahun 2007 bertambah kepada RM302 bilion, dengan RM66.5 bilion daripadanya terdiri daripada sekuriti hutang swasta. Ini merupakan peningkatan ketara sebanyak 65.3% berbanding dengan terbitan pada tahun 2006. Yang penting, beberapa terbitan baharu juga mempunyai tempoh matang yang lebih panjang, sehingga melebihi 10 tahun. Ini telah memanjangkan lagi struktur kematangan sekuriti pendapatan tetap, dengan itu memberikan peluang kepada syarikat insurans dan dana persaraan untuk membuat padanan dan mengecilkan jurang tempoh matang antara aset dengan liabiliti. Dasar pentadbiran pertukaran asing lebih liberal yang diperkenalkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini juga telah membawa kepada kadar pusing ganti urus niaga pertukaran asing oleh bukan pemastautin yang meningkat lebih sekali ganda berbanding dengan tahun lepas, lantas menyumbang kepada pembangunan pasaran pertukaran mata wang asing yang lebih aktif. Ini pula akan membolehkan sektor perniagaan dan institusi perbankan mengurus dedahan mata wang asing masing-masing dengan lebih berkesan, di samping mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Bidang kewangan Islam semakin pesat membangun. Malaysia telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju terbitan sukuk, lantas menyumbang kepada pasaran modal domestik yang lebih luas dan mendalam. Pada akhir tahun 2007, sukuk yang diterbitkan di Malaysia merangkumi 68.9% daripada jumlah sukuk terkumpul global. Struktur institusi sedia ada yang menyokong perniagaan kewangan Islam telah diperkukuh dengan giat apabila institusi perbankan domestik yang selebihnya dan dua institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai operasi jendela Islam, mengambil langkah untuk bertukar kepada subsidiari perbankan Islam sepenuhnya, dengan itu menyediakan platform yang lebih mantap dan khusus untuk memperluas perniagaan ini.

Para peserta pasaran juga lebih pelbagai dengan pengenalan operasi perbankan Islam oleh dua institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia yang sedia ada, manakala 16 kelulusan baharu bagi pengendalian perniagaan mata wang antarabangsa telah dikeluarkan melalui inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC). Inovasi produk semakin giat sepanjang tahun 2007, disokong oleh pendekatan pragmatik oleh Majlis Penasihat Syariah untuk memastikan produk kewangan Islam baharu yang diperkenalkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah, sambil terus menggalakkan inovasi.

Melangkah ke hadapan, Majlis Penasihat Syariah juga akan disokong oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) yang telah ditubuhkan di bawah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) untuk menerajui penyelidikan tentang isu-isu Syariah semasa. Fleksibiliti tambahan dalam bidang percukaian, pentadbiran pertukaran asing, imigresen dan hak milik asing serta proses pengawalseliaan yang dipermudah juga diperkenalkan melalui MIFC. Insentif-insentif ini bersama-sama dengan infrastruktur yang lebih menyeluruh serta kepelbagaian para peserta di Malaysia, kian menarik minat asing ke Malaysia yang dianggap sebagai pusat terbitan sukuk pilihan yang utama. Jumlah kelulusan bagi terbitan sekuriti hutang dalam denominasi mata wang asing pada tahun 2007 meningkat 58% kepada USD12.3 bilion, dengan 68% daripadanya merupakan sukuk dalam denominasi mata wang asing.

Berlatarkan pertumbuhan mantap dan perkembangan pesat sektor kewangan, persaingan bagi mendapatkan golongan profesional kewangan berkepakaran tinggi masih lagi sengit. Pada masa yang sama, persaingan pada peringkat global menjadi semakin nyata memandangkan pasaran kewangan yang berkembang pesat di rantau ini kian mencari tenaga kerja mahir dalam kalangan himpunan tenaga mahir yang sama dan terhad bagi

memenuhi keperluan mereka. Persaingan untuk mendapatkan kepakaran ini lebih hebat lagi bagi bidang kewangan Islam dan perbankan pelaburan, manakala kepakaran khusus dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan Basel II, pengurusan risiko dan pelaporan kewangan masih lagi terdapat kekurangan.

Oleh itu, usaha pembangunan bekalan tenaga kerja mahir yang kukuh bagi sektor kewangan telah dikenal pasti sebagai salah satu keutamaan yang penting bagi Bank pada tahun 2007. Banyak sumber telah dilaburkan oleh Bank untuk memacu dan menyokong inisiatif ke arah matlamat ini, dengan itu merintis jalan bagi pendekatan yang lebih selaras dan berkesan untuk menangani jurang antara permintaan dengan bekalan tenaga kerja mahir. Walaupun keperluan industri masih banyak, kemajuan penting telah dicapai pada tahun 2007 bagi memenuhi keperluan jangka pendek industri dengan segera, sambil membina asas kerjasama untuk jangka masa panjang antara institusi pengajian tinggi, institut latihan industri, industri perkhidmatan kewangan, pihak Kerajaan dan agensi pengawalseliaan yang lain untuk mengenal pasti dan membangunkan tenaga kerja mahir masa depan. Pada bulan November, Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan yang dibentuk oleh industri dengan kerjasama Bank Negara Malaysia telah dilancarkan untuk melengkapi siswazah baharu dengan pengetahuan praktikal dan kemahiran untuk mengisi lebih daripada 2,000 jawatan kosong yang ada sekarang pada peringkat kemasukan industri kewangan. Pelbagai inisiatif turut diambil sebagai pelengkap bagi pembangunan sumber pengajaran dan pembelajaran yang berkenaan, selaras dengan keperluan pasaran dan untuk meningkatkan kesalinghubungan yang sedia ada antara penyedia latihan. INCEIF dan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) juga terus meningkatkan peranan masing-masing sebagai penyedia asas pendidikan yang kukuh dalam bidang kewangan Islam dan dalam usaha meningkatkan tahap keberkesanan barisan kepimpinan dalam industri perkhidmatan kewangan masa kini dan akan datang.

Pengawalan dan Penyeliaan Berhemat

Usaha menghasilkan rangka kerja kehematan yang mantap, berkesan dan cekap tetap menjadi keutamaan penting pada tahun 2007. Pendekatan *"Standardised"* di bawah rangka kerja modal yang telah disemak bagi bank konvensional (Basel II) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam, mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008. Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi penanggung insurans pula memasuki tahun kedua pelaksanaan selari. Bank Negara Malaysia terus bekerjasama rapat dengan institusi kewangan untuk memastikan pelaksanaan rangka-rangka kerja yang telah disemak ini adalah lancar, dan yang lebih penting lagi, untuk menyepadukan rangka-rangka kerja ini dengan proses dan sistem pengurusan risiko yang lebih mantap dalam institusi. Pada keseluruhannya, peningkatan bersih keperluan modal hasil daripada pelaksanaan rangka kerja modal yang telah disemak ini dijangka tidak begitu ketara bagi kebanyakan institusi kewangan.

Rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko (risk-based supervisory framework, RBSF) Bank Negara Malaysia telah diperbaik lagi untuk memudahkan penilaian risiko institusi kewangan yang lebih terperinci dan menyeluruh. Pada tahun 2007, Bank juga mengukuhkan struktur sokongan, proses dan keupayaan teras yang diperlukan untuk melaksanakan RBSF dengan berkesan. Langkah-langkah yang diambil ke arah matlamat ini merangkumi pengamalan rangka kerja jaminan mutu yang rapi, pengukuhan unit-unit risiko khusus dan penambahbaikan sistem maklumat dan infrastruktur penyeliaan Bank. Fungsi pengawasan makro dan mikro Bank yang lebih bersepadu dan terlaras juga berjaya mengukuhkan lagi penilaian penyeliaan institusi kewangan dengan mengambil kira perkembangan makroekonomi yang lebih luas, di samping memberi isyarat awal bagi potensi kelemahan yang mungkin ada pada peringkat makro berdasarkan perkembangan yang berlaku pada peringkat institusi. Pada akhir tahun 2007, penilaian penyeliaan yang dijalankan oleh Bank menunjukkan bahawa sebahagian besar institusi kewangan terus berada dalam kedudukan yang baik dan mampu menangani pertambahan risiko yang berpunca daripada persekitaran luar negeri yang lebih tidak menentu.

Sistem pengawalseliaan yang lebih berasaskan prinsip terus berkembang sambil memelihara imbangan yang wajar antara peraturan yang berasaskan prinsip dengan peraturan yang berasaskan ketetapan. Melalui

proses ini, pendekatan terhadap peraturan yang lebih seimbang mengikut saiz, kekompleksan dan profil risiko setiap institusi dapat diamalkan. Dengan itu, institusi kewangan juga berkedudukan lebih baik untuk bertindak dengan cepat kepada perubahan keadaan pasaran dari perspektif risiko dan kebersaingan, tanpa dikekang peraturan-peraturan terperinci. Untuk menyokong peralihan daripada rangka kerja berasaskan ketetapan kepada rangka kerja berasaskan prinsip, Bank masih banyak menumpukan perhatian terhadap usaha mengukuhkan prasyarat yang perlu untuk pengurusan risiko yang baik di bawah sistem yang lebih fleksibel ini. Dalam hal ini, keberkesanan pengawasan lembaga pengarah dan barisan pengurusan kanan terus bertambah baik dengan disokong oleh tindakan penyeliaan yang teguh oleh Bank untuk menangani kelemahan yang ketara dalam amalan kewangan dan perniagaan di setiap institusi. Perkembangan ini telah terus menyangga momentum yang kian bertambah ke arah peraturan berasaskan prinsip sepanjang tempoh kebelakangan ini. Lebih daripada 50 piawai kehematan telah digubal ataupun dikaji semula dengan menggunakan pendekatan pengawalseliaan yang lebih berasaskan prinsip sejak tahun 2001.

Penyertaan Kewangan

Bank Negara Malaysia terus menggalakkan pertumbuhan yang menyeluruh dan seimbang melalui penyertaan kewangan (financial inclusion) dengan tumpuan khusus kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro, seperti pada tahun-tahun yang terdahulu. Pinjaman kepada PKS yang diluluskan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 34.3% kepada RM63.2 bilion pada tahun 2007. Inisiatif pembiayaan mikro yang diperkenalkan pada tahun 2006 telah menyaksikan sebanyak RM224.7 juta lagi pembiayaan terkumpul disalurkan oleh sembilan institusi kewangan kepada lebih daripada 22,000 akaun pelanggan pembiayaan mikro. Sepanjang tahun 2007, keupayaan kewangan dan pengaturan keinstitusian IKP juga telah diperkukuh sebagai pelengkap bagi akses kepada dana dan kemudahan pembiayaan khas yang terutamanya bertujuan untuk menyokong sektor pertanian serta syarikat-syarikat Malaysia yang meluaskan perniagaan ke luar negara.

Produk-produk penambahbaikan kredit baharu yang diperkenalkan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan pelancaran program pengsekuritian oleh Cagamas Berhad bagi pinjaman PKS, telah meningkatkan lagi kapasiti institusi perbankan untuk mengeluarkan pinjaman kepada PKS. Rangkaian penasihat dan sokongan yang lebih menyeluruh juga telah dibentuk untuk para peminjam kecil sepanjang beberapa tahun yang lepas. Langkah ini bertujuan untuk membantu golongan ini membesarkan perniagaan masing-masing dan menguruskan hutang dengan berkesan. Pada tahun 2007, rangkaian ini diperluas untuk merangkumi direktori sehenti berasaskan web yang disediakan supaya penasihat perniagaan PKS dapat berkongsi kepakaran. Di samping itu, tiga lagi IKP menyertai Skim Penyelesaian Hutang Kecil, yang bertujuan untuk membantu PKS yang menghadapi masalah kewangan.

Keupayaan Kewangan dan Amalan Pasaran yang Adil

Para pengguna kewangan terus menghadapi persekitaran yang lebih mencabar. Khususnya, pengguna kini ditawarkan dengan produk-produk kewangan yang lebih beraneka dan lebih kompleks dalam pasaran, sambil berhadapan dengan akses kepada kredit yang lebih mudah dan hubungan secara terus dengan institusi kewangan yang semakin berkurang, ekoran trend institusi kewangan yang semakin banyak menggunakan perkhidmatan pihak ketiga (outsourcing) dan saluran penyampaian perkhidmatan kewangan berautomasi. Jangka hayat yang lebih panjang juga telah meningkatkan keperluan pengguna untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar untuk merancang urusan kewangan sendiri dengan baik.

Langkah membantu pengguna menangani segala cabaran ini tetap menjadi antara inisiatif Bank yang penting ke arah matlamat memelihara keyakinan terhadap sistem kewangan, mengawal hutang sektor isi rumah kepada tahap yang berhemat, dan mengurangkan kehilangan pelaburan dan wang tabungan akibat aktiviti penjualan, perkhidmatan atau amalan penasihat yang tidak beretika. Bagi tujuan ini, piawai penzahiran dan ketelusan produk dipertingkatkan lagi pada tahun ini, manakala amalan terbaik diperkenalkan untuk menambah baik keprofesionalan pihak pengantara insurans dan takaful serta penyedia

perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan terus dengan pengguna. Langkah-langkah pengawasan dan penguatkuasaan lebih giat yang dijalankan oleh Bank telah pada keseluruhannya berjaya meningkatkan pematuhan industri kepada amalan pasaran yang adil. Ini jelas terbukti daripada hasil penilaian susulan oleh Bank dan tindakan pembetulan yang diambil oleh institusi untuk menangani kelemahan amalan pasaran yang dikenal pasti oleh Bank.

Rangka kerja pembelaan dan perlindungan pengguna telah dipertingkatkan lagi dengan pelancaran BNMTELELINK pada bulan Julai sebagai pelengkap kepada saluran yang sedia ada untuk orang ramai mendapatkan maklumat dan bantuan yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan. Sambutan orang ramai terhadap BNMTELELINK amat memberangsangkan, dengan lebih daripada 25,000 pertanyaan diterima dalam tempoh lima bulan pertama sejak ia mula beroperasi. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga terus memainkan peranan yang penting dalam usaha membantu orang ramai menguruskan hutang masing-masing. Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, AKPK telah berjaya membantu lebih 5,000 orang yang mempunyai hutang sebanyak RM478 juta melalui program pengurusan hutangnya.

Pada tahun 2007, Bank mengambil pendekatan yang lebih berfokus untuk meninggikan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia. Program dan kegiatan pendidikan pengguna pada tahun 2007 telah ditumpukan secara khusus pada golongan wanita, pelajar sekolah, penuntut kolej dan universiti, masyarakat luar bandar dan pesara. Pihak Bank berserta dengan industri kewangan telah memanfaatkan pengaturan kerjasama dengan sekolah, institut latihan, agensi pengawalseliaan dan kumpulan berkepentingan untuk meluaskan jangkauan inisiatif keupayaan kewangan Bank dan industri kewangan.

Keselamatan dan Kestabilan Sistem Pembayaran

Kedua-dua sistem pembayaran bernilai besar dan runcit berfungsi dengan cekap, dan tidak mengalami sebarang gangguan yang besar sepanjang tahun 2007. Nilai bayaran bukan tunai yang dikendalikan oleh sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) pada tahun 2007 meningkat sebanyak 23.6% kepada RM124.5 bilion dari segi urus niaga pembayaran harian. Hasil penilaian kendiri RENTAS yang dijalankan pada tahun 2007 berdasarkan Prinsip Teras bagi Sistem Pembayaran yang Penting dari Segi Sistem yang dikeluarkan oleh Bank for International Settlements, mengesahkan bahawa tahap kekukuhan sistem RENTAS adalah tinggi, yang hampir-hampir mencapai kepatuhan sepenuhnya kepada Prinsip-prinsip Teras ini. Penipuan dalam sistem pembayaran runcit adalah sangat kecil dengan adanya inisiatif yang terus dijalankan oleh Bank, pengendali sistem pembayaran dan pihak-pihak berkuasa pengawalseliaan yang lain untuk menangani risiko ini. Risiko penyelesaian juga telah berkurang ekoran penubuhan pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) dan Penyerahan semasa Pembayaran (Delivery versus Payment, DvP) dengan Hong Kong, yang memudahkan penyelesaian pembayaran dan sekuriti ringgit dan dolar AS secara serentak.

Kecekapan Sistem Pembayaran

Untuk meningkatkan kecekapan sistem pembayaran, beberapa inisiatif telah diambil untuk menambah baik infrastruktur pembayaran, menggalakkan penggunaan teknologi baharu dan menyediakan sokongan kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk berpindah kepada sistem pembayaran secara elektronik. Pelaksanaan proses penjelasan cek yang berasaskan imej sepenuhnya pada tahun 2008 akan mempercepat penerimaan wang di samping menjimatkan kos pengendalian dan pengangkutan cek secara fizikal yang tidak diperlukan lagi. Pada tahun 2007 juga, fungsi dan perkhidmatan mesin juruwang automatik (ATM) telah diperbaik apabila institusi perbankan menawarkan kemudahan ATM 24 jam melalui rangkaian perkongsian dan perkhidmatan yang diperluas, merangkumi kemudahan penambahan kredit telefon bimbit dan pemindahan wang antara bank. Perkhidmatan seperti ini juga diperluas ke luar negara melalui perkongsian strategik yang dimeterai antara Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. dengan pengendali rangkaian ATM di Indonesia, Thailand, Singapura dan China.

Dasar pengawalseliaan yang memudahkan serta sokongan daripada Kerajaan terus merangsang inovasi pembayaran dan penggunaan

pelbagai aplikasi pembayaran secara elektronik. Justeru, beberapa hasil inovasi telah diperkenalkan pada tahun 2007, termasuk pemindahan antarabangsa wang antara telefon bimbit yang pertama di dunia dan pengiriman wang melalui telefon bimbit dengan menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS), kedai pengendali rangkaian bimbit dan kad prabayar. Pada peringkat yang lebih luas, penerimaan pakai aplikasi pembayaran elektronik oleh Kerajaan sendiri telah menyumbang kepada peningkatan pesat dalam perpindahan kepada sistem pembayaran secara elektronik dalam ekonomi. Langkah Kerajaan ini adalah penting dari segi strategi bagi menggalakkan penggunaan dan penerimaan pembayaran secara elektronik dengan lebih meluas. Ini dicerminkan oleh peningkatan ketara dalam nilai urus niaga pembayaran Kerajaan yang dibuat melalui saluran elektronik, yang meningkat hampir tiga kali ganda daripada RM16.7 bilion pada tahun 2004 kepada RM64.9 bilion pada tahun 2007.

Laporan Kestabilan Kewangan

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

11 Tinjauan Keseluruhan
12 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Global
16 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Malaysia
25 Penilaian Risiko Sektor Kewangan
38 Penilaian Risiko Masa Akan Datang
41 Rencana: Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawasan – Penunjuk Hadapan Kelemahan Sistem Perbankan
46 Rencana: Program Pencegahan Wang Haram/Pembenterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Malaysia

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan dipelihara sepanjang tahun meskipun melalui beberapa tempoh ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan, dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan dalam persekitaran luar negeri, khususnya dalam pasaran kewangan dan kredit global. Namun demikian, peningkatan penghindaran risiko dan penentuan semula harga risiko secara berterusan yang membawa kepada keadaan mudah tunai dan kredit yang ketat dalam pasaran global, tidak mendatangkan kesan yang besar terhadap sistem kewangan Malaysia.

Sistem kewangan terus berdaya tahan dengan institusi kewangan memperlihatkan prestasi kewangan yang mantap dan asas-asas yang lebih kukuh, disokong oleh peningkatan berterusan dalam pengurusan risiko, pembangunan infrastruktur kewangan serta tadbir urus dan pengawasan yang lebih mantap pada peringkat institusi. Pinjaman tak berbayar menurun ke tahap paling rendah dalam 10 tahun iaitu 3.2%, sementara pulangan ekuiti institusi perbankan meningkat kepada 19.7% pada tahun 2007.

Sistem kewangan terus berdaya tahan dengan institusi kewangan mencatat prestasi kewangan yang kukuh, disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman dan perbendaharaan yang lebih giat. Ini disokong lagi oleh peningkatan berterusan terhadap infrastruktur, amalan dan keupayaan pengurusan risiko, pembangunan infrastruktur kewangan serta tadbir urus dan pengawasan yang lebih mantap pada peringkat institusi. Pengantaraan kewangan kekal mantap sepanjang tahun dan berperanan menyokong aktiviti ekonomi, sementara perkembangan dalam pasaran modal terus menggalakkan bagi pemerolehan dana oleh sektor swasta.

Keupayaan penanggungan risiko sektor kewangan dikukuhkan lagi melalui peningkatan dalam penimbal kewangan yang berterusan. Tahap permodalan institusi perbankan yang diukur dari segi nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) kekal melebihi 13% sepanjang tahun manakala kualiti portfolio pinjaman pula bertambah baik dengan ketara, dengan pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) mencatat kadar paling rendah dalam 10 tahun iaitu 3.2% pada akhir tahun 2007. Modal melebihi keperluan minimum RWCR 8% mencecah RM38.5 bilion pada akhir tahun 2007. Dengan pendedahan minimum terhadap segmen gadai janji subprima di Amerika Syarikat (AS) dan derivatif berkaitan, institusi kewangan di Malaysia secara amnya meraih manfaat daripada persekitaran perniagaan dalam negeri yang lebih memberangsangkan, dan mencatat keberuntungan yang kukuh meskipun melalui persekitaran ketidaktentuan pasaran kewangan dalam negeri yang meningkat. Keuntungan sebelum cukai belum diaudit awalan sektor perbankan meningkat kepada RM17.7 bilion, menghasilkan pulangan ekuiti purata yang lebih tinggi dengan ketara iaitu sebanyak 19.7%. Tahap daya tahan tinggi bagi institusi kewangan juga disokong oleh keputusan ujian ketahanan yang membuktikan peningkatan keupayaan penyerapan risiko dan toleransi terhadap kejutan negatif.

Pengawasan kestabilan kewangan bagi tahun 2007 ditumpukan terutamanya pada pemantauan dan penilaian implikasi aliran masuk dana portfolio yang berterusan pada separuh tahun pertama terhadap pasaran aset, serta peningkatan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan berikutan perkembangan negatif dan ketidakpastian dalam persekitaran luar negeri. Pengawasan turut ditumpukan pada kesan kenaikan harga barang terhadap keupayaan bayaran khidmat hutang serta kedudukan aliran tunai sektor isi rumah dan perusahaan perniagaan.

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN GLOBAL

Tahun 2007 merupakan tahun yang amat mencabar bagi pembuat dasar dan peserta pasaran kewangan global. Tempoh berpanjangan aktiviti pengambilan risiko yang berlebihan dalam persekitaran premium risiko rendah, dan peningkatan kecanggihan instrumen kewangan telah mengaburi pertambahan risiko berlebihan, yang telah mengalami perubahan mendadak pada tahun 2007. Ini tercetus berikutan kenaikan mendadak kegagalan membayar balik gadai janji dalam kalangan peminjam subprima di AS. Gadai janji sedemikian digunakan sebagai asas bagi sebahagian besar pelaburan berstruktur serta instrumen pemindahan risiko. Bermula dengan institusi kewangan, dengan medium dan konduit pelaburan berstruktur masing-masing, masalah ini menular menjadi masalah yang lebih meluas yang menjejaskan pasaran kewangan lain. Meskipun pertumbuhan global secara amnya adalah mampan pada tahun 2007, tahun ini berakhir dengan sentimen yang pesimis. Di samping itu, tekanan inflasi yang lebih tinggi akibat harga bahan makanan, minyak dan komoditi yang lebih tinggi telah menambah ketidakpastian tentang prospek ekonomi AS dan kestabilan sistem kewangan antarabangsa.

Pertumbuhan global kekal mampan manakala rantau Asia terus berkembang ketika tekanan inflasi kian meningkat berikutan kenaikan harga minyak dan makanan

Pertumbuhan global berterusan pada tahun 2007 dalam persekitaran ekonomi AS yang kian perlahan meningkatkan kebimbangan terhadap tekanan inflasi dan pergolakan pasaran kewangan yang berterusan. Kemerosotan dalam sektor perumahan AS selepas pertumbuhan kukuh selama berdekad-dekad membawa kepada peningkatan kejadian kegagalan membayar balik dalam segmen gadai janji subprima ini kemudiannya menyebabkan gangguan lebih meluas dalam pasaran kredit dan ketidaktentuan pasaran kewangan global. Di rantau Asia, meskipun eksport produk dan peralatan elektronik makin perlahan, pertumbuhan secara keseluruhannya terus berdaya tahan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan pengembangan yang teguh dalam ekonomi-ekonomi utama (Rajah 2.1).

Tempoh pertumbuhan global yang menggalakkan yang berpanjangan selama empat tahun berturut-turut telah mencetuskan tekanan harga terhadap penggunaan sumber dan menyebabkan kenaikan harga komoditi. Harga minyak melambung hingga mencatat paras tertinggi, menyebabkan kenaikan harga bahan makanan berikutan bertambahnya permintaan terhadap gantian untuk bahan api konvensional, termasuk tenaga boleh diperbaharui seperti biodiesel dan

Rajah 2.1
Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran

Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

Rajah 2.2
Inflasi di Negara Perindustrian Utama



Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

Rajah 2.3
Inflasi di Negara Serantau



Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

etanol. Kejadian cuaca buruk yang bertambah dan kenaikan kos pengangkutan turut menyumbang kepada kenaikan harga bahan makanan. Trend terkini nampaknya menyarankan bahawa keadaan permintaan dasar bagi komoditi kekal utuh, terutamanya di rantau yang sedang pesat membangun. Oleh itu, jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, terdapat peningkatan dalam inflasi global keseluruhan. Ekonomi AS mengalami peningkatan dalam kadar inflasi keseluruhan, manakala kawasan euro terus mencatat pertumbuhan pesat wang dan kredit dalam keadaan tekanan yang meningkat bagi gaji yang lebih tinggi. Sementara itu, di rantau Asia, beberapa buah negara menghadapi tekanan harga akibat keadaan pasaran pekerja buruh yang lebih ketat di samping kenaikan harga bahan makanan dan tenaga (Rajah 2.2 dan 2.3).

Tindakan dasar kewangan bercampur-campur oleh bank-bank pusat utama

Meskipun tekanan inflasi global meningkat pada tahun 2007, prestasi pertumbuhan dan isu-isu domestik yang berbeza-beza antara negara perindustrian dan negara Asia menghasilkan tindakan dasar kewangan yang berbeza oleh bank pusat masing-masing. Di AS, Federal Reserve Board mengurangkan kadar dasar sebanyak 100 mata asas pada tahun 2007 untuk menyokong pertumbuhan ekonomi memandangkan permintaan domestik menjadi lemah berikutan kemerosotan ketara dalam pasaran perumahan dan krisis pasaran kewangan dan kredit yang makin serius yang menyebabkan kredit diketatkan oleh institusi kewangan. Namun demikian, di Eropah, peningkatan inflasi mendorong European Central Bank untuk menaikkan kadar faedah bagi mengekang tekanan inflasi. Bank of England menaikkan kadar faedah pada awal tahun 2007 tetapi kemudiannya melegakan dasar monetari pada bulan Disember untuk menyokong pertumbuhan ekonomi apabila kesan pergolakan pasaran kewangan bertambah buruk. Di rantau Asia, China menaikkan kadar faedah bagi memperlahankan pertumbuhan kredit dan pelaburan, sementara ekonomi serantau yang lain seperti Korea Selatan dan India turut mengetatkan dasar monetari bagi membendung inflasi. Sementara itu, Filipina, Thailand dan Indonesia mengurangkan kadar faedah pada tahun 2007 untuk merangsang permintaan domestik apabila tekanan inflasi menurun (Rajah 2.4 dan 2.5).

Rajah 2.4
Pergerakan Kadar Faedah dalam Negara Perindustrian Utama



Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

Peningkatan penghindaran risiko menyebabkan penentuan semula harga risiko dan ketidaktentuan yang meningkat merentas pasaran kewangan global pada separuh tahun kedua

Secara amnya, pasaran ekuiti global dan serantau adalah menggalakkan pada separuh tahun pertama 2007 meskipun munculnya

Rajah 2.5
Pergerakan Kadar Faedah dalam Negara Serantau



Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

Rajah 2.6
Spread CDX Crossover dan iTraxx Crossover



Sumber: Bloomberg

kebimbangan terhadap harga rumah yang menurun di pasaran perumahan AS serta tekanan inflasi berikutan kenaikan harga komoditi. Aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun dan Asia adalah ketara memandangkan prospek yang kukuh bagi pertumbuhan di rantau ini. Walaupun terdapat sedikit tanda penentuan semula harga risiko semasa tempoh penjualan dalam pasaran ekuiti global dan serantau pada bulan Februari-Mac 2007, pencarian pulangan yang lebih baik secara berterusan oleh pelabur telah menyumbang kepada pemulihan pantas dalam harga ekuiti dan persekitaran kadar hasil bon yang terus rendah.

Kemerosotan harga rumah di AS pada separuh tahun kedua menyebabkan pertambahan tunggakan dan kegagalan membayar balik bagi gadai janji kediaman, terutamanya dalam segmen subprima. Ini seterusnya mengakibatkan penurunan ketara harga sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (residential mortgage-backed securities, RMBS) yang disandarkan oleh gadai janji subprima yang akhirnya merebak ke dalam kelas produk kredit berstruktur yang lebih luas. Ketidakpastian yang meningkat dan penghindaran risiko yang bertambah menyebabkan penentuan semula harga risiko yang meluas (Rajah 2.6) serta peningkatan ketidaktentuan. Mudah tunai menjadi ketat dalam pasaran kertas komersial bersandarkan aset (asset-backed commercial paper, ABCP) dan dalam pasaran wang apabila institusi kewangan mengekalkan mudah tunai bagi menghadapi potensi kerugian ekoran daripada pendedahan terhadap pasaran subprima dan sekuriti berkaitan. Peralihan kepada aset yang lebih berkualiti dapat dilihat apabila pelabur beralih daripada kertas komersial korporat kepada bon perbendaharaan. Sementara peralihan kepada aset yang lebih berkualiti turut menjejaskan permintaan terhadap bon kerajaan bagi ekonomi sedang pesat membangun, keadaan mudah tunai kekal menggalakkan ekoran peningkatan asas-asas ekonomi, imbangan luar yang kukuh serta pasaran kewangan yang lebih maju. (Rajah 2.7 hingga 2.9).

Rajah 2.7
Kadar Pasaran Wang dalam Ekonomi Perindustrian Utama



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.8
Spread Kertas Komersial Bersandarkan Aset AS (30 hari)[1]



[1] Berbanding dengan Libor AS bagi tempoh matang yang sama
Sumber: Bloomberg

Rajah 2.9
Spread Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.10
Indeks Ekuiti Antarabangsa Utama



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.11
Indeks Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Keadaan mudah tunai yang ketat dan bertambahnya kejadian kerugian yang dilaporkan oleh institusi kewangan utama di AS, Eropah dan beberapa bahagian di Asia mencetuskan tempoh ketidaktentuan yang meningkat serta penurunan mendadak dalam indeks ekuiti antarabangsa utama. Ini diburukkan lagi oleh pelunasan kedudukan *carry trade*. Meskipun pasaran ekuiti serantau mengalami sedikit pelarasan, jumlahnya adalah secara relatif kecil dan pasaran ekuiti serantau pulih semula dengan agak pantas disebabkan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang kukuh (Rajah 2.10 dan 2.11).

Sementara itu, pasaran ekuiti global kembali pulih berikutan suntikan mudah tunai oleh bank-bank pusat dan penurunan kadar dasar di AS. Ketidaktentuan kekal tinggi dalam pasaran ekuiti dan bon global dan serantau (Rajah 2.12 hingga 2.15) sementara pasaran pendanaan jangka lebih panjang dalam ekonomi-ekonomi utama secara relatif kekal kurang cair memandangkan turun nilai dan kerugian berterusan yang dilaporkan oleh institusi kewangan. Pada awal 2008, keyakinan sekali lagi terjejas berikutan penurunan penarafan beberapa penginsurans *monoline* yang mencetuskan satu lagi penjualan dan turun nilai sekuriti selanjutnya oleh institusi kewangan. Peluasan spread dalam pasaran swap mungkir kredit dan keadaan mudah tunai yang ketat dalam pasaran sekuriti kadar lelong telah mewujudkan kebimbangan baharu mengenai keupayaan majlis perbandaran dan entiti awam di AS untuk membiayai komitmen pembangunan sosial dan infrastruktur yang mungkin mempunyai implikasi limpahan buruk terhadap ekonomi AS yang sedia lemah.

Rajah 2.12
Turun Naik Indeks Ekuiti dalam Ekonomi Utama



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.13
Turun Naik Indeks Ekuiti dalam Ekonomi Serantau



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.14
Turun Naik Kadar Hasil Tanda Aras (10 Tahun) dalam Ekonomi Utama



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.15
Turun Naik Kadar Hasil Tanda Aras (10 Tahun) dalam Ekonomi Serantau



Sumber: Bloomberg

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN MALAYSIA

Pengembangan berterusan ekonomi Malaysia dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh meskipun persekitaran luar negeri lebih lemah

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh sebanyak 6.3% pada tahun 2007, sebahagian besarnya dipacu oleh permintaan dalam negeri yang teguh (Rajah 2.16). Pertumbuhan diterajui oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan dan disokong oleh sektor pembinaan dan perlombongan. Perbelanjaan penggunaan swasta adalah teguh, mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 11.7% sejak tahun 2000. Pengguna mendapat manfaat daripada pertumbuhan berterusan dalam pendapatan boleh guna yang disokong oleh harga komoditi yang tinggi, kenaikan gaji di sektor awam dan swasta, serta keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Acara promosi sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 juga menggalakkan pertambahan perbelanjaan pengguna. Pembentukan modal tetap kasar berkembang 10.2%. Aktiviti pelaburan yang kukuh dalam industri perkilangan, perkhidmatan, pembinaan serta minyak dan gas, digabung dengan sentimen perniagaan positif menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 12.3%, berbanding 7% pada tahun sebelumnya. Ini dikukuhkan lagi oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang besar pada tahun 2007.

Rajah 2.16
Sumbangan kepada Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar



a Awalan
r Ramalan

Pertumbuhan juga disokong oleh aktiviti sektor awam yang lebih giat. Penggunaan awam bertambah 6.4%, disokong oleh pertambahan perbelanjaan terhadap emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Di samping itu, pelaburan awam meningkat selanjutnya pada kadar yang mampan iaitu 8% pada tahun 2007. Perbelanjaan pembangunan yang besar disalurkan ke dalam projek untuk memperbaik lagi sektor ekonomi dan perkhidmatan sosial, terutamanya dalam menambah baik infrastruktur pengangkutan dan utiliti awam, selain menaik taraf dan membekalkan perkhidmatan penting seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Perkembangan Ringgit

Prestasi ringgit yang secara amnya teratur berbanding dengan mata wang utama dan serantau sepanjang tahun dipacu oleh aliran perdagangan dan pelaburan dua hala yang kukuh. Meskipun ringgit mendapat manfaat daripada imbangan dagangan bersih positif, pelaburan langsung ke dalam negara yang mampan serta penghantaran balik keuntungan dan dividen yang banyak oleh syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan di luar negara, terdapat banyak aliran keluar disebabkan pelaburan langsung asing oleh syarikat Malaysia dan penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia, serta pembayaran balik dan prabayaran hutang asing. Permintaan ringgit turut dikukuhkan oleh aliran masuk portfolio yang ketara, terutamanya ke dalam pasaran ekuiti, disebabkan jangkaan penambahan nilai mata wang yang selanjutnya dan prestasi pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mantap telah meningkatkan sentimen pelabur. Ini

dikukuhkan oleh sentimen pelabur yang secara amnya optimis terhadap rantau ini dan dolar AS yang secara amnya lemah.

Inflasi dan Perkembangan Dasar Monetari

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat lebih perlahan sebanyak 2% pada tahun 2007 (2006: 3.6%), disebabkan ketiadaan pelarasan besar terhadap harga barangan yang ditadbir pada tahun itu. Walau bagaimanapun, gabungan kesan kenaikan harga komoditi utama dan bahan makanan global serta penggunaan swasta yang lebih tinggi menyebabkan kadar inflasi keseluruhan dan kadar inflasi teras naik sedikit pada suku terakhir tahun itu. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.7% pada tahun 2007 (2006: 5.1%), berikutan kenaikan harga komoditi global seperti getah, minyak sawit mentah dan minyak mentah. Berdepan dengan perkembangan ini, dasar monetari mengambil kira risiko pertumbuhan dalam negeri yang lebih rendah berikutan prestasi pertumbuhan global yang lebih lemah, dan risiko harga dalam negeri yang lebih tinggi. Justeru, Kadar Dasar Semalaman dikekalkan tidak berubah pada 3.5% dengan pendirian dasar monetari kekal menyokong perkembangan ekonomi dalam negeri.

Perkembangan Pasaran Kewangan

Pasaran kewangan dalam negeri kekal berdaya tahan meskipun ketidaktentuan meningkat sejajar dengan perkembangan global

Pasaran ekuiti dan bon Malaysia mencatat pemulihan kukuh pada separuh tahun pertama, sebahagian besarnya didorong oleh keadaan makroekonomi dalam negeri yang positif, jangkaan peningkatan nilai ringgit di samping jangkaan perubahan dalam dasar monetari dan aliran masuk portfolio berterusan ke rantau ini. Walau bagaimanapun, ekoran perkembangan dalam pasaran kewangan global pada separuh tahun kedua, ketidaktentuan masih berterusan dalam pasaran kewangan dalam negeri.

Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) terus berdaya tahan sepanjang tahun 2007, disokong oleh keadaan dalam negeri yang kukuh (Rajah 2.17). Sentimen perniagaan kekal positif dengan peningkatan pengembangan keupayaan yang berterusan dan pemulihan yang lebih mantap dalam sektor harta tanah. Di samping itu, nisbah harga kepada

Rajah 2.17
Prestasi KLCI



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.18
Nisbah Harga Perolehan Indeks Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

perolehan KLCI yang secara relatif lebih rendah berbanding indeks serantau dan jangkaan pengukuhan nilai ringgit terus menarik penyertaan asing yang lebih tinggi dalam pasaran ekuiti (Rajah 2.18). Berdepan dengan persekitaran ini, KLCI mengakhiri tahun dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 31.8% untuk mencecah 1,445.03 mata, mencatat paras tertinggi sepanjang tahun iaitu 1,447.04 mata pada 28 Disember. Berikutan perkembangan dalam pasaran kewangan global, pasaran ekuiti dalam negeri mengalami dua peristiwa kejatuhan utama pada tahun itu; pertama, pada akhir bulan Februari hingga awal Mac disebabkan kesan kontagion daripada prestasi makroekonomi AS yang lebih lemah serta perkembangan di pasaran kewangan China, dan kedua, dalam tempoh bulan Julai hingga Ogos berikutan kebimbangan yang dicetuskan oleh pasaran subprima AS. Aktiviti pengambilan untung juga berlaku pada tahun itu. Jumlah urus niaga di Bursa Malaysia mencatat nilai tertinggi sejak tahun

1996, iaitu RM540.2 bilion (2006: RM250.6 bilion), dengan peningkatan permodalan pasaran sebanyak 30.3% kepada RM1,106.2 bilion atau 172.4% daripada KDNK pada akhir tahun 2007. Walaupun kesan pelarasan pada awal 2007 hanya sementara, pembetulan berikutnya pada permulaan krisis gadai janji subprima AS yang menyebabkan aliran keluar portfolio dari rantau ini dalam tempoh bulan Jun hingga Ogos 2007, hampir menghapuskan peningkatan awal apabila KLCI menjunam kepada 1,191.55 mata pada 17 Ogos. Walau bagaimanapun, KLCI pulih semula dengan pantas dan mencecah 1,273.52 mata pada 24 Ogos apabila dana portfolio mula kembali ke rantau ini.

Pasaran bon dalam negeri juga berkembang dengan ketara berikutan terbitan baharu sekuriti hutang dan sukuk yang kukuh pada tahun itu. Pada akhir tahun 2007, jumlah sekuriti hutang awam dan swasta terkumpul mengembang 22.8%, mencakupi 86.8% KDNK. Dengan bertambahnya minat terhadap pasaran bon dalam negeri, urus niaga dalam pasaran bon telah meningkat sebanyak 45.8% kepada RM777 bilion.

Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) mengalami ketidaktentuan yang meningkat pada tahun 2007 dengan pergerakan pada amnya mencerminkan perkembangan di dalam dan luar negeri. Hasil bagi MGS menurun pada suku pertama 2007 berikutan minat pelabur yang berterusan dan jangkaan kenaikan nilai ringgit. Pada separuh kedua tahun 2007, dalam keadaan aliran keluar portfolio bersih, imbangan semula portfolio berikutan bertambahnya ketidakpastian dan penghindaran risiko yang berpunca daripada krisis subprima dan kredit, serta jangkaan inflasi lebih tinggi, hasil MGS meningkat semula (Rajah 2.19). Spread antara MGS 10 tahun dan MGS jangka lebih pendek dan sederhana kian meluas dan akhirnya menyebabkan keluk hasil tanda aras MGS makin curam pada bulan Disember 2007. Dalam pasaran bon korporat, hasil pada umumnya bergerak seiring dengan pergerakan hasil MGS, terutamanya bagi kredit penarafan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, dalam tempoh ketidakpastian, tahap penghindaran risiko lebih tinggi dapat diperhatikan, terutamanya dalam terbitan dengan penarafan lebih rendah, seperti yang dicerminkan melalui peluasan kecil dalam spread antara bon korporat dan hasil MGS.

Memandangkan keterbukaan ekonomi Malaysia, pasaran kewangan dalam negeri tidak

Rajah 2.19
Pergerakan dalam Keluk Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.20
Indeks Turun Naik Tersirat



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.21
Turun Naik Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.22
Turun Naik KLCI



Sumber: Bloomberg

dapat lari daripada ketidakpastian dalam persekitaran global. Ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti dan bon dalam negeri meningkat apabila penghindaran risiko global makin ketara pada separuh kedua tahun 2007 (Rajah 2.20 hingga 2.22). Meskipun tahap ketidaktentuan dalam pasaran MGS secara amnya telah reda dan stabil, pasaran ekuiti dalam negeri masih mudah terjejas oleh perkembangan pasaran global. Ketidaktentuan 90 hari di KLCI kekal pada tahap purata tinggi iaitu 16.3% bagi tahun itu.

Kadar hasil bagi sukuk korporat adalah pada purata tiga mata asas lebih rendah daripada bon bersandarkan aset konvensional yang diberi penarafan serupa, menggambarkan kos terbitan sekuriti yang lebih rendah serta permintaan kukuh terhadap sukuk. Trend dalam pergerakan kadar hasil sukuk serupa dengan trend bon konvensional, lantas menyarankan pasaran sukuk sudah mantap dan menggambarkan gelagat dalam pasaran yang sudah matang. Ciri-ciri

Rajah 2.23
Kadar Hasil Sukuk dan Sekuriti Bersandarkan Aset Konvensional Malaysia (5 tahun) (Penarafan A1)



Sumber: Bondweb Malaysia

Rajah 2.24
Kadar Hasil Sukuk dan Sekuriti Bersandarkan Aset Konvensional Malaysia (5 tahun) (Penarafan AAA)



Sumber: Bondweb Malaysia

pembiayaan Islam yang tersendiri menuntut supaya sebarang urus niaga kewangan harus berdasarkan aktiviti berkaitan perdagangan atau perniagaan. Ciri-ciri unik ini telah meningkatkan daya tarikan sukuk sebagai satu instrumen pelaburan. Justeru, banyak pelabur mengambil sikap 'beli-dan-simpan' memandangkan kesukaran memperoleh sukuk dan permintaan pasaran yang tinggi. Sewaktu tempoh tahap ketidakpastian meningkat, yang dicetuskan oleh pasaran gadai janji subprima AS, apabila semua kelas aset diperlakukan secara sembarangan, pasaran sukuk turut terjejas. Kadar hasil bagi sukuk korporat bertemu dengan kadar hasil konvensional dalam tempoh bulan Julai hingga pertengahan September 2007 sebelum menuju ke paras normal berikutan pengurangan kadar dasar *federal funds* Federal Reserve Board AS (Rajah 2.23 dan 2.24).

Perkembangan Sektor Bukan Kewangan

Prestasi sektor korporat meraih manfaat daripada pertumbuhan dalam negeri yang kukuh meskipun tekanan kos kian meningkat

Perusahaan perniagaan mengalami prestasi kewangan yang meningkat pada tahun 2007 sejajar dengan keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan. Berlatarbelakangkan permintaan dalam negeri yang kian mantap, hasil daripada pelancongan dan aktiviti berkaitan pembinaan yang lebih giat, hasil dan keberuntungan perniagaan bertambah kukuh meskipun menghadapi kenaikan kos pengeluaran dalam persekitaran harga komoditi dan tenaga yang tinggi. Pelaburan swasta oleh sektor perniagaan terus memberangsangkan, disokong oleh akses yang berterusan kepada pembiayaan pada kos kewangan yang kompetitif. Pada tahun itu, sebanyak RM405.5 bilion dikeluarkan oleh

Rajah 2.25
Keberuntungan bagi Syarikat Terpilih



a Awalan
Sumber: Bloomberg

Rajah 2.26
Keupayaan Membayar Hutang dan Kedudukan Leveraj bagi Syarikat Terpilih



a Awalan
Sumber: Bloomberg

sistem perbankan untuk membiayai pelbagai aktiviti dan bagi bidang perniagaan yang lebih pelbagai, sementara pembiayaan baharu melalui pasaran bon berjumlah RM66.5 bilion. Pada akhir tahun 2007, jumlah pembiayaan yang diberikan kepada sektor perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal mengembang pada kadar 14.1%, mencakupi 79.3% daripada KDNK.

Perusahaan perniagaan mencatat prestasi kendalian dan kewangan yang lebih baik disokong oleh keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan meskipun prestasi eksport lebih lemah bagi industri berorientasikan eksport serta peningkatan kos pengeluaran dalam persekitaran harga komoditi dan tenaga yang tinggi.

Satu sampel yang mengandungi 100 buah syarikat tersenarai yang mewakili kira-kira 60% daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia menunjukkan bahawa keuntungan telah bertambah sejak suku ketiga tahun 2006 (Rajah 2.25). Pada tahun 2007, syarikat-syarikat tersenarai ini mencatat peningkatan selanjutnya apabila mencapai pulangan aset dan pulangan ekuiti tertinggi sejak tahun 2000, masing-masing sebanyak 7% dan 13.9%. Sementara itu, nisbah

Rajah 2.27
Spread dan Kadar Delinkuensi



hutang kepada ekuiti kekal pada 59.2%, meskipun pembiayaan telah meningkat. Keupayaan bayaran khidmat hutang bagi syarikat-syarikat tersebut terus tidak berubah dengan nisbah liputan faedah (dihitung sebagai nisbah perolehan sebelum faedah dan cukai berbanding jumlah kos pembiayaan) sebanyak 5.7 kali (Rajah 2.26). Secara keseluruhan, meskipun kos meningkat, pengukuhan prestasi dan daya tahan sektor perniagaan menghasilkan penurunan dalam kadar kegagalan membayar balik bagi pinjaman bank (Rajah 2.27).

Walaupun perusahaan perniagaan yang beroperasi dalam beberapa industri berorientasikan eksport terjejas oleh permintaan luar negeri yang lebih lemah, sektor korporat pada umumnya meraih manfaat daripada permintaan dalam negeri dan serantau yang kukuh serta kenaikan harga komoditi (Rajah 2.28 dan 2.29). Pada tahun 2007, perusahaan perniagaan dalam industri perladangan terus teguh susulan kenaikan kukuh harga minyak

Rajah 2.28
Pulangan atas Aset bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: Bloomberg

Rajah 2.29
Nisbah Perlindungan Faedah bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: Bloomberg

mentah, minyak sawit mentah dan getah. Demikian juga, perusahaan perniagaan dalam sektor pembinaan, terutamanya dalam segmen kejuruteraan awam serta pembangunan harta komersial dan kediaman, turut mencatat prestasi yang lebih kukuh berikutan pertambahan aktiviti dalam pasaran harta tanah. Dalam sektor perkhidmatan, prestasi industri pelancongan dan industri berkaitan, terutama riadah dan hospitaliti, serta sektor runcit dan borong telah dirangsang oleh jumlah ketibaan pelancong tertinggi dan kadar penghunian hotel yang lebih tinggi pada tahun itu.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana pada tahun 2007, disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E), khususnya komputer dan alat ganti, ekoran permintaan yang lebih perlahan dari AS. Walau bagaimanapun, penunjuk kewangan bagi syarikat tertentu dalam

Rajah 2.30
Keberuntungan Syarikat Terpilih dalam Segmen E&E



Sumber: Bloomberg

segmen E&E (Rajah 2.30 dan 2.31) menunjukkan pengekalan keberuntungan, keupayaan bayaran khidmat hutang dan kedudukan aliran tunai, meskipun harga eksport E&E lebih rendah.

Setelah mencatat pertumbuhan negatif sejak suku kedua tahun 2004, sektor pembinaan pulih semula dengan pengembangan yang kecil sebanyak 0.6% pada suku akhir tahun 2006. Sektor ini telah mengekalkan momentumnya, mengembang sebanyak 4.6% pada tahun 2007. Dalam segmen pembangunan harta tanah, kadar kekosongan bagi harta pejabat dan runcit terus stabil, masing-masing pada 19.8% dan 20.5%. Tahap harta tanah berlebihan dan tidak terjual menurun ekoran berkurangnya jumlah pelancaran unit perumahan baharu. Purata prestasi penjualan unit perumahan baharu yang dilancarkan pada tahun itu turut meningkat kepada 19.7% (S1-S3 2006: 11.3%), manakala urus niaga harta kediaman mencatat

Rajah 2.31
Kedudukan Aliran Tunai Syarikat Terpilih dalam Segmen E&E



Sumber: Bloomberg

Jadual 2.1
Urus Niaga dan Prestasi Jualan Harta Kediaman

	S1-S3 2006	S1-S3 2007	Pertumbuhan
Urus niaga harta kediaman			
Unit	*135,322*	*149,004*	*10.1%*
Nilai (RM bilion)	*21.5*	*26.7*	*24.3%*
Prestasi jualan	11.3%	19.7%	8.4 m.p.
Unit dilancarkan	*34,670*	*33,617*	*-3.0%*
Unit dijual	*3,912*	*6,611*	*69.0%*

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Rajah 2.32
Keberuntungan bagi Syarikat Terpilih dalam Segmen Pembangunan Harta Tanah



Sumber: Bloomberg

kenaikan dalam unit dan nilai urus niaga (Jadual 2.1). Peningkatan aktiviti dalam pasaran harta kediaman utama dan sekunder dirangsang oleh beberapa langkah Kerajaan untuk menggalakkan aktiviti dalam pasaran harta tanah. Ini termasuk meliberalkan peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk memudahkan akses kepada pasaran harta tanah dalam negeri bagi pelabur asing, pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah, dan fleksibiliti yang lebih banyak dalam penggunaan dana yang disimpan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pembelian harta tanah. Meskipun perkembangan di atas membantu mengurangkan kebimbangan terhadap keberuntungan dan keupayaan bayaran khidmat hutang oleh pemaju perumahan (Rajah 2.32 dan 2.33), kenaikan harga bahan mentah mungkin mendatangkan risiko kepada pertumbuhan sektor harta tanah dan pembinaan secara keseluruhannya pada masa akan datang. Sejak awal tahun 2007, kos bahan binaan terus meningkat seperti yang digambarkan oleh Indeks Kos Bahan Binaan (Rajah 2.34) yang bertambah kepada 136.7 pada akhir tahun 2007 (130.5 pada akhir bulan September 2007).

Rajah 2.33
Keupayaan Membayar Hutang bagi Syarikat Terpilih dalam Segmen Pembangunan Harta Tanah



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.34
Indeks Kos Bahan Binaan (untuk Kuala Lumpur, Selangor, Melaka & Negeri Sembilan)



Sumber: CEIC

Sektor isi rumah menunjukkan kebolehsesuaian dan keupayaan penyesuaian lebih baik dengan peningkatan kos sara hidup

Kedudukan kewangan bagi sektor isi rumah bertambah kukuh pada tahun 2007, disokong oleh peningkatan berterusan dalam pendapatan boleh guna, terutamanya dalam kalangan pekerja sektor komoditi berikutan tempoh harga keluaran tinggi yang berterusan. Tahap pendapatan lebih tinggi juga dicapai hasil kenaikan gaji di sektor awam dan swasta. Pengukuhan kedudukan kekayaan bagi sektor isi rumah disokong selanjutnya oleh prestasi pasaran ekuiti yang teguh. Di samping itu, penyederhanaan dalam kadar pertumbuhan keberhutangan dan kedudukan mudah tunai bagi sektor isi rumah yang lebih teguh juga mengukuhkan keupayaan pembayaran balik hutang masing-masing, sekali gus menghasilkan peningkatan berterusan dalam kualiti

peminjaman sektor isi rumah sepanjang tahun itu. Ini menjadikan sektor isi rumah berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang lebih tinggi.

Sektor isi rumah memperlihatkan daya tahan yang lebih teguh terhadap kenaikan harga berikutan kedudukan kewangan yang lebih kukuh serta keberhutangan yang menurun dalam persekitaran keadaan pasaran pekerja dan tahap gaji yang menggalakkan.

Aset kewangan sektor isi rumah agregat mengembang dengan kukuh sebanyak 15.1% pada akhir tahun 2007, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam tabungan dan deposit di institusi kewangan serta kenaikan nilai aset bersih bagi pelaburan amanah saham. Ini menyebabkan nisbah aset kewangan sektor isi rumah kepada hutang meningkat kepada 217.8%, berbanding dengan 204.2% pada akhir tahun sebelumnya. Dari segi mudah tunai, aset mudah tunai berkembang kukuh sebanyak 18.6% (2006: 12.8%) mencakupi hampir 60% daripada jumlah aset kewangan. Berikutan itu, nisbah aset[1] mudah tunai kepada hutang sektor isi rumah mengembang selanjutnya kepada 119.6% pada akhir tahun 2007 (Rajah 2.35 dan 2.36).

Tahap keberhutangan menjadi sederhana sedikit dengan nisbah hutang sektor isi rumah kepada KDNK nominal menurun kepada 66.7% (2006: 69.3%) susulan pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh yang mengatasi pengumpulan hutang sektor isi rumah pada tahun 2007 (Rajah 2.37). Hutang sektor isi rumah mengembang sebanyak RM31.3 bilion pada tahun itu kepada RM427.9 bilion. Pengembangan dalam hutang sektor isi rumah pada tahun 2007 adalah lebih sederhana pada kadar 7.9% berbanding dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 13.9% bagi

[1] Aset mudah tunai sektor isi rumah terdiri daripada deposit di institusi perbankan dan dua institusi kewangan pembangunan serta pelaburan dalam dana amanah saham. Sementara itu, aset kewangan sektor isi rumah juga merangkumi dana dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan polisi insurans yang menyamai deposit.

Rajah 2.35
Nisbah Aset Kewangan Isi Rumah kepada Hutang Isi Rumah



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran dalaman

tempoh tahun 2001 hingga 2006. Hal ini sebahagiannya mencerminkan sikap sektor isi rumah yang lebih berhati-hati terhadap perbelanjaan dalam persekitaran kenaikan harga makanan dan keperluan lain. Walau bagaimanapun, Indeks Sentimen Pengguna menurun daripada 124.1 kepada 110.7 pada akhir tahun 2007 (Rajah 2.38).

Pada tahun 2007, hampir 40% daripada pertambahan hutang sektor isi rumah adalah untuk membiayai pembelian rumah, sementara pinjaman peribadi mencakup 28.8% lagi daripada kenaikan agregat hutang sektor isi rumah. Dari segi komposisi pinjaman terkumpul, sebahagian besar

Rajah 2.36
Komposisi Aset Kewangan Isi Rumah (dinyatakan sebagai % daripada jumlah aset kewangan isi rumah)



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan anggaran dalaman

Rajah 2.37
Keberhutangan Isi Rumah dan Nisbah Bayaran Hutang



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan anggaran dalaman

Rajah 2.39
Komposisi Hutang Isi Rumah mengikut Tujuan



[1] Termasuk harta kediaman dan bukan kediaman

Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan anggaran dalaman

hutang sektor isi rumah terdiri daripada pinjaman untuk membiayai pemerolehan aset (Rajah 2.39 dan 2.40). Permintaan terhadap pinjaman perumahan kekal pada tahap yang tinggi terutamanya untuk membiayai pembelian harta tanah mewah. Permintaan yang kukuh dan jumlah urus niaga yang lebih tinggi dalam pasaran harta kediaman antaranya didorong oleh unit harta tanah dengan ciri-ciri tersendiri dan konsep pembangunan inovatif yang ditawarkan oleh pemaju. Permintaan turut disokong oleh tawaran pakej pembayaran balik dan pembiayaan yang lebih fleksibel, terutamanya oleh institusi perbankan. Pada akhir tahun 2007, pinjaman perumahan terkumpul berkembang 5.9% kepada RM207.1 bilion. Pembiayaan peribadi terkumpul mencatat pertumbuhan tinggi, sebanyak 23.9% bersamaan RM46.8 bilion atau 10.9% daripada jumlah hutang sektor isi rumah (2006: 9.5%).

Selepas prestasi separuh tahun pertama yang lebih lemah dari segi penjualan kereta yang mencatat penurunan sebanyak 12.2%, permintaan terhadap pembiayaan sewa beli pulih semula pada separuh tahun kedua selepas pelancaran model kereta tempatan dan luar negara yang baharu pada harga berpatutan. Ini menghasilkan peningkatan kecil sebanyak 2% dalam sewa beli kereta terkumpul. Prestasi pasaran ekuiti yang memberangsangkan membawa kepada pertumbuhan sebanyak 11.1% dalam peminjaman sektor isi rumah bagi pembelian sekuriti dan amanah saham yang tersenarai. Walau bagaimanapun, peminjaman tersebut hanya membentuk sebahagian kecil daripada hutang sektor isi rumah, iaitu sebanyak 3.4%.

Rajah 2.38
Indeks Guna Tenaga dan Sentimen Pengguna



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

Rajah 2.40
Komposisi Penyedia Kredit kepada Sektor Isi Rumah



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan anggaran dalaman

Peningkatan tahap pendapatan boleh guna juga mengukuhkan keupayaan bayaran khidmat hutang sektor isi rumah. Jumlah pembayaran balik pinjaman pada tahun itu melonjak sebanyak 16.2%, menghasilkan peningkatan dalam nisbah pembayaran balik kepada pendapatan boleh guna kepada 41.1%, disertai penurunan tahap kegagalan membayar balik yang lebih tinggi. Pada akhir tahun 2007, jumlah pinjaman sektor isi rumah tak berbayar dalam sistem perbankan seterusnya berkurang 19.3% kepada RM19.1 bilion. Bersama-sama dengan pertumbuhan sederhana dalam hutang sektor isi rumah, nisbah NPL sistem perbankan bagi pinjaman sektor isi rumah menurun kepada 5.3% pada akhir tahun (Rajah 2.41). Di samping itu, jumlah kebankrapan peribadi keseluruhan juga menurun sebanyak 0.6% pada tahun itu. Ini turut disebabkan oleh beberapa penyusunan semula hutang sektor isi rumah oleh institusi pemberi pinjaman dan juga di bawah program pengurusan hutang oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang membolehkan peminjam memenuhi pembayaran ansuran yang dijadualkan. Sehingga tahun 2007, lebih 5,000 peminjam dengan hutang agregat berjumlah RM478 juta telah meraih manfaat daripada program pengurusan hutang AKPK.

Meskipun pertumbuhan dalam pinjaman tidak bercagar terus kekal pada tahap tinggi, terutamanya kad kredit dan pinjaman peribadi yang masing-masing mengembang 17.7% dan 23.9% pada tahun 2007, kelemahan yang mungkin wujud daripada pendedahan tersebut masih terhad. Secara keseluruhan, hutang sedemikian merangkumi 16.4% daripada jumlah hutang sektor isi rumah dengan kadar kegagalan membayar balik sebanyak 2.5% bagi kad kredit dan 6.3% bagi pinjaman peribadi. Meskipun baki kad kredit kian bertambah, pertumbuhan dalam baki pusingan makin sederhana, sementara jumlah pendahuluan tunai kekal kecil. Hal ini secara kolektif menunjukkan kedudukan mudah tunai sektor isi rumah berada pada tahap yang terurus. Bilangan pemegang kad dengan baki pusingan mencakupi 54.7% daripada jumlah kad kredit dalam edaran. Daripada jumlah itu, 34% daripada pemegang kad menyelesaikan sekurang-kurangnya separuh daripada baki kad. Pendahuluan tunai mencakupi hanya 5.8% daripada jumlah urus niaga kad kredit pada tahun itu.

Rajah 2.41
Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL) Sektor Isi Rumah



Usaha untuk meningkatkan pengumpulan data kedudukan kewangan sektor isi rumah dengan lebih terperinci terus diberikan tumpuan pada tahun 2007. Ini merupakan langkah penting ke arah meningkatkan penilaian isu sektor isi rumah, khususnya dalam mengenal pasti tekanan yang mungkin wujud dalam pelbagai segmen masyarakat, justeru membolehkan tindak balas dasar awal dilaksanakan apabila dan sekiranya perlu. Data yang ada seolah-olah menunjukkan meskipun situasi pekerjaan dan tahap pendapatan adalah menggalakkan, kenaikan harga makanan, kos pengangkutan dan kos sara hidup lain boleh memberikan impak terhadap beberapa segmen sektor isi rumah pada masa akan datang, walaupun ketika ini risiko tersebut masih berada pada tahap terurus. Dengan mengambil iktibar daripada pengalaman lewat tahun 90-an, institusi perbankan kini lebih bersedia untuk membentuk program pemulihan dan pengurusan hutang bagi menyokong keupayaan peminjam untuk memenuhi kewajipan melunaskan hutang mereka, sekali gus mengelakkan kegagalan membayar balik yang terlalu awal. Di samping itu, sektor isi rumah juga boleh menggunakan khidmat nasihat dan pengurusan hutang yang disediakan oleh AKPK.

PENILAIAN RISIKO SEKTOR KEWANGAN

Kestabilan dan kekukuhan sistem kewangan terpelihara dalam persekitaran luar negeri yang semakin mencabar

Risiko utama terhadap sistem kewangan Malaysia pada tahun 2007 sebahagian besarnya berpunca daripada perkembangan luar negeri yang mengakibatkan institusi kewangan lebih terdedah

kepada risiko pasaran dan kredit. Prestasi kukuh pasaran bon dan ekuiti pada tahun itu turut menggalakkan peningkatan pelaburan dan aktiviti dalam aset dan instrumen kewangan, manakala persaingan dalam pasaran pemberian pinjaman dan pertumbuhan dalam produk dan pelaburan berstruktur terus rancak. Implikasi risiko yang berpunca daripada peristiwa pasaran subprima dan kredit AS hanya dirasai dari segi ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran ekuiti dan bon, memandangkan pendedahan kecil institusi kewangan terhadap instrumen berkaitan subprima. Dari segi agregat, sistem kewangan menunjukkan daya tahan kewangan yang lebih kukuh. Peningkatan dalam penimbal kewangan secara berterusan turut memperkukuh keupayaan sektor kewangan untuk bertahan dalam menghadapi tahap risiko yang lebih tinggi ekoran pasaran yang lebih tidak menentu dan kejutan kewangan. Daya tahan sektor kewangan telah disahkan oleh beberapa siri ujian ketahanan yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Penilaian risiko sektor kewangan pada tahun 2007 sebahagian besarnya tertumpu pada implikasi aliran masuk modal terhadap pasaran aset dan amalan pemberian pinjaman institusi perbankan, ketidaktentuan pasaran kewangan yang meningkat dan kenaikan harga barang makanan dan bahan mentah terhadap keupayaan bayaran khidmat hutang sektor isi rumah dan perusahaan perniagaan.

Sistem perbankan konvensional dan Islam masing-masing mencatat keuntungan sebelum cukai (profit before tax, PBT) belum diaudit awalan yang lebih tinggi sebanyak RM17.7 bilion bagi tahun itu, yang menghasilkan pulangan atas ekuiti purata sebanyak 19.7%. Pertambahan keuntungan sebanyak 36.4% dicapai hasil daripada sumber pendapatan yang lebih berpelbagai yang sebahagian besarnya dipacu oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan daripada aktiviti pembiayaan dan khidmat nasihat yang berkaitan, penyediaan perkhidmatan kiriman wang dan penyelesaian, pengurusan portfolio dan kekayaan, serta aktiviti perdagangan dan pelaburan. Sementara itu, perbelanjaan overhed meningkat lebih tinggi sebanyak 15.9% berikutan perbelanjaan bagi institusi perbankan yang baru beroperasi dan strategi penjenamaan semula. Persaingan sengit dalam pasaran pekerja bagi sektor kewangan juga menyebabkan perbelanjaan berkaitan dengan kakitangan yang lebih besar dengan pertumbuhan sebanyak 13.2%. Ini mengakibatkan kos kakitangan bagi setiap pekerja meningkat kepada RM77,519 (2006: RM74,786). Walau bagaimanapun, produktiviti meningkat bagi tahun 2007 seperti yang diperlihatkan oleh PBT yang dijana oleh setiap pekerja sebanyak RM168,094 (2006: RM131,785).

Persekitaran yang amat kompetitif dan mudah tunai lebihan terus memberikan tekanan menurun terhadap margin faedah institusi perbankan. NPL menurun ke paras paling rendah dalam tempoh sedekad, disokong oleh kutipan semula pinjaman dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar yang lebih tinggi. Ini turut didorong oleh usaha yang lebih giat untuk mengukuhkan kedudukan kewangan melalui hapus kira dan penjualan pinjaman melalui pensekuritian dan penjualan terus. Hasilnya, NPL bersih menurun dengan ketara sebanyak 26.6% kepada RM20.1 bilion, atau 3.2% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir tahun 2007. Pinjaman tertunggak antara dua hingga tiga bulan juga lebih rendah bagi tahun 2007, mencatat penurunan sebanyak 7.2% untuk mencakupi 1.5% daripada pinjaman kasar. Perkembangan ini menyumbang kepada paras permodalan yang berterusan tinggi. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) terus berada pada paras sekurang-kurangnya 13% sepanjang tahun itu, dengan modal lebihan yang melebihi keperluan minimum sebanyak RM38.5 bilion, menjadi penimbal kukuh terhadap kerugian dan kejutan yang tidak dijangka. Usaha-usaha untuk mempelbagai dan mempertingkatkan kecekapan kos modal diteruskan pada tahun 2007 memandangkan institusi perbankan meraih manfaat daripada lebih banyak inovasi dalam aktiviti pengurusan modal. Hasilnya, komposisi modal Tahap 1 menurun

Jadual 2.2:
Penunjuk Keteguhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	2003	2004	2005	2006	2007*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Modal Wajaran Risiko	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2
Nisbah Modal Teras	11.1	11.4	10.7	10.7	10.1
Pulangan atas Aset	1.3	1.4	1.4	1.3	1.5
Pulangan atas Ekuiti	15.6	16.7	16.7	16.2	19.7
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset	8.2	8.0	8.0	8.7	18.6
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Tanggungan Jangka Pendek	10.7	10.6	10.2	11.1	23.6
Nisbah Pinjaman Tak Berbayar Bersih - 3 bulan	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2
Kesan daripada kenaikan kadar faedah sebanyak 1% (% daripada modal)	4.8	5.0	8.3	7.5	4.5
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas	3.8	3.9	1.1	4.7	4.5
Kedudukan Ekuiti Terbuka Bersih kepada Modal Asas	2.9	2.3	2.1	2.6	2.5
Syarikat Insurans (RM juta)					
Kesolvenan Lebihan[1]	6,073.6	7,369.5	7,939.0	9,485.1	18,351.2
Nisbah Margin Kesolvenan[1]	108.8	109.9	109.7	110.8	120.6
Nisbah Peruntukan Modal	t.d.	t.d.	t.d.	139.6	157.9
Insurans Hayat & Takaful Keluarga (RM juta)					
Lebihan Pendapatan berbanding dengan Perbelanjaan	9,132.1	11,427.2	10,596.4	12,532.9	15,308.0
Premium / Caruman Baru Perniagaan	5,363.0	7,264.9	7,426.9	8,428.2	9,066.3
Nisbah Margin Kesolvenan (konvensional sahaja)	107.9	108.8	108.7	109.9	121.8
Insurans dan Takaful Am (RM juta)					
Keuntungan Pengunderaitan	583.6	577.6	1,126.6	536.3	13.8
Keuntungan Kendalian	1422.6	1,294.2	1,714.9	1517.9	1,371.5
Premium / Caruman Langsung Kasar	8,587.8	9,049.4	9,939.6	10,352.9	10,800.5
Nisbah Tuntutan	59.0	60.2	54.9	60.5	66.1
Nisbah Margin Kesolvenan (konvensional sahaja)	112.4	114.2	114.4	115.2	120.7
Sektor Isi Rumah (IR)					
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Hutang	216.4	212.4	201.2	204.2	217.8
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	65.7	66.0	69.3	69.3	66.7
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Jumlah Hutang IR	115.1	113.8	106.3	108.8	119.6
Nisbah Bayaran Hutang	44.7	42.4	41.3	39.8	41.1
Nisbah NPL bagi Sektor IR	8.7	8.0	7.7	7.1	5.3
Sektor Korporat					
Pulangan atas Aset	5.0	5.9	5.1	5.9	7.0
Pulangan atas Ekuiti	11.6	11.0	10.8	12.5	13.9
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	66.6	65.2	60.1	57.2	59.2
Nisbah Perlindungan Faedah	5.5	6.1	5.1	5.8	5.7
Margin Operasi	16.2	16.7	14.0	15.8	19.0
Nisbah NPL bagi Sektor Perniagaan	14.1	13.3	11.1	10.2	7.9
Institusi Kewangan Pembangunan[2]					
Pinjaman kepada sektor sasaran (% pertumbuhan)	11.4	19.2	29.6	17.5	18.6
Deposit dimobilisasi (% pertumbuhan)	9.0	22.4	12.4	11.1	12.4
Nisbah Pinjaman Tak Berbayar - 6 bulan	14.1	13.2	10.4	10.0	8.8
Pulangan atas Aset	1.4	1.3	3.0	1.5	1.9

[1] Kedudukan di akhir tahun kewangan, kecuali bagi tahun 2007
[2] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan yang dikawalselia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
t.d. Tidak diperoleh
Nota: Data insurans berdasarkan tahun kalender tidak diaudit, melainkan jika ditandakan sebaliknya

sedikit kepada 70.8% daripada jumlah modal (2006: 72.7%). Dari segi agregat, daya tahan kewangan yang lebih kukuh membolehkan sektor perbankan terus memainkan peranan sebagai pengantara yang berkesan dan efisien dalam ekonomi dan sebagai pemboleh pertumbuhan ekonomi.

Pada akhir tahun 2007, deposit yang digembleng oleh sektor perbankan berjumlah RM869.9 bilion atau 135.6% daripada KDNK, manakala aktiviti pinjaman dan pembiayaan sektor perbankan berkembang dengan pesat pada kadar 8.6% menghasilkan pinjaman dan pembiayaan terkumpul sebanyak RM644.2 bilion atau 100.4%

daripada KDNK. Dengan perniagaan besar terus memanfaatkan pasaran modal sebagai sumber pembiayaan alternatif, portfolio pembiayaan institusi perbankan terus tertumpu pada sektor berasaskan runcit. Pinjaman dan pembiayaan yang disalurkan kepada sektor isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masing-masing mencakupi 55.9% dan 17.7% daripada jumlah pembiayaan terkumpul.

Sementara itu, sektor insurans dan takaful mencatat premium dan caruman berjumlah RM29.4 bilion, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.4% pada tahun itu. Dengan dipacu terutamanya oleh permintaan terhadap produk tabungan dan produk berkaitan pelaburan yang lebih menggalakkan, premium perniagaan dan caruman baharu dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga meningkat 7.6% kepada RM9.1 bilion. Meskipun jualan kenderaan bermotor menurun pada separuh tahun pertama, sektor insurans dan takaful am mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 4.3% dalam premium dan caruman. Keuntungan operasi lebih tinggi berikutan pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan yang lebih besar, meskipun prestasi pengunderaitan lebih lemah disebabkan sebahagian besarnya oleh tuntutan yang lebih tinggi yang turut menyebabkan peruntukan rizab yang lebih tinggi. Kedudukan kesolvenan industri insurans terus bertambah kukuh dengan lebihan kesolvenan agregat sebanyak RM18.4 bilion (berasaskan data belum diaudit) pada akhir tahun 2007 untuk menimbal cabaran yang bakal mendatang.

Implikasi terhad krisis subprima AS terhadap sistem kewangan Malaysia

Krisis subprima tidak banyak menjejaskan operasi, keberuntungan dan kesolvenan institusi kewangan Malaysia, serta mudah tunai dalam sistem. Dedahan langsung dan tidak langsung institusi kewangan dari segi pemegangan sekuriti yang berkaitan dengan gadai janji subprima AS dan pinjaman kepada entiti yang berkaitan dengan perniagaan gadai janji subprima AS adalah kecil, mencakupi kira-kira 0.3% daripada modal asas sistem perbankan. Dedahan ini terhad kepada operasi luar negeri beberapa bank domestik. Dari segi agregat, dedahan sistem perbankan kepada pemegangan sekuriti asing hanya mencakupi kurang daripada 0.5% jumlah aset sistem perbankan. Bagi industri insurans, pelaburan dalam sekuriti berkaitan subprima mencakupi tidak lebih daripada 1% daripada jumlah aset asing dalam dana berkaitan pelaburan.

Sepanjang tempoh dua minggu peningkatan penghindaran risiko dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan pada bulan Ogos 2007, seperti ekonomi lain di rantau ini, Malaysia mengalami aliran keluar modal bersih disebabkan pelupusan kedudukan portfolio. Namun begitu, mudah tunai dalam sistem kewangan Malaysia terus mencukupi dan kadar faedah pasaran wang adalah stabil dengan institusi kewangan tidak menghadapi kesukaran memperoleh dana bagi keperluan mudah tunai masing-masing (Rajah 2.42). Berian pinjaman sistem perbankan Malaysia sebahagian besarnya dibiaya oleh instrumen berasaskan deposit. Pasaran pensekuritian, yang sebelum ini tertumpu pada pembiayaan pinjaman perumahan atas asas rekursa, kini semakin penting bagi pembiayaan aktiviti pinjaman lain. Pada akhir tahun 2007, deposit sistem perbankan mencakupi 60% daripada jumlah pendanaan, manakala jumlah pinjaman yang disekuritikan oleh sistem perbankan melalui Cagamas Berhad, pertubuhan syarikat gadai janji nasional, ialah RM16.6 bilion.

Aliran masuk dana portfolio yang berterusan sepanjang tahun dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi meningkatkan tekanan menurun terhadap kadar faedah

Meskipun mudah tunai lebih ketat dalam sesetengah pasaran utama, aliran dana portfolio yang berterusan masuk ke Malaysia menyebabkan institusi perbankan menghadapi cabaran pengurusan kecairan sepanjang tahun (Rajah 2.43). Sehingga bermulanya tempoh ketidakstabilan

Rajah 2.42
Sistem Perbankan: Penimbal Mudah Tunai



pasaran kewangan di AS dan Eropah, deposit yang digembleng sistem perbankan meningkat dengan kukuh kira-kira 20% berbanding dengan tahun sebelumnya, sebahagiannya berpunca daripada pertumbuhan lebih tinggi dalam deposit ringgit oleh bukan pemastautin. Lebihan mudah tunai kumulatif sistem perbankan berdasarkan anggaran permintaan mudah tunai dan pengeluaran tidak dijangka terus berada pada paras yang tinggi. Pada akhir tahun 2007, lebihan diramalkan sebanyak RM104.5 bilion bagi tempoh kematangan sehingga satu minggu dan RM145.6 bilion bagi tempoh kematangan sehingga satu bulan (Jadual 2.3). Dengan keadaan mudah tunai yang mencukupi, kadar semalaman dan pasaran wang seminggu masing-masing kekal hampir tidak berubah pada 3.49% setahun dan 3.52% setahun pada penghujung tahun 2007. Pertumbuhan pesat deposit sistem perbankan yang mengatasi pengembangan aktiviti pembiayaan pada separuh pertama tahun 2007 menyebabkan penurunan dalam kadar deposit yang ditawarkan oleh sesetengah institusi perbankan. Meskipun pelarasan itu membantu mengurangkan tekanan yang meningkat terhadap margin faedah, peningkatan sebanyak 16.9% dalam perbelanjaan faedah atas deposit dan persaingan sengit pasaran pinjaman menghasilkan penurunan sebanyak 0.15 mata peratusan dalam margin faedah kasar kepada 2.70 mata peratusan. Namun, peningkatan berterusan dalam kualiti aset yang mengurangkan peruntukan hutang ragu dan lapuk telah mengimbangi sebahagian penurunan ini untuk mencatat sedikit peningkatan margin faedah bersih sistem perbankan, meskipun masih ketat pada 0.39 mata peratusan (Rajah 2.44 hingga 2.45). Sementara itu, penurunan kadar deposit konvensional mengurangkan risiko komersial tersesar (peralihan deposit berasaskan prinsip Islam kepada konvensional disebabkan pulangan atas deposit konvensional yang lebih tinggi) terhadap deposit

Rajah 2.43
Komposisi Aset dan Liabiliti bagi Sistem Perbankan



berasaskan prinsip Islam. Oleh itu, rizab penyamaan keuntungan (RPK) (profit equalisation reserves, PER) berpurata melebihi RM300 juta pada tahun 2007 (Rajah 2.46).

Sebahagian aliran masuk portfolio juga tertumpu pada segmen pasaran harta tanah. Secara keseluruhannya, harga harta tanah adalah stabil, meskipun terdapat sedikit kenaikan dalam harga harta kediaman bagi lokasi utama tertentu disebabkan permintaan kukuh dalam segmen mewah oleh pemastautin dan bukan pemastautin. Indeks Harga Rumah Malaysia kekal pada 122.2 pada separuh pertama tahun 2007, dengan kenaikan sederhana sebanyak 3.2% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Meskipun harga purata rumah negara ialah kira-kira RM169,000 pada separuh tahun pertama, harga purata rumah di Kuala

Jadual 2.3
Sistem Perbankan: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2007

	Ketidakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	≤1 minggu[1]	>1 minggu hingga 1 bulan[2]	≤1 minggu[1]	>1 minggu hingga 1 bulan[2]
Bank perdagangan	83.3	114.9	14.6	20.2
Bank-bank Islam	9.7	17.2	16.1	28.5
Bank pelaburan	11.5	13.5	34.7	40.9
Sistem perbankan	**104.5**	**145.6**	**15.8**	**22.0**

[1] Tempoh ≤3 hari bagi bank pelaburan
[2] Tempoh >3 hari hingga 1 bulan bagi bank pelaburan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Lumpur lebih tinggi sehingga mencapai kira-kira RM342,000 manakala bagi negeri Selangor pula puratanya kira-kira RM248,000, mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi lokasi utama. Risiko ekoran pendedahan institusi kewangan kepada sektor harta tanah terus berada pada tahap berhemat dengan kriteria yang lebih mantap digunakan institusi perbankan dalam menilai dan meluluskan permohonan pinjaman. Tambahan lagi, risiko tersebut diseimbangkan pula oleh prospek harga harta tanah yang stabil. Perkembangan yang menggalakkan dalam pasaran harta tanah bukan sekadar mendorong pertumbuhan pinjaman perumahan yang lebih kukuh, tetapi turut mempunyai kesan positif terhadap industri sokongan lain, seterusnya menambah lagi peluang bagi institusi kewangan.

Institusi kewangan secara amnya meraih manfaat daripada pasaran kewangan domestik yang memberangsangkan meskipun berdepan dengan risiko kredit dan risiko pasaran yang lebih tinggi

Prestasi bulis dan aktiviti dagangan yang lebih tinggi di Bursa Malaysia menjana permintaan pembiayaan yang lebih tinggi bagi pembelian sekuriti dan amanah saham. Pengeluaran kredit bagi kemudahan pinjaman sedia ada oleh individu dan entiti perniagaan turut berkembang dengan kukuh khususnya pada suku pertama, menyebabkan pertumbuhan pesat dalam pengeluaran pinjaman sebanyak 261.9% pada tahun 2007. Di samping itu, pertumbuhan dalam kelulusan pinjaman juga tinggi pada 305.3%. Meskipun dedahan risiko kredit kepada pasaran ekuiti meningkat, tahapnya masih rendah pada 4% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir 2006: 3.3%), dengan penurunan dalam kadar kegagalan membayar balik kepada 4.6% (akhir 2006: 9.5%).

Pada tahun 2007, pendapatan daripada segmen perniagaan berasaskan fi, khususnya khidmat nasihat korporat, perkhidmatan kiriman wang dan perkhidmatan pengurusan kekayaan, berkembang 33.3% untuk mencakupi 16.8% daripada jumlah pendapatan (Rajah 2.47). Pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan yang disokong oleh prestasi bulis pasaran kewangan domestik mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 26.1% untuk mencakupi 17.6% daripada jumlah pendapatan (2006: 16.2%). Sekuriti yang dipegang bagi tujuan perdagangan bertambah 55.2% dan mencakupi 4.3% daripada jumlah aset sistem perbankan. Saiz portfolio perbendaharaan institusi perbankan yang berkembang menyebabkan dedahan risiko pasaran yang lebih tinggi, dari segi risiko ekuiti dan risiko kadar faedah, seperti yang dicerminkan dalam pengembangan sebanyak 31.3% dalam jumlah aset wajaran risiko pasaran. Dedahan risiko yang berpunca daripada pemegangan ekuiti kekal di bawah paras 1% daripada jumlah aset sistem perbankan pada tahun 2007. Secara agregat, pendedahan sistem perbankan kepada pergerakan pasaran ekuiti daripada pemegangan empunya dan pembiayaan margin masih rendah, mencakupi hanya sebanyak 2.5% daripada jumlah aset sistem perbankan. Jumlah pemegangan sekuriti, iaitu pendapatan tetap dan ekuiti oleh penanggung insurans bertambah

Rajah 2.44
Pergerakan dalam Kadar Antara Bank, Kadar Pinjaman Purata dan Kos Dana Purata



Rajah 2.45
Sistem Perbankan: Pergerakan Margin Faedah Kasar dan Bersih



Rajah 2.46
Sistem Perbankan: Pergerakan RPK dan Kadar Deposit Tetap (FD) Disebut Purata



14.7% untuk mencakupi 65% daripada jumlah aset, dan sebahagian besarnya adalah dalam bentuk sekuriti hutang korporat gred pelaburan yang diberikan penarafan tinggi dan MGS. Dedahan risiko yang lebih tinggi bagi penanggung insurans telah diimbangi oleh keuntungan bersih yang jauh lebih banyak berikutan pelupusan sekuriti dan pendapatan pelaburan, yang meningkat 63.8% untuk mencakupi 59.3% daripada jumlah pendapatan.

Pendedahan kepada turun naik nilai mata wang sebagai peratusan daripada jumlah aset wajaran risiko pasaran kekal stabil dalam semua institusi perbankan, mencerminkan kesanggupan mengambil risiko yang tidak berubah dalam aktiviti perdagangan mata wang dan pelaburan. Meskipun kedudukan terbuka dalam mata wang utama tertentu adalah ketara dalam jangkaan penyusutan nilai dolar AS akibat krisis subprima, potensi impak kadar pertukaran asing yang tidak menentu kekal rendah dengan kedudukan terbuka bersih hanya mencakupi 4.5% daripada modal asas sistem perbankan (Rajah 2.48). Dari segi modal yang diperuntukkan, dedahan dalam denominasi mata wang asing mencakupi 0.8% daripada modal asas.

Penggunaan swap kadar faedah dan niaga hadapan yang bertambah pada tahun 2007 menghasilkan dedahan risiko kadar faedah yang lebih rendah bagi institusi kewangan untuk mencakupi 4.5% daripada modal asas. Kedudukan terkumpul kontrak ini meningkat 9% pada tahun itu kepada RM507 bilion. Spread antara MGS dengan bon korporat kekal agak stabil sepanjang tahun 2007, bagi tempoh pemegangan dan gred kredit. Walau bagaimanapun, spread yang makin meluas, seperti yang diperhatikan pada awal tahun 2008, mungkin meningkatkan tahap risiko asas, dan dengan itu mampu menjejaskan keberkesanan strategi perlindungan nilai yang telah dilaksanakan sebelumnya.

Disiplin pengunderaitan dikekalkan dalam persekitaran persaingan yang lebih sengit dan inovasi dalam produk kredit

Persaingan dalam pasaran kredit terus sengit, khususnya dalam pemberian pinjaman runcit yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang pada umumnya tidak banyak berbeza. Ini ditunjukkan oleh kadar pinjaman yang kompetitif yang ditawarkan bagi pakej pinjaman perumahan, pembayaran balik yang lebih fleksibel dan strategi pemasaran dan pengiklanan yang agresif. Beberapa ciri menarik yang ditawarkan termasuk lanjutan tempoh pinjaman, rebat bagi faedah

Rajah 2.47
Sistem Perbankan: Komposisi Pendapatan



Rajah 2.48
Sistem Perbankan: Dedahan Risiko Pasaran



[1] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai

yang dikenakan dan rancangan pembayaran balik berperingkat yang fleksibel dengan pilihan untuk menangguhkan pembayaran balik prinsipal. Sementara itu, persaingan juga ketara dalam segmen bukan bank apabila syarikat insurans menawarkan pinjaman merentas generasi dengan pilihan pembayaran balik yang fleksibel selain pembiayaan kadar tetap. Produk pinjaman perumahan yang semakin menarik menghasilkan peningkatan sebanyak 48.3% dalam permohonan pinjaman perumahan yang diterima oleh institusi perbankan. Permohonan pinjaman bagi penggunaan peribadi mencatat peningkatan lebih tinggi sebanyak 59% pada tahun 2007. Ini sedikit sebanyak didorong oleh aktiviti promosi oleh institusi perbankan dalam usaha meluaskan portfolio mikro-kredit dengan menjadikan pelanggan baharu sebagai sasaran bagi mewujudkan hubungan perbankan baharu (Rajah 2.49 dan 2.50). Dari segi pendanaan pula, strategi sebahagian besarnya tertumpu pada usaha menarik deposit daripada individu yang memiliki aset kewangan dengan nilai bersih yang tinggi sebagai cara memperluas asas pelanggan dan prospek bagi aktiviti pengurusan kekayaan. Pada penghujung tahun 2007, deposit oleh individu meningkat 10.5% kepada RM330.6 bilion.

Perkembangan ini menimbulkan kebimbangan tentang piawai pengunderaitan dan amalan pengurusan risiko institusi perbankan, terutama dalam keadaan kegawatan pasaran subprima di AS. Satu lagi perkembangan yang membimbangkan ialah perkembangan dalam pengiklanan kreatif yang sedikit sebanyak tidak

Rajah 2.49
Sistem Perbankan: Pertumbuhan Tahunan Permohonan Pinjaman



Rajah 2.50
Sistem Perbankan: Kadar Kelulusan Pinjaman



mendedahkan dengan wajar mengenai maklumat penting seperti kadar pembiayaan efektif, kaedah pengiraan faedah dan kewujudan kos atau caj sampingan. Penilaian terhadap kebimbangan ini untuk mengenal pasti kemungkinan pertambahan risiko yang berlebihan dan kelemahan dalam amalan pengurusan risiko institusi perbankan menunjukkan dari segi agregat, risiko yang berpunca daripada portfolio pinjaman perumahan dan peribadi institusi perbankan terus pada tahap rendah, disokong oleh keupayaan penilaian kredit dan amalan pengunderaitan yang lebih kukuh oleh institusi perbankan. Penilaian ini disokong oleh beberapa faktor:

- infrastruktur dan amalan pengurusan risiko oleh institusi perbankan bertambah kukuh. Ini termasuk menerima pakai pelbagai kriteria dan penunjuk risiko yang lebih luas dalam pemarkahan kredit dan penarafan risiko, khususnya sebagai persediaan bagi pelaksanaan Basel II (2008 bagi institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard dan 2010 bagi institusi yang menerima pakai pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman);
- akses yang lebih meluas kepada maklumat semasa dan lebih komprehensif tentang tahap hutang peminjam dan prestasi pinjaman yang sedia ada melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) yang memudahkan proses membuat keputusan berdasarkan maklumat yang lebih daripada mencukupi;
- kadar kelulusan keseluruhan bagi pinjaman sektor isi rumah adalah lebih rendah pada paras 60% bagi tahun 2007 berbanding 66.2% pada tahun 2006, meskipun permintaan adalah

kukuh. Kadar kelulusan bagi pinjaman peribadi adalah lebih rendah sebanyak 50.5%;
- pinjaman peribadi tidak bercagar mencakupi bahagian kecil sebanyak 7.5% daripada pinjaman sektor isi rumah terkumpul sejajar dengan nisbah NPL yang terus menurun kepada 6.3% pada akhir tahun 2007 (2006: 7.7%); dan
- NPL bagi pinjaman perumahan mencatat penurunan yang ketara sebanyak 13.4% pada tahun 2007 kepada RM12.2 bilion, menyebabkan nisbah NPL bagi pinjaman perumahan menurun kepada 7% (2006: 8.7%) daripada paras tertinggi sebanyak 9.9% pada tahun 2000. Ini selanjutnya disokong oleh paras yang agak stabil bagi pinjaman perumahan tertunggak, iaitu kira-kira 4% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

Model semasa perniagaan 'originate-and-hold' yang diterima pakai oleh institusi perbankan bagi segmen pemberian pinjaman memberikan insentif yang mencukupi untuk terus berwaspada semasa menilai keupayaan pembayaran balik pelanggan dan pemantauan berterusan mutu pinjaman sepanjang tempohnya. Ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam petikan "Ciri-ciri Pembiayaan Perumahan Malaysia".

Ciri-ciri Pembiayaan Perumahan Malaysia

- Model perniagaan 'originate-and-hold' berbanding dengan 'originate-and-distribute'
  - Institusi kewangan menerima pakai model perniagaan 'originate-and-hold' yang mengekalkan risiko kredit dalam kunci kira-kira mereka sehingga pinjaman tersebut dibayar balik sepenuhnya atau dibiayai semula oleh institusi lain. Model ini memberi institusi pemberian pinjaman insentif semula jadi yang kukuh agar berhati-hati dan menjalankan usaha wajar yang menyeluruh terhadap bakal peminjam dan memantau prestasi gadai janji dengan terus menerus sehingga matang atau diselesaikan sepenuhnya.
  - Daya tarikan sekuriti berasaskan gadai janji kediaman dan bentuk pensekuritian lain bagi tujuan pengagihan semula risiko kredit setakat ini adalah terhad disebabkan permodalan institusi kewangan yang kukuh, mutu pinjaman yang bertambah baik dan penambahbaikan infrastruktur dan amalan pengurusan risiko secara berterusan.

- Struktur pendanaan berasaskan deposit berbanding dengan berasaskan pasaran kewangan dan wang
  - Portfolio pinjaman perumahan sebahagian besarnya dibiayai melalui deposit pelanggan memandangkan sejumlah besar deposit yang ditempatkan dengan institusi perbankan, manakala portfolio pinjaman perumahan syarikat insurans dibiayai melalui premium yang diterima daripada empunya polisi.
  - Ini mengehadkan pendedahan institusi pemberian pinjaman kepada turun naik dalam tahap kecairan pasaran.

- Pembiayaan kadar tetap berbanding dengan kadar boleh ubah
  - Pinjaman perumahan lazimnya berasaskan kadar boleh ubah dan dirujuk kepada Kadar Pinjaman Asas, melainkan pembiayaan perumahan di bawah prinsip Islam yang sebahagian besarnya berasaskan kadar keuntungan tetap, dan pinjaman yang diberikan oleh syarikat insurans yang juga berasaskan kadar tetap. Pada akhir tahun 2007, 82.8% pinjaman perumahan yang diberikan oleh institusi perbankan adalah berasaskan kadar boleh ubah.
  - Kebanyakan produk pinjaman perumahan yang ditawarkan oleh institusi perbankan memperuntukkan kadar pinjaman rendah/berperingkat dalam tempoh tiga hingga lima tahun pertama pinjaman. Ini mencerminkan ciri konsep jual-kemudian-bina bagi pembangunan harta kediaman di Malaysia, yang pengeluaran kesemua pinjaman perumahan lazimnya berlaku pada tahun ketiga.

- Infrastruktur pengurusan risiko
  - Pada tahap keinstitusian, amalan pengurusan risiko adalah lebih kukuh dengan penggunaan model berasaskan penarafan dalaman dan pemarkahan kredit untuk memudahkan proses

dan keputusan pengunderaitan. Beberapa institusi kewangan turut menggabungkan aspek tingkah laku peminjam dalam penarafan dalaman masing-masing. Di samping itu, pemantauan, pengurusan dan kutipan balik pinjaman telah bertambah baik.
  - Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), yang dapat diakses oleh semua institusi perbankan, menyediakan maklumat menyeluruh tentang tahap hutang dan kualiti hutang semua peminjam, tanpa mengambil kira nilai dan prestasi pendedahan tersebut.

- Peminjaman kepada kumpulan pendapatan rendah dan sederhana
  - Keputusan kredit dan amalan pengurusan risiko bagi pinjaman perumahan yang diberikan kepada segmen yang berpendapatan rendah dan sederhana adalah berdasarkan pertimbangan berhemat yang sama seperti kredit lain yang diberikan oleh institusi kewangan bagi memastikan dedahan sedemikian tidak mengakibatkan pendedahan risiko melampau kepada institusi tersebut. Bukti pendapatan ialah dokumen wajib yang diperlukan semasa memproses permohonan pinjaman.
  - Berkuat kuasa 1 Januari 2008, Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan dan Prokhas Sdn. Bhd., untuk memberikan jaminan terhadap pinjaman perumahan yang diberikan oleh institusi kewangan kepada peminjam berpendapatan rendah dan sederhana yang berkelayakan.

- Penyedia pembiayaan perumahan
  - Pembiayaan perumahan sebahagian besarnya disalurkan oleh entiti yang dikawal selia, iaitu institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan, dengan penyertaan yang kian aktif oleh syarikat insurans hayat dalam tempoh kebelakangan ini. Secara kolektif, pemberian pinjaman oleh institusi-institusi ini mencakupi 85.2% daripada jumlah pembiayaan perumahan.
  - Peserta lain dalam pasaran pembiayaan perumahan termasuk Malaysian Building Society Berhad, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (yang menyediakan pinjaman perumahan kepada kakitangan sektor awam), Sabah Credit Corporation dan Borneo Housing Mortgage Finance Berhad.

- Pengaturan keinstitusian bagi pendidikan pengguna dan celik kewangan
  - Bank Negara Malaysia telah mewujudkan *bankinginfo*, iaitu portal maklumat tentang produk kewangan dan kadar pinjaman semasa yang ditawarkan oleh institusi perbankan, untuk memudahkan pengguna membuat perbandingan.
  - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat berkaitan dengan belanjawan dan pengurusan kewangan. AKPK turut memberi bantuan untuk menyelesaikan isu kredit yang mungkin timbul, melalui program pengurusan dan penyusunan semula hutang bagi peminjam individu.

Risiko kredit adalah rendah berikutan pengurusan risiko yang lebih mantap disokong pula oleh pengekalan keupayaan bayaran khidmat hutang oleh sektor isi rumah dan perniagaan

Struktur keinstitusian yang diperkukuh dan peningkatan keupayaan pengurusan risiko di pihak institusi perbankan menyumbang kepada berkurangnya risiko bagi kerugian kredit. Ini disokong pula oleh kedudukan kewangan sektor isi rumah yang lebih mantap lantas memperkukuhkan keupayaan sektor ini menyelaras kepada peningkatan beransur-ansur dalam kos sara hidup. Pada masa yang sama, pertumbuhan kukuh sektor peniagaan telah menambah keupayaan syarikat untuk membayar obligasi hutang mereka. Meskipun pertumbuhan eksport adalah sederhana, prestasi kewangan sektor perniagaan masih mampan, manakala kadar kegagalan membayar balik pinjaman terus menurun. Hasilnya, tahap NPL terus menurun bagi pinjaman PKS dan korporat (Rajah 2.51).

Peningkatan dalam infrastruktur dan amalan pengurusan risiko melalui penggunaan skor kredit runcit, sistem maklumat dan pengurusan portfolio yang lebih baik, serta proses pentadbiran, pemantauan, pengurusan dan pemulihan hutang yang lebih mantap, telah memainkan peranan utama dalam menyokong pembaikan kualiti aset

Rajah 2.51
Sistem Perbankan: Paras dan Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL)



dan pengurangan risiko yang mungkin timbul ekoran pertumbuhan pinjaman yang berterusan. Sejajar dengan usaha semasa untuk memantapkan proses pengurusan dan resolusi pinjaman, beberapa institusi perbankan telah menjual pinjaman tak berbayar masing-masing kepada para pelabur yang mengkhusus dalam bidang pengurusan dan pemulihan pinjaman. Tambahan lagi, pengembangan instrumen pemindahan risiko kredit dalam pasaran dalam negeri turut menggalakkan aktiviti perlindungan nilai yang lebih aktif dalam kalangan institusi kewangan. Perkembangan ini secara keseluruhan memperkukuh pengurusan risiko kredit oleh institusi kewangan dan meningkatkan kutipan balik pinjaman dan klasifikasi semula NPL kepada status pinjaman berbayar, manakala peruntukan untuk hutang ragu dan lapuk sistem perbankan semakin kukuh pada 77.3%.

Cabaran lebih hebat untuk mengekalkan prestasi pengunderaitan oleh penanggung insurans am dan pengendali takaful, dan untuk menguruskan ketakpadanan aset-liabiliti oleh penanggung insurans hayat

Kedudukan kesolvenan yang lebih kukuh dan pengurusan aset-liabiliti yang lebih baik menyumbang kepada prestasi teguh sektor insurans dan takaful pada tahun 2007. Ini juga dirangsang oleh keadaan pasaran kewangan domestik yang positif, lantas menjana pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Pertumbuhan premium baharu bagi penanggung insurans hayat (+6.1%) dan pengendali takaful keluarga (+15.8%) terus mapan ekoran permintaan terhadap produk berkaitan pelaburan yang semakin meningkat. Sementara itu, sektor insurans dan takaful am mencatat prestasi yang kurang menggalakkan dalam segmen motor khususnya pada separuh tahun pertama, disebabkan jualan dan harga kenderaan bermotor yang lebih rendah serta tuntutan yang lebih tinggi, terutamanya kerana pertambahan tuntutan kecurian dan kecederaan tubuh badan. Ini telah diimbangi oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen perubatan dan kesihatan, serta segmen perniagaan marin, penerbangan dan transit, yang menghasilkan pertumbuhan sederhana 4.3% dalam premium langsung kasar bagi sektor am. Berserta peruntukan rizab tuntutan yang lebih tinggi oleh beberapa syarikat besar, perkembangan ini menyebabkan tekanan terhadap keseluruhan margin pengunderaitan (Rajah 2.52). Melangkah ke hadapan, industri insurans am mungkin menghadapi cabaran berterusan daripada tuntutan lebih tinggi dalam persekitaran pasaran kewangan yang tidak menentu, persaingan yang meningkat serta industri yang secara relatif terdiri daripada institusi bersaiz kecil.

Industri insurans hayat terus menghadapi cabaran dalam menguruskan ketakpadanan antara aset dana insurans dengan liabiliti insurans jangka panjang. Meskipun terdapat lebih banyak instrumen kewangan jangka panjang, aliran masuk dana portfolio yang berterusan menambahkan persaingan dalam pelaburan berkualiti tinggi, lalu menjana kadar hasil yang lebih rendah dalam pasaran sekuriti hutang. Ini menyukarkan penanggung insurans untuk memperoleh sekuriti yang berpadanan dengan keperluan profil tempoh matang dan pulangan.

Rajah 2.52
Perniagaan Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Tuntutan



Menyedari akan kesemua cabaran ini, penanggung insurans hayat dikehendaki membuat peruntukan modal bagi mengurangkan risiko ketakpadanan. Pada akhir tahun 2007, caj modal asas bagi risiko kadar faedah dalam dana insurans hayat (berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh penanggung insurans di bawah rangka kerja Modal Berasaskan Risiko) mencakupi hampir 22.5% daripada jumlah caj modal.

Sistem kewangan dijangka terus berdaya tahan dalam senario tekanan yang buruk

Memandangkan pasaran kewangan dalam negeri dan antarabangsa semakin saling berkaitan dan risiko kontagion yang lebih tinggi, beberapa siri ujian ketahanan makro telah dijalankan untuk menilai potensi implikasi kejatuhan harga dalam pasaran ekuiti terhadap institusi perbankan, penanggung insurans, pengendali takaful dan sektor isi rumah, dan keupayaan masing-masing untuk menghadapi keadaan sedemikian. Ujian ini dilaksanakan sebagai tambahan kepada ujian ketahanan yang lazim dilaksanakan dan merupakan sebahagian daripada aktiviti pengawasan berterusan. Senario tekanan telah disimulasikan berdasarkan jualan besar-besaran pada bulan Februari-Mac 2007, kejatuhan pasaran saham yang dialami semasa krisis kewangan Asia dan pelarasan harga ekuiti pada tempoh tahun 1993-1994. Memandangkan tekanan juga boleh disebarkan melalui pendedahan institusi kewangan kepada sektor isi rumah, kejutan yang sama turut dikenakan kepada portfolio amanah saham sektor isi rumah. Ujian ketahanan tersebut menunjukkan sektor isi rumah mampu bertahan sekiranya menghadapi kejutan berikutan penurunan ketara dalam nilai aset bersih pelaburan amanah saham mereka yang mencakupi 16% daripada jumlah aset kewangan sektor isi rumah, tanpa menjejaskan keupayaan bayaran khidmat hutang dengan ketara. Di samping itu, impak daripada kemungkinan kesan pusingan kedua terhadap keupayaan bayaran khidmat hutang sektor isi rumah dan korporat turut dinilai. Kejutan dikenakan kepada portfolio pinjaman dan sekuriti hutang institusi kewangan berdasarkan kerugian besar yang ditanggung semasa krisis kewangan Asia. Keputusan ujian ketahanan ini sekali lagi menunjukkan institusi kewangan dan sektor isi rumah mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk membuat penyelarasan dan penyesuaian, berdasarkan kekayaan yang telah dikumpul selama beberapa tahun ini. Bagi institusi perbankan, kedudukan rizab yang kukuh dengan modal melebihi keperluan minimum Basel I, iaitu sebanyak RM38.5 bilion, membolehkan kerugian yang mungkin berlaku dapat ditanggung, dengan kesan yang minimum terhadap permodalan, meskipun impak terhadap keuntungan berikutan potensi kerugian maksimum adalah lebih tinggi.

Bagi sektor insurans dan takaful, senario kejutan yang lebih buruk digunakan memandangkan pendedahan sektor tersebut yang lebih tinggi kepada pasaran ekuiti, iaitu sebanyak 14.2% daripada jumlah aset. Keputusan ujian ketahanan ini adalah menggalakkan, lantas menunjukkan tahap lebihan kesolvenan industri insurans yang memadai untuk bertahan sekiranya berlaku penurunan yang ketara dalam harga ekuiti. Di samping itu, ujian ketahanan peringkat mikro bagi industri insurans turut dijalankan berdasarkan kombinasi parameter tambahan untuk tekanan, seperti penurunan penarafan bon dan nilai tuntutan bersih yang lebih tinggi. Meskipun tahap senario yang disimulasikan adalah besar, nisbah margin kesolvenan syarikat insurans terus tinggi, kecuali bagi sebilangan kecil institusi yang mungkin memerlukan sedikit suntikan modal dalam senario yang paling ekstrim.

Satu siri ujian ketahanan yang dilaksanakan pada tahun 2007 telah menghasilkan keputusan positif yang menunjukkan institusi kewangan dan sektor isi rumah berada pada kedudukan yang mantap untuk menyelaraskan dan menyesuaikan diri dengan keadaan mencabar dan tekanan, berdasarkan kekayaan yang dikumpulkan selama beberapa tahun ini.

Siri gangguan pasaran kewangan pada separuh kedua tahun 2007 menyebabkan berlakunya aliran keluar bersih dari Malaysia bagi beberapa tempoh yang singkat. Aliran keluar dana asing meningkatkan kadar hasil MGS dan mewujudkan ketidaktentuan yang ketara dalam

pasaran sekuriti dalam negeri, manakala spread kredit bagi PDS di bawah gred pelaburan, melebar pada bulan Julai dan awal bulan Ogos. Meskipun sistem kewangan domestik tidak menghadapi implikasi serius ekoran dedahan minimum terhadap subprima, ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran ekuiti dan bon dalam negeri merupakan saluran penyebaran utama bagi krisis subprima.

Berdasarkan jangkaan kemungkinan suasana pasaran kewangan luar negara yang semakin buruk, satu lagi siri ujian ketahanan telah dijalankan untuk menilai keupayaan sistem kewangan menanggung risiko. Meskipun dikenakan kejutan ketidaktentuan yang besar berdasarkan peristiwa penjualan besar-besaran yang lalu, sistem perbankan terus berupaya menyerap kerugian yang mungkin dihadapi dalam portfolio sekuriti hutang masing-masing, dengan potensi impak terhadap RWCR tidak melebihi 1 mata peratusan bagi semua jenis institusi perbankan (Rajah 2.53). Senario pelarasan harga ekuiti berdasarkan peristiwa sejarah terburuk juga disimulasikan terhadap pelaburan langsung institusi kewangan dalam saham tersenarai dalam ringgit dan mata wang asing. Potensi impak maksimum keseluruhan terhadap keberuntungan institusi perbankan dijangka tidak akan melebihi 40%. Dari segi dedahan ekuiti oleh syarikat insurans, ujian ketahanan menunjukkan keuntungan tidak direalisasikan oleh syarikat insurans akan hanya terhapus sepenuhnya sekiranya KLCI merudum dengan ketara. Meskipun dalam senario ekstrim, apabila keseluruhan nilai pasaran dedahan ekuiti diandai jatuh sebanyak 100%, industri insurans secara keseluruhan akan terus mencatat lebihan kesolvenan sebanyak RM1.1 bilion, yang menunjukkan daya tahan industri ini terhadap kejutan.

Risiko berpunca daripada sistem pembayaran terus rendah disokong oleh infrastruktur kukuh dan perhatian berterusan terhadap pengurusan kesinambungan perniagaan

Langkah mengekalkan kestabilan kewangan bukan sekadar memerlukan kestabilan di pihak institusi dan pasaran kewangan tetapi juga kestabilan sistem pembayaran. Justeru, langkah-langkah terus dijuruskan ke arah mempertingkatkan sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik (systemically important payment systems, SIPs) untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya gangguan pembayaran dan penyelesaian yang mungkin menimbulkan risiko kepada kestabilan keseluruhan. Ini termasuk pengenalan perkhidmatan penyelesaian penghantaran semasa pembayaran (delivery versus payment, DvP) pada tahun 2007 untuk membolehkan penghantaran serentak sekuriti terbitan Malaysia dalam denominasi USD yang didepositkan dalam sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS) dengan pembayaran USD yang sepadan, lantas menghapuskan potensi risiko penyelesaian berkaitan dengan perdagangan sekuriti tersebut. Bagi risiko operasi, pengurusan kesinambungan perniagaan yang komprehensif dan mantap telah diwujudkan, dan prosedur kontingensi dilaksanakan secara kerap

Rajah 2.53
Kemungkinan Impak kepada RWCR



oleh Bank Negara Malaysia dan ahli-ahli sistem pembayaran. Di samping mempertingkatkan SIPs, langkah-langkah turut diambil untuk memperkukuh sistem pembayaran runcit, khususnya bagi mengurangkan risiko berkaitan dengan penipuan. Risiko serta langkah-langkah pengurangan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bab 'Sistem Pembayaran dan Penyelesaian'.

PENILAIAN RISIKO MASA AKAN DATANG

Prospek ekonomi dan risiko yang mungkin timbul

Prospek pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2008 dijangka kurang menggalakkan dengan peningkatan risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan, ekoran ketidakpastian yang makin meningkat berhubung dengan keadaan ekonomi AS, perkembangan negatif berterusan dalam pasaran kewangan global, kemungkinan berlakunya penguraian ketidakseimbangan global secara tidak teratur, dan tekanan inflasi yang meningkat berpunca daripada kenaikan harga bahan makanan, komoditi dan tenaga. Pasaran kewangan dijangka terus tidak menentu pada tahun 2008. Pergolakan yang dialami oleh beberapa pasaran kewangan utama dijangka lebih buruk dengan kesan kontagion yang merebak ke pasaran dan instrumen utama. Ini dipengaruhi oleh perilaku semberono pelabur dan peserta pasaran dalam suasana kemerosotan keadaan kredit dan penghindaran risiko, yang diburukkan lagi oleh kesalinghubungan yang kian kompleks dalam sistem kewangan. Tahap masalah ini telah menular kepada kekangan kredit yang lebih meluas dalam sesetengah ekonomi. Ketidakpastian mengenai penilaian aset, serta saiz dan taburan kerugian selanjutnya, serta penarafan sekuriti yang diinsuranskan oleh syarikat *monoline* terus tinggi, dan belum dapat dijelaskan sepenuhnya oleh laporan kerugian sehingga kini. Pengkristalan lanjut risiko pegangan (warehousing risk) dalam kalangan bank-bank utama mungkin mencetuskan lebih banyak penurunan nilai sekiranya permintaan dan harga pinjaman yang dileveraj, yang bertujuan untuk diagihkan, terus merosot. Kesukaran dalam kalangan institusi kewangan global utama yang disebabkan kerugian yang lebih besar akan menjejaskan lagi keyakinan pelabur, dan berkemungkinan mengakibatkan ketidaktentuan yang berlarutan merentas semua kelas aset dan pasaran kewangan utama. Ini akan memberikan tekanan menurun yang lebih kuat terhadap kedudukan modal institusi kewangan AS, yang mungkin melemahkan lagi keupayaan pemberian pinjaman masing-masing. Justeru, langkah-langkah berterusan yang berkesan untuk memulihkan keyakinan dalam kepercayaan kredit dan kesolvenan institusi kewangan tersebut adalah penting bagi memastikan peningkatan dalam mudah tunai pasaran antarabangsa dan proses pengantaraan kredit.

Pengawasan sektor kewangan pada tahun 2008 akan tertumpu pada penilaian implikasi pemindahan perkembangan dalam persekitaran luar, aliran masuk modal besar yang berterusan, ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dan tekanan inflasi terhadap risiko kestabilan kewangan. Penggunaan penilaian ke depan akan dipergiatkan untuk memastikan Bank bersedia untuk melaksanakan tindak balas dasar awalan dalam mengurus sebarang implikasi yang mencabar.

Dari segi dalam negeri, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang terus menggalakkan dijangka menyediakan persekitaran yang menyokong kestabilan kewangan. Namun, permintaan eksport yang lebih rendah terhadap barangan Malaysia dan harga tinggi yang berlarutan bagi bahan mentah dan tenaga mewujudkan cabaran buat sektor perniagaan. Meskipun perusahaan perniagaan telah mengumpul penimbal yang besar sejak beberapa tahun lalu, tekanan terhadap pendapatan operasi dan margin yang kian kecil mungkin menjejaskan keupayaan bayaran khidmat hutang bagi sesetengah perusahaan perniagaan. Hubungan antarabangsa yang meningkat juga mendedahkan pasaran kewangan dalam negeri kepada ketidaktentuan yang lebih ketara. Penghindaran risiko oleh

pelabur yang lebih tinggi berkemungkinan menyebabkan spread sekuriti korporat Malaysia menjadi lebih luas, lantas meningkatkan kos peminjaman daripada pasaran modal. Tekanan berterusan mungkin memaksa perusahaan perniagaan memindahkan kenaikan kos ini kepada pengguna. Sementara prospek pekerjaan dalam negeri dan tahap pendapatan adalah menggalakkan, persekitaran perbelanjaan yang meningkat perlu diurus oleh sektor isi rumah. Memandangkan ekonomi Malaysia bersifat terbuka, lebih keutamaan akan diberikan kepada pemantauan lebih ketat potensi risiko kontagion yang berpunca daripada persekitaran ekonomi global yang lebih lemah dan tempoh pergolakan pasaran yang berlarutan.

Sementara itu, prospek pertumbuhan di rantau Asia dan ekonomi sedang pesat membangun yang lebih menggalakkan akan terus menarik masuk aliran modal yang berterusan ke dalam ekonomi-ekonomi ini, termasuk Malaysia. Secara am, perkembangan sedemikian diingini bagi tujuan pertumbuhan dan penjanaan kekayaan, dan juga bagi prestasi pasaran kewangan dalam negeri. Pada masa yang sama, tempoh berpanjangan aliran masuk modal yang mudah keluar dan masuk, berkemungkinan membentuk gelembung harga aset dalam pasaran kewangan dan harta tanah dalam negeri yang mungkin memberikan kesan buruk terhadap kestabilan kewangan.

Memandangkan persekitaran luaran yang mudah terjejas masih menjadi isu kebimbangan, sebarang pergerakan keluar dana secara tiba-tiba, terutamanya yang berpunca daripada penghindaran risiko yang lebih tinggi dan keperluan untuk melunaskan kedudukan pelaburan bagi menampung kemungkinan kerugian dalam pasaran lain, boleh mengakibatkan kejatuhan harga aset dalam pasaran kewangan dan harta tanah dalam negeri. Di samping itu, lebihan mudah tunai dalam sistem yang dialami selama ini juga boleh mendorong perlakuan dan amalan tidak berhemat dalam kalangan institusi kewangan, misalnya kompromi dalam standard pengunderaitan bagi kemudahan pinjaman. Cabaran utama penyeliaan adalah untuk mencapai keseimbangan antara merealisasikan manfaat daripada aliran masuk modal dan pada masa yang sama, menguruskan risiko-risiko berkaitan secara efektif.

Prospek bagi kestabilan kewangan masih menggalakkan meskipun risiko penurunan kian meningkat

Ketidakpastian yang kian meningkat dalam persekitaran makroekonomi dan kewangan global bakal mewujudkan persekitaran yang lebih mencabar buat institusi kewangan Malaysia pada tahun hadapan. Meskipun keadaan kredit yang kian buruk dan ketidaktentuan harga aset dalam sistem kewangan global dijangka berterusan dan mungkin mempunyai impak lebih meluas terhadap pasaran kewangan antarabangsa, kemungkinan timbulnya kesan ketidakstabilan terhadap sistem kewangan Malaysia akan ditampung oleh penimbal kewangan yang telah banyak dikumpul, dan keupayaan pengurusan risiko yang lebih tinggi. Keupayaan menanggung risiko yang lebih tinggi, disokong oleh prestasi keuntungan yang mantap, penimbal mudah tunai yang mencukupi dan tahap permodalan yang jauh melebihi kadar pengawalseliaan minimum akan membolehkan sistem kewangan bertahan dalam menghadapi kejutan dan kesan kontagion yang seterusnya berpunca daripada persekitaran luar yang tidak menentu.

Trend terkini, iaitu kos kendalian institusi kewangan yang makin meningkat disebabkan oleh perbelanjaan overhed dan pemasaran yang lebih tinggi bagi penjenamaan semula dan pengiklanan untuk merebut bahagian pasaran, sedikit sebanyak akan mengenakan tekanan menurun terhadap margin. Di samping itu, bekalan tenaga kerja mahir baharu dan pakar bagi industri perkhidmatan kewangan yang terhad dan tawaran pakej imbuhan yang lebih tinggi untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang kompeten dan berpengalaman dalam suasana persaingan yang sengit dan mobiliti yang tinggi dalam pasaran pekerja, dijangka memberikan cabaran lanjut kepada institusi kewangan. Ini memerlukan pengawasan yang lebih ketat untuk memastikan tahap produktiviti terus meningkat, dan kenaikan kos kakitangan dan kekurangan tenaga kerja mahir dalam bidang yang kritikal tidak akan menyebabkan implikasi yang tidak diingini yang boleh menjejaskan kestabilan keinstitusian.

Melangkah ke hadapan, aktiviti pengawasan dan pengawalseliaan makro berhemat Bank Negara Malaysia akan ditumpukan kepada beberapa bidang penting:

- memperkuat keteguhan penilaian pemindahan risiko, dari segi saluran dan saiz

pemindahan daripada perkembangan luar kepada pasaran kewangan, perusahaan perniagaan dan sektor isi rumah Malaysia serta sektor kewangan;
- memastikan keupayaan menanggung risiko di pihak institusi kewangan terhadap risiko tersebut terus meningkat;
- mengawasi pelaksanaan pengurusan risiko pada peringkat keinstitusian yang komprehensif dan berkesan dalam institusi kewangan;
- mengkaji semula keberkesanan pelan pengurusan mudah tunai semasa untuk menangani tekanan mudah tunai yang mendadak dalam pasaran mata wang dalam negeri atau asing; dan
- memperkukuh lagi rangka kerja pengurusan krisis untuk memastikan Bank Negara Malaysia sentiasa bersedia untuk bertindak balas dengan efektif terhadap kesukaran, pada peringkat sistem.

Langkah-langkah ini akan diperlengkap oleh peningkatan berterusan dalam inisiatif bina upaya dalam Bank, termasuk usaha untuk mempertingkatkan aspek pandang hadapan dalam rangka kerja pengawasan makro berhemat yang merangkumi pembangunan alat penilaian kuantitatif dan penunjuk hadapan, serta pendekatan yang lebih baik bagi pengumpulan maklumat berasaskan pasaran dana pada peringkat mikro. Pembentukan alat pengawasan, seperti penunjuk kelemahan sektor perbankan (vulnerability indicator for the banking sector, VIBeS) akan membolehkan pendekatan yang lebih bersepadu dan membantu ramalan terhadap penilaian risiko (VIBeS dibincangkan secara terperinci dalam rencana 'Menambah Baik Rangka Kerja Pengawasan Bank Negara Malaysia – Penunjuk Hadapan Kelemahan Sistem Perbankan'). Berdasarkan perkembangan pasaran kewangan baru-baru ini, kaedah dan pendekatan terhadap ujian ketahanan makro dan mikro akan dipertingkatkan lagi untuk memastikan keteguhan senario dan andaian yang digunakan. Ini termasuk mengambil kira peristiwa kontagion yang cukup ekstrim, serta impak perilaku dan kesan pusingan kedua supaya penilaian yang lebih realistik dan holistik dapat dihasilkan.

Memandangkan kesalinghubungan sistem kewangan dengan ekonomi benar, pengenalpastian dan pemantauan risiko utama dalam pelbagai segmen perniagaan akan memberi petanda amaran kesukaran awal yang mungkin merebak menjadi risiko kredit yang lebih besar yang perlu ditanggung oleh institusi kewangan. Usaha untuk meningkatkan penilaian isu-isu sektor isi rumah dan pengumpulan data kedudukan kewangan dan pendapatan sektor isi rumah di peringkat mikro merupakan satu lagi tumpuan utama pada tahun ini. Ini termasuk penghasilan profil ciri pinjaman perumahan mengikut tahun kelulusan dan penambahbaikan CCRIS dari segi butiran dan liputan data. Langkah ini dapat memastikan penilaian risiko baharu yang muncul dalam pelbagai segmen tidak terselindung pada tahap agregat. Kandungan maklumat dalam CCRIS yang dipertingkatkan juga dapat membantu langkah penilaian kredit dan pembentukan model risiko oleh institusi kewangan. Satu lagi bidang tumpuan adalah untuk memperkukuh lagi interaksi antara aktiviti pengawasan makro dengan pengawasan mikro dalam Bank. Ini menyediakan input bagi pelaksanaan penilaian yang lebih berstruktur dan bersifat pandang ke depan bagi profil risiko institusi kewangan dan sistem pengurusan risiko di bawah rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko.

Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawasan - Penunjuk Hadapan Kelemahan Sistem Perbankan

Tugas memelihara kestabilan kewangan kini menjadi lebih mencabar bagi penggubal dasar, terutamanya dalam persekitaran landskap kewangan yang pesat berubah dan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu. Cabaran ini lebih besar bagi ekonomi yang terbuka yang mengalami integrasi dan kesalinghubungan yang semakin meningkat dengan persekitaran luar. Oleh itu, adanya rangka kerja pengawasan kehematan makro yang kukuh dan bersepadu amat penting untuk membolehkan usaha mengenal pasti ancaman dan risiko yang berupaya menggugat kestabilan sistem kewangan di peringkat awal. Yang lebih penting, rangka kerja ini memberikan masa tunggu yang memadai untuk tindak balas dasar yang sewajarnya dan pelaksanaan langkah awalan bagi memelihara fungsi pengantaraan dan kestabilan kewangan.

Rangka Kerja Pengawasan Makro

Salah satu keutamaan penting bagi Bank ialah mengukuhkan keupayaan pengawasan di peringkat makro. Strategi yang diambil adalah menyeluruh dari segi pembangunan rangka kerja dan infrastruktur, peningkatan keupayaan, struktur tadbir urus dan komunikasi. Dalam merumus rangka kerja pengawasan di peringkat makro ini, Bank mengambil kira ancaman yang mungkin muncul secara langsung ataupun tidak langsung daripada kesalinghubungan yang semakin kompleks antara sistem kewangan dengan sektor benar, perdagangan global dan integrasi kewangan yang lebih meluas serta daripada sistem pembayaran dan penyelesaian. Pada asasnya, tumpuan aktiviti pengawasan makro Bank merangkumi:-

- memantau hubungan kewangan makro yang berkaitan dengan perkembangan dan trend yang muncul dalam sektor luar negeri, ekonomi dan pasaran kewangan domestik, dan sektor korporat dan sektor isi rumah, di samping menilai kesan kontagion terhadap sistem kewangan; dan



** Mekanisme pengawasan hadapan ini kini sedang dihasilkan untuk kegunaan Bank Negara Malaysia kelak*

- memantau dan menilai perkembangan isu yang berkaitan dengan sektor-sektor yang tertentu dalam sektor kewangan dan kemungkinan kesannya terhadap kestabilan sistem pada keseluruhannya.

Hasil penilaian tahap risiko terhadap kestabilan kewangan diperoleh dengan menggabungkan maklumat kuantitatif dengan maklumat kualitatif melalui analisis statik dan trend, dan juga melalui analisis senario dan kepekaan dengan menggunakan ujian ketahanan makro bersepadu dan perisikan pasaran. Hasil penilaian ini juga disepadukan dengan fungsi pengawasan pemantauan mikro yang dijalankan oleh Bank.

Penilaian risiko yang berupaya mengancam kestabilan kewangan dijalankan secara menyeluruh, iaitu secara dalaman di Bank dan dengan pengawal selia domestik lain. Risiko-risiko utama tersebut yang dikenal pasti, dinilai dan disusun mengikut kepentingan, akan digunakan sebagai input untuk mencapai rumusan dasar yang koheren dan tindakan awalan yang terlaras antara pihak berkepentingan yang utama termasuk institusi kewangan, pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan domestik lain, dan juga pengawal selia di negara lain. Hasil penilaian tersebut akan menjadi asas bagi pemakluman risiko terhadap kestabilan sistem kewangan kepada orang ramai.

Pengukur kuantitatif penunjuk hadapan merupakan komponen penting rangka kerja pengawasan makro yang teguh. Oleh itu, Bank memberi penekanan secara berterusan terhadap pembangunan pengukur kuantitatif ini untuk membantu analisis yang koheren dan bersepadu. Bahagian-bahagian yang berikutnya menghuraikan penghasilan salah satu alat pengawasan yang mengukur tahap kelemahan sektor perbankan, metodologi dan andaian asas yang diterima pakai, dan juga usaha yang sedang diambil untuk memastikan keteguhan pengukur ini.

Penunjuk Kelemahan Sektor Perbankan

Penunjuk kelemahan sektor perbankan (*vulnerability indicator for the banking sector* atau VIBeS) ialah penunjuk risiko komposit yang mengukur tahap kesukaran sistemik pada sesuatu detik masa. Berikutan kekurangan dalam Sistem Amaran Awal pemboleh ubah perduaan yang dihasilkan sebelum ini dari segi menerangkan keamatan tahap kesukaran dan mengambil kira kerumitan krisis perbankan, penunjuk komposit yang lebih teguh sedang dibentuk untuk mengukur kelemahan di peringkat sistem yang mungkin muncul daripada sumber yang berbeza. Ukuran keadaan sektor perbankan ini bertujuan membolehkan telahan awal dibuat terhadap peningkatan kesukaran sebelum berlakunya krisis. Dengan menggunakan maklumat yang diperoleh daripada ketidakseimbangan makroekonomi dan kewangan, VIBeS akan membantu membuat ramalan berhubung keadaan masa depan sektor perbankan. Pendekatan umum yang digunakan dalam menghasilkan rangka kerja VIBeS telah diambil daripada kertas penyelidikan oleh Bank for International Settlements[1] dengan pengubahsuaian agar ia boleh digunakan dalam konteks sektor perbankan di Malaysia.

[1] Rujuk Monnin, P dan E Hanschel (2004). *Measuring and forecasting stress in the banking sector: evidence from Switzerland*, Kertas BIS No 22.

Metodologi dan andaian

VIBeS telah dihasilkan dengan menggunakan tiga langkah di bawah ini:



Pemilihan penunjuk risiko

Pemilihan penunjuk risiko banyak berdasarkan keupayaan untuk menerangkan tanda-tanda ketidakstabilan semasa tempoh kesukaran sistemik yang dikenal pasti. Kriteria pemilihan yang lain termasuk terdapatnya siri jangka panjang dengan kekerapan suku tahunan dan penunjuk kestabilan kewangan yang lazim digunakan. Dalam analisis awal kami, kepelbagaian dimensi kelemahan perbankan dan penunjuk risiko meliputi permodalan, keberuntungan, kualiti kredit, kecairan dan maklumat yang berasaskan pasaran.

Analisis trend masa lalu bagi beberapa ukuran permodalan menunjukkan bahawa pertumbuhan tahunan modal Kumpulan 1 memberi petunjuk yang lebih peka terhadap perubahan paras modal semasa tempoh kesukaran yang lampau. Misalnya, nisbah modal wajaran risiko institusi perbankan yang didapati agak stabil semasa krisis kewangan Asia hasil daripada usaha permodalan semula oleh Danamodal Nasional Berhad, tidak mencerminkan sepenuhnya kemerosotan dalam kedudukan modal teras institusi perbankan. Dari segi kualiti kredit pula, nisbah pinjaman tak berbayar (*non-performing loans,* NPL) kasar, selepas dilaraskan untuk mengambil kira pinjaman yang dijual kepada Danaharta dan yang dikutip semula oleh Danaharta, didapati lebih mencerminkan peningkatan kadar kegagalan untuk membayar semasa krisis tersebut. Sungguhpun peningkatan nilai peruntukan digunakan dengan meluas selama ini dalam beberapa laporan krisis perbankan untuk menunjukkan tanda-tanda awal kemerosotan kualiti kredit bank, indikator ini juga didapati kurang tepat dan mempunyai kelemahan. Ini adalah kerana keupayaan yang lebih kecil untuk membuat peruntukan semasa menghadapi kesukaran, dan pelaksanaan peruntukan yang berbeza semasa keadaan baik dengan menerima pakai dasar pelicinan pendapatan, ataupun dasar membuat peruntukan yang lebih ketat.

Dari segi risiko mudah tunai pula, deposit antara bank bersih bagi institusi perbankan digunakan untuk mengukur kekurangan mudah tunai dan masalah pendanaan yang mungkin ada dalam sistem. Sementara itu, kepekaan dan kebolehgunaan penunjuk lain seperti purata wajaran kadar faedah dan spread antara bank, nisbah aset cair dan penimbal mudah tunai sebagai peratusan deposit, juga sedang dikaji. Untuk mengukur keberuntungan dan kecekapan, pulangan atas aset digunakan kerana ia mengambil kira perubahan rangka kerja pengawalseliaan dan struktur dalam sektor perbankan, misalnya perasionalan atau kemunculan peserta baharu. Penunjuk kesukaran kewangan yang berasaskan pasaran, seperti spread sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan atau indeks harga saham bank, turut dipertimbangkan untuk menggambarkan penilaian para pelabur terhadap risiko yang khusus terhadap sesuatu bank dan nilai intrinsiknya.

Pembentukan VIBeS

VIBeS sebenarnya merupakan penunjuk komposit. Proses untuk membentuknya adalah seperti yang berikut:

- mengubah semua komponen penunjuk komposit untuk mencerminkan tahap kelemahan yang lebih tinggi apabila tanda-tanda kesukaran semakin ketara;
- menormalkan semua penunjuk dari segi purata dan sisihan piawai kepada unit-unit yang boleh dibandingkan; dan
- menggabungkan komponen yang sudah dinormalkan dengan menggunakan wajaran yang sama.

Penilaian kelemahan masa depan dan ujian ketahanan

Walaupun VIBeS dibentuk untuk menyediakan gambaran tahap semasa kelemahan sistem perbankan, penunjuk ini juga bertujuan memudahkan penilaian masa depan terhadap tekanan yang mungkin timbul dalam sistem. Bagi tujuan ini, model bagi hubungan antara ketidakseimbangan makroekonomi dan kewangan, dengan tahap kesukaran sistem perbankan kini sedang dibentuk dan diuji secara empirik. Keadaan ekonomi yang semakin lemah bersama-sama dengan pertambahan ketidakseimbangan makro dan pelarasan yang mendadak sering dikaitkan dengan punca ketidakstabilan kewangan. Dengan menumpukan perhatian pada tanda-tanda awal ketidakstabilan yang mungkin terkumpul dalam ketidakseimbangan makro yang biasanya mendahului kesukaran sistemik, maka model empirik ini juga akan dapat mengenal pasti perkara yang mungkin menjadi punca kelemahan.

Hubungan empirik ini diperoleh dengan menjalankan regresi bagi VIBeS terhadap penunjuk makroekonomi dan kewangan yang tertentu[2] yang merupakan penentu yang teguh bagi kejadian kesukaran sistemik yang lalu. Penunjuk-penunjuk ini diguna untuk mengukur ketidakseimbangan makroekonomi dan kewangan yang mungkin berlaku dengan mengambil kira sisihan pemboleh ubah makroekonomi dan kewangan yang tertentu daripada trend jangka panjang masing-masing[3]. Seterusnya, ramalan tahap kelemahan masa depan dihasilkan berdasarkan model regresi yang menepati kriteria "model terbaik" yang ditentukan terlebih dahulu[4]. Rajah berikut meringkaskan rangka kerja yang digunakan untuk menilai tahap kelemahan masa depan dalam sektor perbankan dengan menggunakan ukuran ketidakseimbangan ini.

[2] Antara penunjuk ketidakseimbangan makroekonomi dan kewangan yang dipertimbangkan ialah (1) Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), (2) nisbah kredit dalam negeri kepada KDNK, (3) Indeks Komposit Kuala Lumpur, (4) Indeks Harga Rumah Malaysia dan (5) nisbah pelaburan swasta kepada KDNK.

[3] Trend asas jangka panjang bagi setiap pemboleh ubah makroekonomi dan kewangan yang dipertimbangkan ditentukan dengan menggunakan saringan Hodrick-Prescott yang bertindan. Rujuk Borio, C dan P Lowe (2002). *Asset prices, financial and monetary stability: exploring the nexus*, Kertas Kerja BIS No 114, untuk perincian sepenuhnya.

[4] Ini termasuk: (1) Paras keertian sekurang-kurangnya 10% bagi semua pekali regresi, (2) Jeda masa maksimum 16 suku sahaja, (3) Sekurang-kurangnya empat faktor regresi, (4) R^2 terlaras yang paling tinggi dan (5) Anggaran yang boleh dibandingkan antara sampel selepas krisis, dengan sampel seluruh tempoh.



Sebagai pelengkap varian lain bagi ujian ketahanan makro, lebih banyak analisis senario dibuat menggunakan rangka kerja ini untuk menilai kesan perkembangan makroekonomi yang buruk terhadap VIBeS. Pekali regresi daripada model anggaran terbaik digunakan untuk membuat simulasi kejutan makroekonomi yang khusus dan hasilnya dibandingkan dengan tahap kelemahan yang lalu untuk menilai tahap ketahanan sistem perbankan pada ketika itu.

Penambahbaikan Rangka Kerja Yang Akan Datang

Usaha kini ditumpukan ke arah mengukuhkan lagi keupayaan VIBeS untuk membuat ramalan dengan menggunakan pemboleh ubah makroekonomi yang lebih kerap frekuensinya, seperti data bulanan mengenai aliran portfolio bulanan dan indeks harga pengguna. Model regresi juga sedang dipertingkatkan supaya dapat menggambarkan dengan baiknya hubungan tak linear ketidakseimbangan makroekonomi dan kewangan dengan kelemahan sistemik. Selain itu, kegunaan rangka kerja ini dalam penilaian penyeliaan di peringkat institusi perbankan sedang dikaji untuk menyepadukan lagi aktiviti pengawasan pada peringkat makro dan mikro. Menyedari akan transformasi sektor kewangan dan persekitaran kewangan yang sentiasa berubah, usaha sedang diambil untuk memperluas bidang liputan dengan memasukkan penunjuk bukan kewangan termasuk ukuran perubahan struktur dan liberalisasi kewangan, ke dalam VIBeS.

Namun, tiada satu pun pengukur yang dapat meramalkan masa depan dengan setepat-tepatnya, biarpun betapa canggihnya mekanisme tersebut. Dengan landskap kewangan semakin kompleks, penunjuk masa depan seperti VIBeS hanya sekadar boleh digunakan untuk menilai tahap kelemahan dalam sistem perbankan secara objektif, dan digunakan bersama mekanisme pengawasan lain dalam rangka kerja Bank. Matlamat utama adalah untuk menghasilkan analisis makro dan mikro yang mendalam dan termaklum terhadap setiap komponen sistem kewangan dan kesan interaksi dan maklum balasnya bagi memastikan ancaman dan risiko yang bakal timbul dapat diramalkan dan dicegah sebelum ianya berlaku.

Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Malaysia

Tinjauan

Malaysia telah melaksanakan regim AML/CFT yang komprehensif. Program AML/CFT yang dilaksanakan di Malaysia diperkukuh oleh Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLA) dan peraturan AML/CFT yang berkaitan, yang konsisten dengan piawai antarabangsa, iaitu, Empat Puluh Saranan tentang Pengubahan Wang Haram dan Sembilan Saranan Khas tentang Pembiayaan Keganasan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan bagi Pengubahan Wang Haram (Financial Action Task Force on Money Laundering (FATF) Forty Recommendations on Money Laundering and Nine Special Recommendations on Terrorist Financing) (40+9 Saranan FATF). FATF merupakan badan antara-kerajaan yang menetapkan piawai antarabangsa untuk perumusan dasar kebangsaan dan antarabangsa bagi membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Program AML/CFT yang koheren dicapai melalui rangka kerja undang-undang yang teguh dan menyeluruh, langkah-langkah pencegahan dan kerjasama antara-agensi yang berkesan pada peringkat domestik dan antarabangsa untuk menyokong aktiviti bina upaya, pengawasan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Rangka kerja undang-undang dan keinstitusian bagi AML/CFT di Malaysia telah dilaksanakan dan diperkukuh secara berperingkat sejak tahun 2002 dan diterapkan dalam institusi kewangan dan perniagaan serta profesion bukan kewangan yang tertentu (*designated non-financial businesses and professions,* DNFBP).

Pada awal tahun 2007, Malaysia telah menjalani Usaha Penilaian Bersama untuk kali kedua oleh Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG). Usaha Penilaian Bersama APG menyediakan penilaian bebas tentang tahap program AML/CFT di Malaysia dan pematuhannya terhadap piawai antarabangsa. Tahap penarafan Malaysia adalah setanding dengan banyak negara maju. Berdasarkan Laporan Penilaian Bersama bagi 40 negara yang telah diterbitkan sehingga bulan Julai 2007, Malaysia merupakan satu daripada hanya tiga negara yang diberikan penarafan "Sebahagian Besarnya Patuh" (*Largely Compliant*) terhadap Saranan FATF tentang usaha wajar pelanggan, manakala tidak ada negara yang dinilai sebagai patuh sepenuhnya.

Secara keseluruhannya, Malaysia memperoleh sembilan penarafan "Patuh" (*Compliant*), 24 penarafan "Sebahagian Besarnya Patuh" (*Largely Compliant*) , 15 penarafan "Separa Patuh" (*Partially Compliant*) dan satu penarafan "Tidak Patuh" (*Non-Compliant*) terhadap 40+9 Saranan FATF. Hasil Penilaian Bersama APG mengesahkan usaha penting Malaysia dalam membangunkan dan melaksanakan sistem undang-undang yang menyeluruh untuk menjadikan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan sebagai jenayah, penguatkuasaan undang-undang, perisikan kewangan, pembekuan, penyitaan dan perampasan hasil jenayah, serta pelaksanaan langkah-langkah pencegahan yang berkesan bagi institusi kewangan dan DNFBP, yang berjaya memelihara sistem kewangan Malaysia daripada ancaman pengubah wang haram dan pembiaya keganasan. Sebagai usaha berterusan, Bank Negara Malaysia akan sentiasa mengambil sikap berwaspada dalam memantau dan memastikan pelaksanaan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan AML/CFT yang berkesan dan pada masa yang sama memberikan tumpuan ke arah bina upaya dan juga kerjasama pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Rangka Kerja Undang-undang dan Pengawalseliaan AML/CFT

Rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan AML/CFT sentiasa dikaji semula dan apabila perlu, pindaan yang sesuai dibuat kepada undang-undang dan peraturan. Langkah ini adalah untuk memastikan undang-undang dan peraturan sedemikian terus berkesan dan relevan dalam

menangani ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Dalam hal ini, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 dan pindaan yang berbangkit kepada empat akta berkaitan lain, iaitu Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003, Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006, Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004, dan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004 telah dikuatkuasakan pada bulan Mac 2007. Pindaan tersebut dibuat untuk memasukkan peruntukan yang menangani kesalahan pembiayaan keganasan. Bahagian VIA yang baharu dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 memperuntukkan langkah-langkah yang bakal diambil untuk menghalang kesalahan pembiayaan keganasan dan bagi perampasan harta pengganas dan harta yang terlibat dalam, atau diperoleh daripada kesalahan pembiayaan keganasan. Oleh itu, perundangan pencegahan pengubahan wang haram Malaysia dikenali sebagai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Pindaan-pindaan tersebut telah mewujudkan satu himpunan undang-undang yang menyeluruh dan khususnya mengiktiraf prosedur untuk pembekuan harta berkaitan keganasan, lantas mempertingkatkan pematuhan Malaysia terhadap Saranan Khas FATF tentang Pembiayaan Keganasan dan juga memudahkan Malaysia menyertai Konvensyen Antarabangsa untuk Menyekat Pembiayaan Keganasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Senarai kesalahan berat di bawah AMLA juga telah diperluas dengan memasukkan pelbagai kesalahan yang lazimnya berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kesalahan itu termasuk rasuah, penipuan, pecah amanah jenayah, perjudian haram, penipuan kad kredit, pemalsuan mata wang, perompakan, pemalsuan, penyeludupan manusia, pemerasan, penyeludupan dan jenayah berkaitan dadah. Senarai kesalahan berat boleh ditambah oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa sekiranya dianggap perlu.

Pada tahun 2007, kesalahan berhubung dengan cetak rompak atau pemalsuan barangan bukan artistik telah dimasukkan sebagai kesalahan berat dalam AMLA. Berikutan itu, senarai kesalahan dalam AMLA kini mematuhi sepenuhnya Saranan FATF. Liputan komprehensif kesalahan berat dalam AMLA bakal memudahkan pengesanan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dengan lebih pantas melalui penerimaan laporan transaksi mencurigakan (*suspicious transaction report*, STR) berhubung dengan kesalahan sedemikian daripada semua institusi pelapor. STR juga akan membantu mempercepat proses penyiasatan dan pendakwaan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan yang disyaki.

Langkah-langkah Pencegahan bagi Institusi Kewangan dan DNFBP

Di Malaysia, langkah pencegahan AML/CFT diterapkan secara seragam dalam institusi kewangan konvensional dan Islam, dan juga dalam DNFBP. Pada tahun 2006, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan AML/CFT dan Garis Panduan Sektor yang relevan bagi institusi perbankan dan penanggung insurans. Di bawah Garis Panduan tersebut, institusi kewangan di Malaysia dikehendaki menerima pakai prosedur dan kawalan AML/CFT secara konsisten merentas semua cawangan domestik dan asing serta subsidiari masing-masing. Keperluan turut ditetapkan agar institusi kewangan melantik pegawai pematuhan di setiap cawangan dan subsidiari masing-masing dengan mereka diberikan kebebasan dan kuasa yang sesuai untuk mendapatkan akses kepada rekod dan melaporkan STR.

Daripada 19 Saranan FATF tentang langkah-langkah pencegahan untuk institusi kewangan yang dinilai dalam Laporan Penilaian Bersama APG, Malaysia diberikan penarafan "Patuh" dan "Sebahagian Besarnya Patuh" bagi 15 Saranan. Empat Saranan selebihnya diberikan penarafan "Separa Patuh", dan ini terutamanya disebabkan pasukan penilai APG tidak dapat menentukan dengan sepenuhnya tahap keberkesanan pelaksanaan Garis Panduan kerana Laporan Penilaian

Bersama APG dijalankan semasa fasa pelaksanaan awal Garis Panduan AML/CFT yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Dengan Garis Panduan tersebut dilaksanakan sepenuhnya, Bank yakin dapat mencapai tahap pematuhan yang menyeluruh terhadap saranan ini.

Keberkesanan pelaksanaan Garis Panduan AML/CFT yang relevan dan kawalan di institusi kewangan dinilai berdasarkan rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko. Ini adalah sebahagian daripada penilaian keselamatan dan kekukuhan keseluruhan institusi kewangan individu. Dengan tumpuan yang semakin bertambah dalam memastikan program kawalan dalaman AML/CFT yang mencukupi, institusi kewangan telah mengukuhkan mekanisme dalaman masing-masing dengan ketara bagi mengesan transaksi mencurigakan, lantas menghasilkan peningkatan mutu STR yang dikemukakan kepada Bank dan penyediaan maklumat yang diminta bagi tujuan penyiasatan dengan lebih pantas.

Obligasi untuk mewujudkan program pematuhan AML/CFT bagi sektor DNFBP mula berkuat kuasa pada awal tahun 2007 berikutan pengeluaran Garis Panduan Sektor AML/CFT kepada kasino berlesen, rumah perjudian berlesen, peguam, akauntan dan setiausaha syarikat. Garis Panduan Sektor AML/CFT ini, yang dikeluarkan kepada institusi pelapor yang relevan antara bulan Februari hingga April 2007, menetapkan keperluan pengawalseliaan yang sejajar dengan AMLA dan 40+9 Saranan FATF yang relevan.

Pada tahun 2007, Bank Negara Malaysia menjalankan pemeriksaan pematuhan di premis dan di luar premis, yang disasarkan terhadap institusi pelapor tertentu, terutamanya institusi yang menjalankan transaksi yang sebahagian besarnya berasaskan tunai, yang risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan mungkin lebih ketara. Institusi sedemikian termasuk akauntan, setiausaha syarikat dan peguam, serta rumah perjudian berlesen. Pemeriksaan pematuhan ini membolehkan Bank Negara Malaysia menentukan tahap pematuhan DNFBP dengan keperluan undang-undang dan pengawalseliaan AML/CFT.

Kerjasama Domestik dan Bina Upaya

Meskipun Bank Negara Malaysia merupakan pihak berkuasa berwibawa yang ditetapkan di bawah AMLA, Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Co-ordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) yang terdiri daripada 13 Kementerian dan agensi Kerajaan telah ditubuhkan pada tahun 2000 untuk mencapai pendekatan terselaras ke arah memastikan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT kebangsaan secara berkesan. NCC menyediakan platform yang bersepadu bagi Kementerian, agensi Kerajaan dan pihak berkuasa pengawalseliaan yang relevan bagi memastikan Malaysia melaksanakan sistem AML/CFT kebangsaan yang berkesan sejajar dengan piawai antarabangsa. Bank Negara Malaysia, sebagai Urus setia kepada NCC, terus memainkan peranan penting dalam proses ini dengan menggalakkan budaya kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta ke arah mencapai pematuhan AML/CFT. Perbincangan, dialog dan rundingan secara tetap dengan organisasi pengawalseliaan kendiri (*self-regulatory organisation*, SRO) dan persatuan, antara lainnya, telah diadakan sepanjang tahun untuk mempertingkatkan kesedaran AML/CFT dan pada masa yang sama menekankan pentingnya langkah-langkah pencegahan.

NCC telah merumuskan pelan tindakan kebangsaan pada tahun 2007 untuk menangani pelbagai saranan yang diketengahkan dalam Laporan Penilaian APG untuk tempoh beberapa tahun akan datang. Pelan tindakan ini termasuk pindaan perundangan, langkah-langkah untuk memperkukuh garis panduan pengawalseliaan dan pemantauan pematuhan, langkah-langkah untuk mempertingkatkan kuasa siasatan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang dan, dalam jangka panjang, penubuhan syarikat pengurusan aset negara bagi aset yang disita dan dirampas.

Untuk memberikan sokongan selanjutnya kepada pelaksanaan program AML/CFT secara berkesan, keutamaan terus diberikan kepada pembangunan kepakaran dan keupayaan yang perlu dalam agensi penyeliaan dan pengawalan, agensi penguatkuasaan undang-undang dan agensi Kerajaan dan Kementerian berkaitan lain. Pada tahun 2007, program latihan tentang AML/CFT terus memberikan tumpuan pada rangka kerja penyeliaan dan pengawalan, aspek undang-undang, tipologi, kaedah penyiasatan kewangan dan kemahiran analisis. Program latihan ini dianjurkan oleh agensi domestik relevan secara kerjasama dengan badan pelbagai hala/serantau bagi menggalakkan pertukaran pengalaman dan pengetahuan yang lebih meluas tentang pelaksanaan program AML/CFT yang berkesan.

Pada tahun 2007, 29 orang pegawai lagi berjaya menyempurnakan Program Penyiasat Kewangan Bertauliah (Certified Financial Investigator Programme, CFIP) dan lulus sebagai Penyiasat Kewangan Bertauliah (Certified Financial Investigators,CFI) (2006: 24 orang pegawai). Untuk memperkukuh himpunan kemahiran dan kompetensi yang dibangunkan dalam kalangan CFI, dua program latihan tentang perakaunan forensik dan analisis kes menggunakan perisian i2 dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Latihan Antara Agensi di bawah NCC sebagai sebahagian daripada program pembangunan berterusan untuk anggota Alumni.

Kerjasama Antarabangsa

Memandangkan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan bersifat transnasional, Bank Negara Malaysia meneruskan usaha menggalakkan pertukaran risikan kewangan dengan agensi sejawatnya pada peringkat antarabangsa. Pada tahun 2007, sebanyak enam Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, MoU) tentang pertukaran risikan kewangan ditandatangani, lantas menambah jumlah bilangan MoU yang ditandatangani oleh Bank Negara Malaysia menjadi 13, seperti yang berikut:

Bil.	Agensi Sejawat Antarabangsa	Negara	Tarikh Ditandatangani
1.	*Australian Transaction Reports and Analysis Centre*	Australia	2 Ogos 2002
2.	*Pusat Pelaporan dan Analisis Transaksi Keuangan*	Republik Indonesia	31 Julai 2003
3.	*Anti-Money Laundering Council*	Filipina	4 Ogos 2004
4.	*Anti-Money Laundering Office*	Thailand	18 April 2005
5.	*China Anti-Money Laundering Monitoring and Analysis Center-People's Bank of China*	Republik Rakyat China	30 Jun 2006
6.	*Korea Financial Intelligence Unit*	Korea Selatan	30 April 2007
7.	*Japan Financial Intelligence Centre*	Jepun	29 Mei 2007
8.	*Serious Organised Crime Agency*	United Kingdom	30 Mei 2007
9.	*Finanspolisen Rikskriminalpolisen (National Criminal Intelligence Service, Financial Unit)*	Sweden	30 Mei 2007
10.	*Financial Crimes Enforcement Network*	Amerika Syarikat	2 Julai 2007
11.	*Unidad de Análisis Financiero (Financial Analysis and Intelligence Unit)*	Chile	21 Ogos 2007
12.	*The Central Bank of Sri Lanka*	Sri Lanka	18 Januari 2008
13.	Kementerian Kewangan	Brunei Darussalam	4 Februari 2008

Perkongsian risikan kewangan secara sukarela dan tanpa diminta antara pihak berkuasa berwibawa merupakan prinsip penting dalam MoU yang ditandatangani oleh Bank Negara Malaysia. Sejak kebelakangan ini, langkah ini telah menghasilkan penunjuk yang amat bernilai untuk penyiasatan lanjut dalam kesalahan pengubahan wang haram oleh agensi penguatkuasaan undang-undang yang relevan dan pendakwaan dan sabitan pelaku sesudah itu di negara-negara asing. Pengalaman ini menunjukkan betapa pentingnya perkongsian maklumat dan kerjasama bersama merentas sempadan.

Bank Negara Malaysia juga telah menyertai program bina upaya serantau demi mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan teknikal AML/CFT dalam negara ahli ASEAN tertentu. Bank dengan kerjasama Pusat Laporan dan Analisis Transaksi Australia telah memberikan bantuan teknikal kepada Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Anti-Money Laundering Office, AMLO) Thailand pada bulan September 2007 dengan memberikan tumpuan pada usaha mempertingkatkan rangka kerja dan infrastruktur untuk pelaporan transaksi mencurigakan kepada AMLO.

Cabaran Masa Depan

Bank Negara Malaysia, sebagai pihak berkuasa berwibawa bersama-sama dengan NCC terus mengambil sikap berwaspada terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang kian menular. Tipologi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan menunjukkan ancaman berterusan dalam aktiviti yang banyak menggunakan wang tunai seperti kasino, kurir tunai, serta sistem kiriman wang tidak formal. Dalam hal ini, NCC, antara lainnya, telah mewujudkan pasukan petugas berkaitan pengangkutan mata wang dan instrumen pembawa boleh niaga merentas sempadan untuk menangani satu-satunya penarafan "Tidak Patuh" terhadap Saranan Khas FATF XI tentang Kurir Tunai. Pasukan petugas itu yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen, akan membuat saranan tentang langkah-langkah pengawalseliaan dan penguatkuasaan yang bersesuaian untuk menghalang dan mengesan kurir tunai yang membawa dana secara haram untuk aktiviti jenayah.

Bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya risiko penyalahgunaan jenayah berikutan penggunaan perkhidmatan penghantaran alternatif dan tidak formal yang berleluasa melalui pengurup wang, perniagaan ini akan tertakluk kepada langkah penyeliaan yang lebih ketat, manakala penggunaan saluran kiriman wang secara formal seperti institusi perbankan dan pengendali penghantaran bukan bank berlesen akan terus digalakkan.

Pemantauan pematuhan DNFBP yang berkesan tetap menjadi cabaran disebabkan bilangan entiti ini yang besar. Terdapat kira-kira lebih 30,000 DNFBP di seluruh negara yang ditubuhkan sama ada sebagai keempunyaan tunggal, perkongsian atau syarikat liabiliti terhad. Bank Negara Malaysia akan terus menggalakkan SRO atau badan perdagangan untuk memainkan peranan yang lebih aktif, dalam memastikan DNFBP mematuhi keperluan undang-undang dan pengawalseliaan AML/CFT. Ini akan disokong pula oleh pembangunan rangka kerja pematuhan berasaskan risiko yang komprehensif yang mencerminkan ciri unik sektor ini dengan sewajarnya.

Dengan institusi kewangan memperkukuh program AML/CFT dalaman masing-masing sejajar dengan langkah-langkah pengawalseliaan dan piawai antarabangsa yang lebih ketat, pelaku aktiviti haram akan mencari saluran alternatif untuk meneruskan perlakuan jenayah kewangan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan secara berterusan rangka kerja penyeliaan AML/CFT sentiasa kekal komprehensif dari segi liputan institusi pelapor dan penguatkuasaan langkah-langkah AML/CFT yang berkesan. Namun, cabaran yang dihadapi adalah untuk memastikan bahawa kos berkaitan dengan langkah-langkah pengawalseliaan dan pematuhan yang bertambah juga seimbang dengan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia dan NCC akan terus berganding bahu dengan komuniti perniagaan yang relevan untuk melaksanakan langkah-langkah AML/CFT yang bersesuaian sepadan dengan saiz, kerumitan dan pendedahan risiko institusi pelapor.

53 Pembangunan Keinstitusian
54 Meletakkan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa
55 Rencana: Sukuk: Mekanisme Pempelbagaian yang Efisien dan Kelas Aset Baharu
62 Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengendalian
63 Pengukuhan Infrastruktur Pasaran Kewangan
64 Mengeratkan Kerjasama Antara Agensi
65 Pembangunan Modal Insan
69 Memperluas Akses Kepada Perkhidmatan Kewangan
71 Cabaran dan Prospek
73 Rencana: Landskap Sistem Kewangan Malaysia Hari Ini

Pembangunan Sektor Kewangan

Pembangunan Sektor Kewangan

Globalisasi pasaran kewangan, landskap ekonomi yang berubah-ubah, kemajuan pesat dalam teknologi dan jangkaan pelanggan yang lebih tinggi terus mendorong pembangunan sektor kewangan Malaysia. Memandangkan sistem kewangan global semakin bersepadu dan kompleks, sistem kewangan Malaysia berdepan dengan cabaran untuk melakukan penyesuaian dengan realiti pasaran yang berubah-ubah, dan pada masa yang sama menyokong pembangunan ekonomi dalam negeri. Industri kewangan Malaysia juga merupakan sumber pertumbuhan ekonomi yang penting, mencakupi 10.7% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2007. Dengan sektor kewangan semakin penting kepada ekonomi negara, Bank Negara Malaysia terus menumpukan perhatian terhadap langkah-langkah bina upaya dalam usaha mempertingkatkan lagi daya saing dan daya tahan sistem kewangan bagi menyokong pertumbuhan yang dipacu faktor-faktor dalam negeri. Usaha khususnya ditumpukan pada pembangunan dan pengukuhan seterusnya infrastruktur dan pasaran kewangan. Beberapa inisiatif strategik juga dilaksanakan pada tahun itu untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Inisiatif-inisiatif ini telah memperkukuh sistem kewangan yang komprehensif, pelbagai, kukuh dan bersedia untuk bersaing dalam persekitaran yang lebih liberal dan global.

PEMBANGUNAN KEINSTITUSIAN

Institusi kewangan terus melaksanakan penambahbaikan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan pasaran masing-masing, sekali gus mempertingkatkan prospek pertumbuhan dan kestabilan jangka panjang. Dalam sektor perbankan, lima kumpulan perbankan teratas mengikut saiz aset telah menambah bahagian pasaran mereka kepada 61.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada tahun 2007 daripada 52.5% pada tahun 2001. Keberuntungan kumpulan-kumpulan perbankan ini juga kian bertambah baik dan ini ditunjukkan oleh pulangan ekuiti yang naik daripada 14.4% pada tahun 2001 kepada 19.4% pada tahun 2007. Kenaikan ini merupakan hasil usaha yang telah diambil untuk memperbaik kecekapan kos dan untuk menjana aliran hasil yang lebih tinggi setelah menghadapi tekanan dan desakan saingan untuk meninggikan nilai pemegang saham.

Dengan memanfaatkan prestasinya yang kukuh sejak beberapa tahun yang lepas, institusi kewangan Malaysia menggunakan peluang ini untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi kedudukan kewangan masing-masing pada tahun 2007. Secara khusus, beberapa kumpulan perbankan domestik telah melabur sumbernya dengan banyak untuk menguatkan lagi keupayaan pengurusan risiko dan model pengendalian perniagaan masing-masing. Suntikan modal kepada beberapa institusi oleh pemegang saham baharu dan sedia ada menambah fleksibiliti kewangan untuk terus menampung perluasan perniagaan, pelaburan dalam teknologi, inisiatif bina upaya dan pembangunan tenaga kerja mahir. Pengurusan modal yang lebih cekap juga dicapai melalui penyusunan semula modal yang menyaksikan lebih banyak terbitan bon subordinat oleh beberapa institusi kewangan. Tadbir urus struktur kumpulan kewangan juga diperkukuh, manakala bank-bank pelaburan berjaya mencapai kemajuan yang besar ke arah penggabungan kakitangan, sistem dan proses yang sebelum ini dikendalikan oleh entiti perbankan dan pembrokeran saham yang berasingan.

Kumpulan perbankan domestik bangkit dengan lebih kukuh dengan kedudukan kewangan yang lebih mantap dan bahagian pasaran yang mapan meskipun persekitaran operasi yang lebih bersaingan.

Hasil daripada perkembangan ini, kumpulan perbankan domestik muncul lebih kukuh dengan kedudukan kewangan yang lebih mantap dan bahagian pasaran yang mapan meskipun persekitaran operasi yang lebih bersaingan. Penambahbaikan ini adalah menyeluruh, termasuklah institusi yang telah disuntik modal

sebelum ini oleh Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) semasa krisis kewangan Asia. Selaras dengan mandatnya untuk menggalakkan kestabilan jangka panjang bagi sistem kewangan, Danamodal telah menyuntik sejumlah RM7.49 bilion ke dalam institusi-institusi perbankan yang berdaya maju berdasarkan syarat-syarat komersial dan prinsip pasaran. Danamodal, selaku pemegang saham strategik juga menerapkan amalan dan kecekapan pengurusan terbaik dalam institusi-institusi ini yang menghasilkan pengurusan risiko dan kecekapan kendalian yang lebih mantap. Dengan kedudukan institusi kewangan yang kembali teguh, semua institusi yang menjalani permodalan semula ini berjaya membayar balik sepenuhnya modal yang disuntik oleh Danamodal. Kejayaan untuk pulih semula, keadaan kewangan yang lebih teguh dan prospek masa depan yang cerah bagi institusi perbankan turut menarik minat yang tinggi beberapa institusi kewangan asing untuk menjalin perkongsian strategik. Kejayaan institusi-institusi yang telah menjalani permodalan semula ini melakukan transformasi telah menyumbang kepada hasil bersih Danamodal yang positif, dengan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM200 juta.

Lebih banyak tumpuan kini diberikan pada perniagaan perbankan Islam setelah penukaran semua jendela perbankan Islam bagi kumpulan perbankan domestik kepada subsidiari pada tahun 2007. Penukaran ini disokong oleh kejelasan tanggungjawab hasil daripada kewujudan struktur Lembaga Pengarah dan pengurusan yang berasingan. Dengan ini, bilangan bank Islam berlesen di Malaysia kini berjumlah 16, termasuklah empat subsidiari Islam baharu yang dijangka memulakan operasi pada tahun 2008. Untuk memanfaatkan potensi besar pertumbuhan kewangan Islam, dua bank asing yang diperbadankan di Malaysia menubuhkan operasi jendela perbankan Islam pada tahun 2007. Selain itu, tujuh bank pelaburan juga menawarkan perkhidmatan perbankan Islam melalui struktur jendela ini.

Semua jendela perbankan Islam kumpulan perbankan domestik telah bertukar kepada subsidiari Islam.

MELETAKKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Malaysia menjadi peneraju dalam pembangunan perbankan dan kewangan Islam global. Sistem perbankan Islam telah muncul sebagai sebuah sistem kewangan alternatif yang memberangsangkan di Malaysia. Aset perbankan Islam (termasuk aset Islam yang dipegang institusi kewangan pembangunan, IKP) kini mencakupi 15.4% (11.5% pada tahun 2003) daripada jumlah aset perbankan (termasuk aset yang dipegang oleh IKP) bagi seluruh sistem kewangan Malaysia.

Dengan memanfaatkan infrastruktur sedia ada dan sistem kewangan Islam yang menyeluruh di Malaysia, pembangunan strategik Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa mencapai satu tahap yang lebih tinggi apabila inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) dilancarkan pada tahun 2006. Bagi mempercepat pembangunan kewangan Islam, lesen perbankan dan takaful baharu ditawarkan untuk menarik para peserta global yang terkemuka menjalankan operasi di Malaysia. Pada tahun 2007, 16 kelulusan diberikan untuk menjalan operasi perniagaan mata wang antarabangsa. Ini termasuk satu lesen perbankan Islam antarabangsa diberikan kepada pelabur dari Bahrain, di samping kelulusan untuk menubuhkan unit perniagaan mata wang antarabangsa khusus untuk institusi kewangan domestik lain. Dua lagi lesen takaful semula juga dikeluarkan kepada peserta tempatan dan juga peserta asing yang layak pada tahun 2007. Ini memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab takaful semula antarabangsa, di samping menyumbang kepada pembangunan amalan pengunderaitan dan tuntutan yang dipertingkatkan serta inovasi produk dalam industri takaful. Untuk memudahkan lagi kendalian perniagaan takaful, pengolahan percukaian yang mengambil kira ciri pengendali takaful yang unik telah diperkenalkan. Pengolahan cukai ini memperuntukkan dengan sewajarnya pendapatan dan perbelanjaan yang berpunca daripada perniagaan takaful, setelah mengambil kira peranan pengendali takaful sebagai pengurus risiko berbanding dengan penanggung insurans konvensional yang berperanan sebagai pengunderait risiko. Inisiatif lain yang diusahakan pada masa ini merangkumi kajian semula pengolahan cukai bagi perniagaan pemajakan yang bertujuan menangani isu-isu percukaian yang kini menghalang pembangunan dan pertumbuhan perniagaan pemajakan dan ijarah.

Kerajaan Malaysia terus memberikan sokongan yang padu kepada wawasan MIFC yang diberikan fleksibiliti untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan menarik tenaga kerja mahir ke Malaysia. Pada tahun 2007, Kerajaan memperkenalkan "lorong hijau eksekutif" bagi prosedur imigresen untuk pakar asing dalam bidang kewangan Islam, dan telah mengadakan pas pekerjaan jangka panjang berserta visa berbilang kemasukan dan pas lawatan profesional. Di samping itu, Kerajaan juga telah melonggarkan beberapa peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk peserta MIFC, termasuk membenarkan pemilikan 100% ekuiti asing dalam institusi kewangan Islam yang ditubuhkan di bawah MIFC dan memberikan fleksibiliti untuk pemerolehan harta dan tanah untuk kegunaan sendiri dan juga untuk tujuan komersial. Selain itu, banyak lagi insentif cukai diberikan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat originasi terbitan, pengagihan dan perdagangan sukuk (butiran lanjut insentif cukai ini diterangkan dalam Rencana yang berjudul, "Sukuk: Mekanisme Pempelbagaian yang Efisien dan Kelas Aset Baharu").

Sukuk: Mekanisme Pempelbagaian yang Efisien dan Kelas Aset Baharu

Pertumbuhan Pesat Pasaran Sukuk Global

Industri sukuk global mengalami pertumbuhan yang amat memberangsangkan sejak lima tahun yang lalu dan kini menjadi tumpuan dalam perkembangan sistem kewangan Islam yang pesat. Saiz pasaran sukuk global, termasuk sukuk dalam denominasi mata wang domestik, telah meningkat daripada USD336 juta (atau RM1.3 bilion) pada tahun 2000 kepada anggaran USD82 bilion (atau RM281 bilion) pada akhir tahun 2007, dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 40%. Jumlah terbitan sukuk bagi tahun 2007 bernilai USD47 bilion (atau RM161 bilion), iaitu peningkatan sebanyak 73% daripada jumlah nilai terbitan pada tahun 2006[1].

Ciri-ciri Penting Sukuk

- Sukuk ialah perakuan atau amanah pemilikan bagi sesuatu aset atau usufruk.
- Sukuk merupakan instrumen berasaskan aset yang distrukturkan dengan mematuhi keperluan Syariah.
- Pulangan bagi sukuk terikat kepada aset yang mendasarinya. Justeru itu, sukuk perlu disokong oleh aset atau usufruk tertentu sepanjang tempoh pemegangannya.

Sukuk yang pada awalnya dianggap instrumen pasaran modal yang bitara (*niche*) bagi penerbit korporat, perusahaan milik kerajaan dan institusi kewangan dalam ekonomi Islam untuk tujuan pemerolehan modal, kini telah menarik perhatian bank-bank besar dan penerbit korporat antarabangsa. Pusat-pusat kewangan antarabangsa turut memainkan peranan yang lebih aktif dalam membangunkan pasaran bagi kelas aset ini, termasuk menggubal peruntukan perundangan yang diperlukan yang telah menyumbang dalam merangsang pembangunan pasaran sukuk global.

Prestasi Pertumbuhan Industri Sukuk Malaysia

Malaysia terus menerajui pembangunan kewangan Islam. Malaysia merupakan pasaran sukuk terbesar di dunia dengan jumlah terbitan sukuk dari Malaysia sebanyak 68.9% atau USD62 bilion (atau RM213 bilion) daripada jumlah sukuk terkumpul global pada akhir tahun 2007. Jumlah terbitan sukuk korporat di Malaysia melebihi RM30 bilion pada tahun 2007. Malaysia bukan sahaja menerajui pembangunan pasaran sukuk dari segi jumlah terbitan sukuk, malah dari segi pengenalan struktur sukuk yang inovatif dan kompetitif yang menarik minat lebih ramai pelabur.

Pasaran sukuk Malaysia bermula dengan saiz terbitan sederhana berjumlah RM125 juta oleh Shell MDS Sdn. Bhd. pada tahun 1990 dan kini saiznya kian berkembang dan semakin sofistikated. Perkembangan ini jelas terbukti dengan terbitan sukuk terbesar baru-baru ini yang bernilai RM15.4 bilion (USD4.7 bilion) oleh Binariang GSM Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang memudahkan penswastaan sebuah pengendali telefon selular. Meskipun saiznya besar, sukuk Binariang telah dua kali terlebih langgan.

[1] Sumber: Perkhidmatan Maklumat Kewangan Islam (Islamic Financial Information Service)

Rajah 1
Malaysia: Sukuk Terkumpul Berbanding dengan Bon



Rajah 2
Malaysia: Jumlah Sukuk Terkumpul



Kini, pasaran sukuk utama di Malaysia adalah antara yang paling pesat berkembang di dunia, dengan pertumbuhan tahunan purata terbitan sebanyak 22% bagi tempoh 2001-2007. Setelah memperkenalkan sukuk global berdaulat yang pertama di dunia pada tahun 2002, Malaysia telah meneruskan usaha perintisannya dengan memperkenalkan struktur sukuk yang inovatif seperti sukuk musyarakah boleh tukar oleh Khazanah Nasional Berhad, iaitu syarikat pemegangan pelaburan Kerajaan Malaysia. Terbitan bersejarah ini adalah yang pertama seumpamanya di dunia, yang menggabungkan ciri-ciri kebolehtukaran penuh yang dahulu lazimnya hanya digunakan bagi urus niaga berkaitan ekuiti konvensional.

Urus niaga sekunder dalam pasaran sukuk Malaysia telah meningkatkan kedalaman dan kecairan pasaran dengan penyertaan lebih banyak syarikat, termasuk syarikat milik asing yang berterusan memanfaatkan pasaran ini bagi tujuan pendanaan. Sejumlah besar terbitan korporat adalah bagi membiayai keperluan pendanaan jangka panjang. Kepelbagaian dan saiz urus niaga sukuk yang semakin bertambah turut memberikan tawaran nilai menarik kepada pelabur yang ingin mempelbagaikan portfolio aset mereka, seterusnya mewujudkan pasaran sekunder yang memberangsangkan.

Faktor Pertumbuhan Penting yang Menyokong Pembangunan Sukuk yang Mantap

Kelebihan sukuk terletak pada kelainan strukturnya. Sukuk merupakan instrumen berasaskan aset yang memberikan tawaran nilai yang unik bagi pelabur dan penerbit. Bagi pelabur, sukuk menawarkan banyak manfaat pempelbagaian portfolio dan peluang pelaburan dalam bentuk kelas aset baharu, manakala penerbit mendapat faedah melalui peningkatan mudah tunai dengan memanfaatkan peningkatan permintaan individu yang memiliki aset kewangan dengan nilai bersih yang tinggi dan pelabur institusi terhadap produk pelaburan yang berlandaskan prinsip Syariah.

Pertumbuhan sukuk yang memberangsangkan, terutamanya sepanjang lima tahun kebelakangan ini telah disokong oleh faktor-faktor utama berikut:

I. Struktur yang Makin Canggih

Struktur sukuk yang fleksibel merupakan faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap instrumen ini. Sukuk disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan pilihan pasaran sasaran tertentu. Struktur sukuk telah berkembang sejak beberapa tahun yang lalu daripada struktur berasaskan pembiayaan yang berlandaskan perjanjian jualan kos tokok (murabahah), kepada sukuk berasaskan pajakan (ijarah), perkongsian untung (musyarakah) dan berasaskan kontrak pembuatan (istisna) serta struktur hibrid yang berasaskan gabungan kontrak Syariah yang menarik minat pelabur yang pelbagai.

II. Pengolahan Pengawalseliaan yang Jelas

Pengolahan pengawalseliaan yang lebih jelas terhadap sukuk memberi kepastian dari segi pengawalseliaan kepada institusi kewangan Islam berhubung dengan pelaburan mereka dalam instrumen ini. Usaha ini dicapai melalui penggunaan Piawai Kecukupan Modal yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB), yang

menetapkan pengolahan berhemat terhadap pelaburan sukuk bagi tujuan modal pengawalseliaan. Usaha selanjutnya turut dilaksanakan oleh IFSB
untuk menghasilkan piawaian berhemat bagi pensekuritian sukuk.

III. Fokus Strategik untuk Membangunkan Sistem Kewangan Islam yang Komprehensif

Bilangan instrumen yang lebih pelbagai di samping produk berstruktur yang ditawarkan oleh pasaran kewangan Islam untuk memenuhi tuntutan pelanggan turut menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap sukuk. Sukuk kini penting dalam menyokong peningkatan penawaran produk berstruktur oleh bank-bank Islam, pengendali takaful serta syarikat pengurusan dana. Sebagai contoh, pelaburan pengendali takaful dalam sukuk telah memberikan padanan yang sesuai untuk liabiliti dana takaful jangka sederhana dan panjang.

Rajah 3
Sukuk yang Diluluskan pada Tahun 2007 Berasaskan Pelbagai Prinsip Syariah



Sumber: Buletin Suku Tahunan 'Malaysian ICM' (Januari 2008), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Kelebihan Malaysia sebagai Hab Sukuk Global

Malaysia telah muncul sebagai hab sukuk yang memberangsangkan, yang menawarkan penyelesaian menyeluruh bagi aktiviti sukuk melalui persekitaran terbitannya yang kondusif, dasar yang mempermudah aktiviti pelaburan dan infrastruktur kewangan Islam yang komprehensif. Semua faktor ini telah menarik pelabur dan penerbit global ke Malaysia, yang merupakan negara destinasi terbitan dan pelaburan sukuk pilihan. Penerbit global ini termasuk institusi kewangan antarabangsa seperti International Finance Corporation dan International Bank for Reconstruction and Development.

Bagi memperkukuh kedudukan antarabangsa Malaysia, inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) telah dilancarkan pada tahun 2006. MIFC berperanan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam pasaran global dengan menggalakkan pertumbuhan pelaburan pasaran kewangan Islam serta menghubungkan pusat-pusat kewangan Islam antarabangsa. Salah satu bidang fokus MIFC yang utama ialah kegiatan promosi bagi originasi, pengagihan dan perdagangan sukuk dalam mata wang domestik dan mata wang asing.

Pendekatan Menyeluruh



Peraturan yang Mempermudah Proses Terbitan

Sekretariat dan Unit Promosi MIFC di Bank Negara Malaysia, bertanggungjawab mengendalikan penyelarasan dan promosi inisiatif strategik MIFC, termasuk dalam pasaran sukuk. Pengaturan formal antara agensi pengawalseliaan di Malaysia melalui MIFC memastikan pendekatan yang selaras untuk menambah baik saluran penyampaian dan kecekapan terbitan sukuk dalam denominasi sebarang mata wang di Malaysia secara berterusan. Pada tahun 2007, fleksibiliti di bawah pentadbiran pertukaran asing telah diberikan kepada bank pembangunan pelbagai hala, institusi kewangan pelbagai hala, kerajaan dan separa-kerajaan, dan syarikat multinasional tempatan atau asing untuk menerbitkan sukuk dalam denominasi mata wang asing di Malaysia.

Tatacara terbitan telah dipermudah bagi penerbit antarabangsa yang memiliki penarafan kredit yang baik. Permohonan oleh penerbit yang memiliki penarafan kredit sekurang-kurangnya 'A-' dianggap lulus apabila dokumen yang diperlukan difailkan kepada Suruhanjaya Sekuriti sekurang-kurangnya dua hari bekerja sebelum terbitan sukuk mata wang asing. Bagi terbitan sukuk ringgit oleh agensi kerajaan asing atau agensi separa-kerajaan asing bertaraf 'AAA', permohonan juga dianggap lulus setelah diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk mempermudah lagi proses terbitan, tiada sekatan dikenakan bagi penggunaan perkhidmatan penarafan antarabangsa, pelindungan nilai kedudukan dan penukaran hasil perolehan terbitan kepada mata wang asing.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang Jelas

Rangka kerja tadbir urus Syariah Malaysia yang jelas telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan pembangunan kewangan Islam secara amnya, termasuk sukuk. Terbitan sukuk perlu diluluskan oleh penasihat Syariah institusi kewangan yang menerbitkan sukuk tersebut. Bagi terbitan yang menggunakan konsep atau struktur baharu, pengesahan diperlukan daripada Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, yang bertanggungjawab menasihat Suruhanjaya mengenai hal berkaitan dengan pasaran modal Islam. Majlis ini, bersama-sama Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (yang merupakan badan penguasa berkaitan hal Syariah untuk institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank), memastikan prinsip Syariah yang menjadi asas kewangan Islam dipatuhi, di samping menyokong inovasi melalui resolusi mereka mengenai struktur inovatif yang mematuhi Syariah.

Penentuan Harga yang Kompetitif

Salah satu ciri sebuah pusat kewangan antarabangsa yang efisien ialah adanya persekitaran yang kondusif untuk menyediakan platform pemerolehan dana cekap kos. Dalam hal ini, permintaan yang tinggi terhadap sukuk, yang boleh dilihat daripada terbitan sukuk terlebih langganan, telah menjadikan kos terbitan sukuk lebih rendah daripada bon konvensional dalam kelas penarafan yang sama.

Rajah 4
Keluk Hasil Bon Korporat dan Sukuk



Sumber: Bondweb Malaysia (pada 31 Disember 2007)

Pelbagai insentif cukai dan pengawalseliaan telah mengurangkan lagi kos dan jangka masa bagi terbitan sukuk. Ini termasuk insentif berikut:

- Syarikat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicles, SPVs) yang digunakan bagi terbitan sukuk tidak tertakluk kepada tatacara cukai pentadbiran di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;
- Syarikat yang menubuhkan SPVs diberikan potongan cukai bagi kos yang ditanggung oleh SPV tersebut bagi terbitan sukuk;

- Kos terbitan bagi semua sekuriti Islam yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti juga layak untuk potongan cukai; dan
- Pengecualian duti setem diberikan bagi instrumen berkaitan dengan sekuriti Islam yang diterbitkan di bawah MIFC sehingga 31 Disember 2016.

Langkah serta insentif tersebut berupaya merangsang terbitan sukuk mata wang antarabangsa, seterusnya mengembangkan kepelbagaian sukuk di Malaysia.

Struktur Inovatif dan Pembangunan Modal Insan

Di samping struktur Syariah berasaskan musyarakah, mudarabah, istisna dan ijarah yang sudah agak lazim, Malaysia telah merintis banyak struktur sukuk yang inovatif di dunia. Antara pelbagai struktur sukuk yang diterbitkan di Malaysia ialah:

1990 – Sekuriti hutang Islam *bai' bithaman ajil* pertama oleh Shell MDS Sdn. Bhd. (RM125 juta)
1994 – Sukuk mudarabah pertama oleh Cagamas Berhad (RM30 juta)
2001 – Sukuk ijarah korporat pertama oleh Kumpulan Guthrie Berhad (USD150 juta)
2002 – Sukuk ijarah berdaulat pertama oleh Kerajaan Malaysia (USD600 juta)
2003 – Sukuk istisna boleh dagang pertama oleh SKS Power Sdn. Bhd. (RM5.6 bilion)
2005 – Sukuk musyarakah pertama oleh Musharakah One Capital Berhad (RM2.5 bilion)
2006 – Sukuk boleh tukar pertama oleh Khazanah Nasional Berhad (USD750 juta)

Kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kumpulan modal insan yang diperlukan, yang ada dalam industri kewangan Islam Malaysia. Kemahiran dan kepakaran dalam bidang kewangan ini mempunyai permintaan yang tinggi dari seluruh dunia, dan ini mewujudkan keperluan untuk menambah kumpulan tenaga mahir bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Dalam konteks ini, inisiatif strategik di bawah MIFC juga merangkumi agenda membangunkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi pendidikan kewangan Islam. Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) yang ditubuhkan pada tahun 2006 bermatlamat untuk menyokong industri kewangan Islam global yang kian dinamik dan berkembang melalui penghasilan golongan profesional yang berkaliber dalam bidang kewangan Islam. Bagi tujuan ini, INCEIF menawarkan program kelayakan Profesional Kewangan Islam Bertauliah (Chartered Islamic Finance Profesional, CIFP), iaitu program utamanya, serta program Sarjana dan Doktor Falsafah.

Memandangkan sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam beroperasi secara seiring di Malaysia, keperluan terhadap modal insan bagi aktiviti sukuk dan kewangan Islam negara bukan hanya dipenuhi oleh kumpulan profesional kewangan Islam, tetapi turut disokong oleh tenaga kerja dalam institusi kewangan konvensional. Keupayaan untuk memanfaatkan kepakaran merentas sektor ini amat penting untuk memacu inovasi produk dengan struktur yang mantap dan asas pengurusan risiko yang kukuh, serta berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

Insentif bagi Aktiviti Pelaburan

Beberapa insentif dan langkah telah diumumkan untuk merangsang dan menarik lebih banyak pelaburan sukuk oleh pelabur global. Ini merangkumi insentif dan langkah berikut:

- Tiada cukai tertahan dikenakan terhadap pelabur bukan pemastautin bagi keuntungan atau pendapatan yang diterima daripada sukuk mata wang asing yang diterbitkan di Malaysia dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti;
- Pelabur asing di Malaysia dibenarkan melindung nilai kedudukan mereka menggunakan bank tempatan bagi aliran dana komited, seperti penghantaran balik perolehan pelaburan, dividen dan keuntungan dari Malaysia serta pembelian aset ringgit di Malaysia; dan
- Pergerakan masuk dan keluar yang bebas bagi dana berkaitan dengan pelaburan langsung asing dan pelaburan modal portfolio.

Infrastruktur Komprehensif

Pasaran modal Islam Malaysia terus mencatat pertumbuhan kukuh seperti yang dapat dilihat pada pertumbuhan tahunan aset yang makin meningkat serta kepelbagaian produk yang ditawarkan. Ini boleh dianggap kesan kewujudan sistem kewangan Islam yang lengkap dan mampan dengan pasaran modal yang besar dan bertahap tinggi, persekitaran pengawalseliaan yang responsif dan mudah, serta pengantara yang kian bertambah dan canggih yang terus berusaha meningkatkan inovasi produk.

Perancangan teliti dan pendekatan strategik yang telah diterapkan di Malaysia untuk membangunkan sistem kewangan Islam komprehensif yang wujud selari dengan sistem konvensional dalam lingkungan sistem kewangan yang lebih luas, telah memberikan hasil yang positif. Malaysia telah meningkatkan daya tarikannya sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menawarkan pelbagai peluang pelaburan dengan pasaran yang besar dan bertahap tinggi. Yang lebih penting, asas yang diperlukan bagi pasaran yang efisien dan berfungsi dengan baik, kini lebih kukuh.

Platform pemudah bagi aktiviti terbitan dan perdagangan sukuk juga telah menyokong terbitan yang lebih efisien dan menambah baik proses penetapan harga. Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia, termasuk sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti (Real-Time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS) menyediakan platform efisien bagi perdagangan bon, dengan tahap ketelusan pascadagangan dan kecairan pasaran yang tinggi. Bagi pelaburan global, pelabur asing turut dibenar menggunakan sistem penjelasan dan penyelesaian antarabangsa.

Malaysia terus memperkukuhkan rangka kerja undang-undang, pengawalseliaan dan Syariah yang menyokong sistem kewangan Islamnya. Undang-undang sekuritinya dirumus dengan memasukkan amalan terbaik dan setanding dengan undang-undang sekuriti pasaran maju, dan kerap diperhalusi bagi memastikan undang-undang tersebut terus relevan dan efisien. Langkah ini perlu setelah diambil kira kemajuan pesat inovasi kewangan serta amalan institusi kewangan yang makin berkembang. Undang-undang sekuriti Malaysia telah dikemaskinikan baru-baru ini dengan pelulusan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berkuat kuasa pada bulan September 2007. Akta ini mengukuhkan lagi rangka kerja perlindungan pelabur serta pembangunan pasaran yang teratur, dan pada masa yang sama menggalakkan amalan terbaik antarabangsa dalam pasaran modal dan di kalangan pesertanya. Akta ini turut memperjelas rangka kerja perundangan yang berkaitan dengan sekuriti Islam serta memberi sifat universal kepada lesen perbankan Islam di bawah Akta Bank Islam 1983. Dengan penguatkuasaan perundangan baharu ini, bank-bank Islam bersedia untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam pembangunan pasaran modal Islam.

Portal MIFC (www.mifc.com) dilancarkan pada tahun 2007 sebagai sumber maklumat utama tentang inisiatif dan perkembangan MIFC yang terkini kepada orang ramai. Hubungan yang lebih rapat juga sedang dijalin dengan pusat kewangan Islam yang lain untuk menggalakkan kerjasama ekonomi dan kewangan antarabangsa dalam bidang kewangan Islam. Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Bank Negara Malaysia dengan dua pihak berkuasa kewangan Islam, iaitu Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai dan Pihak Berkuasa Pengawalseliaan Pusat Kewangan Qatar. MoU ini menandakan komitmen bersama oleh pihak-pihak berkuasa ini untuk menggalakkan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam global dan membuka jalan ke arah kerjasama yang lebih baik antara pusat kewangan Islam yang beroperasi di zon waktu yang berbeza. Antara perkara yang terkandung dalam MoU ini ialah bina upaya, pembangunan modal insan dan inisiatif untuk menambah keluasan dan kedalaman pasaran kewangan serta menggalakkan pengharmonian amalan Syariah.

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGENDALIAN

Dengan persaingan yang semakin sengit dalam sektor kewangan yang terus menekan margin keuntungan, langkah-langkah mempertingkatkan kecekapan pengendalian menjadi bertambah penting untuk daya maju jangka panjang institusi kewangan. Dalam sektor perbankan, margin faedah kasar terus menurun daripada 3.2% pada tahun 2001 kepada 2.7% pada tahun 2007. Ini menyebabkan keperluan bagi pengurusan struktur kos, risiko produk dan sinergi berkumpulan yang lebih strategik meningkat. Bagi menyokong keupayaan institusi kewangan untuk bertindak dengan pantas terhadap perubahan keadaan pasaran, beberapa garis panduan dan proses pengawalseliaan telah dikaji semula untuk memberi institusi kewangan lebih banyak kelonggaran dari segi pengendalian. Kelonggaran ini termasuklah:

- Membenarkan syarikat-syarikat insurans menggunakan perkhidmatan entiti luar yang berkaitan tetapi yang masih berada dalam lingkungan kumpulan kewangan masing-masing untuk menguruskan dana agar dapat memanfaatkan kepakaran dan sumber kumpulan;
- Memperkenalkan sistem "lancarkan dan failkan" yang menggugurkan keperluan pemberitahuan dan kelulusan pengawalseliaan sebelum produk-produk baharu diperkenalkan oleh institusi kewangan, dengan itu menyingkatkan tempoh produk memasuki pasaran. Sistem "lancarkan dan failkan" yang baharu ini boleh digunakan bagi semua produk perbankan konvensional kecuali produk pelaburan yang mendedahkan pengguna kepada kerugian yang melebihi pelaburan pokok dan juga instrumen pembayaran yang tertentu yang mesti mendapat kelulusan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003; dan
- Mempermudah prosedur pengawalseliaan bagi permohonan untuk melantik dan melantik semula para pengarah, pengurusan kanan dan ekspatriat di institusi kewangan. Ini telah menyingkatkan tempoh memproses permohonan.

Para pelanggan yang semakin canggih dan persekitaran kendalian yang lebih kompleks menuntut produk baharu dan inovatif untuk memenuhi keperluan orang ramai yang berubah-ubah dan untuk menyokong transformasi ekonomi. Dalam hal ini, lebih banyak kelonggaran diberikan kepada institusi kewangan, termasuk:

- Membenarkan syarikat-syarikat insurans menawarkan produk pembiayaan hayat universal dan produk pembiayaan persaraan yang boleh disesuaikan secara khusus dan mengandungi lebih banyak ciri yang dapat memenuhi setiap keperluan pemegang polisi. Misalnya, produk hayat universal baharu membenarkan pemegang polisi membayar premium sama ada secara fleksibel ataupun tetap di samping menawarkan jaminan. Produk persaraan pula membenarkan pemegang polisi memilih pelbagai gabungan tempoh pengumpulan dan pembayaran keluar yang paling menepati keperluan mereka; dan
- Melonggarkan Garis Panduan bagi Instrumen Deposit Boleh Niaga (Negotiable Instruments of Deposits, NID) untuk membenarkan penentuan kadar terapung NID dengan berdasarkan sebarang indeks selain Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate atau KLIBOR) dan membenarkan NID diterbitkan dalam mata wang asing, sekali gus meluaskan rangkaian produk bagi memenuhi cita rasa setiap pelanggan yang mempunyai kesanggupan mengambil risiko yang berbeza.

Bank juga memperkenalkan beberapa instrumen pasaran wang baharu untuk tujuan pengurusan kecairan dan pelaburan, dan ini pula telah meluaskan rangkaian instrumen pasaran wang. Antaranya:

- Program Murabahah Komoditi yang merupakan produk deposit tunai yang dilelong dalam Pasaran Wang Antara Bank Islam melalui Sistem Penerbitan/Penawaran Automatik Sepenuhnya (Fully Automated System for Issuing/Tendering, FAST) dan juga merupakan urus niaga berasaskan komoditi yang pertama sekali menggunakan minyak sawit mentah sebagai aset yang mendasarinya, dengan itu menghasilkan pasaran wang Islam yang lebih mendalam; dan
- Nota Monetari Bank Negara kadar terapung yang ditawarkan melalui kaedah lelongan *Dutch* (harga seragam) yang bersaingan menerusi rantaian peniaga utama.

Untuk menyokong pertumbuhan pembiayaan selanjutnya, suatu usaha sama diwujudkan antara Cagamas Berhad dengan Perbadanan Gadai Janji Hong Kong untuk membangunkan perniagaan jaminan gadai janji di Malaysia dan di sekitar rantau ini. Jaminan gadai janji ini merupakan kaedah alternatif bagi institusi kewangan untuk melindungi nilai dedahan risiko kreditnya. Jaminan ini juga membenarkan mereka memanfaatkan asas pasaran yang lebih luas dan merebut peluang pertumbuhan yang lebih besar, khususnya dalam pasaran kewangan perumahan Islam. Perkembangan ini mencerminkan peranan pasaran modal yang semakin besar sebagai sumber pembiayaan yang melengkapi peranan institusi kewangan tradisional serta menawarkan kaedah tambahan untuk menguruskan risiko dengan lebih baik. Dalam jangka sederhana, pengguna akan lebih mudah mendapatkan pembiayaan dalam kemampuannya untuk membeli rumah.

Bank terus melonggarkan peraturan pentadbiran pertukaran asing untuk memudahkan aktiviti perniagaan dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2007, Bank mengumumkan beberapa siri langkah liberalisasi, termasuk membenarkan pemastautin dan juga bukan pemastautin menerbitkan bon dan sukuk dalam mata wang asing di Malaysia, memansuhkan had kedudukan terbuka bersih yang dikenakan terhadap bank tempatan berlesen dan meningkatkan had peminjaman mata wang asing yang boleh diperoleh syarikat-syarikat pemastautin daripada amaun bersamaan RM50 juta kepada RM100 juta secara agregat. Prosedur pengendalian pentadbiran pertukaran asing juga dipermudah dengan memansuhkan keperluan pendaftaran urus niaga tertentu, seperti kontrak hadapan pertukaran asing oleh pemastautin, pinjaman mata wang asing oleh pemastautin, dan prabayaran dan bayaran balik pinjaman mata wang asing oleh pemastautin. Laporan Bulanan Baki Akaun Mata Wang Asing Pemastautin juga dimansuhkan, manakala ambang yang dikenakan terhadap pemastautin perseorangan untuk melaporkan urus niaga dengan bukan pemastautin ditingkatkan daripada RM50,001 kepada RM200,001 (atau bersamaan dengannya dalam mata wang asing) bagi setiap urus niaga. Butiran mengenai peraturan pentadbiran pertukaran asing yang dilonggarkan ini boleh dicapai di www.bnm.gov.my/fxadmin.

Semua langkah ini dan juga langkah lain yang diperkenalkan oleh Bank untuk memberikan lebih banyak fleksibiliti dan meningkatkan kecekapan perniagaan telah berhasil membangunkan lagi pasaran pertukaran asing dan pasaran bon. Pada tahun 2007, nilai urus niaga pertukaran asing yang dijalankan oleh bukan pemastautin meningkat lebih daripada sekali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya. Selain itu, usaha untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat originasi terbitan dan perdagangan sekuriti hutang, termasuk sukuk, menyebabkan minat syarikat-syarikat asing semakin bertambah untuk menerbitkan sekuriti hutang di Malaysia. Pada tahun 2007, kelulusan untuk menerbitkan sekuriti hutang dalam mata wang asing oleh syarikat-syarikat asing berjumlah USD12.3 bilion (68% daripadanya adalah sukuk dalam mata wang asing), iaitu peningkatan sebanyak 58% berbanding dengan tahun 2006. Pasaran sekuriti hutang yang lebih maju dan persekitaran pasaran yang sesuai turut menggalakkan pertambahan bilangan produk berstruktur yang ditawarkan. Produk berstruktur yang telah diluluskan terbitannya bertambah empat kali ganda daripada RM22 bilion pada tahun 2006 kepada RM94.2 bilion pada tahun 2007. Bentuk inovasi pasaran modal lain termasuklah sekuriti bersandarkan aset (asset-backed securities, ABS) dan obligasi pinjaman bercagar. Salah satu instrumen seumpama ini ialah terbitan ABS sampingan oleh institusi kewangan. Pasaran kewangan juga menghasilkan lebih banyak terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dengan tempoh matang yang lebih panjang. Terbitan PDS dengan kematangan sepuluh tahun atau lebih, bertambah daripada 8.4% daripada jumlah PDS yang diterbitkan pada tahun 2006 kepada 16.4% pada tahun 2007.

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR PASARAN KEWANGAN

Pelbagai usaha penting telah diambil untuk menyokong pembangunan sistem kewangan yang lebih pelbagai dan stabil. Krisis kewangan yang melanda rantau Asia telah menonjolkan risiko akibat terlalu bergantung pada sektor perbankan dan juga menunjukkan kepentingan mempelbagaikan sumber pembiayaan negara kepada pasaran modal. Pada akhir tahun 2007, jumlah sekuriti hutang terkumpul ialah RM557 bilion, berbanding dengan RM225 bilion pada akhir tahun 1999. Sekuriti hutang juga semakin

lama semakin banyak diterbitkan sehingga berjumlah RM302 bilion pada tahun 2007, iaitu peningkatan kira-kira 65.3% dari tahun 2006. Sebanyak 59% daripada jumlah yang diterbitkan ini terdiri daripada sekuriti hutang awam. Pengurangan pergantungan terhadap pembiayaan daripada sektor perbankan oleh syarikat juga dapat dilihat daripada saiz sekuriti hutang swasta yang meningkat sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan bank kepada syarikat daripada 33.3% pada tahun 1999 kepada 56.2% pada akhir bulan Disember 2007.

Sekuriti hutang juga semakin lama semakin banyak diterbitkan sehingga berjumlah RM302 bilion pada tahun 2007.

Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti juga bekerjasama membangunkan platform urus niaga secara elektronik (electronic trading platform, ETP) untuk bon yang tidak tersenarai. ETP akan menjalankan fungsi Sistem Penyebaran Maklumat Bon, yang pada masa ini dikendalikan dan diuruskan oleh Bank, sebagai pangkalan data pusat yang menyimpan maklumat tentang urus niaga bon. ETP dijangka terus menambah baik mekanisme penentuan harga yang membolehkan para peserta pasaran membuat keputusan masa nyata. Ini pula akan merancakkan lagi aktiviti urus niaga bon yang kemudiannya akan mewujudkan pasaran modal yang lebih dinamik dan cergas.

Bagi menyokong fungsi penggubalan dasar dan pengawasan Bank, Sistem Maklumat dan Pengawasan Sekuriti Hutang kini sedang dihasilkan untuk menyatukan data dan maklumat berkaitan dengan pasaran sekuriti hutang bagi menjadi satu pangkalan data pusat yang mampu memberikan gambaran menyeluruh tentang pasaran. Setelah sistem ini mula beroperasi, ia akan memudahkan analisis trend dan penilaian impak dijalankan dengan lebih cekap dan menyediakan maklumat yang boleh digunakan oleh Bank dalam penggubalan dasar. FAST juga sedang dinaik taraf bagi memenuhi instrumen dan produk baharu dalam pasaran kewangan.

Seiring dengan usaha untuk menzahirkan lagi sistem pengawalseliaannya, Bank melancarkan Buku Panduan Pengawalseliaan pada bulan Jun 2007 supaya garis panduan pengawalseliaan dapat disampaikan kepada institusi-institusi kewangan di bawah kawal selianya dengan lebih cepat dan cekap. Buku Panduan Pengawalseliaan ini disediakan melalui portal enterpris Bank, FI@KijangNet, yang dilengkapi fungsi-fungsi yang dapat mencepatkan urusan antara Bank dengan institusi kewangan dan memudahkan pengaksesan rangka kerja pengawalseliaan oleh semua pegawai yang berkenaan di institusi tersebut.

Bank melancarkan Buku Panduan Pengawalseliaan pada tahun 2007 supaya garis panduan pengawalseliaan dapat disampaikan kepada institusi-institusi kewangan di bawah kawal selianya dengan lebih cepat dan cekap.

MENGERATKAN KERJASAMA ANTARA AGENSI

Semakin bersepadu sesuatu sistem kewangan itu, semakin besarlah keperluan menggunakan pendekatan yang lebih lengkap dan menyeluruh untuk mengawal dan menyelia pengantara kewangan berlesen. Usaha sama dan penyelarasan yang lebih rapi antara agensi pengawalseliaan dalam memelihara kestabilan sistem kewangan menjadi lebih penting apabila lebih ramai peserta menjalankan aktiviti yang tidak hanya terbatas kepada peranan biasa masing-masing yang turut menyebabkan lebih banyak pertindihan dalam skop perniagaan. Pada masa yang sama, hubungan yang semakin meluas antara peserta dengan pasaran, baik di dalam negeri mahupun pada peringkat antarabangsa, telah memberikan cabaran untuk mengenal pasti punca kelemahan yang mungkin timbul.

Sebagai suatu langkah untuk menyediakan rangka kerjasama yang cekap dan berkesan, Bank Negara Malaysia telah menandatangani tiga MoU dengan Suruhanjaya Sekuriti yang berkaitan dengan bank pelaburan, sistem-sistem pembayaran dan penjelasan, dan juga penasihat kewangan dan perancang kewangan. Perjanjian ini mengandungi peruntukan bagi kedua-dua pihak ini untuk mengeratkan kerjasama dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengawasan bersama terhadap pasaran modal, pengukuhan rangka kerja tadbir urus korporat untuk syarikat-syarikat

tersenarai awam dan entiti kepentingan awam, dan pembangunan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Satu perjanjian pakatan strategik antara Bank Negara Malaysia dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia juga telah dimeterai untuk menjelaskan kewajipan dan tanggungjawab kedua-dua agensi ini dalam usaha menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam institusi perbankan dan memastikan kestabilan kewangan.

Usaha sama dan kerjasama yang lebih meluas juga dicapai pada peringkat negara untuk menangani isu-isu khusus yang menjejaskan pengendalian dan daya maju kewangan institusi-institusi berlesen. Khususnya, Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia Berhad (Majlis) ditubuhkan pada tahun 2007 bagi menangani kejadian kecurian kenderaan yang semakin banyak berlaku di negara ini. Majlis ini dianggotai wakil daripada Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Persatuan Insurans Am Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia, Persatuan Automotif Malaysia dan Persatuan Pelaras Kerugian Malaysia. Keutamaan yang harus diberikan perhatian segera oleh Majlis ini ialah tindakan menyelaraskan pembentukan suatu wadah Pertukaran Maklumat Kecurian Kenderaan Kebangsaan. Wadah ini akan menyediakan platform untuk pihak-pihak yang berkenaan bertukar maklumat terkini mengenai kenderaan yang dicuri. Pertukaran maklumat ini diharap dapat membantu usaha mengesan dan mencegah kecurian dan juga menghalang penjualan kenderaan yang dicuri itu.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Dengan menyedari pentingnya kumpulan tenaga kerja berkemahiran untuk menerajui dan menyokong strategi perkembangan dan pembangunan jangka panjang institusi-institusi kewangan, lebih banyak perhatian diberikan ke arah menghasilkan usaha yang lebih tersusun dan terselaras untuk membangunkan modal insan agar dapat memenuhi keperluan industri ini. Sama seperti pasaran sedang pesat membangun lain yang berkembang dengan cepat, permintaan dan persaingan terhadap profesional kewangan yang berkemahiran tinggi kini menjadi lebih runcing. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank pada bulan Julai 2007 yang lepas, industri perbankan dan industri insurans melaporkan bahawa terdapat kira-kira 2,300 jawatan kosong pada peringkat kemasukan dan kira-kira 1,700 jawatan kosong pada peringkat pengurusan pertengahan. Untuk mengisi kekosongan ini, pendekatan yang menyeluruh untuk membangunkan modal insan telah diambil, yang merangkumi inisiatif yang telah disesuaikan khususnya bagi setiap peringkat jawatan dalam industri perkhidmatan kewangan. Inisiatif pembangunan modal insan ini juga mengambil kira keperluan khusus para profesional perkhidmatan kewangan pada setiap peringkat kerjaya mereka, iaitu daripada peringkat prapekerjaan sehinggalah ke peringkat kepimpinan.

Pada peringkat terendah, institusi-institusi pengajian tinggi menjadi sumber utama untuk mendapatkan tenaga kerja mahir baharu bagi industri kewangan. Oleh itu, kerjasama antara industri perkhidmatan kewangan dengan institusi pengajian tinggi ditingkatkan untuk memastikan para lulusan dipersiap dengan baik agar mampu menangani cabaran yang lebih mendesak dalam industri perkhidmatan kewangan kelak. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Bank telah menganjurkan dialog antara industri perkhidmatan kewangan dengan institusi pengajian tinggi pada tahun ini. Dialog ini bertujuan merapatkan jurang kecekapan yang kritikal dalam kalangan lulusan baharu yang telah mengikuti kursus-kursus dalam bidang kewangan. Dialog ini menerima sambutan yang baik. Ia telah membuka laluan bagi inisiatif kerjasama antara industri perkhidmatan kewangan dengan institusi pengajian tinggi, yang diharapkan dapat merapatkan jurang-jurang yang telah dikenal pasti, seperti yang berikut:

- Melibatkan para pengamal industri dalam usaha membangunkan kurikulum pengajian tinggi, mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan, mereka bentuk kajian kes, dan tenaga pengajar; dan
- Melaksanakan program latihan amali sambil bekerja serta penyelidikan bagi pensyarah. Program ini memberi pensyarah institusi pengajian tinggi peluang bekerja dengan institusi kewangan supaya mereka mendapat pendedahan praktikal ataupun peluang untuk menjalankan kerja penyelidikan gunaan dalam bidang yang berkaitan dan terkini dalam industri perkhidmatan kewangan. Melalui program ini, institusi kewangan, pensyarah dan penyelidik yang mengambil bahagian dapat menggabungkan kepakaran masing-masing,

meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang ada, dan mencipta pendekatan, model dan alat baharu yang boleh membantu mereka memahami dan menangani cabaran dan peluang perniagaan baharu dengan lebih baik.

Pendekatan yang holistik untuk membangunkan modal insan telah diambil untuk memenuhi keperluan khusus golongan profesional perkhidmatan kewangan pada setiap peringkat kerjaya mereka.

Perkongsian dan pakatan strategik juga telah dijalin antara beberapa pusat pengajian korporat, organisasi pengajian berasaskan industri dan universiti untuk mengukuhkan usaha penyelidikan dan pembangunan, latihan, dan juga untuk menggalakkan pertukaran idea dan maklumat mengenai isu-isu berkaitan dengan pembangunan modal insan. Salah satu perkongsian seumpama ini ialah penyertaan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dalam Forum Penyelidikan Perkhidmatan Kewangan anjuran University of Nottingham.

Untuk memenuhi permintaan segera terhadap sumber manusia pada peringkat kemasukan, Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) telah diwujudkan untuk membekalkan siswazah baharu dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal asas yang diperlukan untuk memikul peranan profesional dalam industri perkhidmatan kewangan kelak. FSTEP, yang merupakan inisiatif yang diterajui oleh industri dan disokong oleh Bank Negara Malaysia, ialah program 12 bulan yang menggabungkan latihan dalam kelas dan latihan amali sambil bekerja dengan institusi kewangan. Melalui FSTEP, peserta akan diberi pendedahan mengenai perbankan komersial, perbankan pelaburan, perbankan Islam, insurans dan takaful, lantas memberi mereka gambaran yang menyeluruh tentang industri perkhidmatan kewangan. Selain itu, peserta juga akan menjalani latihan dalam pembangunan kecekapan sahsiah diri yang diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab dengan berkesan dalam industri perkhidmatan kewangan. Kumpulan pertama peserta FSTEP memulakan latihan pada 10 Disember 2007.

Bagi memastikan tenaga kerja industri kewangan Malaysia setaraf dengan rakan sejawat mereka pada peringkat antarabangsa dan untuk menyokong pembangunan pekerja industri yang berkebolehan dan berpengetahuan melalui pendekatan yang lebih sistematik dan teratur, Rangka Kerja Kecekapan Industri Perbankan dan Kewangan telah dihasilkan oleh IBBM. Kecekapan ini yang ditanda aras kepada amalan terbaik antarabangsa, menggariskan sifat dan kemahiran penting yang perlu ada pada kakitangan dalam industri perbankan dan kewangan. Yang lebih penting, rangka kerja ini akan membantu penyedia latihan dan institusi kewangan membangunkan program latihan dan penilaian, di samping membantu mereka menguruskan pembangunan kakitangan dengan cara yang lebih berkesan. Rangka Kerja Kecekapan Industri Perbankan dan Kewangan ini telah dilancarkan pada bulan November 2007.

Pada bulan September 2007, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah sama-sama mengetengahkan cadangan untuk menambah baik pengaturan institusi yang ada bagi latihan profesional dan pembangunan kakitangan industri kewangan. Secara umum, cadangan tersebut bertujuan meletakkan institusi latihan industri seperti IBBM, Institut Insurans Malaysia, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti pada kedudukan yang strategik supaya dapat memenuhi permintaan terhadap tenaga mahir masa ini dan masa akan datang dengan lebih cekap dan berkesan, memandangkan perkhidmatan kewangan yang semakin bersepadu. Inisiatif yang strategik ini dijangka meningkatkan lagi mutu latihan yang disediakan, mengurangkan pertindihan, merapatkan jurang program dan kelayakan yang ada, dan membangunkan program latihan yang lebih menyeluruh untuk industri ini.

Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa dan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia masing-masing pada tahun 2003 dan 2006 terus memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan pembangunan modal insan industri ini di Malaysia dan juga di seluruh rantau ini. Mandat dan pencapaian kedua-dua pusat tersebut sehingga kini dihuraikan secara terperinci dalam rencana berikut.

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa
(International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF)

Misi

INCEIF, sebagai sebuah pusat pendidikan kewangan Islam mempunyai matlamat untuk meninggikan dan memajukan pengetahuan dalam bidang kewangan Islam secara global supaya dapat melahirkan pengamal, ahli profesional dan penyelidik berkaliber tinggi, yang mahir dalam kewangan moden dan juga prinsip-prinsip Syariah. Dengan cara ini, INCEIF akan dapat menyumbang kepada bekalan tenaga kerja mahir dan kepakaran dalam industri perkhidmatan kewangan Islam.

Program

- Sehingga kini, lebih daripada 1,300 penuntut dari 53 buah negara serata dunia, termasuk Jepun, Arab Saudi dan Amerika Syarikat telah mendaftar sebagai peserta program utama INCEIF, iaitu Profesional Kewangan Islam Berkanun (Chartered Islamic Finance Professional, CIFP). CIFP menggunakan sukatan pengajian yang holistik dan komprehensif yang dirumus khas dengan menggabungkan aspek amali dan aspek teori kewangan Islam.
- Memperkenalkan program doktor falsafah (PhD) dengan Kerja Kursus dan Disertasi, dan program PhD dengan Penyelidikan yang bertujuan untuk memajukan lagi penggunaan teori dan amalan kewangan Islam berdasarkan penyelidikan kedoktoran yang dijalankan dalam bidang kewangan Islam yang khusus. Sebanyak 29 calon telah mendaftar sebagai kumpulan pertama program ini.
- Program Ijazah Sarjana sedang dibangunkan dan dijadualkan bermula pada tahun 2008.

Perkongsian Strategik

- Menubuhkan 11 perkongsian strategik setakat ini dengan beberapa institusi kewangan Islam, bank-bank pusat, institusi pengajian tinggi dan institusi latihan, dengan ini mencerminkan kerelevanan program INCEIF pada peringkat global dan pengiktirafan antarabangsa yang semakin meluas. Perkongsian strategik telah dimeterai dengan:
  i. Lembaga Pengembangan Perbankan Indonesia
  ii. Institut Perbankan Negara, Bank Negara Pakistan
  iii. Meezan Bank Pte. Ltd., Pakistan
  iv. Sekolah Perniagaan Ceylinco Sussex, Sri Lanka
  v. Institut Perbankan dan Pengajian Kewangan Emiriah, Emiriah Arab Bersatu
  vi. Akademi Pengajian Kewangan Perbankan, Sudan
  vii. Bank Pusat Syria
  viii. Universiti Al-Ghurair, Emiriah Arab Bersatu
  ix. Universiti Sains dan Teknologi, Yaman
  x. Universiti La Trobe, Australia
  xi. Universiti Malaysia Terengganu
- Usaha sama lain termasuklah bengkel lima hari Program Pembangunan Profesional Berterusan yang dianjurkan dengan Universiti Reading, United Kingdom dan Persatuan Peniaga Sekuriti Kebangsaan, New York, yang menyumbang lagi ke arah penggalakan dialog dan pemindahan kemahiran dan kepakaran dalam perbankan dan kewangan Islam pada peringkat antarabangsa.

Menggalakkan Pembangunan Tenaga Kerja Mahir dan Penyelidikan dalam Kewangan Islam

- Menyediakan peluang latihan kepada calon-calon yang layak:
  i. Sebanyak 38 penuntut dari Malaysia, Algeria, Thailand, Pakistan, Uzbekistan dan Indonesia telah ditaja melalui program biasiswa "Bright Scholars" untuk menyertai CIFP;
  ii. Menubuhkan Dana Fisabilillah INCEIF (RM400,000) untuk menyokong pembangunan kumpulan ilmuwan mahir;

iii. Menubuhkan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA) sebagai pusat penyelidikan Syariah yang khusus dan dikhaskan untuk menjalankan penyelidikan tentang penerapan prinsip Syariah dalam pelbagai bidang kewangan Islam. Akademi ini akan:
   a. menerajui penyelidikan tentang isu-isu semasa Syariah dalam kewangan Islam, termasuk dalam bidang teknik dan alat pengurangan risiko, inovasi produk, pengurusan mudah tunai dan perlindungan nilai;
   b. mengukuhkan pembangunan modal insan dalam bidang Syariah dan kewangan Islam; dan
   c. menyediakan platform bagi dialog dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pengamal, ilmuwan, pengawal selia dan ahli akademik, dengan itu menggalakkan pertumpuan Syariah dan hubungan bersama.

- Selain itu, Bank Negara Malaysia telah menganugerahkan 14 biasiswa Syariah dan dua geran penyelidikan Syariah di bawah Dana Ilmuwan Syariah dalam Kewangan Islam. Dana ini ditubuhkan untuk menyumbang ke arah pembangunan pakar Syariah dalam bidang fiqh muamalat.

Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa
(International Centre for Leadership in Finance, ICLIF)

Misi

Untuk menyediakan pendekatan yang berfokus dan terlaras untuk melahirkan generasi pemimpin bertaraf dunia untuk semua sektor dan syarikat, dengan fokus khusus terhadap sektor perkhidmatan kewangan, agar dapat memenuhi keperluan yang pesat berubah di rantau Asia dengan menyediakan peluang pembelajaran dan pengalaman melalui program pembangunan kepemimpinan yang berkesan.

Program

- Membina Model Kecekapan Kepimpinan ICLIF yang menggariskan kecekapan penting bagi kepemimpinan dan menyokong semua aspek pembangunan kepemimpinan.
- Menjalankan tujuh Program Pembangunan Kepemimpinan Global untuk memupuk pembangunan kemahiran kepemimpinan dan kemampuan pengurusan strategik yang diperlukan untuk mencapai dan memelihara organisasi berprestasi tinggi dalam persekitaran yang pesat berubah. Program ini dirumuskan dan disediakan oleh ICLIF melalui kerjasama dengan beberapa institusi pengajian terkemuka di dunia dan para perunding tersohor.
- Merumuskan dan menyediakan program-program terbaik lain seperti Menerajui Perubahan, Menerajui Inovasi, Pemikiran dan Perancangan Senario, dan Pengurusan Tenaga Kerja Mahir.
- Memeterai kontrak lima tahun dengan "Indian Railways" untuk menjalankan enam Bengkel Pemikiran Senario dan Inovasi untuk lebih 1,000 kakitangannya.

Kerjasama Strategik

- Menjalinkan kerjasama strategik dengan organisasi antarabangsa untuk:
   i. membangunkan dan menyediakan kursus pembangunan kepemimpinan dalam perbankan dan kewangan yang menyeluruh dan bermutu tinggi;
   ii. memudahkan pertukaran data, risikan, bahan ilmiah, sumber rujukan dan pakar; dan
   iii. membantu lawatan sambil belajar dua hala oleh persatuan alumni dan kumpulan pegawai eksekutif perbankan.
- Setakat ini, perkongsian strategik telah dijalinkan dengan:
   i. Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) bagi Kursus Kepemimpinan Lanjutan dan Pertengahan tentang Program Pengurusan dan Dasar Bank Pusat;
   ii. Lembaga Pengembangan Perbankan Indonesia; dan
   iii. Institut Perbankan dan Kewangan India

MEMPERLUAS AKSES KEPADA PERKHIDMATAN KEWANGAN

Bank Negara Malaysia tetap mengutamakan usaha untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang meluas dan seimbang supaya dapat meninggikan taraf hidup setiap golongan rakyat, justeru menyumbang kepada kestabilan sosial dan politik. Bagi tujuan ini, akses yang luas kepada perkhidmatan kewangan yang membolehkan segenap lapisan masyarakat menyertai kegiatan ekonomi, menjadi tumpuan dasar utama Bank Negara Malaysia. Dengan menggunakan hasil positif inisiatif terdahulu, langkah-langkah terus dilaksanakan pada tahun 2007 untuk menggalakkan lagi potensi sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro. Pembiayaan kepada PKS oleh institusi perbankan mencatat pertumbuhan kukuh, dengan pinjaman yang diluluskan kepada PKS meningkat 37.1% kepada RM55.1 bilion pada tahun 2007. Pada tempoh sama, pinjaman yang diluluskan oleh enam IKP di bawah seliaan Bank Negara Malaysia[1] meningkat 17.9% kepada RM8.1 bilion.

Langkah-langkah terus dilaksanakan pada tahun 2007 untuk menggalakkan lagi potensi sektor PKS dan perusahaan mikro.

Oleh sebab PKS merangkumi lebih 99% daripada jumlah pertubuhan perniagaan dan menyediakan pekerjaan kepada lebih 5.6 juta orang di Malaysia, pembangunan sektor PKS sangat penting untuk menggalakkan pertumbuhan yang diterajui faktor dalam negeri dan untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi. Berdasarkan Banci Pertubuhan dan Enterpris yang dijalankan pada tahun 2005, sumbangan PKS Malaysia kepada KDNK ialah 32%. Apabila dibandingkan dengan sumbangan PKS di negara lain seperti Jepun (55.3%) dan Jerman (57%), ia menunjukkan potensi yang amat besar bagi sumbangan sektor PKS Malaysia yang lebih banyak kepada pertumbuhan ekonomi. Sebagai pelengkap bagi usaha pembaikan yang dijalankan terhadap infrastruktur institusi yang sedia ada untuk PKS, inisiatif telah diambil untuk memastikan penyaluran dana yang berkesan kepada PKS, memberi sokongan berupa nasihat kewangan dan meningkatkan kesedaran tentang produk kewangan dan program yang disediakan untuk PKS.

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) memulakan usaha transformasi pada tahun 2005 untuk memperkasakan lagi peranannya sebagai pendorong pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing. Selaku penyedia utama perkhidmatan jaminan kepada PKS, transformasi ini bertujuan meletakkan CGC sebagai institusi yang lebih responsif dan mampan dari segi kewangan, yang akan lebih mampu memenuhi keperluan PKS semasa dan akan datang. Sejak transformasi itu, CGC telah memperkenalkan rangkaian produk penambahbaikan kredit yang lebih luas dan juga khidmat nasihat tentang kewangan dan pembangunan perniagaan. Ini merangkumi pelancaran Skim Penambahbaikan Kredit Secara Islam (*Enhancer-i*) dan Skim Jaminan Akses Langsung untuk Perniagaan Permulaan (*DAGS Start-up)* pada tahun 2007. *Enhancer-i* menyediakan akses kepada pembiayaan sehingga RM10 juta dan perlindungan jaminan sehingga 90%, manakala *DAGS Start-up* menyasarkan PKS baharu, dan menyediakan pembiayaan sehingga RM2 juta dan perlindungan jaminan sehingga 100%.

Akses kepada pembiayaan bagi PKS juga dipertingkatkan dengan pewujudan Dana Projek Luar Negeri bernilai RM1 bilion oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Disember 2006. Dana ini yang ditempatkan di Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), menjamin dan menyediakan kemudahan pembiayaan bersama untuk syarikat Malaysia yang ingin membiayai projek mereka di luar negeri. Institusi kewangan yang turut serta akan membiayai sehingga 90% daripada nilai kontrak dalam mata wang utama. Pada akhir bulan Disember 2007, sebanyak RM190.9 juta pinjaman telah diluluskan dengan perlindungan jaminan sebanyak RM143 juta. Selain itu, Cagamas Berhad melancarkan program pengsekuritiannya yang pertama bagi pinjaman PKS bernilai RM600 juta. Pengsekuritian ini akan memberi institusi perbankan lebih banyak kefleksibelan untuk menguruskan portfolio pinjaman PKS masing-

[1] Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional.

masing, dan ini seterusnya dapat meningkatkan kemampuan mereka untuk memberikan pinjaman kepada PKS.

Kekurangan rekod kewangan yang teratur dan juga tanggapan tentang risiko kewangan yang lebih tinggi yang dikaitkan dengan PKS, telah menjadikan tugas menilai risiko kredit PKS yang lengkap oleh institusi kewangan menjadi lebih mencabar. Untuk mengatasi halangan ini, CGC telah memeterai perkongsian strategik dengan sebuah penyedia perkhidmatan maklumat kredit pada 3 Julai 2007 untuk menubuhkan Biro Kredit PKS. Biro Kredit ini ialah bank data kredit PKS yang mendapatkan dan mengumpulkan data daripada berbagai-bagai sumber, termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia, institusi kewangan dan data kredit perdagangan perusahaan perniagaan. Maklumat tentang setiap PKS dan penarafan kredit mereka akan disediakan untuk institusi kewangan dan sektor perniagaan. Ini bertujuan membantu mereka membuat keputusan masing-masing untuk mengunderait risiko bagi pinjaman dan kredit perdagangan. Sokongan tambahan diberikan kepada PKS dengan menubuhkan Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS, iaitu direktori sehenti berasaskan web dalam portal *SMEInfo* (www.smeinfo.com.my). Direktori ini menyediakan platform kepada penasihat perniagaan PKS untuk berkongsi kepakaran, justeru memudahkan penyediaan khidmat nasihat yang menyeluruh kepada PKS. Untuk menambah baik lagi akses kepada perkhidmatan perbankan yang kerap digunakan pada harga yang minimum, 'Rangka Kerja Perkhidmatan Perbankan Asas' juga diperluas kepada PKS pada tahun 2007.

Melangkah ke hadapan, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Small and Medium Industry Development Corporation, SMIDEC) akan ditukarkan menjadi Agensi Penyelaras Pusat PKS, iaitu agensi tunggal Kerajaan khusus untuk menerajui pembangunan PKS dalam semua sektor ekonomi. Inisiatif ini bertujuan mempercepat pembangunan sektor PKS dengan menumpukan pada usaha menyelaraskan dasar-dasar PKS dan program-program Kerajaan di semua sektor, dan menyediakan perkhidmatan maklumat dan khidmat nasihat sehenti kepada PKS. Agensi Penyelaras Pusat PKS ini akan melapor terus kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan dan diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Untuk membantu PKS yang menghadapi masalah kewangan, Skim Penyelesaian Hutang Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 untuk membantu perniagaan PKS yang masih berdaya maju untuk menyusun semula pinjaman tak berbayar (NPL) mereka. Skim ini telah diperluas pada bulan Januari 2008 untuk merangkumi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia dan EXIM Bank sebagai tambahan kepada bank perdagangan dan bank Islam serta SME Bank yang sudah pun menyertai skim ini sebelum itu. Pada akhir tahun 2007, sebanyak 726 permohonan diterima, dan daripada jumlah itu sebanyak 565 permohonan yang melibatkan NPL bernilai RM324 juta telah diluluskan untuk disusun semula di bawah SDRS.

Peniaga kecil yang terjejas akibat banjir besar yang melanda seluruh negara pada tahun itu juga telah menerima bantuan khas kewangan. Pada bulan Januari 2007, Kemudahan Jaminan Bantuan Khas telah ditubuhkan dengan penyertaan CGC dan institusi kewangan untuk meringankan beban kewangan peniaga kecil yang terjejas akibat banjir. Kemudahan ini memberikan jaminan sebanyak 80% bagi pinjaman baharu yang diambil oleh peniaga yang terjejas untuk memulakan semula perniagaan. Sebanyak 4,640 pinjaman bernilai RM472 juta telah diluluskan di bawah kemudahan ini.

Bagi terus memperkukuh akses kepada perkhidmatan kewangan bagi sektor pertanian yang sedang dibangunkan sebagai salah satu penggerak ekonomi negara yang penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pendekatan dan model perniagaan baharu diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan dengan cara yang paling berkesan. Sehubungan dengan itu, satu inisiatif penting telah diambil untuk menyusun semula dan mengukuhkan Bank Pertanian Malaysia melalui pengkorporatan bank ini pada bulan Disember 2007. Berikutan pengkorporatan itu, modal berbayar Bank Pertanian Malaysia telah meningkat daripada RM42.5 juta kepada RM1 bilion, justeru menambahkan sumber kewangan yang diperlukan oleh bank ini untuk memainkan peranan lebih penting sebagai penyokong pertumbuhan sektor pertanian. Pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia akan melengkapi dua dana modal usaha niaga pertanian berjumlah RM300 juta yang ditubuhkan pada bulan September 2006 oleh Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan dua kumpulan

perbankan. Dana-dana ini bertujuan memodenkan kaedah sekarang dan menghasilkan kaedah yang lebih bersepadu bagi perniagaan asas tani di Malaysia, khususnya perkebunan, perikanan dan penternakan, di samping untuk membiayai projek pertanian baharu yang berintensif teknologi, termasuk bioteknologi. Pada akhir bulan Disember 2007, pelaburan sebanyak RM72.9 juta daripada dana-dana ini telah diluluskan kepada tujuh syarikat.

Inisiatif pembiayaan mikro yang diperkenalkan pada tahun 2006 telah mencatat pencapaian yang besar. Kini, sembilan institusi kewangan (enam institusi perbankan dan tiga IKP) menawarkan produk pembiayaan mikro. Pada akhir tahun 2007, pembiayaan sebanyak RM224.7 juta telah diberikan kepada 22,788 akaun pelanggan pembiayaan mikro, dengan saiz pembiayaan purata RM9,800. Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kewujudan dan manfaat pembiayaan mikro ini, logo pembiayaan mikro kebangsaan dilancarkan pada bulan September 2007. Sejak logo ini dilancarkan, institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan mikro mempamerkan logo ini dan juga piagam pelanggan pembiayaan mikro mereka sebagai menunjukkan komitmen mereka ke arah penyediaan perkhidmatan pembiayaan mikro. Pelanggan yang telah berjaya mendapat pembiayaan mikro ini digalakkan untuk mempamerkan logo ini di premis perniagaan mereka.

Inisiatif pembiayaan mikro telah mencatat pencapaian yang besar pada tahun 2007.

Langkah-langkah untuk meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan di kawasan luar bandar juga telah diambil. Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian, penyertaan kewangan akan terus menjadi keutamaan Bank Negara Malaysia pada tahun-tahun akan datang. Visi Bank adalah untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan perbankan, insurans dan perkhidmatan kewangan yang mudah dan senang kepada orang ramai. Institusi kewangan juga akan mendapat manfaat daripada peluang besar untuk direbut daripada segmen penduduk yang kini kurang diberikan perkhidmatan kewangan. Beberapa institusi perbankan telah menjalin perkongsian strategik dengan pelbagai penyedia perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan dan pengiriman wang tertentu kepada pelanggan di kawasan luar bandar. Usaha untuk memperluas perkhidmatan ini dan inisiatif serupa oleh institusi kewangan yang lain juga sedang dijalankan.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi turut menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan. Kemajuan terkini dalam perkhidmatan perbankan termasuklah pemindahan wang merentas sempadan melalui telefon bimbit dan perkhidmatan perbankan bergerak melalui khidmat pesanan ringkas bagi pertanyaan akaun, pembayaran bil dan pindahan wang. Melalui penggunaan teknologi terkini, produk dan perkhidmatan boleh disediakan pada kos yang lebih murah dengan jangkauan yang lebih luas ke kawasan yang biasanya tidak mendapat kemudahan perkhidmatan kewangan.

Inisiatif dan trend pembangunan berkaitan dengan PKS dan pembiayaan mikro dibincangkan dengan lanjut dalam rencana 'Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana' dan 'Pembangunan Industri Pembiayaan Mikro yang Memberangsangkan dan Mampan' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2007 yang diterbitkan bersama-sama dengan Laporan Tahunan ini.

CABARAN DAN PROSPEK

Usaha pembangunan pada tahun 2008 akan ditumpukan ke arah meningkatkan lagi keupayaan dalam negeri, membangunkan infrastruktur kewangan, mengurangkan kelemahan struktur dan juga mengukuhkan asas-asas pasaran modal. Selanjutnya, memandangkan ketidakpastian persekitaran kewangan dan kesalinghubungan yang semakin meningkat hasil daripada globalisasi kewangan, usaha akan dijuruskan ke arah mengukuhkan kerjasama serantau dan sedunia, dan juga untuk meningkatkan pertukaran maklumat yang tepat pada masanya sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memelihara kestabilan kewangan.

Pertumpuan yang lebih padu dan garis pemisah antara industri perbankan, insurans dan sekuriti yang semakin kabur akan terus menggambarkan landskap kewangan yang berubah-ubah. Bank Negara Malaysia akan

meneruskan usaha pengukuhan dengan mewujudkan persekitaran operasi yang bersesuaian. Selain itu, pendekatan yang diambil untuk liberalisasi sektor kewangan akan didorong oleh matlamat untuk menggalakkan sistem kewangan yang lebih cekap dan kompetitif sambil memastikan pertumbuhan yang seimbang dan kestabilan kewangan.

Pendekatan yang diambil untuk liberalisasi sektor kewangan akan didorong oleh matlamat untuk menggalakkan sistem kewangan yang lebih cekap dan kompetitif, sambil memastikan pertumbuhan yang seimbang dan kestabilan kewangan.

Dalam bidang kewangan Islam, Bank akan terus memperkukuh infrastruktur perundangan dan Syariah untuk memantapkan amalan kewangan yang baik dalam sektor ini, sambil menggalakkan inovasi produk dan perkhidmatan untuk menyokong perkhidmatan pengurusan dana dan kekayaan Islam yang khusus. Pembangunan pasaran sukuk akan dipercepat untuk menjadi saluran penting bagi penggemblengan dana jangka panjang untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan memudahkan pemindahan risiko secara berkesan. Pembangunan infrastruktur untuk memudahkan peningkatan dalam penawaran instrumen kewangan Islam yang sesuai untuk menangani ketakpadanan pembiayaan dan menggalakkan amalan pengurusan aset liabiliti yang baik, akan terus ditingkatkan. Usaha juga akan dipergiatkan untuk mencapai penjajaran dan pengharmonian yang lebih baik bagi model, proses dan prinsip perniagaan untuk pembangunan industri yang teratur.

Dengan prospek bagi pertumpuan yang lebih padu dalam produk dan sistem penyampaian, bankasurans dan banktakaful akan digalakkan untuk meningkatkan keupayaan saluran pemasarannya dan meningkatkan penembusan insurans. Usaha juga sedang berjalan untuk menggalakkan penghasilan produk insurans berkaitan kesihatan dan produk pencen swasta yang mampu dibeli sejajar dengan perubahan struktur demografi penduduk. Untuk menyokong pembangunan ekonomi yang seimbang, inisiatif akan terus diambil untuk menyediakan segmen penduduk yang pada masa ini kurang diberikan perkhidmatan kewangan, dengan akses yang lebih baik kepada produk dan perkhidmatan yang mampu dibeli. Usaha juga akan terus diambil untuk menyokong sektor PKS dan sektor pembiayaan mikro yang pesat berkembang, yang bakal menjadi sektor yang lebih penting dalam ekonomi negara.

Landskap Sistem Kewangan Malaysia Hari Ini

Pengenalan

Sistem kewangan telah mengalami transformasi yang ketara sejak tahun 1990-an untuk memenuhi keperluan ekonomi yang kian berkembang dan tuntutan pasaran yang berubah-ubah. Kini, sistem kewangan telah berkembang menjadi lebih pelbagai, efisien dan berdaya tahan sekali gus membolehkannya melaksanakan fungsi pengantaraan dengan berkesan dan memperkukuh peranannya sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi. Dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 7.4% sejak tahun 2001, sektor kewangan kini menyumbang 10.7% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar. Pertumbuhan ini diiringi oleh akses yang lebih baik kepada rangkaian produk kewangan, perkhidmatan dan saluran penyampaian, kualiti perkhidmatan pelanggan yang bertambah baik dan inovasi teknologi yang lebih canggih.

Peserta Keinstitusian yang Pelbagai dan Pasaran Kewangan yang Memberangsangkan untuk Menyokong Keperluan Ekonomi

Perubahan struktur selepas krisis kewangan Asia, yang dicetuskan oleh pertimbangan perniagaan dan inisiatif pengawalseliaan, telah membentuk semula landskap kewangan dan meningkatkan keupayaan daya saing peserta keinstitusian. Walaupun institusi perbankan perdagangan, perbankan pelaburan dan perbankan Islam merupakan teras sistem kewangan, sistem kewangan telah menjadi lebih pelbagai. Kini, sistem perbankan mencakupi kira-kira 50% daripada aset sistem kewangan. Penggabungan dan rasionalisasi industri perbankan domestik dan pengenalan rangka kerja perbankan pelaburan telah memperkukuh prestasi institusi perbankan domestik dan meningkatkan peranan mereka dalam ekonomi. Aset sistem perbankan berkembang pada kadar tahunan purata sebanyak 8.2% sejak tahun 2000, sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (*private debt securities*, PDS) manakala jumlah deposit bertambah pada kadar tahunan purata sebanyak 8.5% sepanjang tempoh yang sama.

Sempadan tradisional yang kian kabur antara jenis aktiviti kewangan yang berbeza dan permintaan yang makin meningkat untuk perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di bawah satu bumbung telah membawa kepada pembentukan konglomerat kewangan. Kini, semua kumpulan perbankan domestik melaksanakan rangkaian penuh aktiviti perbankan perdagangan (termasuk perkhidmatan kewangan runcit), perbankan pelaburan dan perbankan Islam. Kebanyakan konglomerat turut mempunyai penanggung insurans, syarikat pengurusan dana dan syarikat

Jadual 1
Sektor Kewangan: Bilangan Peserta

Institusi Kewangan	1999	2007
Bank Perdagangan	34	22
Syarikat Kewangan	32	0[1]
Bank Pelaburan/Bank Saudagar	12	14
Broker Universal	5	1
Syarikat Diskaun	7	0
Bank-bank Islam	2	11
Penanggung Insurans	56	41
Hayat	*7*	*8*
Am	*38*	*25*
Komposit	*11*	*8*
Penanggung Insurans Semula	11	7
Pengendali Takaful	2	8
Pengendali Takaful Semula	0	2
Institusi Kewangan Pembangunan	14	13[2]

[1] Rasionalisasi syarikat kewangan dan bank perdagangan dalam kumpulan perbankan.
[2] Antaranya enam institusi kewangan pembangunan dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP).

Landskap Kewangan Malaysia Kini



* Termasuk Pasaran Kewangan Islam

amanah saham dalam kumpulan masing-masing. Hal ini telah menyumbang ke arah realisasi manfaat daripada ekonomi ikut bidangan, dan juga pempelbagaian risiko dan sumber hasil.

Kewangan Islam, yang beroperasi secara selari dengan kewangan konvensional, telah mengalami pertumbuhan pesat sejak beberapa tahun ini sekali gus meningkatkan kepentingannya dalam sistem kewangan negara. Penubuhan subsidiari yang khusus oleh kumpulan perbankan untuk menawarkan produk perbankan Islam dan kemasukan peserta asing baharu dalam sektor perbankan Islam, takaful dan takaful semula telah merangsang pertumbuhan aset perbankan Islam, yang berkembang pada kadar tahunan purata sebanyak 19.3% sejak tahun 2003, mencakupi 15.4% daripada jumlah aset sistem perbankan pada tahun 2007. Jumlah aset sektor takaful secara purata meningkat 18.9% setiap tahun sejak tahun 2003, mencakupi 6.9% daripada jumlah aset industri insurans dan takaful. Kepelbagaian peserta telah menambah dimensi baharu kepada perkhidmatan kewangan, bukan sahaja dari segi penyampaian produk kewangan malah juga dalam pengenalan struktur pembiayaan inovatif seperti mudarabah dan musyarakah untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berbeza-beza.

Jadual 2
Aset Sistem Kewangan

	1999	2007*a*
	RM bilion	
Sistem perbankan	**803.4**	**1,651.8**
Bank Negara Malaysia	147.0	424.9
Bank perdagangan	471.0	1,050.2
Bank-bank Islam	11.7	81.8
Bank pelaburan	t.d.	94.9
Syarikat kewangan	115.9	t.d.
Bank saudagar[1]	39.2	t.d.
Syarikat diskaun[1]	18.6	t.d.
Pengantara kewangan bukan bank	**367.2**	**824.1**
Kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans	243.6	526.1
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*168.6*	*318.3*
Kumpulan wang simpanan dan pencen lain	*28.5*	*76.4*
Kumpulan wang insurans hayat	*32.3*	*110.0*[2]
Kumpulan wang insurans am	*14.2*	*21.3*[2]
Institusi kewangan pembangunan[3]	22.4	128.3
Institusi kewangan lain	101.2[4]	169.7[5]
Jumlah	**1,170.6**	**2,475.9**

[1] Institusi-institusi ini telah dirasionalisasikan menjadi bank pelaburan.
[2] Termasuk aset dana takaful.
[3] Termasuk IKP bukan di bawah kawal selia langsung Bank Negara Malaysia.
[4] Termasuk unit amanah (ASN, ASB, ASW 2020 dan ASM Mara), syarikat pembinaan, institusi simpanan, Lembaga Tabung Haji, Credit Guarantee Corporation, Cagamas Berhad, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran dan syarikat modal usaha niaga.
[5] Termasuk unit amanah (ASN dan ASN Mara), pertubuhan koperasi, syarikat pemajakan dan syarikat pemfaktoran, dan institusi kredit perumahan (termasuk Cagamas Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad dan Malaysia Building Society Berhad).

a Awalan
t.d. Tidak diperoleh
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Institusi kewangan pembangunan (IKP) dalam sistem kewangan Malaysia turut mengalami transformasi ketara beberapa tahun kebelakangan ini. Enam daripada 13 IKP di Malaysia diletakkan di bawah pengawasan penyeliaan Bank sejak tahun 2002. Tumpuan dasar untuk memperkukuh IKP melalui rasionalisasi dan penjajaran semula peranan dan fungsinya dengan lebih baik telah membolehkan IKP memberikan sumbangan yang bermakna kepada ekonomi dan melengkapkan institusi perbankan dalam penggemblengan dan peruntukan dana untuk bidang pertumbuhan ekonomi utama seperti pertanian, perdagangan antarabangsa dan yang paling penting, perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pinjaman PKS yang diberikan oleh enam IKP yang dikawal selia oleh Bank kini mencakupi 12.1% (RM13.8 bilion) daripada jumlah pinjaman terkumpul yang disalurkan kepada industri PKS manakala jumlah pinjaman terkumpul yang diberikan oleh enam IKP itu kepada sektor pertanian mencakupi 12.9% (RM3.9 bilion) daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada sektor ini pada akhir tahun 2007.

Lebih terkini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, yang diusulkan oleh Bank Negara Malaysia, telah ditubuhkan pada bulan Januari 2008 sebagai sebuah badan pusat untuk menerajui pembangunan koperasi dalam cara yang holistik, dengan memberikan tumpuan khas pada kestabilan dan kekukuhan sektor koperasi. Berdasarkan rangkaian pengagihannya yang luas di seluruh negara, koperasi dapat menyediakan satu wahana tambahan bagi perusahaan mikro untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan, justeru melengkapkan peranan institusi perbankan dan IKP. Suruhanjaya ini yang mengawal selia lebih daripada 4,000 koperasi di seluruh negara, dijangka dapat meningkatkan sokongan kepada sektor koperasi, lantas membolehkannya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Dengan berkembangnya sistem kewangan yang makin pelbagai, pasaran modal telah mengambil peranan yang semakin penting dalam menggembleng dan memperuntukkan sumber untuk membiayai perbelanjaan modal bagi sektor awam dan swasta. Dalam pasaran sekuriti hutang, jumlah sekuriti hutang terkumpul telah meningkat daripada RM225 bilion pada akhir tahun 1999 kepada RM557 bilion pada akhir tahun 2007. Yang penting ialah pertumbuhan pesat dalam terbitan sukuk yang mencakupi 40.7% daripada jumlah terbitan sekuriti hutang pada tahun 2007 (RM122.9 bilion) berbanding dengan hanya 13.4% pada tahun 1999 (RM20.3 bilion). Malaysia kini merupakan peneraju global dalam terbitan sukuk dengan 68.9% daripada sukuk terkumpul global adalah diterbitkan dari Malaysia pada tahun 2007. Ini adalah sejajar dengan agenda untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa dan pusat utama terbitan, originasi dan perdagangan sukuk. Dalam pasaran sekunder, jumlah sekuriti hutang yang didagangkan meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan transaksi penjualan dan pembelian yang lebih tinggi berjumlah RM387.5 bilion pada tahun 2007 (1999: RM151.2 bilion). Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) kekal sebagai sekuriti yang paling aktif didagangkan, mencakupi 57.8% daripada jumlah aktiviti perdagangan dengan nisbah pusing ganti 1.16 kali pada tahun 2007 (1999: 0.81 kali).

Rajah 1
Malaysia: Jumlah Sekuriti Hutang Terkumpul



Sektor korporat semakin banyak menggunakan pasaran bon untuk memperoleh dana masing-masing. Sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan telah menjadi penerbit utama PDS sejak tahun 1999, mencakupi sebanyak 37.7% daripada jumlah dana yang diperoleh pada tahun 2007 (1999: 21.5%). Sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencakupi 31.8% daripada jumlah dana (1999: 35.7%) manakala 15.2% berpunca daripada sektor utiliti (1999: 0.3%). Meskipun terbitan PDS dengan tempoh antara satu hingga 10 tahun terus

Rajah 2
Saiz Pasaran Sekuriti Hutang Korporat Berbanding dengan Pinjaman Korporat



Rajah 3
Terbitan PDS Mengikut Tempoh Pemegangan



membentuk sebahagian besar daripada terbitan PDS baharu, keluk hasil PDS telah memanjang dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini memberikan pilihan pelaburan jangka panjang untuk pelabur, khususnya penanggung insurans yang memerlukan instrumen pelaburan jangka panjang untuk mengurangkan ketidakpadanan aset-liabiliti masing-masing.

Justeru, penanggung insurans hayat kini merupakan pelabur yang aktif dalam pasaran modal selepas institusi perbankan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pelaburan oleh penanggung insurans langsung dalam MGS telah meningkat daripada RM6.2 bilion pada tahun 1999 kepada RM18.7 bilion pada tahun 2007, mencakupi lebih 10% daripada jumlah pemegangan MGS pada akhir tahun 2007. Pelaburan penanggung insurans dalam PDS turut meningkat daripada RM6 bilion kepada RM32.3 bilion sepanjang tempoh yang sama, mencakupi lebih 16% daripada jumlah PDS terkumpul pada akhir tahun 2007.

Pemegangan pelabur asing dalam pasaran sekuriti hutang telah meningkat daripada RM0.8 bilion atau 0.3% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul pada akhir tahun 2001 kepada RM81.4 bilion atau 14.7% pada akhir tahun 2007 dan ini membuktikan peningkatan daya tarikan pasaran Malaysia kepada pelabur keinstitusian asing memandangkan persekitaran kendalian dan perundangan yang kondusif. Sebagai peserta yang lebih besar dalam pasaran sekuriti hutang, pelabur-pelabur tersebut menyumbang ke arah meningkatkan kecairan keseluruhan pasaran melalui jumlah bilangan pelabur yang lebih besar dan dengan menyediakan sumber alternatif bagi permintaan terhadap sekuriti. Peluasan infrastruktur penyelesaian sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS) untuk merangkumi transaksi USD-RM melalui pelaksanaan penghubung Pembayaran-semasa-Pembayaran (*Payment versus Payment*) dan Penyerahan-semasa-Pembayaran (*Delivery versus Payment*) dengan Hong Kong masing-masing pada tahun 2006 dan 2007 turut memudahkan penyelesaian serentak pembayaran ringgit dan dolar AS serta sekuriti dalam waktu perniagaan Malaysia. Langkah ini membolehkan peserta pasaran menguruskan risiko penyelesaian pertukaran asing dengan lebih baik.

Komponen pasaran kewangan yang lain, iaitu ekuiti, wang, pertukaran asing dan pasaran derivatif telah menunjukkan prestasi yang meningkat sepanjang dekad yang lepas. Jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia telah bertambah daripada RM553 bilion pada akhir tahun 1999 kepada RM1.1 trilion pada akhir tahun 2007. Pembangunan kukuh pasaran wang juga telah memudahkan penyaluran dana jangka pendek antara institusi kewangan untuk memenuhi keperluan

pelarasan pendanaan dan portfolio, dengan jumlah nilai urus niaga pasaran wang pada tahun 2007 meningkat kepada RM2.8 trilion (1999: RM1.4 trilion). Demikian juga, pasaran pertukaran asing turut menyaksikan peningkatan dalam urus niaga pertukaran asing termasuk urus niaga perlindungan nilai. Spread bida-tawaran yang mengecil dalam pasaran pertukaran asing menandakan pasaran yang lebih baik dan semakin matang. Kontrak derivatif yang dahulunya bukan merupakan suatu kebiasaan, telah meningkat dengan munculnya inovasi kewangan yang membawa kepada penawaran produk yang lebih maju dan canggih dalam pasaran derivatif. Selain digunakan sebagai instrumen perlindungan nilai, derivatif turut digunakan oleh institusi kewangan untuk meluaskan lagi kepelbagaian produk pelaburan yang ditawarkan kepada pelanggan yang sofistikated.

Kehadiran Peserta Mantap di Dalam Negeri dan di Rantau
Kompleksiti perniagaan yang kian meningkat ekoran daripada penumpuan aktiviti yang meningkat dan persaingan yang makin sengit telah memaksa institusi kewangan merekayasa (*reengineer*) diri masing-masing dan memberikan tumpuan pada kebolehan teras, mengoptimumkan kecekapan kendalian dan mempelbagaikan saluran hasil untuk meningkatkan produktiviti. Antara lain, kecekapan dan produktiviti yang meningkat telah dapat dicapai menerusi penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, sama ada di dalam negeri atau di luar pesisir, untuk mengendalikan operasi perniagaan bukan teras seperti pemprosesan data, pemasaran produk dan perkhidmatan serta infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi. Institusi perbankan domestik dan institusi perbankan asing yang diperbadankan di negara ini turut mewujudkan pusat pemprosesan data berpusat di Malaysia yang dapat memberikan perkhidmatan kepada perniagaan masing-masing di dalam dan di luar negeri. Perkembangan ini memberikan petanda baik ke arah menggalakkan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (*shared services and outsourcing*).

Evolusi sistem kewangan turut dipacu oleh kepelbagaian pemegang saham yang membawa perspektif strategi dan pengurusan baharu, inovasi baharu dan peluang perniagaan yang bertambah. Kefleksibelan yang diberikan kepada institusi kewangan untuk menjalin perkongsian strategik dengan institusi asing dan domestik telah menjanakan peluang yang lebih banyak bagi pengaturan sinergistik dan kerjasama yang dapat memaksimumkan potensi institusi domestik. Peserta domestik dapat menggunakan kepakaran dan keupayaan antarabangsa yang dibawa oleh institusi asing ini dan meraih manfaat daripada pemindahan pengetahuan, kemahiran, teknologi dan inovasi.

Keupayaan institusi kewangan domestik yang lebih kukuh berikutan langkah rasionalisasi dan usaha bina upaya telah membolehkan pengembangan operasi perniagaan institusi kewangan domestik ke luar negeri. Sehingga kini, enam kumpulan perbankan domestik telah menembusi 19 buah negara dalam bentuk cawangan, pejabat perwakilan dan subsidiari. Pengembangan serantau dan luar negeri yang semakin giat oleh kumpulan perbankan domestik merupakan pengiktirafan terhadap peluang perniagaan yang kian bertambah dalam rantau ini disebabkan liberalisasi dan integrasi yang kian meningkat dalam kalangan ekonomi serantau. Usaha niaga sedemikian akan mempelbagaikan keupayaan pendapatan dan meningkatkan potensi perniagaan mereka menjangkaui pasaran dalam negeri. Jumlah aset operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri merangkumi hampir RM111.6 bilion manakala sumbangan purata daripada jumlah keuntungan luar negeri kepada jumlah keuntungan kumpulan ialah 10.7% (2002: -4.3%). Sumbangan hasil dan keuntungan daripada operasi di luar negeri dijangka meningkat lagi dengan ketara dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang dengan pengukuhan kehadiran institusi kewangan domestik di luar negeri dan apabila pelaburan di negara-negara tersebut bertambah matang.

Jenis Produk dan Perkhidmatan yang Komprehensif untuk Menyokong Keperluan Ekonomi
Produk deposit yang ditawarkan oleh institusi perbankan telah berkembang sejak beberapa tahun yang lalu untuk memenuhi perubahan dalam pilihan risiko-pulangan dan kecairan pelanggan. Kini, produk deposit menjadi semakin pelbagai dari segi jenis, bermula daripada deposit biasa

Jadual 3
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	1999	2007*a*
	RM bilion	
Sumber:		
Modal, rizab dan keuntungan	113.2	227.6
Mata wang	30.5	42.2
Deposit	561.3	1,147.1
Peminjaman	31.9	112.8
Dana dari institusi kewangan lain[1]	69.6	122.7
Kumpulan wang insurans, simpanan dan pencen	213.9	486.2
Tanggungan lain	153.9	337.2
Jumlah	**1,174.3**	**2,475.9**
Kegunaan:		
Mata wang	9.4	9.0
Deposit dengan institusi kewangan lain	178.8	468.8
Pinjaman dan pendahuluan[2]	489.4	861.4
Sekuriti	261.3	661.2
Bil Perbendaharaan	*3.7*	*2.0*
Bil Perdagangan	*12.8*	*10.9*
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	*75.4*	*202.0*
Korporat[3]	*163.0*	*355.8*
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	*t.d.*	*175.1*
Ekuiti	*t.d.*	*180.8*
Asing	*1.5*	*5.2*
Lain-lain	*4.9*	*85.3*
Emas dan rizab pertukaran asing	113.8	334.4
Aset lain[4]	121.5	141.1

[1] Bersamaan deposit tabungan, tetap, dan lain-lain (NIF, LPHT, dll.) deposit + NID + repo.
[2] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan.
[3] Pecahan Sekuriti Korporat kepada Sekuriti Hutang Swasta dan Ekuiti mula diperoleh sejak tahun 2003.
[4] Sebahagian daripada 'Aset lain' telah diklasifikasikan semula mulai tahun 2006.

a Awalan
t.d. Tidak diperoleh
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

kepada produk berstruktur yang menawarkan pulangan yang ditambat kepada prestasi aset yang mendasarinya, pergerakan mata wang atau indeks. Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, jumlah deposit dengan institusi perbankan dalam tempoh 2000-2007 bertambah pada kadar tahunan purata 8.5%. Kini, deposit mencakupi 172.5% daripada KDNK. Dengan penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada tahun 2005, pendeposit diberi jaminan sehingga RM60,000 bagi jumlah deposit dengan sesebuah institusi ahli, iaitu bank perdagangan dan bank-bank Islam.

Dari segi pembiayaan, pertumbuhan sejak sedekad yang lalu sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah. Ini dijana oleh peningkatan perbelanjaan pengguna yang meningkat dan disokong oleh pertambahan pendapatan dan keadaan pasaran pekerja yang positif. Bahagian pinjaman terkumpul bagi individu dan sektor isi rumah meningkat daripada 35% pada tahun 1999 kepada 55.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2007. Oleh sebab syarikat-syarikat besar beralih kepada pasaran modal untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka, strategi pemberian pinjaman juga ditumpukan untuk mendapatkan bahagian pasaran yang lebih besar bagi PKS. Pada akhir tahun 2007, pinjaman kepada PKS mencakupi 43.6% daripada pinjaman perniagaan terkumpul berbanding dengan 30% pada tahun 1999. Kebanyakan institusi perbankan telah mengembangkan peranan pembiayaan masing-masing untuk merangkumi penyediaan perkhidmatan pembangunan dan khidmat nasihat kepada pelanggan PKS masing-masing, dengan itu menyumbang ke arah memperkukuh potensi pertumbuhan sektor PKS.

Memandangkan kira-kira 80% daripada PKS di Malaysia merupakan perusahaan mikro, beberapa institusi perbankan mula menawarkan produk pembiayaan mikro untuk merebut peluang dalam pasaran ini yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Institusi perbankan terus berkembang daripada peranan memberi pinjaman tradisional kepada penyediaan penyelesaian kewangan yang lebih komprehensif yang menawarkan perkhidmatan nilai tambah yang komprehensif kepada pelanggan mereka. Memandangkan pasaran pengguna kini yang makin canggih dan mewah, perkhidmatan pengurusan portfolio dan pengurusan kekayaan serta perbankan persendirian yang memenuhi keperluan pelanggan yang mempunyai aset kewangan dengan nilai bersih yang tinggi telah berkembang pesat sejak beberapa tahun yang lepas.

Dari segi saluran penyampaian, konsep tradisional cawangan bank telah berkembang untuk memenuhi keperluan segmen pasaran khusus institusi perbankan. Penyusunan semula cawangan menjadi pusat khusus yang berteraskan pelanggan membolehkan institusi perbankan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dalam cara yang lebih efisien dan berkesan. Kemajuan teknologi juga turut menyediakan rangsangan yang selanjutnya bagi perkembangan rangkaian cawangan, dengan terminal elektronik dan kemudahan perbankan internet 24-jam yang makin menggantikan perkhidmatan yang sebelum ini dilakukan di kaunter. Penawaran produk insurans melalui cawangan institusi perbankan di bawah pengaturan bankasurans juga menjadi bertambah penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Lebih terkini, institusi perbankan telah membentuk perkongsian strategik dengan syarikat amanah saham dan pengurusan kekayaan untuk menawarkan rangkaian produk berkaitan pelaburan dan berkaitan pasaran modal yang lebih luas kepada pelanggan. Kerjasama lain termasuk penggunaan gudang runcit sebagai tempat pungutan cek dan menyediakan perkhidmatan pengiriman wang secara kerjasama dengan penyedia perkhidmatan khusus. Aktiviti ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan berasaskan fi yang dijana oleh sistem perbankan dengan kadar tahunan purata sebanyak 11.3% semenjak tahun 2000.

Penanggung insurans turut meluaskan rangkaian produk mereka untuk merangkumi pembiayaan gadai janji. Kemudahan pembiayaan gadai janji lazimnya merupakan aset jangka panjang bagi penanggung insurans hayat, yang memberikan perlindungan nilai matang semula jadi (*natural maturity-hedge*) bagi liabiliti insurans jangka panjang mereka. Pinjaman gadai janji yang diberikan oleh penanggung insurans hayat meningkat 7.4% pada tahun 2007 untuk mencakupi 3.4% daripada jumlah aset dana insurans hayat (1999: 2.8%). Produk insurans juga berkembang daripada produk hayat tradisional yang sekadar menawarkan perlindungan semata-mata kepada produk yang berkaitan pelaburan. Pada akhir tahun 2007, premium berkaitan pelaburan mencakupi 50% daripada jumlah premium perniagaan baharu yang dijana, berbanding dengan 9.6% pada tahun 1999.

Rajah 4
Agihan Premium Perniagaan Baharu Penanggung Insurans Hayat Langsung



Perkembangan Utama dalam Sektor Kewangan Malaysia

Perkembangan Keinstitusian

- Penggabungan seluruh industri menjadi sembilan konglomerat kewangan tempatan
- Rasionalisasi bank perdagangan dan syarikat kewangan
- 14 bank pelaburan dari integrasi syarikat diskaun, bank saudagar, syarikat pembrokeran saham dan broker universal
- Penubuhan subsidiari bank-bank Islam
- Perkongsian strategik bersama institusi asing/penyedia perkhidmatan khusus
- Enam kumpulan perbankan tempatan dengan kehadiran di 19 negara
- Penyusunan semula dan rasionalisasi IKP
- Produk dan perkhidmatan institusi kewangan yang kian canggih dan pelbagai
- Saluran penyampaian yang diperluas dan lebih cekap

Perkembangan Pasaran Kewangan

- Pasaran bon ketiga terbesar di Asia secara relatif kepada KDNK (Asian Bonds Online)
- Penerbit sukuk terbesar di dunia, mencakupi 68.9% daripada jumlah sukuk terkumpul global pada akhir tahun 2007
- Penyertaan sektor korporat yang lebih aktif dalam pasaran sekuriti hutang dengan sekuriti hutang korporat mencakupi 56.2% daripada jumlah pembiayaan korporat (1999: 36%)
- Pegangan pelaburan asing dalam pasaran sekuriti hutang mencakupi 14.7% dari jumlah sekuriti hutang terkumpul (2001: 0.3%)
- Permodalan pasaran Bursa Malaysia: RM1.1 trilion (1999: RM553 bilion)
- Jumlah urus niaga pasaran wang: RM2.8 trilion (1999: RM1.4 trilion)
- Jumlah urus niaga semerta (spot) dan swap di pasaran pertukaran mata wang asing: RM1.2 trillon (1999: RM647.8 bilion)

Perkembangan Infrastruktur

- Akses kepada pembiayaan
  - Credit Guarantee Corporation Bhd
  - Suruhanjaya Koperasi (2008)
- Akses kepada bantuan dalam hal-hal kewangan
  - Skim Penyelesaian Hutang Kecil (2003)
  - Biro Pengantara Kewangan (2005)
  - Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (2005)
  - Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (2006)
- Akses kepada maklumat kewangan
  - Laman web Pasaran Wang Antarabank Islam (2004)
  - Sistem Terbitan/Penawaran Automatik Sepenuhnya (FAST) (2005)
  - Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (LINK) (2005)
  - BNM TELELINK (2007)
  - *Bond Info Hub* (2007)
  - Portal-portal BankingInfo, InsuranceInfo & SMEInfo
- Pengurusan risiko kredit
  - Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) (2001)
- Perkembangan modal insan
  - Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) (2003)
  - Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) (2006)
  - Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) (2008)
- Kajian semula rangka kerja perundangan
  - Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
  - Akta Sistem Pembayaran 2003

Sejajar dengan matlamat menggalakkan peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak dan pertumbuhan yang seimbang dalam ekonomi, strategi untuk menggalakkan institusi kewangan untuk memperluas jangkauan mereka kepada pelanggan sudah mula membuahkan hasil yang memberangsangkan. Pelbagai inisiatif telah diambil untuk menggalakkan institusi perbankan menggunakan kaedah alternatif berkaitan dengan cawangan bank seperti unit bergerak dan penyedia perkhidmatan lain untuk memberikan perkhidmatan kepada segmen penduduk yang lebih luas. Hari ini, anggaran saiz penduduk yang diberi perkhidmatan bagi setiap cawangan bank di seluruh negara telah menurun daripada 8,262 pada tahun 1999 kepada 7,931 pada akhir tahun 2007. Pada akhir tahun 2007, 27% daripada cawangan bank ditempatkan di kawasan bukan metropolitan.

Kesimpulan

Sistem kewangan Malaysia telah berkembang dan menjadi semakin matang sejak krisis kewangan Asia. Sektor ini telah maju daripada sekadar menjadi pemboleh pertumbuhan ekonomi kepada sumber pertumbuhan, didorong oleh pencapaian yang berterusan dan progresif dalam pembangunan keinstitusian selain pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur. Peserta dalam sistem kewangan terus berinovasi dan mencipta semula diri masing-masing untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan ekonomi secara keseluruhan selain untuk terus relevan dalam landskap kewangan yang semakin kompetitif. Pasaran kewangan juga terus berkembang secara mendalam dan meluas, dan melengkapkan peranan sektor perbankan dalam membiayai aktiviti ekonomi. Sambil sistem kewangan mara ke tahap pembangunan seterusnya, perubahan ini penting bagi memastikan ia terus menyokong keperluan ekonomi, dan pada masa yang sama mengekalkan kestabilan kewangan.

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

86 Pelaksanaan Peraturan Berasaskan Prinsip
87 *Rencana: Piawaian Kehematan yang Dikeluarkan pada Tahun 2007*
92 Penyeliaan Berasaskan Risiko
94 Memastikan Rangka Kerja Kehematan dan Penyeliaan Yang Padu
96 Pelaksanaan Rangka Kerja Kecukupan Modal Semakan
97 Keutamaan Pada Tahun 2008
101 *Rencana: Ciri-ciri Khas Urus Niaga Kewangan Islam: Perspektif terhadap Musyarakah Mutanaqisah (Perkongsian Yang Semakin Berkurang)*

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

Pengekalan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang teguh, berkesan dan cekap terus menjadi keutamaan penting bagi Bank Negara Malaysia pada tahun 2007. Memandangkan evolusi landskap kewangan yang berterusan dan juga turun naik pasaran kewangan yang semakin ketara, Bank terus menumpukan usaha memastikan rangka kerja pengawalan kehematan dan penyeliaan bersifat responsif terhadap keadaan ekonomi yang sentiasa berubah dalam mengekalkan daya tahan institusi kewangan di samping menyediakan persekitaran yang menggalakkan inovasi kewangan dan pertumbuhan.

Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap pengawalan dan penyeliaan bank perdagangan, bank pelaburan, bank-bank Islam, penanggung insurans dan insurans semula dan juga pengendali takaful dan takaful semula. Sejak tahun 2002, Bank juga memikul tanggungjawab terhadap pengawalan dan penyeliaan enam institusi kewangan pembangunan yang diamanahkan dengan mandat-mandat khusus dalam lingkungan sektor kewangan yang lebih luas. Bank juga mengawal selia broker insurans, pelaras kerugian, broker wang dan pengendali sistem pembayaran yang dihuraikan secara berasingan dalam Bab "Amalan Pasaran dan Peningkatan Keupayaan Kewangan" dan Bab "Sistem Pembayaran dan Penyelesaian".

Evolusi rangka kerja pengawalan dan penyeliaan dalam tempoh kebelakangan ini telah mengambil kira perubahan utama landskap kewangan yang bercirikan trend berikut:

- sektor kewangan yang semakin pelbagai dengan kemunculan dan kehadiran peserta-peserta baharu yang lebih ketara dalam pasaran, seperti bank pelaburan, firma ekuiti swasta, penasihat pelaburan khusus dan juga peserta antarabangsa baharu dalam bidang kewangan Islam;
- hubung kait antara subsektor perbankan, insurans dan pasaran modal yang semakin meningkat ekoran pengkonglomeratan kewangan dan dengannya, terhasil inovasi kewangan yang lebih meluas pada kadar yang lebih cepat berbanding dahulu;
- pertumbuhan perbankan Islam yang pesat, kini mencakupi 15.4% daripada aset sistem perbankan, yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap kecanggihan dan inovasi produk;
- kewangan berasaskan pasaran yang kian meningkat dengan peranan pasaran modal yang semakin penting dalam pembiayaan aktiviti ekonomi. Ini telah menyebabkan institusi perbankan semakin beralih ke arah aktiviti berasaskan perbendaharaan di samping menggalakkan pertumbuhan pasaran derivatif; dan
- jumlah aliran modal merentas sempadan yang semakin bertambah berserta integrasi kewangan global yang lebih meluas dari segi peningkatan penyertaan peserta asing dalam sektor kewangan Malaysia dan penyertaan peserta domestik yang lebih meluas ke pasaran serantau.

Dalam penyesuaian dengan trend baharu ini, pendekatan Bank Negara Malaysia terhadap pengawalan dan penyeliaan tertumpu pada tiga elemen utama yang saling melengkapi:

- pertama, mencapai imbangan yang optimum antara peraturan berasaskan prinsip dengan peraturan berasaskan ketetapan, yang lebih mencerminkan sektor kewangan yang lebih kompleks dan berkepelbagaian, di samping memiliki kemampuan untuk membuat penyesuaian mengikut keadaan ekonomi dan pasaran yang berubah-ubah;
- kedua, melaksanakan rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko yang lebih baik dengan penilaian yang lebih terperinci terhadap profil risiko dan fungsi kawalan pengurusan risiko yang unik bagi setiap institusi, lantas memastikan pemerhatian penyeliaan yang setimpal ditumpukan pada institusi kewangan yang lebih tinggi risikonya; dan
- ketiga, mengukuhkan prasyarat bagi disiplin pasaran yang berkesan supaya dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha memastikan institusi kewangan menjalankan urusan kewangan dan perniagaan mengikut amalan yang baik.

Kemajuan yang dicapai dalam setiap elemen ini telah berjaya merapatkan kesejajaran rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Bank dengan piawai dan panduan antarabangsa yang dikeluarkan oleh Basel Committee on Banking Supervision (BCBS), International Association of Insurance Supervisors (IAIS) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB).

PELAKSANAAN PERATURAN BERASASKAN PRINSIP

Peraturan berasaskan prinsip kini lebih menonjol dalam rangka kerja kehematan. Di bawah rejim pengawalan yang lebih berasaskan prinsip, piawai kehematan yang dikeluarkan oleh Bank telah beralih secara berperingkat ke arah pembentukan prinsip-prinsip tahap tinggi yang menggantikan penetapan terperinci yang merangka keperluan penyeliaan Bank berkaitan dengan amalan kewangan dan perniagaan yang baik. Peralihan ini bukan bermaksud tahap penyeliaan atau pengawalan dikurangkan, tetapi bertujuan untuk meningkatkan tumpuan pada kemampuan sesebuah institusi menguruskan risikonya dengan berkesan dan bukan sekadar mematuhi peraturan terperinci secara mekanikal. Ini pula akan menghasilkan rangka kerja pengawalan yang lebih kukuh dalam berhadapan dengan ragam keadaan pasaran yang berubah-ubah, di samping menangani kekurangan yang wujud dalam sistem pengawalan berasaskan ketetapan "satu peraturan sesuai untuk semua" melalui pembezaan yang bersesuaian antara institusi mengikut saiz, kerumitan dan profil risiko. Institusi kewangan mempunyai lebih fleksibiliti melalui rangka kerja ini untuk menentukan cara terbaik bagi menepati kehendak penyeliaan Bank, sejajar dengan objektif strategik dan model perniagaan institusi itu sendiri. Yang pentingnya, Bank yakin bahawa pendekatan ini lebih mampan dalam jangka masa panjang bagi memperkukuh kestabilan kewangan dan menggalakkan sistem kewangan yang lebih bersaingan.

Pelaksanaan rejim pengawalan yang lebih berasaskan prinsip bagi sektor kewangan di Malaysia secara relatifnya masih pada peringkat awal. Meskipun komited terhadap proses ini, perhatian masih banyak ditumpukan pada usaha mengukuhkan prasyarat yang perlu untuk menyokong peralihan ke arah rangka kerja pengawalan yang lebih berasaskan prinsip tanpa menjejaskan matlamat kestabilan kewangan. Ini dicerminkan melalui penekanan yang jelas terhadap tadbir urus korporat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bermula dengan penyemakan substantif piawai kehematan Bank tentang tadbir urus korporat. Piawai baharu tersebut tertumpu terutamanya pada peranan lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk memastikan institusi kewangan mengamalkan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang baik. Piawai itu turut menerangkan kehendak Bank berhubung dengan keanggotaan lembaga pengarah yang berkesan yang harus terdiri daripada anggota bebas yang berwibawa, anggota lembaga dan pengurusan kanan yang cekap dalam bidang-bidang yang perlu, proses lembaga yang telus dan kebertanggungjawapan yang jelas bagi fungsi kendalian dan pengawasan dalaman.

Pada masa yang sama, proses penyeliaan Bank juga diperkukuh untuk memastikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif institusi kewangan sentiasa memenuhi kriteria layak dan sesuai. Selain penilaian semula penyeliaan untuk menentukan kesesuaian calon ketua eksekutif dan pengarah sebelum pelantikan mereka, Bank juga lebih kerap berinteraksi dengan lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan, sama ada secara perseorangan atau berkumpulan, mengenai perkembangan strategik dan risiko yang penting yang mempunyai kesan terhadap institusi mereka. Ini membolehkan penilaian yang lebih berkesan terhadap cara pihak lembaga dan pengurusan kanan melaksanakan tanggungjawab masing-masing, di samping memberikan pengetahuan yang lebih mendalam tentang isu-isu tadbir urus yang mungkin timbul dalam sesebuah institusi.

Berdasarkan penilaian penyeliaan Bank yang berterusan, keberkesanan pengawasan lembaga pengarah dan pengurusan kanan terus bertambah baik secara keseluruhannya. Secara lebih khusus, peningkatan kesedaran tentang risiko berserta strategi yang jelas untuk menguruskan risiko utama, peningkatan penzahiran, penelitian yang lebih rapi oleh pihak lembaga, dan tindakan pantas untuk mengesan dan mengatasi kelemahan kawalan dalaman, jelas kelihatan dalam kalangan institusi kewangan. Institusi kewangan yang didapati tidak menepati kehendak penyeliaan Bank dikehendaki menambahkan nisbah bilangan pengarah bebas, atau menggantikan mana-mana ahli lembaga atau ketua eksekutif yang tidak lagi memenuhi kriteria layak dan sesuai. Perkembangan ini mengukuhkan lagi struktur tadbir urus dalam sesebuah institusi dan menyokong momentum yang semakin ketara ke arah peraturan berasaskan prinsip dalam tempoh kebelakangan ini.

Sejak tahun 2001, lebih daripada 50 piawai kehematan telah dibentuk atau dikaji semula dengan menggunakan pendekatan pengawalan yang lebih berasaskan prinsip. Dalam proses

tersebut, sebahagian besar had preskriptif dan keperluan atau sekatan pengawalan telah digantikan dengan prinsip-prinsip umum yang menekankan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menguruskan risiko dengan cara yang bersesuaian dengan keadaan dan profil sesebuah institusi. Antara penetapan pengawalan yang telah dimansuhkan di bawah rejim pengawalan berasaskan prinsip yang lebih fleksibel ini ialah had pembelian saham sesebuah syarikat yang dikenakan bagi pelaburan saham oleh institusi perbankan, sekatan terhadap kemudahan kredit yang diberikan kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan institusi kewangan tersebut, senario yang ditetapkan untuk ujian ketahanan dan keperluan pemberitahuan terdahulu bagi pengenalan produk baharu.

Peralihan ke arah peraturan yang lebih berasaskan prinsip ini bukanlah mutlak, tetapi lebih bertujuan untuk mencapai imbangan yang optimum antara peraturan berasaskan prinsip dengan peraturan berasaskan ketetapan.

Peralihan ke arah peraturan yang lebih berasaskan prinsip ini bukanlah mutlak, tetapi lebih bertujuan untuk mencapai imbangan yang optimum antara peraturan berasaskan prinsip dengan peraturan berasaskan ketetapan bagi mengekalkan rangka kerja kehematan yang mantap pada setiap peringkat pembangunan sektor kewangan. Peraturan dan keperluan yang preskriptif masih lagi dikekalkan dalam bidang-bidang tertentu. Sebagai contoh, garis dasar keperluan kecukupan modal atau Tunggak 1, bagi sektor perbankan dan insurans yang merupakan asas penting rangka kerja kehematan masih lagi bersifat preskriptif. Bank menganggap bahawa tahap kepastian dan konsistensi khususnya dalam bidang ini adalah penting bagi mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan dan mengelakkan kesan bersaingan yang tidak teratur dalam sistem kewangan. Keperluan pelaporan pengawalseliaan juga masih bersifat preskriptif bagi memudahkan fungsi pengawasan mikro dan makro Bank. Di mana bersesuaian, Bank masih mengekalkan had kehematan – misalnya bagi dedahan terhadap sesebuah kumpulan pelanggan – dalam bidang-bidang tertentu sebagai langkah kehematan minimum untuk mencegah pengambilan risiko yang berlebihan. Keperluan kehematan yang lebih khusus juga masih berguna dalam mencapai piawai minimum tertentu bagi pengurusan yang baik dalam sesetengah sektor yang kurang maju dari segi kecanggihan

Piawaian Kehematan yang Dikeluarkan pada Tahun 2007

(i)	***Garis Panduan Mengenai Pelaburan dalam Saham dan Kepentingan dalam Saham (dikeluarkan pada bulan Februari 2007)***	■ Memberikan lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menjalankan aktiviti berkaitan ekuiti mengikut dasar pengurusan risiko dalaman institusi itu.
(ii)	***Garis Panduan Mengenai Ujian Ketahanan (dikeluarkan pada bulan Mac 2007)***	■ Memperkenalkan rejim ujian ketahanan yang lebih kukuh dengan memberikan lebih fleksibiliti kepada institusi kewangan untuk membentuk rangka kerja ujian ketahanan yang paling sesuai dengan profil perniagaan masing-masing, sambil menggalakkan institusi kewangan untuk lebih memahami punca risiko institusi masing-masing.
(iii)	***Garis Panduan mengenai Peranan Aktuari yang Dilantik untuk Pengendali Takaful (dikeluarkan pada bulan Mac 2007)***	■ Menetapkan mutu yang dikehendaki bagi penyiasatan aktuari terhadap keadaan kewangan dana takaful keluarga, antara lainnya dengan menerangkan: • kriteria kelayakan pelantikan aktuari yang dilantik; dan

		• tanggungjawab aktuari untuk menilai kekukuhan kewangan perniagaan takaful keluarga secara berterusan, dengan mengambil kira kehendak pemegang sijil yang munasabah dan perkembangan perniagaan itu yang mungkin memberikan kesan terhadap keadaan kewangan dana tersebut.
(iv)	***Aktiviti Pembangunan Harta dan Pelaburan Harta oleh Bank-bank Islam (dikeluarkan pada bulan Mac 2007)***	■ Menerangkan tugas-tugas lembaga pengarah bank-bank Islam bagi memastikan tadbir urus yang memadai, kawalan dalaman yang mantap dan infrastruktur pengurusan risiko yang teguh diwujudkan untuk menyokong penyertaan langsung bank-bank Islam dalam aktiviti pembangunan harta dan pelaburan harta yang dibenarkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983.
(v)	***Rangka Kerja Kecukupan Modal Wajaran Risiko Semakan (dikeluarkan pada bulan April 2007, dilaksanakan mulai bulan Januari 2008)***	■ Menerangkan metodologi untuk menentukan jumlah keperluan modal pengawalseliaan minimum bagi risiko kredit, pasaran dan operasi untuk institusi perbankan konvensional. ■ Pada bulan Oktober 2007, komponen risiko pasaran telah dimasukkan ke dalam rangka kerja ini dengan panduan tambahan tentang tadbir urus portfolio dagangan dan peruntukan untuk institusi perbankan menerima pakai Pendekatan Model Dalaman (Internal Models Approach, IMA), tertakluk kepada kelulusan Bank.
(vi)	***Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans (dikeluarkan pada bulan April 2007, untuk dilaksanakan mulai bulan Januari 2009)***	■ Menggantikan rangka kerja margin kesolvenan yang sedia ada, dengan pelaksanaan selari yang bermula pada bulan Jun 2007. ■ Menerangkan keperluan modal dan penilaian yang lebih telus dan terlaras risiko untuk menangani semua risiko kewangan utama yang dihadapi oleh penanggung insurans. ■ Rangka kerja yang serupa untuk pengendali takaful sedang dirangka dengan kertas konsep tersebut dijangka dikeluarkan pada tahun 2008.
(vii)	***Penilaian Liabiliti bagi Takaful Gadai Janji Berkurangan Tempoh (Mortgage Reducing Term Takaful, MRTT) (dikeluarkan pada bulan April 2007)***	■ Menetapkan keperluan penilaian minimum berdasarkan kaedah penilaian premium bersih yang perlu diterima pakai oleh pengendali takaful dalam menentukan rizab yang mesti diperuntukkan untuk memenuhi liabiliti masa hadapan di bawah kontrak MRTT.

(viii) Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (dikeluarkan pada bulan Jun 2007, dilaksanakan mulai bulan Januari 2008)	■ Menerangkan keperluan kecukupan modal untuk bank-bank Islam yang meliputi risiko kredit, pasaran dan operasi, yang selaras dengan Piawai Kecukupan Modal (Capital Adequacy Standard, CAS) yang dikeluarkan oleh IFSB. Rangka kerja ini telah mengambil kira ciri-ciri risiko yang unik bagi kontrak kewangan Islam. ■ Memperkenalkan keperluan modal khusus bagi risiko inventori dan komoditi untuk mencerminkan pendedahan terhadap turun naik harga yang berhubung kait dengan kemampuan bank Islam berkenaan untuk menjalankan urusan jual beli aset.
(ix) Garis Panduan mengenai Urus Niaga dan Dedahan Kredit dengan Pihak-pihak yang Berkaitan (dikeluarkan pada bulan Ogos 2007)	■ Memberikan lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk memberikan kredit kepada pihak yang berkaitan semasa menjalankan urusan perniagaan biasa (sebelum ini dilarang) berdasarkan prinsip urus niaga tulus (*arm's length transaction*) dan tertakluk kepada amalan pengurusan risiko yang mantap dan had penumpuan yang ditetapkan.
(x) Dasar Mengenai Kontrak Musyarakah dan Mudarabah (dikeluarkan pada bulan September 2007)	■ Menerangkan kehendak Bank terhadap fungsi-fungsi tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang utama untuk menyokong pengendalian urus niaga pelaburan dan pembiayaan berdasarkan kontrak musyarakah dan mudarabah yang mantap.
(xi) Garis Panduan Had Dedahan Terhadap Sesebuah Kumpulan Pelanggan (kertas konsep dikeluarkan pada bulan September 2007)	■ Mengukuhkan keperluan kehematan untuk mengawal tumpuan pendedahan kepada sesebuah kumpulan pelanggan, sejajar dengan piawai antarabangsa dan amalan terbaik. ■ Perubahan yang dicadangkan merangkumi keperluan untuk mematuhi had yang dikenakan secara keseluruhan, lebih pertimbangan terhadap dedahan yang saling berkait berdasarkan kesalingbergantungan dari segi kewangan dan komersial, penghalusan asas pengiraan had dan penerapan teknik pengurangan risiko kredit yang dibenarkan bagi mengurangkan dedahan kepada kumpulan pelanggan yang tertentu.
(xii) Piawai Tadbir Urus Korporat untuk Bank-bank Islam Berlesen (dikeluarkan pada bulan September 2007)	■ Menggariskan prinsip umum dan piawai minimum yang menangani pengawasan pengurusan, kebertanggungjawapan, pengauditan dan ketelusan bagi tadbir urus korporat yang mantap.

	■ Mengukuhkan rangka kerja pematuhan Syariah menerusi keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa Syariah, audit dalaman Syariah dan peningkatan penzahiran yang berkaitan hal-hal Syariah dalam laporan tahunan.
(xiii) Garis Panduan Mengenai Pengenalan Produk Baharu (dikeluarkan pada bulan November 2007)	■ Memperkenalkan proses pengawalseliaan yang lebih cekap bagi penawaran produk baharu oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan. ■ Institusi-institusi ini kini dibenarkan untuk menawarkan produk baharu dalam pasaran sejurus selepas mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada Bank (justeru menggantikan tempoh menunggu 21 hari yang sebelum ini dikenakan untuk penilaian penyeliaan), tertakluk kepada kehendak penyeliaan Bank dipenuhi, seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini. ■ Sistem yang serupa akan diperkenalkan untuk penanggung insurans pada tahun 2008.
(xiv) Pelantikan Juruaudit Luar (dikeluarkan pada bulan November 2007)	■ Menerangkan tanggungjawab institusi kewangan dalam menilai integriti, keobjektifan dan kecekapan profesional juruaudit luar yang dilantik mengikut perundangan sektor kewangan yang berkenaan.
(xv) Garis Panduan Mengenai Tadbir Urus Risiko (kertas konsep dikeluarkan pada bulan Disember 2007)	■ Menggariskan prinsip tahap tinggi mengenai tadbir urus pengurusan risiko untuk lembaga pengarah dan pengurusan kanan di samping kehendak penyeliaan berkaitan fungsi kawalan pengurusan risiko institusi perbankan, penanggung insurans dan pengendali takaful. ■ Garis panduan pengurusan risiko yang lebih khusus bagi risiko kredit, pasaran dan operasi juga sedang dirangka untuk memberikan panduan yang lebih lanjut mengenai kehendak penyeliaan dalam setiap bidang risiko. Kertas konsep ini dijangka dikeluarkan pada tahun 2008.
(xvi) Dasar Pengiktirafan dan Pengukuran Akaun Pelaburan Perkongsian Untung sebagai Penyerap Risiko (dikeluarkan untuk dilaksanakan mulai bulan Januari 2008)	■ Bank-bank Islam yang memenuhi keperluan minimum rangka kerja ini akan dibenarkan untuk menolak aset wajaran risiko kredit dan pasaran yang dibiayai oleh akaun pelaburan perkongsian untung daripada jumlah aset wajaran risiko untuk tujuan mengira nisbah modal wajaran risiko, sebagai mengiktiraf pemindahan risiko yang berkesan daripada bank-bank Islam kepada pemegang akaun pelaburan.

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga mengeluarkan pengumuman berkaitan hal-hal Syariah yang perlu dipatuhi oleh institusi-institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk kepada artikel "Pengumuman Syariah pada Tahun 2007".

pengurusan risikonya (misalnya institusi kewangan pembangunan), di mana panduan yang khusus masih diperlukan untuk membina keupayaan (misalnya piawai penilaian dana takaful), atau untuk menangani risiko kini dan yang bakal dihadapi (misalnya keperluan khusus yang mungkin dikenakan kepada institusi dalam keadaan kesulitan).

Bagi memperkukuh sifat dinamik keseimbangan antara peraturan berasaskan prinsip dengan peraturan berasaskan ketetapan, Bank akan terus memperbaik struktur rangka kerja kehematan untuk memberikan lebih kejelasan tentang kesalinghubungan antara peraturan yang dikeluarkan oleh Bank. Keutamaan akan diberikan pada usaha menghasilkan himpunan piawai kehematan umum yang lengkap, yang menetapkan prinsip-prinsip tahap tinggi bagi fungsi kawalan pengurusan risiko yang penting yang seharusnya wujud dalam semua institusi kewangan. Bagi tujuan itu, banyak usaha telah diambil pada tahun-tahun kebelakangan ini untuk mengkaji semula dan menghasilkan piawai dalam bidang pengawasan pihak lembaga, pengurusan kanan, audit dalaman dan pengurusan risiko, yang akan menyediakan rangka kerja kehematan yang menyeluruh untuk semua institusi kewangan yang dikawal selia.

Rangka kerja menyeluruh ini akan dilengkapkan dengan piawai kehematan yang lebih khusus bagi menggariskan kehendak penyeliaan Bank berhubung dengan pengurusan aktiviti utama yang dijalankan oleh institusi kewangan. Piawai ini mungkin khusus bagi sektor perbankan, insurans atau takaful, dan mungkin termasuk had kehematan yang bersesuaian dan keperluan lebih terperinci yang ditetapkan oleh Bank. Pada masa akan datang, Bank berharap dapat menghasilkan rangka kerja kehematan yang lebih padu dan diungkapkan dengan lebih konsisten, yang:

(i) meliputi semua unsur utama fungsi kawalan pengurusan risiko yang berkesan yang boleh diterapkan dalam semua aktiviti penting institusi kewangan (piawai am);
(ii) diubah suai mengikut bidang aktiviti khusus di samping mengelak pertindihan (piawai khusus); dan
(iii) membolehkan penetapan pengawalseliaan sebagai perlindungan kehematan minimum jika perlu.

Bank pada umumnya menjangka bahawa institusi kewangan akan memerlukan masa untuk penyesuaian dengan rejim yang lebih berasaskan prinsip. Pada masa depan, kadar peralihan ke arah rejim yang lebih berasaskan prinsip akan bergantung pada beberapa faktor penting. Pertama, ialah perubahan yang sepadan dalam perlakuan institusi kewangan iaitu daripada penumpuan pada pencapaian berasaskan pematuhan kepada penumpuan terhadap pengurusan risiko secara bersepadu yang berkesan oleh institusi. Harapan yang lebih tinggi diletakkan pada lembaga pengarah, dalam menentukan "rentak pihak atasan", di samping memastikan bahawa segenap peringkat dan fungsi dalam seluruh organisasi terlibat dengan tugas menetapkan strategi risiko, menetapkan tahap pengambilan risiko yang munasabah dan menggariskan kebertanggungjawaban. Berikutan daripada ini, Bank akan menghendaki institusi kewangan dilengkapi dengan proses, sistem dan kepakaran yang perlu, untuk menyokong keputusan dan pertimbangan kendalian yang baik, justeru mengekalkan kestabilan kewangan di bawah rejim yang lebih berasaskan prinsip ini.

Bagi memastikan institusi dapat beroperasi dengan tahap kepastian yang munasabah berkaitan amalan yang boleh diterima mengikut rangka kerja yang kurang preskriptif, dialog antara Bank dengan pihak industri juga perlu ditingkatkan, khususnya pada peringkat awal peralihan ini, supaya ada persefahaman mengenai pelbagai amalan dan pendekatan yang boleh diterima, yang mematuhi prinsip pengawalseliaan Bank. Bank akan terus membabitkan pihak industri secara aktif dalam perkara ini, di samping memastikan penilaian dan tindakan penyeliaan yang konsisten untuk memantapkan lagi amalan yang baik.

Bank juga menjangkakan lebih banyak peluang bagi persatuan-persatuan industri utama dan badan-badan profesional yang berkaitan untuk memainkan peranan dalam usaha menggalakkan dialog dalam kalangan peserta industri dan memberikan panduan yang khusus bagi sesuatu industri tentang pelaksanaan prinsip-prinsip yang dikeluarkan oleh Bank secara amali. Entiti-entiti yang dimaksudkan merangkumi Institut Bank-Bank Malaysia, Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia, Persatuan Insurans Hayat Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia, Persatuan Aktuari Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia dan badan-badan perakaunan profesional. Meskipun Bank menggalakkan

industri menghasilkan panduan yang berguna, setiap institusi kewangan akan tetap bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pelaksanaan panduan yang dikeluarkan oleh industri itu dapat menangani dedahan risiko institusi itu sendiri dengan memadai, setelah mengambil kira keadaan kendaliannya secara khusus.

PENYELIAAN BERASASKAN RISIKO

Pendekatan penyeliaan berasaskan risiko telah diterima pakai oleh Bank semenjak tahun 1997. Pada tahun 2004, rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko (RBSF) yang diperkukuh telah dilaksanakan untuk penanggung insurans dan pengendali takaful, diikuti secara berperingkat penerimapakaian rangka kerja untuk institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan. RBSF memudahkan lagi pendekatan penyeliaan Bank yang berfokuskan risiko dan impak, yang disokong oleh penilaian risiko yang lebih komprehensif dan menyeluruh terhadap setiap institusi kewangan di bawah kawal selia Bank. RBSF terpakai bagi semua institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank, dan dengan ini memastikan bahawa risiko-risiko yang serupa ditangani secara konsisten bagi seluruh sektor kewangan. Rangka kerja itu juga memudahkan penumpuan penyeliaan yang sewajarnya terhadap institusi berisiko tinggi. Oleh itu, sumber dan kegiatan penyeliaan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan lebih berkesan dengan penelitian yang lebih rapi terhadap institusi yang lebih lemah dan penting dalam sistem kewangan.

RBSF memudahkan lagi pendekatan penyeliaan Bank yang berfokuskan risiko dan impak, yang disokong oleh penilaian risiko yang lebih komprehensif dan menyeluruh terhadap setiap institusi kewangan.

RBSF merupakan instrumen penyeliaan dinamik yang mengenal pasti dan menilai risiko yang bakal muncul dalam sesebuah institusi kewangan berdasarkan pemahaman yang mendalam tentang institusi tersebut, industri dan persekitarannya, serta faktor-faktor yang boleh menjejaskan profil risiko. Satu hasil penting RBSF ialah penilaian (yang dikenali sebagai penarafan risiko komposit, PRK) tentang keupayaan sesebuah institusi untuk menunaikan kewajipannya terhadap pendeposit, si pemiutang dan pemegang polisi secara berterusan,

Carta 4.1 Rangka Kerja Penyeliaan Mengikut RBSF



* Untuk institusi perbankan Islam

termasuk semasa dalam keadaan kesulitan. Penarafan risiko komposit itu diperoleh daripada penilaian terhadap risiko yang terkandung dalam aktiviti penting sesebuah institusi, mutu pengurusan kendalian dan fungsi kawalan pengurusan risiko institusi tersebut secara keseluruhannya untuk mengurangkan risiko yang ada pada aktivitinya, dan tahap sokongan modal dan perolehan yang ada pada institusi itu bagi menampung kerugian luar jangka (Rajah 4.1). Bank Negara Malaysia menggunakan PRK sebagai asas untuk menentukan tahap intensiti penyeliaan yang wajar diberikan kepada sesebuah institusi tertentu dan tindakan penyeliaan, termasuk mengenakan keperluan modal tambahan, yang perlu diambil bagi menangani sisa risiko. PRK juga merupakan faktor yang diambil kira oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) apabila mengenakan bayaran premium yang berbeza terhadap institusi perbankan yang menjadi ahli skim insurans deposit.

RBSF disokong padu oleh "pengurus hubungan" di Bank yang mempunyai tanggungjawab utama untuk menjalankan penilaian penyeliaan terhadap institusi, menjalankan kajian semula penyeliaan secara berterusan, menyarankan tindakan campur tangan yang wajar, dan mengekalkan talian komunikasi terbuka dengan institusi bagi memastikan perkembangan - baik di dalam mahupun di luar sesebuah institusi - dapat dikenal pasti dengan cepat dan diambil kira dalam penilaian penyeliaan yang dilakukan secara berterusan.

Berdasarkan penilaian penyeliaan yang dijalankan oleh Bank di bawah RBSF, sebahagian besar institusi kewangan terus berada pada kedudukan yang baik pada akhir tahun 2007 dan mempunyai kapasiti untuk menguruskan risiko yang meningkat berikutan persekitaran luar yang lebih tidak menentu.

Pada tahun 2007, Bank Negara Malaysia terus mengukuhkan struktur sokongan, proses dan keupayaan teras yang diperlukan untuk melaksanakan RBSF secara berkesan melalui:

- pembentukan rangka kerja jaminan mutu yang meliputi proses dalaman yang lebih rapi bagi menggalakkan penilaian risiko yang tepat dan mengambil kira maklum balas di kalangan jabatan-jabatan penyeliaan Bank, di samping campur tangan yang lebih cepat dan berkesan. Antara lainnya, rangka kerja tersebut membolehkan penilaian semula dalaman sesama rakan sejawat terhadap penilaian penyeliaan untuk menyokong pertimbangan yang dibuat oleh pengurus hubungan terhadap sesebuah institusi. Kajian semula oleh panel ini memastikan penilaian penyeliaan yang dilakukan adalah berpatutan, dengan mengambil kira kehendak penyeliaan yang ditetapkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank, dedahan khusus dan amalan pengurusan risiko institusi tersebut, serta penilaian institusi lain yang mempunyai profil risiko yang serupa;
- keupayaan teknikal yang lebih mantap yang dimiliki unit risiko khusus (kredit, pasaran, operasi dan insurans) dan unit ekonometrik yang diwujudkan di Bank. Unit-unit ini dianggotai para penyelia yang berkelayakan dan pakar-pakar bidang yang memberikan sokongan penting kepada para pengurus hubungan tentang aspek-aspek lebih teknikal berkaitan dengan model statistik, penilaian risiko kompleks dan penilaian model risiko dalaman; dan
- pengukuhan infrastruktur sistem maklumat dan penyeliaan yang lebih berupaya untuk menyokong penilaian penyeliaan yang lebih cekap.

Dalam melaksanakan RBSF, Bank juga telah memperbaik dokumentasi penyeliaannya supaya penilaian penyeliaan mempunyai sokongan yang padu dan memberikan gambaran jelas tentang rentetan isu-isu risiko, perkembangan dan tindakan yang diambil bagi setiap institusi. Tahap kesepaduan yang lebih tinggi antara fungsi pengawasan makro dengan penyeliaan juga telah dicapai dengan adanya aliran maklumat dua hala yang lebih lancar yang memberi para penyelia perkembangan mutakhir tentang risiko yang bakal muncul dalam sistem kewangan secara amnya, yang mungkin boleh menjejaskan profil risiko sesebuah institusi. Dan pada masa yang sama, kearifan penyelia tentang sesebuah institusi menyumbang kepada peningkatan pemahaman dan pemantauan yang lebih berkesan oleh Bank terhadap risiko yang boleh menggugat kestabilan kewangan.

Di bawah RBSF, Bank juga lebih banyak bergantung pada fungsi-fungsi penyeliaan dalaman sesebuah institusi untuk mengenal pasti risiko yang bakal muncul dan melindungi keadaan kewangan sesebuah institusi. Bagi menyokong pergantungan sedemikian, Bank terus membabitkan lembaga pengarah dan pengurusan kanan serta kakitangan yang memikul

tanggungjawab utama terhadap audit dalaman, pengurusan risiko, pematuhan dan sokongan pengurusan maklumat dalam institusi, dalam hal-hal berkaitan dengan risiko yang membabitkan institusi tersebut. Bank juga kini lebih banyak bergantung pada hasil kerja juruaudit luar dan aktuari yang dilantik oleh institusi kewangan.

Tahap kesepaduan yang lebih tinggi antara fungsi pengawasan makro dengan penyeliaan juga telah dicapai dengan adanya aliran maklumat dua hala yang lebih lancar bagi menyediakan para penyelia perkembangan mutakhir tentang risiko yang muncul.

Berhubung dengan perkara ini, Bank juga telah mengadakan lebih banyak perbincangan dengan juruaudit luar dan aktuari untuk meningkatkan kesedaran dan kejelasan mereka tentang kehendak Bank terhadap peranan mereka, dan tahap pergantungan yang diberikan oleh Bank pada hasil kerja mereka untuk tujuan penyeliaan.

MEMASTIKAN RANGKA KERJA KEHEMATAN DAN PENYELIAAN YANG PADU

Rangka kerja bagi pengawalan kehematan dan penyeliaan saling bergantung dan saling memperkukuh antara satu sama lain. Pelaksanaan RBSF dan pendekatan peraturan yang lebih berasaskan prinsip banyak menumpukan perhatian ke arah memastikan kesepaduan yang berkesan antara proses pengawalan dengan proses penyeliaan untuk mencapai rangka kerja bersepadu yang menyumbang kepada kestabilan kewangan.

Sejajar dengan peralihan daripada rejim pengawalseliaan "satu peraturan sesuai untuk semua" yang tertumpu pada pematuhan, kepada rejim yang lebih mempraktikkan pembezaan mengikut risiko dan lebih bergantung pada pertimbangan penyeliaan, maka proses-proses yang diperkukuh telah digunakan untuk menyepadukan input penyeliaan penting ke dalam pemikiran dan penggubalan dasar.

Khususnya:

- keutamaan dasar kehematan ditetapkan melalui perbandingan dengan risiko utama terhadap kestabilan kewangan yang dikenal pasti melalui pengamatan dan penilaian penyeliaan;
- penggubalan dasar diusahakan secara bersama antara fungsi pengawalan dengan fungsi penyeliaan Bank, dengan itu membolehkan penilaian yang lebih meluas tentang dasar-dasar yang dicadangkan di samping memastikan pemahaman yang sama dicapai mengenai hasil khusus dasar kehematan berkenaan. Ini pula memudahkan tugas penilaian penyeliaan bagi setiap institusi di bawah RBSF, yang akan dijajarkan dan seterusnya mengukuhkan kehendak penyeliaan yang ditetapkan melalui peraturan berasaskan prinsip; dan
- pertimbangan penyeliaan yang baik diperkukuh lagi melalui pembabitan kakitangan yang menggubal dasar dalam panel kajian semula penyeliaan, dan perbincangan berhubung dengan langkah campur tangan. Ini pula dapat menyumbang dalam memastikan bahawa penilaian dan campur tangan penyeliaan adalah sesuai, setelah mengambil kira hasil khusus yang diharapkan oleh piawai kehematan yang dikeluarkan.

Banyak perhatian ditumpukan ke arah memastikan kesepaduan yang berkesan antara proses pengawalan dengan proses penyeliaan untuk mencapai rangka kerja bersepadu yang menyumbang kepada kestabilan kewangan.

Pada tahun 2007, Bank juga selesai menjalankan penilaian terhadap semakan yang dibuat pada undang-undang yang terpakai bagi institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank untuk memastikan rangka kerja perundangan menyokong pendekatan pengawasan yang lebih berasaskan prinsip dan juga penyeliaan yang berasaskan risiko. Lebih daripada 166 peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Insurans 1996 telah dikaji semula dengan tujuan:

- menjajarkan peruntukan undang-undang ini dengan peraturan yang lebih berasaskan prinsip dan perkembangan dalam piawai penyeliaan antarabangsa;
- memastikan Bank mempunyai kuasa yang perlu untuk bertindak di bawah pendekatan penyeliaan yang berasaskan risiko, apabila perlu;
- meningkatkan konsistensi antara sektor;
- meningkatkan kejelasan undang-undang; dan
- mengurangkan beban pentadbiran yang dipikul oleh institusi kewangan, apabila bersesuaian.

Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 juga telah dikaji semula secara serentak berserta usaha untuk mengemaskinikan dan mengukuhkan undang-undang tersebut. Bank menjangka dapat menyempurnakan proses perundangan bagi penguatkuasaan pindaan ini pada tahun 2008.

Untuk memastikan kecekapan dan integriti rangka kerja kehematan ini, Bank telah mencapai kemajuan selangkah lagi dalam usaha untuk merasionalkan dan mengemaskinikan rangka kerja kehematan bagi semua industri di bawah kawal seliaannya, dan juga yang berkaitan dengan pengantara pasaran modal di bawah kawal selia Suruhanjaya Sekuriti. Pada tahun 2007, Bank menyempurnakan usaha mengenal pasti keperluan pengawalseliaan yang tidak selaras dalam bidang kegiatan yang sama, yang melibatkan institusi yang dikawal selia oleh Bank, mengkaji semula 18 keperluan pengawalseliaan dan mengenal pasti 14 lagi bidang untuk dikaji semula pada tahun 2008.

Bank terus mendapat input yang relevan daripada industri kewangan dan pihak berkepentingan yang lain bagi mengekalkan rangka kerja yang teguh yang mencerminkan perkembangan dalam pasaran yang berubah-ubah serta boleh dilaksanakan secara amali. Pada tahun 2007, enam kertas konsep telah dikeluarkan kepada industri, manakala lapan lagi berada pada peringkat akhir penyiapan dan dijangka dikeluarkan pada separuh pertama tahun 2008. Maklum balas yang diterima daripada pihak yang berkepentingan terus memberikan pemahaman yang penting tentang implikasi dasar-dasar yang dicadangkan terhadap kecekapan institusi, konsistensi secara menyeluruh dalam industri dan juga kesan yang mungkin timbul terhadap aktiviti perniagaan dan kewangan. Apabila perlu, dasar-dasar diubah suai untuk menangani isu-isu penting yang dibangkitkan.

Bank sentiasa sedar akan keperluan keseimbangan antara manfaat dengan kos pengawalan. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, sebahagian besar maklum balas yang diterima sewaktu proses perundingan mengutarakan kebimbangan pihak institusi mengenai isu-isu pelaksanaan. Bank telah mengadakan dialog dengan industri dan dengan setiap institusi untuk memahami kebimbangan mereka dengan lebih mendalam supaya dapat menghasilkan penyelesaian yang dapat mencapai imbangan yang wajar antara kos pelaksanaan dengan risiko terhadap kestabilan kewangan. Walau bagaimanapun, dalam persekitaran yang lebih tidak menentu dan bersaingan, institusi kewangan amat menyedari keperluan segera untuk menambah baik sistem pengurusan risiko dan struktur tadbir urus dalam organisasi masing-masing.

Di luar Bank pula, kerjasama yang lebih erat dengan agensi pengawalan dan penyeliaan juga dicapai ekoran penyempurnaan perjanjian rasmi dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Perjanjian tersebut menjelaskan peranan, tanggungjawab dan pengaturan kerjasama yang bertujuan mengurangkan pertindihan dan ketidaktekalan dari segi pengawalseliaan. Pengaturan ini telah berjaya meningkatkan kecekapan pengawalseliaan dan memudahkan perkongsian maklumat antara agensi berkenaan, apabila perlu. Bank juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan State Bank of Vietnam untuk memudahkan kerjasama penyeliaan merentas sempadan yang lebih erat.

Kerjasama fungsi penyeliaan peringkat serantau semakin erat.

Pada peringkat serantau, kerjasama penyeliaan melalui pelbagai kumpulan serantau yang dianggotai Bank seperti Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) dan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), kini semakin erat. Kerjasama ditumpukan khususnya pada usaha melaksanakan Basel II di rantau ini di

samping mengukuhkan rangka kerja serantau untuk pengawasan makro dan pengurusan krisis. Pada tahun 2007, Bank juga terus komited untuk memperkuat pengaruh rantau ini dalam penghasilan piawai antarabangsa melalui penyertaannya dalam beberapa kumpulan kerja selain memberikan maklum balas terhadap lebih daripada 15 draf piawai dan kaji selidik yang dikeluarkan oleh badan-badan penetapan piawaian antarabangsa.

PELAKSANAAN RANGKA KERJA KECUKUPAN MODAL SEMAKAN

Pada tahun 2007, kemajuan yang nyata telah dicapai dalam persiapan akhir pelaksanaan rangka kerja kecukupan modal semakan untuk institusi perbankan dan penanggung insurans. Dengan rangka kerja yang telah disemak ini, keperluan modal pengawalseliaan akan lebih sejajar dengan profil risiko khusus bagi setiap institusi di samping menggunakan penilaian asas yang selaras dengan piawai pelaporan kewangan antarabangsa.

Rangka Kerja Kecukupan Modal Wajaran Risiko Semakan (Basel II) bagi Institusi Perbankan

Rangka kerja kecukupan modal wajaran risiko semakan (Basel II) yang terpakai pada bank perdagangan dan bank pelaburan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008 bagi 27 institusi perbankan yang memilih penggunaan pendekatan yang lebih ringkas, iaitu Pendekatan "*Standardised*" (Standardised Approach) bagi risiko kredit, dan sama ada Pendekatan Penunjuk Asas, "*Standardised*" dan Alternatif "*Standardised*" (Basic Indicator, Standardised and Alternative Standardised Approach) bagi risiko operasi. Tujuh institusi perbankan yang selebihnya (termasuk empat institusi perbankan asing yang diperbadankan dalam negeri) telah dibenarkan untuk terus menggunakan rangka kerja kecukupan modal yang sedia ada (Basel I) sehingga mereka beralih kepada pendekatan yang Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) yang lebih sofistikated bagi risiko kredit di bawah Basel II mulai 1 Januari 2010. Pilihan untuk beralih terus kepada pendekatan IRB bertujuan untuk mengurangkan kos pelaksanaan Basel II dan hanya dibenarkan kepada institusi perbankan yang telah memenuhi prasyarat yang ditetapkan oleh Bank. Prasyarat ini termasuk memiliki sumber dan kepakaran untuk memenuhi kehendak penyeliaan mengikut pendekatan IRB dan juga keupayaan untuk membuktikan komitmen dan disiplin yang tinggi dalam membuat persediaan pelaksanaan.

Dalam kalangan bank Islam, 10 daripada 12 bank-bank Islam telah menerima pakai rangka kerja yang telah disemak untuk bank-bank Islam (Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam atau Capital Adequacy Framework for Islamic Banks, CAFIB). Rangka kerja ini menetapkan pendekatan standard bagi pengiraan modal, di samping mencerminkan perbezaan pada dasar-dasar kontrak dan mengambil kira unsur-unsur khusus yang hanya wujud dalam perbankan Islam, seperti keperluan modal bagi risiko inventori dan pengolahan akaun pelaburan perkongsian untung. Dua bank Islam yang selebihnya telah dibenarkan untuk menerima pakai terus pendekatan IRB pada bulan Januari 2010.

Bank Negara Malaysia menjangkakan kebanyakan institusi perbankan akan mengalami hanya sedikit peningkatan dalam keperluan modal pengawalseliaan masing-masing selepas rangka kerja modal yang telah disemak ini diterima pakai, berdasarkan hasil pelaksanaan selari pada tahun 2007. Meskipun rangka kerja yang telah disemak ini memperkenalkan peruntukan baharu bagi risiko operasi, anggaran keperluan modal tambahan dijangka dikurangkan sebahagiannya oleh penjimatan modal daripada keperluan modal risiko kredit hasil daripada wajaran risiko lebih rendah yang dikenakan terhadap gadai janji kediaman dan dedahan runcit. Dalam hal ini, lebih penekanan diberikan terhadap usaha pengumpulan data tentang kerugian operasi oleh institusi perbankan. Walaupun ini bukan prasyarat untuk melaksanakan Pendekatan Penunjuk Asas di bawah rangka kerja yang telah disemak ini, Bank menganggap pengumpulan data kerugian ini sebagai amat penting untuk membolehkan institusi perbankan memahami profil risiko operasi masing-masing dengan lebih baik sebagai asas untuk membangunkan keupayaan pengurusan risiko operasi yang lebih tinggi.

Bagi sesetengah institusi, kemampuan untuk menentukan nilai kesan yang diperoleh dengan menggunakan teknik-teknik pengurangan risiko kredit yang komprehensif dan pemegangan sekuriti hutang gred pelaburan yang agak besar, akan menghasilkan lebih banyak penjimatan modal. Hasil pengiraan yang dibuat semasa pelaksanaan selari juga menunjukkan kesan

minimum terhadap modal berikutan keperluan semakan bagi risiko pasaran, yang antara lainnya, merangkumi keperluan modal baharu untuk dedahan kepada risiko komoditi dan mengambil kira dedahan kepada liabiliti yang mengimbangi dedahan aset dalam portfolio perdagangan. Bagi bank-bank Islam, kemasukan aset fizikal sebagai cagaran yang layak dan pengiktirafan akaun pelaburan perkongsian untung sebagai penyerap risiko mengikut rangka kerja semakan ini juga memberikan pelepasan modal tambahan.

Kebanyakan institusi perbankan akan mengalami hanya sedikit peningkatan dalam keperluan modal pengawalseliaan masing-masing selepas rangka kerja modal semakan ini diterima pakai.

Bagi institusi perbankan yang dibenarkan untuk beralih terus kepada pendekatan IRB, perhatian dan sumber yang banyak telah disalurkan ke arah pembinaan sistem pengurusan risiko dan data yang baik serta penambahbaikan infrastruktur, di samping usaha mengukuhkan keupayaan membina model risiko dalaman dan kemampuan analitis sebagai persediaan bagi pelaksanaan rangka kerja ini. Bank akan memantau persediaan ini dengan teliti bagi memastikan institusi perbankan berkenaan terus bersedia untuk melangkah ke arah pelaksanaan IRB menjelang tahun 2010.

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) bagi Penanggung Insurans

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) telah dikeluarkan kepada industri insurans pada bulan April 2007. Rangka kerja ini memperuntukkan keperluan modal pengawalseliaan yang lebih sensitif kepada dedahan risiko utama yang dialami oleh penanggung insurans berbanding dengan keperluan margin kesolvenan sedia ada. Ini membolehkan peraturan pelaburan yang lebih fleksibel di samping memperkenalkan keperluan penilaian semakan yang selaras dengan amalan pasaran. Semua penanggung insurans kini sedang menjalankan pelaksanaan selari sebagai persediaan untuk pelaksanaan sebenar rangka kerja ini pada bulan Januari 2009.

Meskipun Bank menjangkakan sedikit peningkatan dalam keperluan modal dalam kalangan beberapa penanggung insurans, namun pelaksanaan selari ini telah menunjukkan bahawa sebilangan besar penanggung insurans dapat memenuhi keperluan modal pengawalseliaan minimum dengan mudah. Sementara risiko insurans paling banyak menyumbang kepada keperluan modal pengawalseliaan, risiko pasaran turut merupakan punca risiko yang utama bagi penanggung insurans hayat, berpunca terutamanya daripada dedahan ekuiti dan kadar faedah yang tidak berpadanan.

Sebilangan besar penanggung insurans dapat memenuhi keperluan modal pengawalseliaan minimum dengan mudah.

Pengamalan penilaian aset dan liabiliti yang selaras dengan pasaran juga mungkin menyebabkan peningkatan tahap ketidaktentuan dalam hasil pencapaian kewangan penanggung insurans. Bagi penanggung insurans hayat khususnya, jumlah instrumen hutang jangka panjang yang tidak mencukupi dalam pasaran domestik pada masa ini beserta kadar faedah semasa yang rendah, terus memberikan tekanan kepada perniagaan terjamin, seterusnya menyebabkan dedahan kepada risiko ketidakpadanan antara aset dengan liabiliti yang lebih tinggi. Namun begitu, kebanyakan penanggung insurans dijangka hanya akan mengalami sedikit peningkatan ketidaktentuan apabila kedudukan aset terlaras dengan kedudukan liabiliti secara berkadar.

KEUTAMAAN PADA TAHUN 2008

Keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia pada tahun 2008 akan terus ditumpukan pada usaha memperkukuh keupayaan dan kapasiti Bank mengambil tindakan lebih awal untuk mengawal risiko yang bakal muncul dalam sistem kewangan. Ini merangkumi langkah:

- memastikan keperluan pengawalseliaan sentiasa bersesuaian dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran serta menerangkan dengan jelas kehendak penyeliaan Bank berhubung dengan pengurusan risiko-risiko utama;
- menyelia institusi kewangan dengan teliti untuk memastikan mereka mengurus risiko masing-masing dengan sebaiknya selaras dengan kehendak penyeliaan Bank; dan
- membina keupayaan dalam Bank secara berterusan untuk menyokong kedua-dua aktiviti ini.

Pelaksanaan rangka kerja modal semakan untuk industri perbankan dan insurans akan terus menjadi bidang keutamaan yang penting pada tahun 2008. Institusi-institusi perbankan yang telah diberi kelulusan untuk menggunakan pendekatan IRB bagi risiko kredit akan dikehendaki mengemukakan model dalaman masing-masing kepada Bank untuk dinilai sebelum model tersebut boleh digunakan untuk menentukan keperluan modal pengawalseliaan. Sumber penyeliaan akan lebih tertumpu pada tugas menilai dan mengesahkan model dalaman sebelum tahun 2010, iaitu tarikh pelaksanaan pendekatan IRB. Bank juga akan terus memantau dengan teliti impak kuantitatif daripada pelarasan modal pengawalseliaan di setiap institusi dan bagi seluruh industri membabitkan institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan "*Standardised*" dan juga penanggung insurans yang menggunakan rangka kerja RBC melalui pelaksanaan selari pada tahun 2008. Bank berharap untuk memperjelas pendekatannya untuk menentukan keperluan modal tambahan menurut proses penilaian penyeliaan (Tunggak 2) bagi sesebuah institusi dengan lebih lanjut kepada industri, serta mempertingkatkan usaha penzahiran pasaran (Tunggak 3) bagi memperkukuh pengurusan kewangan. Isu-isu pelaksanaan dan penentukuran lain yang masih dipertimbang berhubung dengan rangka kerja semakan ini akan turut diselesaikan. Bank Negara Malaysia juga berhasrat untuk memulakan usaha membentuk rangka kerja RBC yang serupa untuk pengendali takaful.

Pelaksanaan rangka kerja modal semakan untuk industri perbankan dan insurans akan terus menjadi bidang keutamaan yang penting pada tahun 2008.

Keutamaan lain bagi Bank pada tahun 2008 ialah menyiapkan kajian semula perundangan sektor kewangan yang berkenaan untuk memperkukuh pendekatan baharu Bank terhadap pengawalan dan penyeliaan; menghasilkan kompendium piawai pengurusan risiko semakan yang lebih padu; dan membuat persediaan untuk melaksanakan piawai pelaporan kewangan antarabangsa bagi instrumen kewangan dan kontrak insurans. Bank juga berharap untuk membabitkan industri dalam perbincangan mengenai cadangan pendekatan untuk menyelia kumpulan kewangan, dengan tumpuan khusus pada penggunaan rangka kerja modal kecukupan yang disemak dan RBSF dalam konteks kumpulan kewangan.

Satu lagi keutamaan Bank Negara Malaysia adalah dalam bidang tadbir urus korporat. Meskipun Bank tidak menjangkakan perubahan besar terhadap prinsip-prinsip yang digunakan oleh institusi kewangan pada masa ini, usaha seterusnya adalah untuk mengharmonikan piawai meliputi semua institusi di bawah kawal selia Bank, dan setakat yang berpatutan, dengan keperluan terkini di bawah pembaharuan Akta Syarikat 1965 yang sedang dijalankan di samping perkembangan dalam tatatadbir urus korporat pada peringkat kebangsaan. Bank juga berharap untuk meningkatkan inisiatif dalam bidang pendidikan pengarah bertujuan menyokong pembangunan fungsi lembaga pengarah yang berkesan.

Pengumuman Syariah pada Tahun 2007

Majlis Penasihat Syariah (MPS) ialah badan berkuasa tunggal bagi hal-hal Syariah yang berhubung dengan perbankan Islam, takaful dan kewangan Islam. Bidang kuasa MPS merangkumi semua institusi kewangan yang dikawal dan diselia oleh Bank Negara Malaysia. Sebagai badan rujukan dan penasihat kepada Bank mengenai hal-hal Syariah, MPS juga bertanggungjawab mengesahkan semua produk perbankan Islam dan takaful bagi memastikan produk-produk tersebut berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

MPS telah bersidang sebanyak 12 kali pada tahun 2007. Antara keputusannya yang utama ialah:

(i) ***Penerapan Ijarah Mausufah fi Zimmah untuk pembiayaan perumahan***
MPS meluluskan penerapan *ijarah mausufah fi zimmah* (pajakan hadapan) sebagai kontrak sokongan dalam pembiayaan perumahan berdasarkan ijarah sebagai kontrak utama. Keputusan ini penting khususnya bagi pembiayaan aset yang belum siap kerana ia akan menyelesaikan isu bayaran sewa yang dibuat bagi tempoh yang bermula dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga aset tersebut siap. Sebelum keputusan tersebut dibuat, bayaran sewa bagi tempoh sebelum aset adalah tidak wajar kerana penyewa tidak boleh menikmati usufruk dalam tempoh interim ini. Namun, dengan penerapan pajakan hadapan, bayaran seperti itu boleh dianggap sebagai pembayaran sewa untuk masa hadapan. Keputusan ini telah diperakui oleh cendekiawan pelbagai mazhab dan akan menyempurnakan lagi kontrak sedia ada yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

(ii) ***Penerapan kontrak Wakalah bi Istithmar***
MPS juga meluluskan penerapan kontrak *wakalah bi istithmar* (agensi untuk pelaburan) untuk akaun deposit. Kontrak ini membabitkan pengambilan deposit yang digembleng melalui wakalah (agensi), yang kemudiannya dilaburkan dalam instrumen yang akan menjana kadar pulangan minimum yang telah dipersetujui. Kontrak wakalah membenarkan institusi kewangan Islam menawarkan manfaat tambahan seperti perlindungan takaful dengan akaun deposit wakalah untuk menambah daya tarikan produk kepada pelanggan. Ini berbeza dengan deposit yang digembleng melalui *wadiah* atau *qardh*. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kontrak seperti ini hendaklah dijalankan dengan berhemat untuk mengelakkan sebarang unsur jaminan oleh ejen terhadap pulangan pelaburan. Resolusi MPS ini dijangka mempelbagaikan lagi produk yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Pada masa yang sama, bank-bank Islam diberi lebih kebebasan untuk menggunakan daya kreativiti dan inovasi masing-masing untuk mencipta produk yang hendak ditawarkan.

Menyedari pentingnya pematuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam kewangan Islam, Bank Negara Malaysia telah menerbitkan himpunan resolusi MPS dalam buku yang berjudul, "Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam" pada bulan Mac 2007. Buku ini diterbitkan sebagai rujukan untuk komuniti kewangan Islam, terutama untuk pegawai dan pengamal Syariah. Bank juga telah menyebarkan resolusi MPS yang terkini melalui siaran akhbar untuk memaklumkan pasaran tepat pada masanya, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan ketelusan dan pemahaman mengenai isu Syariah dalam kalangan peserta pasaran.

Untuk menggalakkan penyelidikan yang bermutu tentang pematuhan prinsip-prinsip Syariah dan meningkatkan kecekapan pengawalseliaan, pembentangan isu-isu Syariah dan cadangan produk baharu oleh bank-bank Islam kepada MPS perlu dikemukakan dalam format standard yang mengandungi isu, pendapat dan pandangan cendekiawan Syariah yang terkemuka. Institusi yang menawarkan produk berlandaskan Islam juga dikehendaki menyatakan dengan jelas pandangan jawatankuasa Syariah institusi tersebut dan rasional di sebalik pandangan tersebut. Ini dapat menyumbang ke arah pemahaman yang lebih mendalam tentang isu yang dibincangkan, lantas menghasilkan resolusi Syariah yang baik.

MPS disokong oleh penyelidikan Syariah yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap inovasi produk dari aspek Syariah dan juga terhadap isu dasar jangka masa terdekat dan panjang. Pada tahun 2007, penyelidikan yang dijalankan mengenai penerapan konsep *wakalah bi istithmar* dalam produk deposit simpanan telah menyokong kelulusan MPS bagi produk ini, yang dianggap sebagai produk simpanan berasaskan wakalah pertama di dunia. Bank juga telah menjalankan penyelidikan untuk menentukan sama ada prinsip-prinsip pelaporan kewangan yang sedia ada adalah sesuai untuk menjadi panduan bagi menghasilkan piawai pelaporan kewangan Islam. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh Bank, MPS telah mengumumkan bahawa prinsip-prinsip ini selaras dengan Syariah dan boleh digunakan sebagai prinsip panduan bagi menghasilkan piawai yang serupa untuk pelaporan kewangan Islam. MPS juga menekankan bahawa piawai pelaporan kewangan yang sedia ada perlu dipertingkatkan supaya dapat menyokong keperluan Syariah.

Ciri-ciri Khas Urus Niaga Kewangan Islam:
Perspektif terhadap *Musyarakah Mutanaqisah* (Perkongsian yang Semakin Berkurang)

> *"Matlamat utama Syariah (**Maqasid Syariah**) adalah untuk menggalakkan kemaslahatan umum bagi memelihara kepercayaan, kehidupan, daya intelek, generasi akan datang dan harta benda mereka. Apa sahaja yang dapat memastikan pemeliharaan bagi kelima-lima perkara ini dituntut untuk menjamin kepentingan umum."* - Al Ghazali

Kewangan Islam diasaskan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah yang jelas dalam memenuhi keperluan kewangan pesertanya dengan integriti dan secara adil, saksama, amanah dan jujur, di samping memastikan pengagihan kekayaan yang lebih saksama. Rajah 1 merumuskan secara ringkas ciri-ciri asas kewangan Islam.

Rajah 1
Ciri-ciri Asas Kewangan Islam



Berbeza dengan kewangan konvensional, kewangan Islam ditadbir oleh hukum-hukum Syariah yang melarang urus niaga yang berasaskan riba (faedah). Urus niaga kewangan Islam juga perlu berlandaskan aktiviti perdagangan dan perniagaan sebenar yang menjana keuntungan yang halal dan berpatutan. Ini mengukuhkan lagi hubungan antara aliran kewangan dengan aliran produktif yang merupakan tunjang kewangan Islam, justeru melindungi sistem kewangan Islam daripada risiko berkaitan dengan aktiviti hutang yang berlebihan dan aktiviti kewangan yang berbentuk spekulasi. Ciri-ciri perkongsian risiko dan untung dalam urus niaga kewangan Islam (seperti kontrak mudarabah dan musyarakah) yang pentakrifannya jelas daripada awal, bertindak sebagai mekanisme dalaman tambahan yang mengukuhkan lagi insentif untuk menerapkan amalan pengurusan risiko yang mantap oleh institusi kewangan Islam. Secara khususnya, ciri-ciri ini memerlukan institusi kewangan Islam melaksanakan amalan terperinci yang sesuai serta mematuhi piawai penzahiran dan ketelusan yang lebih tinggi bagi mengukuhkan disiplin pasaran dan mengurangkan ketidakseimbangan maklumat.

Ciri-ciri intrinsik ini dan keperluan kewangan Islam berperanan secara bersama sebagai penstabil dan penyekat semula jadi yang dapat mengawal risiko dan keterlampauan berhubung hutang yang berlebihan, spekulasi kewangan serta salah jual yang boleh menggugat perjalanan sistem kewangan yang berkesan.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kepelbagaian produk kewangan Islam telah meningkat dengan ketara seiring dengan kehendak para peserta yang lebih pelbagai dan berbeza. Misalnya, kontrak pembiayaan Islam kini lebih meluas daripada kontrak tokokan yang mudah sehingga merangkumi kontrak yang berasaskan ekuiti. Meskipun kewangan Islam terus berubah dengan pesat, ciri-ciri khas urus niaga kewangan Islam masih dipelihara dalam hasil inovasi baharu untuk memastikan bahawa prinsip-prinsip keagamaan dan etika yang diamalkan oleh para peserta tidak terjejas. Ini ditunjukkan dalam contoh *musyarakah mutanaqisah*, iaitu sebuah kontrak berasaskan ekuiti yang diterima secara meluas di banyak negara.

Kajian terhadap *Musyarakah Mutanaqisah*

> ***Musyarakah mutanaqisah* –** *Suatu bentuk perkongsian dengan salah satu rakan kongsi berjanji untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain secara beransur-ansur sehingga ia memiliki sepenuhnya objek perkongsian.*

Musyarakah mutanaqisah boleh digunakan bagi produk pembiayaan rumah. Mengikut konsep pemilikan bersama, institusi perbankan dan pelanggan menyumbang bahagian modal masing-masing yang diperlukan untuk memperoleh harta yang berkenaan menurut nisbah yang telah ditentukan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak pada permulaan kontrak. Institusi perbankan memajak harta itu kepada pelanggan dan pelanggan berjanji untuk memperoleh pemilikan sepenuhnya terhadap harta itu secara beransur-ansur daripada institusi perbankan sepanjang tempoh yang telah dipersetujui. Setelah pelanggan memperoleh sepenuhnya bahagian milik institusi perbankan terhadap harta yang berkenaan, maka perkongsian tersebut berakhir dan pelanggan menjadi pemilik tunggal harta itu. Kontrak ini mengandungi unsur-unsur kontrak jual dan pajak (ijarah) yang menjadi keperluan asasi untuk memastikan bahawa riba (faedah) langsung tiada dalam urus niaga *musyarakah mutanaqisah* ini. Dinamik kontrak *musyarakah mutanaqisah*, pada setiap peringkat urus niaga, untuk harta siap, digambarkan di dalam Rajah 2.

Pengamalan prinsip-prinsip Syariah dalam kontrak *musyarakah mutanaqisah* mewujudkan hubungan, hak dan kewajipan khusus bagi setiap pihak yang memeterai kontrak. Hasilnya, institusi perbankan terdedah kepada risiko pasaran yang berkaitan dengan pemilikan bersama aset berkenaan, dan juga kepada risiko kredit yang berkaitan dengan kewajipan pelanggan untuk memperoleh pemilikan aset, dan kewajipan institusi perbankan untuk menjual bahagian pemilikannya terhadap aset tersebut. Disebabkan pendedahan kepada risiko sedemikian, institusi perbankan perlu menggunakan kaedah yang lebih kukuh. Kaedah ini perlu disokong oleh data dan sistem yang telus dan mantap yang mampu mengesan dan memberikan anggaran terbaik tentang kerugian yang mungkin ditanggung akibat perkembangan negatif profil kredit pelanggan. Proses dan infrastruktur pengurusan risiko institusi perbankan yang menawarkan produk seperti ini perlulah juga dinamik dalam mengenal pasti, mengukur, mengawal dan mengurus semua risiko yang berkaitan dengan urus niaga *musyarakah mutanaqisah*. Rajah 3 menunjukkan dedahan risiko utama dan amalan pengurusan risiko pada setiap peringkat urus niaga *musyarakah mutanaqisah*, dan juga faktor-faktor lain yang boleh diperkenalkan untuk mengurangkan risiko.

Rajah 2
Dinamik Kontrak *Musyarakah Mutanaqisah* untuk Harta Siap

Musyarakah Mutanaqisah

Resolusi Majlis Penasihat Syariah (MPS)

Mesyuarat MPS yang ke-56 pada 6 Februari 2006 telah mengiktiraf *musyarakah mutanaqisah* sebagai kontrak yang dibenarkan dalam muamalat Islam, yang memupuk unsur perkongsian modal dan liabiliti antara pembiaya dengan pelanggan.



PERINGKAT URUS NIAGA	**T0** Pemerolehan harta oleh kedua-dua pihak.	**T0-TM** Sewa pajak dan pindahan pemilikan institusi perbankan secara beransur-ansur.	**TM** Pindahan pemilikan bahagian bank sepenuhnya kepada pelanggan.
HUBUNGAN KONTRAKTUAL	Institusi perbankan dan pelanggan memeterai kontrak perkongsian untuk membeli harta berdasarkan bahagian pemilikan harta yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.	Perkongsian yang semakin berkurang dan ijarah (pajakan).	Pindahan pemilikan harta sepenuhnya kepada pelanggan.
CIRI-CIRI PENTING	Mereka merupakan rakan kongsi/pemilik bersama harta berdasarkan bahagian yang telah dipersetujui, misalnya 10% akan dibayar oleh pelanggan dan 90% selebihnya akan dibayar oleh bank. Kedua-dua pihak juga bersetuju tentang bahagian untung manakala kerugian yang ditanggung akan bergantung pada sumbangan modal setiap pihak.	Mengikut konsep ijarah, pelanggan membayar sewa pajak dan beransur-ansur mengurangkan bahagian pemilikan institusi perbankan (bayaran sewa merangkumi penggunaan aset dan pembelian bahagian aset institusi perbankan). Kadar sewa boleh ditetapkan ataupun diapungkan.	• Penjelasan sepenuhnya sewa yang telah dipersetujui. • Boleh dijelaskan lebih awal dengan memperoleh bahagian pemilikan bank.

Tn – Prabayaran / Penarikan Balik
- Pelanggan boleh membuat prabayaran yang tidak sepenuhnya dengan memperoleh bahagian yang lebih besar daripada pemilikan institusi perbankan.
- Pelanggan boleh menarik balik bahagiannya dengan menjual bahagian pemilikannya kepada institusi perbankan.

Tn – Keadaan Mungkir
Seandainya pelanggan mungkir, perkongsian akan ditamatkan.
- Tanpa *wa'd* (akujanji untuk membeli), aset akan dijual dan hasil jualan dibahagi mengikut bahagian pemilikan terkini institusi perbankan dan pelanggan.
- Dengan adanya *wa'd*, pelanggan memikul kewajipan untuk memperoleh bahagian institusi perbankan yang selebihnya. Ini mewujudkan hutang yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada institusi perbankan.

Rajah 3
Pengurusan Risiko-risiko Utama dalam Kontrak *Musyarakah Mutanaqisah*



Beberapa buah negara juga telah menerapkan keperluan pengawalseliaan tertentu untuk memastikan pengurusan yang bersesuaian terhadap risiko berkaitan dengan kontrak seperti ini. Sebagai contoh, di negara yang menerima pakai rangka kerja kecukupan modal berdasarkan Standard Kecukupan Modal yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, institusi perbankan Islam dikehendaki memperuntukkan modal pengawalseliaan yang mencukupi bagi menampung dedahan kepada risiko harga berdasarkan bahagian yang dimiliki oleh institusi perbankan dalam aset yang mendasari kontrak berkenaan, dan risiko kredit yang berpunca daripada sewa terkumpul yang perlu dibayar oleh pelanggan. Sejajar dengan pengurangan bahagian pemilikan institusi perbankan dalam aset, keperluan modal bagi risiko harga akan berkurang secara beransur-ansur sepanjang tempoh kontrak.

Perkembangan kewangan Islam sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan berdaya maju dengan ciri-ciri khas, serta sekatan dan imbangan yang terkandung di dalamnya dapat menyumbang ke arah mempertingkatkan kestabilan kewangan. Melangkah ke hadapan, lebih banyak inovasi produk dalam bidang kewangan Islam dapat dilaksanakan. Ini perlu disokong oleh penyelidikan yang lebih mendalam tentang isu-isu Syariah yang berkaitan dengan pengurangan risiko, pengurusan kecairan dan perlindungan nilai untuk memastikan prinsip-prinsip asas Syariah yang mendukung faktor-faktor penstabil dalam urus niaga kewangan Islam terpelihara.

Amalan Pasaran dan Peningkatan Keupayaan Kewangan

109 Menggalakkan Amalan Pasaran Yang Adil dan Saksama
111 Meningkatkan Keupayaan Kewangan Pengguna
113 Mengukuhkan Saluran Pembelaan Pengguna
113 Penyeliaan dan Penguatkuasaan Amalan Pasaran
114 Kawal Selia Pengantara Insurans dan Takaful
115 Melangkah ke Hadapan

Amalan Pasaran dan Peningkatan Keupayaan Kewangan

Tumpuan terhadap keupayaan kewangan dan amalan pasaran yang adil ialah manifestasi daripada sistem kewangan yang semakin pelbagai dan kompleks, dan merupakan unsur penting dalam memastikan sebuah rangka kerja yang kukuh demi kestabilan kewangan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia menyasarkan dua matlamat: (i) menggalakkan amalan dan tatalaku yang berhemat bagi menjamin layanan yang adil terhadap pengguna; dan (ii) meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan pengguna di Malaysia.

Pada tahun 2007, trend dan perkembangan utama dalam persekitaran pengendalian masa kini yang boleh memberikan kesan terhadap pengguna di Malaysia telah dikenal pasti seperti yang berikut:

- kemunculan produk kewangan yang inovatif dan kompleks seperti produk pelaburan berstruktur dan produk berkaitan pelaburan. Kedua-duanya menawarkan potensi pulangan yang lebih tinggi tetapi dengan risiko pelaburan yang lebih besar. Produk seumpama ini telah mendapat sambutan yang semakin menggalakkan dalam kalangan pengguna. Sebelum membuat sebarang pelaburan dalam produk-produk ini, pengguna perlu memahami sepenuhnya terma dan syarat, kos sebenar dan risiko pelaburan yang berkaitan dengan produk-produk tersebut. Dalam konteks ini, kawalan dalaman yang berkesan untuk mengurangkan amalan salah jual dan tumpuan yang lebih besar oleh institusi kewangan terhadap penilaian kesesuaian pelanggan untuk memastikan bahawa produk kewangan yang dijual menepati keperluan pelanggan, kini menjadi semakin penting. Penzahiran dan ketelusan produk yang bertambah baik bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada pengguna malah dapat membantu mereka mengurangkan risiko pelaburan;
- trend demografi yang menjurus ke arah penduduk yang berusia dan lanjut usia telah meningkatkan keperluan pengguna memikul tanggungjawab individu yang lebih besar terhadap perancangan kewangan, termasuk perancangan persaraan. Hal ini telah meningkatkan kepentingan terhadap keupayaan kewangan untuk membolehkan pengguna membuat keputusan kewangan yang bijak;
- pada amnya, peluang yang lebih mudah yang membolehkan pengguna mengakses kredit dan memperoleh kad kredit telah meningkatkan risiko keterhutangan berlebihan yang timbul dalam sektor isi rumah. Insentif kewangan yang ditawarkan kepada pengguna untuk memperoleh kredit, seperti tempoh bebas faedah dan pemindahan baki kad kredit, di samping kadar pengenalan atau pemikat bagi gadai janji juga boleh menghasilkan kesan yang serupa. Tahap celik kewangan yang lebih tinggi mampu membantu isi rumah menguruskan dedahan kewangan masing-masing dengan lebih baik, di samping memastikan bahawa kredit pengguna sentiasa berada dalam lingkungan had kehematan; dan
- sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan tahap kecekapan dan produktiviti, penyedia perkhidmatan kewangan sedang meluaskan pengaturan penggunaan sumber luar secara berperingkat-peringkat sehingga meliputi aktiviti pemasaran dan pengutipan hutang. Di bawah pengaturan sedemikian, terdapat keperluan untuk menjamin layanan yang adil terhadap pengguna menerusi amalan yang beretika oleh institusi kewangan dan juga rakan penyedia sumber luar masing-masing.

Berdepan dengan persekitaran ini, Bank telah memperhebat usahanya untuk menggalakkan amalan pasaran yang adil dan saksama, meningkatkan tahap keupayaan kewangan dengan memberi tumpuan yang lebih tinggi terhadap kumpulan sasaran, dan meningkatkan lagi keberkesanan akses pengguna kepada saluran pembelaan.

MENGGALAKKAN AMALAN PASARAN YANG ADIL DAN SAKSAMA

Langkah-langkah yang diambil oleh Bank pada tahun 2007 tertumpu terutamanya ke arah meningkatkan lagi ketelusan dan penzahiran produk, dan menggalakkan standard profesionalisme yang tinggi dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan, iaitu institusi kewangan dan pengeluar instrumen bayaran yang ditetapkan, dalam urus niaga mereka dengan pengguna.

Pada tahun ini, Bank membangunkan rangka kerja penzahiran yang lebih seragam dan menyeluruh untuk produk kewangan runcit. Rangka kerja itu bertujuan memudahkan pemahaman pengguna terhadap ciri-ciri produk yang penting sekali gus membolehkan mereka membuat perbandingan yang bermakna sebelum membuat keputusan kewangan. Rangka kerja penzahiran akan dibina berasaskan keperluan sedia ada bagi institusi perbankan untuk menzahirkan fi dan caj yang dikenakan terhadap produk dan perkhidmatan perbankan, dan juga piawai minimum terhadap penzahiran dan ketelusan produk yang kini terpakai pada sektor insurans. Rangka kerja baharu ini menggariskan prinsip-prinsip penzahiran yang umum dan yang khusus bagi sesuatu produk yang perlu dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan kewangan. Rangka kerja ini juga menyatakan keperluan penzahiran yang berbeza pada setiap peringkat kemasukan dalam kontrak kewangan (iaitu sebelum, semasa memasuki kontrak dan sepanjang tempoh kontrak) supaya pengguna mampu membuat keputusan yang berasaskan maklumat apabila membeli produk kewangan. Dalam membangunkan rangka kerja penzahiran ini, Bank telah berusaha untuk mengimbangkan antara keperluan untuk memastikan tahap ketelusan dan kadar penzahiran yang sesuai untuk membantu pengguna membuat keputusan berasaskan maklumat, dengan mengelakkan kos pengawalseliaan yang berlebihan terhadap penyedia perkhidmatan kewangan.

Bank telah membangunkan rangka kerja penzahiran yang lebih seragam dan menyeluruh untuk produk kewangan runcit.

Selain meningkatkan penzahiran fi dan caj, Bank sentiasa berjaga-jaga dalam memastikan bahawa fi dan caj yang dikenakan oleh institusi kewangan terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan runcit adalah munasabah, setelah mengambil kira kos sebenar yang ditanggung oleh institusi kewangan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kepada pengguna. Memandangkan persekitaran yang semakin kompetitif, pelaburan modal yang dibuat oleh institusi kewangan telah bertambah dengan banyak untuk menyokong inovasi dan peningkatan produk, dan juga untuk memperbaiki perkhidmatan kepada pengguna. Pelaburan modal ini telah menghasilkan rangkaian produk yang ketara lebih luas yang tersedia untuk pengguna selain peningkatan keselesaan dan penyampaian khidmat kewangan yang lebih cepat. Sementara penyesuaian sepadan terhadap struktur fi produk kewangan dapat diwajarkan dari segi komersial, Bank berharap pelarasan itu setimpal dengan mutu produk atau perkhidmatan yang berkenaan dan juga kos menyediakan produk atau perkhidmatan tersebut. Pertimbangan tentang kos yang dibuat oleh institusi kewangan juga perlu diimbangi dengan penjimatan kos yang diperoleh daripada proses yang lebih cekap dan juga proses automasi.

Penetapan fi dan caj pada asasnya merupakan urusan yang akan ditentukan oleh institusi kewangan memandangkan pertambahan kepelbagaian produk dan perkhidmatan kewangan yang kini semakin khusus untuk pelanggan. Walau bagaimanapun, Bank telah mengeluarkan prinsip-prinsip panduan tentang pengenaan fi dan caj yang perlu diikuti oleh institusi kewangan untuk memastikan layanan yang adil terhadap pengguna. Dalam menguatkuasakan prinsip-prinsip ini, beberapa institusi perbankan dikehendaki mengkaji semula atau menghentikan fi dan caj terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan runcit yang tidak mencerminkan dengan munasabah kos yang ditanggung oleh institusi kewangan dalam menyediakan produk atau perkhidmatan tersebut. Dengan berlalunya masa, Bank menjangka bahawa dengan ketelusan dan keupayaan kewangan yang makin meningkat, tindakan keutamaan pengguna akan memperteguh lagi disiplin institusi kewangan dalam bidang ini.

Selaras dengan usaha untuk menggalakkan penyertaan pengguna yang lebih meluas dalam perkhidmatan kewangan, Bank menggiatkan lagi usahanya untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang akaun simpanan dan akaun semasa yang ditawarkan melalui Rangka Kerja Perkhidmatan Perbankan Asas (PPA). Produk deposit yang asas ini diperkenalkan buat pertama kali kepada orang ramai pada tahun 2005 khususnya untuk memenuhi keperluan umum pelanggan runcit dari segi perbankan dan ditawarkan pada kos yang minimum. Selain program jangkauan yang berterusan untuk

meningkatkan kesedaran orang ramai tentang PPA, poster yang menerangkan ciri-ciri PPA dalam empat bahasa telah dicetak dan diedarkan ke seluruh negara pada tahun 2007 untuk dipamerkan di premis-premis institusi perbankan. Pada tahun itu juga, rangka kerja PPA telah diperluas sehingga merangkumi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada akhir tahun 2007, kira-kira 3.6 juta pengguna sudah memiliki akaun simpanan asas dan ini mencakupi 13.7% daripada jumlah akaun simpanan di bawah pengendalian institusi perbankan.

Penggunaan kad kredit sebagai kaedah pembayaran terus menjadi semakin popular dalam kalangan orang ramai dengan bilangan kad kredit dalam edaran meningkat sebanyak 12.1% kepada 9.9 juta pada tahun 2007. Meskipun dengan peningkatan tersebut, kebanyakan pemegang kad kredit telah dapat menguruskan komitmen pembayaran mereka dengan baik. Pada tahun 2007, bilangan kebankrapan berkaitan kad kredit terus rendah, mencakupi hanya 0.07% atau 1,873 kes daripada sejumlah 2.7 juta pemegang kad utama. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa para pengguna memahami sepenuhnya tentang tanggungjawab memiliki kad kredit, terutamanya dengan persaingan hebat dan amalan pemasaran yang agresif oleh pengeluar kad kredit tertentu yang mendesak para pengguna menambah bilangan kad. Pada akhir tahun 2007, hampir 2,500 individu yang mempunyai hutang berkaitan dengan kad kredit telah mendapatkan bantuan melalui program pengurusan hutang Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Oleh sebab amalan pemasaran yang agresif boleh menggagalkan usaha menggalakkan sifat kebertanggungjawapan dan pengurusan yang berhemat bagi hutang isi rumah, Bank telah mengeluarkan syarat minimum kepada para pengeluar kad kredit untuk menjual, memasarkan dan mempromosikan kad kredit dengan matlamat mengawal amalan pemasaran yang sedemikian. Bank juga mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pengeluar kad mengamalkan struktur harga bertingkat bagi kad kredit yang memberikan insentif kepada pengguna dalam penggunaan kad kredit secara berhemat. Di bawah struktur ini, pemegang kad akan dikelaskan kepada beberapa tingkat mengikut amalan pembayaran balik mereka. Pemegang kad kredit yang memperlihatkan penggunaan kad kredit secara berdisiplin akan menikmati caj yang lebih rendah setakat 15% setahun, berbanding dengan kadar siling 18% setahun yang terpakai pada pemegang kad lain. Struktur baharu ini akan berkuat kuasa sepenuhnya mulai 1 Julai 2008.

Bank telah mengeluarkan syarat minimum untuk menjual, memasarkan dan mempromosikan kad kredit.

Untuk mencegah amalan yang tidak beretika oleh penyedia perkhidmatan kewangan dan ejen masing-masing dalam aspek pengutipan hutang, Bank juga mengeluarkan garis panduan tentang amalan pengutipan hutang yang adil. Sementara Bank mengakui bahawa kutipan balik hutang yang berkesan oleh penyedia perkhidmatan kewangan merupakan unsur penting bagi pengurusan risiko kredit yang baik, kutipan balik hutang daripada peminjam hendaklah dijalankan secara adil, termasuk melindungi kerahsiaan peminjam sepanjang proses kutipan balik tersebut.

MENINGKATKAN KEUPAYAAN KEWANGAN PENGGUNA

Inisiatif keupayaan kewangan Bank Negara Malaysia pada tahun 2007 terus tertumpu pada usaha meningkatkan keupayaan pengguna untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar terhadap pengurusan kewangan peribadi. Secara khususnya, Bank terus meluaskan program-program jangkauannya dengan menyediakan maklumat kepada orang ramai tentang kewujudan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin beraneka dalam pasaran dan mendidik para pengguna tentang hak dan tanggungjawab mereka. Dalam usaha untuk mencapai demografi yang lebih luas, usaha jangkauan Bank pada tahun 2007 juga banyak ditumpukan secara khususnya pada kumpulan sasaran seperti wanita, murid sekolah, penuntut kolej dan universiti, masyarakat luar bandar dan golongan pesara.

bankinginfo dan *insuranceinfo*

bankinginfo dan *insuranceinfo* terus menjadi tumpuan utama inisiatif pendidikan pengguna Bank. Pada tahun 2007, laman web *bankinginfo* dan *insuranceinfo* telah dipertingkatkan dengan memasukkan alat-alat seperti kalkulator kewangan yang membolehkan pelawat mengira

belanjawan isi rumah, premium insurans motor dan ansuran sewa beli. Panduan perancangan kewangan dan maklumat perbandingan tentang produk-produk kewangan biasa yang baharu turut ditambah untuk memudahkan pengguna menilai keperluan kewangan masing-masing dan membandingkan penyelesaian yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang berbeza. Pada masa ini, terdapat lapan jadual perbandingan antara produk perbankan di laman web *bankinginfo* yang menyediakan maklumat penting tentang produk-produk biasa dan dipersembahkan dengan cara yang seragam untuk tujuan perbandingan, termasuk kadar pembiayaan dan deposit selain fi dan caj. Tiga siri buku kecil maklumat baharu untuk pengguna kewangan juga telah diterbitkan. Ini menjadikan bilangan buku kecil yang telah diterbitkan di bawah *bankinginfo* dan *insuranceinfo* masing-masing berjumlah 24 siri buku kecil. Pada tahun 2007, lebih daripada 360,000 buku kecil ini telah diedarkan kepada para pengguna di Malaysia.

Aktiviti Jangkauan

Aktiviti jangkauan Bank telah berkembang dengan meluas dari segi bilangan orang dan segmen yang dijangkaui, dan dengan mendalam dari segi pengetahuan kewangan yang disebarkan. Ini telah dicapai dengan menggunakan pendekatan yang lebih terarah dan kolaboratif yang membolehkan Bank menumpukan sumbernya pada kegiatan yang mampu menghasilkan kesan yang terbesar dan berganda. Dalam hal ini, Bank telah menyertai 70 kegiatan jangkauan sepanjang tahun 2007, termasuk pameran kewangan, seminar dan taklimat yang dianjurkan untuk para pengguna. Dalam acara-acara ini, Bank memberikan tumpuan pada isu-isu yang berkaitan dengan belanjawan peribadi dan isi rumah, perkhidmatan perbankan asas, hak dan tanggungjawab pengguna, penipuan kewangan dan saluran pembelaan.

Program Sekolah Angkat memasuki tahun yang kesepuluh pada tahun 2007. Program ini merupakan usaha sama antara Bank Negara Malaysia, Kementerian Pelajaran dan institusi kewangan yang bertujuan untuk membasmi tidak celik kewangan dalam kalangan murid-murid sekolah dengan meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan pengurusan kewangan. Sejak mula diperkenalkan, lebih daripada 7,000 sekolah di seluruh negara telah dijadikan sekolah angkat oleh institusi kewangan, dengan Kelab Kewangan Pelajar (KKP) ditubuhkan sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum di lebih daripada 2,000 sekolah. KKP bertindak sebagai pusat yang berkesan bagi aktiviti jangkauan oleh institusi kewangan menerusi aktiviti kelab yang dibuat secara optimum untuk meningkatkan minat pelajar terhadap urusan kewangan.

Untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang *Buku Wang Saku* dan menggalakkan penggunaannya secara meluas dalam kalangan murid sekolah sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyemai tabiat kewangan yang baik pada usia yang muda, Bank dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telah menganjurkan pertandingan *Buku Wang Saku Kebangsaan* pada bulan Julai 2007. Pertandingan ini telah menarik minat 3,200 pelajar. Lebih daripada 738,000 naskhah *Buku Wang Saku* telah diedarkan kepada murid-murid sekolah di seluruh negara pada tahun 2007. Sehingga kini, sejumlah 5.9 juta naskhah *Buku Wang Saku* telah diberikan kepada para pelajar di bawah Program Sekolah Angkat.

Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pendidikan Kewangan (JKPK) pada bulan Februari 2007 menandakan sebuah pencapaian penting dalam kerjasama Bank dengan agensi separa kerajaan yang lain seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). JKPK akan bertindak sebagai platform untuk menyelaraskan inisiatif pendidikan kewangan dan mempermudah peruntukan sumber-sumber secara lebih cekap antara agensi untuk mencapai matlamat bersama.

AKPK, yang ditubuhkan oleh Bank pada tahun 2006, telah membuka tiga cawangan baharu iaitu di Melaka, Ipoh dan Kuantan pada tahun 2007, selain pejabat wilayah sedia ada yang terletak di kelima-lima cawangan Bank Negara Malaysia, dan dengan itu mengembangkan perkhidmatannya kepada segmen penduduk Malaysia yang lebih luas. Pada akhir tahun 2007, hampir 50,000 pelanggan telah mendapatkan perkhidmatan AKPK. Daripada jumlah ini, lebih daripada 5,000 individu yang mempunyai hutang berjumlah RM478 juta telah menerima khidmat nasihat di

bawah program pengurusan hutang AKPK dengan kadar penamatan (termination) yang rendah, iaitu 8.6%. Selaras dengan mandatnya, agensi ini juga terus menyumbang ke arah peningkatan pendidikan kewangan di Malaysia sebagai langkah awal untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat. Pada tahun ini, modul tentang pengurusan kewangan peribadi untuk diajar di universiti-universiti awam telah dihasilkan oleh AKPK untuk menyediakan golongan siswazah berdepan dengan cabaran menguruskan kewangan mereka dengan bijaksana pada permulaan kerjaya mereka.

5,000 individu yang mempunyai hutang berjumlah RM478 juta telah menerima khidmat nasihat di bawah program pengurusan hutang AKPK.

MENGUKUHKAN SALURAN PEMBELAAN PENGGUNA

Di Malaysia, unit-unit khusus untuk aduan di institusi-institusi kewangan, Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia (BNMLINK) dan Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) telah memainkan peranan sebagai saluran utama pembelaan untuk menyelesaikan pertikaian pengguna.

Aduan yang diterima terhadap institusi perbankan pada tahun ini kebanyakannya adalah berkenaan dengan taraf perkhidmatan pelanggan dan hal-hal yang berkaitan dengan kad kredit seperti urus niaga tanpa kebenaran dan masalah pengebilan. Dalam sektor insurans pula, aduan dibuat terutamanya tentang kelewatan pemprosesan tuntutan dan tingkah laku ejen. Semua aduan yang diterima oleh Bank dan BPK disiasat dengan segera bersama-sama dengan institusi kewangan yang berkenaan menurut piagam pelanggan Bank dan BPK. Siasatan terhadap aduan tentang urus niaga kad kredit tanpa kebenaran yang kebanyakannya berpunca daripada kecurian kad dan kecuaian pemegang kad, tidak mendedahkan sebarang kebimbangan terhadap ketidakcukupan dalam fungsi kawalan pengeluar kad kredit. Beberapa institusi kewangan juga mengambil langkah untuk memperkenalkan fungsi Bantuan Pengguna di organisasi masing-masing sebagai satu lagi saluran pembelaan tambahan untuk pengguna yang tidak berpuas hati dengan penyelesaian aduan mereka yang diberikan oleh unit aduan institusi yang berkenaan.

Pada bulan Julai 2007, Bank melancarkan BNMTELELINK untuk melengkapkan saluran sedia ada bagi orang ramai mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan kewangan dan memperoleh bantuan untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan yang dihadapi mereka. BNMTELELINK diwujudkan berasaskan model BNMLINK yang menawarkan bantuan kepada pelawat berkaitan dengan aduan dan pertanyaan mereka. Sambutan terhadap saluran baharu ini yang mengendalikan pertanyaan dan aduan secara bertulis serta menerusi telefon adalah amat memberangsangkan, dengan sejumlah 25,012 pertanyaan diterima dalam tempoh lima bulan pertama selepas mula beroperasi. Kebanyakan pertanyaan yang dibuat adalah berkaitan dengan permintaan orang ramai terhadap laporan kredit yang dijana daripada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, iaitu sistem yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia, dan juga pertanyaan yang berkaitan dengan maklumat seperti itu.

PENYELIAAN DAN PENGUATKUASAAN AMALAN PASARAN

Prinsip-prinsip amalan pasaran yang adil dan peranan institusi kewangan dalam menyokong inisiatif keupayaan kewangan negara telah diperkukuh menerusi aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan amalan pasaran yang dilaksanakan oleh Bank. Bank menyelia amalan penyedia perkhidmatan kewangan dengan mengkaji semula maklumat yang berkaitan dengan produk (termasuk fi dan caj), menjalankan kajian semula di premis, temu duga melalui telefon, pengawasan media dan juga tinjauan industri dan pengguna. Semua aktiviti ini membolehkan Bank mengenal pasti dan bertindak balas dengan pantas terhadap amalan pasaran yang baru muncul yang boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap pasaran perkhidmatan kewangan runcit.

Dalam usaha meningkatkan tahap standard perkhidmatan industri perkhidmatan kewangan, aktiviti penyeliaan pengendalian amalan pasaran Bank pada tahun 2007

tertumpu pada penilaian amalan penyedia perkhidmatan kewangan berhubung dengan akses kepada perkhidmatan dan maklumat kewangan untuk orang ramai dan bantuan kepada pengguna. Institusi kewangan berkenaan telah mengambil langkah pembetulan bagi menangani kekurangan pengendalian pasaran yang dikenal pasti oleh Bank, yang menghasilkan tahap penyeliaan keseluruhan industri yang lebih baik terhadap amalan pengendalian pasaran yang adil.

Bank juga mengkaji iklan dan promosi khas yang disiarkan oleh institusi kewangan dalam akhbar utama, laman web dan risalah untuk memastikan bahawa terma dan syarat adalah adil dan telus. Hasil daripada kajian ini, 11 iklan dan promosi yang gagal menzahirkan maklumat tentang fi dan caj serta ciri-ciri produk yang penting dengan secukupnya telah diubah suai ataupun ditarik balik oleh institusi kewangan yang berkenaan atas arahan Bank Negara Malaysia.

KAWAL SELIA PENGANTARA INSURANS DAN TAKAFUL

Dengan hampir dua pertiga daripada perniagaan insurans dan takaful diagihkan melalui pihak pengantara termasuk ejen, kawal selia terhadap pengantara insurans dan takaful ini terus menjadi satu bahagian usaha penting Bank untuk menggalakkan amalan pasaran yang utuh dalam sektor insurans dan takaful. Pada akhir tahun 2007, sejumlah 82 pengantara insurans dan takaful dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jadual 5.1
Pengantara Insurans dan Takaful pada akhir tahun 2007

Pemegang Lesen	Bilangan Pemegang Lesen
Akta Insurans 1996	
Broker insurans	34
Ajuster	37
Penasihat kewangan	7
Akta Takaful 1984	
Broker takaful	30[1]
Ajuster takaful	36[2]

Rujukan
[1] Dua puluh enam daripada broker takaful ini juga merupakan broker insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996.
[2] Ajuster takaful ini juga merupakan ajuster berlesen di bawah Akta Insurans 1996.

Pada tahun 2007, inisiatif untuk menggalakkan standard amalan pasaran dan profesionalisme yang tinggi dalam kalangan pengantara insurans dan takaful telah diterajui terutamanya oleh persatuan-persatuan industri dengan sokongan Bank. Untuk memupuk disiplin pasaran yang lebih tinggi dan meningkatkan standard perkhidmatan pelanggan dalam industri insurans am, Persatuan Broker-broker Insurans dan Takaful Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia telah bersama-sama menghasilkan Rangka Kerja Amalan Terbaik untuk broker, penanggung insurans dan pengendali takaful. Rangka kerja ini mula berkuat kuasa pada bulan Julai 2007 dan merupakan usaha industri yang bertujuan untuk menambah baik lagi amalan penyelesaian premium insurans am dengan memudahkan penyesuaian akaun dan juga bayaran premium serta komisen antara broker dengan penanggung insurans atau pengendali takaful. Rangka kerja ini juga menyediakan penguatkuasaan syarat-syarat waranti premium yang lebih berkesan bagi kelas insurans dan takaful bukan motor yang tertentu, lantas mengurangkan risiko yang ditanggung oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bagi polisi yang premiumnya belum diterima.

Cadangan penerapan Perjanjian Antara Pengendali Takaful (PAPT) oleh pengendali takaful akan dapat meningkatkan lagi taraf profesionalisme dalam industri takaful. PAPT mentadbir amalan pengamal dan pengantara takaful, di samping memperuntukkan pewujudan mekanisme berpusat bagi pendaftaran pengantara takaful, mekanisme penguatkuasaan dan rangka kerja disiplin untuk memastikan kepatuhan oleh ahli-ahlinya. Pelaksanaan PAPT akan menggalakkan amalan yang teratur dan memastikan amalan pasaran yang seragam dalam kalangan pengendali takaful, sambil menyediakan medan persaingan yang saksama antara peserta insurans dengan peserta takaful dalam industri ini.

Pertumpuan dan kecekapan yang lebih tinggi dalam rangka kerja pengawalseliaan untuk pengantara insurans juga berjaya dicapai dengan termeterainya Memorandum Persefahaman antara Bank Negara Malaysia

(yang mengawal selia penasihat kewangan) dengan Suruhanjaya Sekuriti (yang mengawal selia perancang kewangan) pada bulan Ogos 2007. Selain mewujudkan pengiktirafan bersama antara kedua-dua rejim pelesenan melalui pengharmonian keperluan-keperluan pelesenan, Memorandum Persefahaman ini juga memperkenalkan proses lorong hijau untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan yang dilesenkan di bawah rejim masing-masing untuk memohon lesen di bawah rejim yang lain. Proses yang diperkemas ini akan membolehkan pihak pengantara menyediakan penyelesaian-penyelesaian kewangan yang lebih lengkap untuk memenuhi keperluan pengguna sambil mengurangkan beban kawal selia pematuhan terhadap kedua-dua rejim kawal selia tersebut.

MELANGKAH KE HADAPAN

Teras inisiatif dasar pada tahun 2008 akan menumpukan pada pengukuhan rangka kerja perundangan untuk menyokong rejim amalan pasaran pengawalseliaan yang komprehensif dan berkesan. Beberapa bahagian perundangan yang berkaitan akan dipinda untuk membolehkan Bank menetapkan dan menguatkuasakan standard amalan pasaran yang adil dan saksama dalam industri perbankan dan insurans.

Teras inisiatif dasar pada tahun 2008 akan menumpukan pada pengukuhan rangka kerja perundangan untuk menyokong rejim amalan pasaran pengawalseliaan yang komprehensif dan berkesan.

Bank juga menjangka memainkan peranan yang lebih besar bagi disiplin pasaran dan kawal selia kendiri dalam memastikan amalan pasaran yang utuh dalam industri ini pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, Bank akan bekerjasama dengan industri untuk menimbangkan beberapa pilihan untuk menghasilkan rejim kawal selia kendiri yang berkesan. Bank mengakui bahawa keupayaan kewangan pengguna merupakan batu asas kepada rejim seperti ini, dan pelaburan serta inisiatif yang dilaksanakannya dalam usaha ini adalah penting untuk menyokong peralihan ke arah rangka kerja kawal selia kendiri. Kepantasan peralihan industri ke arah rangka kerja seumpama ini juga akan banyak bergantung pada kewujudan infrastruktur yang berfungsi dengan baik dan berkesan untuk penguatkuasaan oleh industri ini. Hal ini memerlukan institusi kewangan, secara individu dan kolektif, mengambil pandangan jangka masa yang lebih panjang tentang prestasi yang mampan dengan membina keyakinan terhadap industri dan meneguhkan nama baik industri, dan bukan hanya menumpukan pada keuntungan jangka pendek (seperti mengenakan fi dan caj yang berlebihan dan tidak wajar, atau mengamalkan salah jual untuk mencapai sasaran hasil tahunan).

Rangka kerja kawal selia yang lebih cekap untuk pengantara juga akan dipertimbangkan untuk mengimbangkan kos kawal selia dengan risiko yang ditimbulkannya terhadap kestabilan kewangan. Ini akan diiringi oleh usaha yang berterusan untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dengan pengenalan undang-undang Ombudsman yang akan menyediakan satu lagi pilihan saluran yang lebih baik kepada para pengguna untuk pembelaan dalam urus niaga mereka dengan penyedia perkhidmatan kewangan. Selain itu, Bank akan terus menekankan prinsip-prinsip amalan pasaran yang adil dalam semua aspek utama urus niaga kewangan, termasuk memastikan perlindungan maklumat kewangan peribadi, memelihara standard penzahiran yang berpatutan, dan memastikan pengguna memperoleh sokongan dan maklumat yang diperlukan melalui pendidikan kewangan dan nasihat yang betul, untuk membolehkan mereka membuat keputusan berasaskan maklumat. Bank akan mempergiatkan aktiviti pengawasan amalan pasaran pada tahun yang akan datang untuk memastikan bahawa semua hasil ini dapat dicapai.

Laporan Sistem Pembayaran

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

119 Mengurus Keselamatan dan Kestabilan Sistem Pembayaran
125 Menggalakkan Sistem Pembayaran Yang Lebih Efisien

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Tanggungjawab Bank Negara Malaysia untuk mengawasi sistem pembayaran dan penyelesaian dalam negara diambil daripada Akta Sistem Pembayaran 2003 (ASP). Memandangkan sistem pembayaran penting untuk perjalanan ekonomi, aktiviti pengawasan Bank tertumpu ke arah memastikan kebolehpercayaan sistem pembayaran dan penyelesaian utama dan mengurangkan risiko dalam sistem tersebut. Meskipun Bank memberikan tumpuan utama pada pengurangan risiko sistemik, langkah menggalakkan infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang efisien dan kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan pembayaran masih menjadi pertimbangan penting. Usaha mengurangkan risiko perlu mengambil kira kos, keperluan dan sifat praktikal dalam melaksanakan usaha tersebut. Perimbangan ini penting untuk menggalakkan perkhidmatan pembayaran yang efisien dan berkesan dari segi kos, yang akan menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran alternatif yang selamat dengan lebih meluas. Meskipun mandat Bank menurut ASP adalah untuk menggalakkan pengendalian sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan yang boleh dipercayai, efisien dan lancar, skopnya melangkaui batas mandat berkanunnya. Bank turut memainkan peranan penting memupuk inovasi dalam pembayaran di samping memudahkan dan memacu perkembangan landskap pembayaran demi mempertingkatkan keselamatan, jaminan dan kecekapan sistem pembayaran. Ini merangkumi tanggungjawab untuk mengekalkan keyakinan orang ramai dalam sistem pembayaran runcit dan penggunaan instrumen pembayaran, dan mengemudi agenda nasional untuk menggalakkan perpindahan kepada kaedah pembayaran secara elektronik (e-pembayaran).

Aktiviti pengawasan Bank tertumpu ke arah memastikan kebolehpercayaan sistem pembayaran dan penyelesaian utama dan mengurangkan risiko dalam sistem tersebut.

Pada tahun 2007, Bank menumpukan usaha pengawasannya untuk terus menangani risiko sistemik dalam sistem pembayaran utama, mengekalkan keyakinan orang ramai dalam sistem pembayaran runcit, dan menambah baik keseluruhan kecekapan sistem pembayaran secara keseluruhan. Sebagai langkah untuk meneruskan usaha menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran, Bank bersama-sama industri pembayaran telah bekerjasama ke arah mempertingkatkan infrastruktur pembayaran, menggalakkan penerapan teknologi baharu, dan memberikan sokongan kepada pihak yang berkepentingan dalam sektor sasaran seperti Kerajaan yang telah dikenal pasti sebagai penggerak utama dalam agenda nasional untuk perpindahan kepada e-pembayaran.

MENGURUS KESELAMATAN DAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN

Pada tahun 2007, aktiviti pengawasan yang dijalankan oleh Bank tertumpu pada usaha membendung risiko sistemik dan mengurangkan risiko keseluruhan dalam sistem pembayaran. Bersandarkan matlamat ini, Bank menumpukan sumber pengawasannya terhadap sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS). Sistem ini menyelesaikan pembayaran bernilai besar dan sebarang risiko yang terjadi pada sistem ini akan memberikan impak paling ketara terhadap kestabilan kewangan. Lebih 90% daripada jumlah pembayaran bukan tunai pada tahun 2007 yang bernilai RM29.9 trilion telah dihantar melalui RENTAS. Dari segi purata, RENTAS mengendalikan urus niaga pembayaran bernilai RM124.5 bilion setiap hari pada tahun 2007, iaitu penambahan sebanyak 23.6% berbanding dengan tahun 2006.

Sebagai pengendali RENTAS, Bank memberikan penekanan penting dari segi pematuhannya terhadap amalan terbaik antarabangsa. Pada tahun 2006, modul Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip (Scripless Securities Trading System, SSTS) dalam RENTAS telah dinilai berdasarkan Cadangan Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Committee on Payment and Settlement Systems, CPSS) dan Jawatankuasa Teknikal Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (Technical Committee of the International Organisation of Securities Commissions, IOSCO) bagi Sistem Penyelesaian

Sekuriti. Penilaian kendiri menunjukkan bahawa modul SSTS dalam RENTAS mencapai tahap pematuhan yang tinggi berdasarkan Cadangan-cadangan tersebut. Butir-butir lanjut mengenai penilaian ini boleh didapati dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006. Pada tahun 2007, penilaian kendiri yang lebih meluas telah dilaksanakan terhadap RENTAS dan operasinya (merangkumi Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (Interbank Funds Transfer System (IFTS)), SSTS dan RENTAS-USD CHATS) berdasarkan Prinsip-prinsip Teras bagi Sistem-sistem Pembayaran Yang Penting Dari Segi Sistemik (Core Principles for Systemically Important Payment Systems, CPSIPS) yang dikeluarkan oleh Bank for International Settlements (BIS), bersama-sama dengan penilaian terhadap perlaksanaan tanggungjawab Bank dalam penerapan Prinsip-prinsip Teras tersebut.

Penandaarasan Berbanding dengan CPSIPS BIS
Prinsip-prinsip Teras BIS digunakan oleh kebanyakan bank pusat sebagai tanda aras dalam memastikan operasi sistem-sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik (systemically important payment systems, SIPS) adalah boleh dipercayai dan mantap. CPSIPS menerangkan sepuluh prinsip teras merangkumi risiko perundangan (Prinsip Teras I), risiko kewangan (Prinsip Teras II hingga VI), risiko pengendalian (Prinsip Teras VII), kecekapan (Prinsip Teras VIII), kriteria akses (Prinsip Teras IX) dan tadbir urus (Prinsip Teras X). Secara keseluruhannya, penilaian kendiri sistem RENTAS pada tahun 2007 menunjukkan tahap kekukuhan yang tinggi dan hampir mematuhi sepenuhnya piawai-piawai antarabangsa tersebut. Ringkasan keperluan CPSIPS dan pematuhan RENTAS terhadap prinsip-prinsip tersebut tertera dalam Jadual.

Prinsip-prinsip Teras dan Tanggungjawab Bank Pusat Terhadap SIPS
(Tahap pematuhan RENTAS ditunjukkan dalam kurungan)

Prinsip Teras I – *Asas perundangan (patuh sepenuhnya)*
Sistem harus mempunyai asas perundangan yang kukuh di bawah semua bidang kuasa relevan.

Prinsip Teras II – *Memahami risiko kewangan (patuh secara umum)*
Peraturan dan prosedur sistem harus membolehkan peserta memahami dengan jelas impak sistem terhadap setiap risiko kewangan yang ditanggung oleh peserta melalui penyertaan mereka.

Prinsip Teras III – *Pengurusan risiko kewangan (patuh sepenuhnya)*
Sistem harus mempunyai prosedur yang ditakrifkan dengan jelas bagi pengurusan risiko kredit dan risiko mudah tunai, yang menetapkan tanggungjawab tertentu bagi pengendali sistem dan peserta dan menyediakan insentif yang sesuai untuk mengurus dan membendung risiko tersebut.

Prinsip Teras IV - *Penyelesaian akhir yang segera (patuh sepenuhnya)*
Sistem harus menyediakan penyelesaian akhir yang segera pada hari nilai, seboleh-bolehnya pada waktu siang dan paling lewat, pada penghujung hari tersebut.

Prinsip Teras V – *Penyelesaian dalam sistem penyelesaian bersih multilateral (multilateral netting) (tidak berkenaan kerana RENTAS merupakan sistem penyelesaian kasar masa nyata)*
Secara minimum, sistem yang dengannya terdapat penyelesaian bersih multilateral (*multilateral netting*) perlu memastikan penyelesaian harian yang disempurnakan tepat pada masanya sekiranya peserta yang mempunyai obligasi penyelesaian tunggal terbesar tidak berupaya membuat penyelesaian.

Prinsip Teras VI – *Aset penyelesaian (patuh sepenuhnya)*
Aset yang digunakan untuk penyelesaian harus sebaik-baiknya merupakan tuntutan terhadap aset bank pusat; sekiranya aset lain digunakan, aset tersebut seharusnya bebas atau hanya mempunyai sedikit atau tiada risiko kredit dan sedikit atau tiada risiko mudah tunai.

Prinsip Teras VII – *Keselamatan dan kebolehpercayaan operasi (patuh secara umum)*
Sistem harus memastikan tahap keselamatan dan kebolehpercayaan operasi yang tinggi dan harus mempunyai pengaturan kontingensi supaya pemprosesan harian dapat disiapkan tepat pada masanya.

Prinsip Teras VIII – *Kecekapan (patuh secara umum)*
Sistem harus menyediakan cara membuat pembayaran yang praktikal untuk penggunanya dan efisien untuk ekonomi.

Prinsip Teras IX – *Kriteria akses (patuh sepenuhnya)*
Sistem harus mempunyai kriteria penyertaan yang objektif dan didedahkan kepada umum, dengan itu membenarkan akses yang adil dan terbuka.

Prinsip Teras X – *Tadbir urus (patuh secara umum)*
Pengaturan tadbir urus sistem harus berkesan, bertanggungjawab dan telus.

Tanggungjawab Bank Pusat dalam Penerapan Prinsip-prinsip Teras

Tanggungjawab A – *Pendedahan objektif, peranan dan dasar utama (patuh secara umum)*
Bank pusat harus mentakrifkan objektif sistem pembayarannya dengan jelas dan harus mendedahkan peranan dan dasar utamanya kepada umum berhubung dengan sistem-sistem pembayaran yang penting dari segi sistem.

Tanggungjawab B – *Pematuhan sistem bank pusat (patuh secara umum)*
Bank pusat harus memastikan bahawa sistem yang dikendalikannya mematuhi Prinsip-prinsip Teras.

Tanggungjawab C – *Pengawasan sistem yang bukan di bawah kendalian bank pusat (tidak berkenaan)*
Bank pusat harus mengawasi sistem yang tidak dikendalikannya mematuhi Prinsip-prinsip Teras dan seharusnya mempunyai keupayaan untuk menjalankan pengawasan ini.

Tanggungjawab D – *Kerjasama dengan pihak berkuasa lain (patuh sepenuhnya)*
Dalam menggalakkan keselamatan dan kecekapan sistem pembayaran melalui Prinsip-prinsip Teras, bank pusat harus bekerjasama dengan bank-bank pusat lain dan dengan pihak berkuasa lain yang relevan sama ada domestik mahupun asing.

Risiko Penyelesaian

Bank turut memberikan tumpuan yang berterusan dalam bidang risiko penyelesaian. Sejak infrastruktur Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) bagi penyelesaian perdagangan pertukaran asing (foreign exchange, FX) ringgit/dolar Amerika Syarikat (AS) antara bank melalui RENTAS-USD CHATS diperkenalkan pada bulan November 2006, risiko penyelesaian bagi urus niaga FX berkurang dengan ketara. Penghubung PvP membolehkan penyelesaian ringgit di Malaysia dan dolar AS di Hong Kong dibuat secara serentak dalam waktu perniagaan di Malaysia, seterusnya menghapuskan risiko penyelesaian pertukaran asing. Pada tahun 2007, 59.8% daripada jumlah perdagangan FX ringgit-dolar AS dan 61.6% daripada urus niaga ringgit-dolar AS antara anggota-anggota yang turut serta dalam sistem ini telah diselesaikan melalui sistem PvP tersebut.

Pada bulan Oktober 2007, dengan memanfaatkan infrastruktur PvP, Bank memperkenalkan perkhidmatan penyelesaian Penyerahan semasa Pembayaran (Delivery versus Payment, DvP) bagi sekuriti dolar AS yang diterbitkan, didepositkan dan didagangkan di Malaysia. Dengan pelaksanaan DvP, penyerahan sekuriti dolar AS yang diterbitkan di Malaysia dan didepositkan dengan RENTAS akan dilakukan secara serentak dengan pembayarannya sepadan dalam dolar AS, lantas menghapuskan risiko penyelesaian berkaitan dengan perdagangan sekuriti sedemikian di Malaysia.

Pengawasan secara Kerjasama dengan Hong Kong Monetary Authority

Dalam usaha mengurangkan risiko sistemik berkaitan dengan penghubung merentas sempadan antara RENTAS dengan USD CHATS di Hong Kong, satu pengaturan pengawasan secara kerjasama telah dijalin antara Bank, sebagai pengawas RENTAS, dan Hong Kong Monetary Authority (HKMA), sebagai pengawas USD CHATS. Berasaskan prinsip kerahsiaan dan kesalingan bagi maklumat yang ditukar antara Bank dengan HKMA, kedua-dua agensi pengawalseliaan ini telah mewujudkan titik perhubungan dan prosedur bagi aktiviti pengawasan penghubung itu. Pengaturan secara kerjasama ini turut merangkumi rancangan kesinambungan perniagaan bagi penghubung PvP dan DvP dalam RENTAS-USD CHATS.

Risiko Operasi dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Sepanjang tahun 2007, tidak ada sebarang gangguan besar yang dihadapi oleh sistem RENTAS. Namun begitu, Bank terus memastikan bahawa risiko operasi RENTAS ditangani sewajarnya untuk menghalang gangguan sistemik terhadap operasi pasaran kewangan. Dalam hal ini, Bank berusaha untuk memastikan bahawa reka bentuk dan operasi RENTAS memenuhi piawai ketersediaan dan ketahanan tinggi yang sesuai. Memandangkan RENTAS adalah sebahagian daripada infrastruktur IT yang kompleks dengan pelbagai ruang hubung kait, komponen dan subsistem yang saling berkait antara satu sama lain, sebarang masalah dalam mana-mana sistem atau subsistem berpotensi menjejaskan operasi RENTAS dengan ketara. Kemungkinan berlakunya masalah operasi dan tahap masalah operasi tersebut bergantung pada ketahanan infrastruktur sistem-sistem tersebut dan kecukupan pengaturan sokongan masing-masing. Dalam usaha untuk mengurangkan risiko berikutan kebergantungan sistem RENTAS terhadap sistem-sistem lain, Bank telah mempertingkatkan lagi pengurusan kesinambungan perniagaannya untuk memastikan gangguan operasi dapat dikekalkan pada tahap minimum apabila berhadapan dengan keperluan pelbagai bentuk kontingensi.

Sepanjang tahun 2007, tidak ada sebarang gangguan besar yang dihadapi oleh sistem RENTAS. Bank berusaha untuk memastikan bahawa reka bentuk dan operasi RENTAS memenuhi piawai ketersediaan dan ketahanan tinggi yang sesuai.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk memastikan kebolehpercayaan dan ketersediaan sistem RENTAS tanpa sebarang gangguan, khususnya di premis Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre, DRC*) RENTAS, Bank telah menjalankan operasi ujian pemulihan bencana di peringkat industri pada bulan Jun 2007. Meskipun anggota-anggota RENTAS dikehendaki menjalankan ujian secara langsung daripada premis pemulihan bencana masing-masing sekurang-kurangnya empat kali setahun untuk menguji tahap kesediaan premis pemulihan bencana masing-masing, ujian sedemikian seharusnya tidak dilakukan oleh anggota-anggota secara berasingan. Ujian terhadap pengaturan kesinambungan perniagaan secara terselaras yang membabitkan komuniti pengguna dapat memperkukuh kemantapan dan ketahanan sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik. Di samping itu, Bank telah memperkenalkan kemudahan sokongan tahap kedua kepada ahli-ahli RENTAS yang hanya boleh diaktifkan sekiranya kedua-dua premis pengeluaran dan DRC para peserta tidak dapat beroperasi.

Infrastruktur Kekunci Awam Enterpris

Bank telah menggunakan teknologi Infrastruktur Kekunci Awam (Public Key Infrastructure, PKI) sejak tahun 1999 untuk memastikan kerahsiaan dan ketidakbolehsangkalan (non-repudiation) urus niaga RENTAS, dan mengawal akses kepada sistem. Bank merupakan pihak berkuasa pensijilan terhad bagi pengeluaran sijil digital kepada anggota-anggota RENTAS. Walau bagaimanapun, sejajar dengan perkembangan teknologi dan bagi memenuhi keperluan perniagaan, pada tahun 2007, Bank telah memulakan kerja untuk menggantikan teknologi PKI yang tersedia ada dengan sistem baharu yang akan melepaskan Bank daripada peranannya sebagai pihak berkuasa pensijilan terhad. Apabila dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2008, anggota-anggota

RENTAS akan memperoleh sijil digital daripada pihak berkuasa pensijilan awam berlesen di negara ini. Pelaksanaan sistem keselamatan baharu itu akan menyumbang ke arah menangani ancaman dan risiko keselamatan baharu, lantas mengekalkan kerahsiaan, keutuhan data, kesahihan dan ketidakbolehsangkalan urus niaga harian RENTAS. Sistem keselamatan baharu itu juga akan diterima pakai bagi Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek.

Mengoptimumkan Pengurusan Mudah Tunai bagi Sistem RENTAS

Meskipun sistem RENTAS telah mencapai matlamatnya untuk mengurangkan risiko penyelesaian dengan memberi para peserta cara untuk menyelesaikan obligasi pembayaran secara masa nyata dengan muktamad, penyelesaian urus niaga pembayaran atas asas kasar menyebabkan anggota RENTAS perlu menangung kos mudah tunai.

Pertambahan produk kewangan baharu yang diselesaikan melalui RENTAS, diiringi oleh pasaran bon antara bank yang lebih aktif dan peningkatan dalam aktiviti ekonomi, menyebabkan peningkatan nilai urus niaga RENTAS, dan dengan itu meningkatkan keperluan mudah tunai. Pada tahun 2007, jumlah dan nilai urus niaga RENTAS meningkat masing-masing sebanyak 19.5% dan 19.6%. Untuk menangani kenaikan kos mudah tunai yang dihadapi oleh para peserta RENTAS berikutan keperluan mudah tunai yang lebih tinggi tersebut, langkah-langkah untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan mudah tunai sistem RENTAS akan diambil. Ini dapat dicapai melalui pelaksanaan kaedah penyelesaian bersih secara bilateral dan multilateral bersama-sama dengan kaedah penyelesaiaan secara kasar. Ia akan dilaksanakan dengan menggunakan sistem penyelesaian kasar masa nyata bagi membuat pembayaran dengan serta-merta, dan sistem penyelesaian bersih tertunda secara berterusan bagi penyelesaian secara bilateral dan/atau multilateral. Ketersediaan kemudahan kredit intrahari sepanjang masa operasi sistem akan turut diperkenalkan. Langkah-langkah peningkatan ini akan memudahkan penyelesaian urus niaga antara bank secara berterusan dengan keperluan mudah tunai yang lebih rendah, dan ini akan membolehkan para peserta RENTAS menguruskan mudah tunai dengan lebih efisien tanpa menambah risiko penyelesaian.

Pengekalan Keyakinan Orang Ramai dalam Sistem Pembayaran Runcit dan Instrumen Pembayaran

Meskipun pengawasan sistem pembayaran oleh Bank sebahagian besarnya tertumpu pada prestasi operasi RENTAS, sistem pembayaran runcit juga perlu dipastikan sentiasa mantap untuk meningkatkan keyakinan orang ramai. Dalam hal ini, inisiatif dan langkah yang perlu untuk memastikan ketersediaan, kebolehpercayaan dan kecekapan sistem telah dilaksanakan oleh Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS), pengendali sistem pembayaran runcit utama, dan Rangkaian Segar Sdn. Bhd., pengendali sistem dan pengeluar kad Touch 'n Go. Tiada sebarang gangguan besar berlaku sepanjang tahun 2007.

Di samping itu, sebagai sebahagian daripada pengurusan kesinambungan perniagaan, MEPS berjaya melaksanakan dua latihan pemulihan bencana dalam bentuk ujian 'secara langsung' bagi tiga daripada perkhidmatan terasnya, iaitu Rangkaian ATM Perkongsian, Debit Elektronik Semasa Penjualan (Electronic Debit at Point-of-Sale, e-Debit) dan GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG). Usaha-usaha tersebut juga bertujuan membiasakan pasukan Pemulihan Bencana MEPS, institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan berkaitan dengan proses pemulihan bencana. Usaha-usaha pemulihan bencana sedemikian akan terus dilaksanakan secara rutin, lantas mengurangkan risiko operasi dalam sistem-sistem pembayaran runcit ini.

Menguruskan Risiko Penipuan dalam Pembayaran Runcit

Langkah menggalakkan persekitaran pembayaran yang selamat dan boleh dipercayai di negara ini kian mencabar lantaran teknik penipuan yang semakin canggih, ekoran kemajuan teknologi yang pesat. Namun, langkah-langkah proaktif yang diambil secara kerjasama dengan industri dan pihak berkuasa yang berkaitan telah berjaya mengurangkan risiko ini, dengan itu mengekalkan keyakinan orang ramai dalam penggunaan instrumen pembayaran.

Kad Pembayaran

Kejayaan perpindahan kepada piawai Europay-MasterCard-Visa (EMV) bagi kad kredit pada tahun 2005 telah mengurangkan dengan ketara bilangan kes dan jumlah kerugian berkaitan dengan penipuan kad kredit daripada aktiviti

pemalsuan sejak beberapa tahun yang lepas (Rajah 6.1). Dengan EMV, penggunaan kad kredit domestik yang diklon bagi pembelian dalam negara telah dilumpuhkan. Walau bagaimanapun, jenis penipuan kad kredit lain telah meningkat sedikit pada tahun 2007, sebahagian besarnya berkaitan dengan penggunaan kad yang hilang dan dicuri serta urus niaga yang tidak memerlukan kad secara fizikal (card-not-present, CNP), misalnya bagi pembelian melalui Internet atau pesanan melalui mel/telefon. Kes penggunaan kad kredit Malaysia yang palsu dalam negara-negara yang belum lagi menerima pakai piawai EMV juga menyumbang kepada pertambahan ini. Namun, penipuan kad kredit masih lagi kecil dan mencakupi kurang daripada 0.04% daripada jumlah urus niaga kad kredit pada tahun 2007.

Untuk membanteras penipuan kad kredit, Bank mengadakan dialog secara tetap dengan Kumpulan Kad Nasional (National Cards Group), yang dianggotai oleh semua pengeluar kad kredit, dan bekerjasama rapat dengan industri untuk mempertimbangkan langkah-langkah baharu untuk mengurangkan risiko penipuan. Pada tahun 2007, lebih banyak pengeluar kad kredit menggunakan skim *3D secure* yang memerlukan pemegang kad menyempurnakan proses penentusahan tambahan semasa membuat pembelian melalui Internet untuk mengurangkan lagi risiko penipuan. Bank juga terus menjalankan program kesedaran untuk mendidik pemegang kad agar sentiasa melindungi kad kredit dan maklumat kad kredit mereka.

Pasukan Petugas Pengurusan Risiko Malaysia (Malaysian Risk Management Task Force, MRMTF), yang anggotanya termasuk syarikat, pengeluar dan pemeroleh kad kredit dan kad caj, Polis Diraja Malaysia dan Bank terus menyediakan platform penting bagi kerjasama dalam kalangan anggotanya untuk menghalang penipuan kad kredit. MRMTF turut menyertai mesyuarat Antara Negara-negara Asia Tenggara setiap tahun untuk membincangkan isu-isu antara negara-negara yang berkaitan dengan penipuan kad kredit, dan berkongsi maklumat tentang pengalaman penipuan kad kredit di negara masing-masing serta trend dan ancaman penipuan yang bakal muncul.

Perbankan Internet

Kerugian berkaitan dengan penipuan perbankan Internet masih lagi kecil dan mencakupi hanya 0.0002% daripada jumlah nilai urus niaga perbankan Internet pada tahun 2007. Teknik kejuruteraan sosial seperti *phishing* atau kegiatan mencuri maklumat, terus menjadi kaedah paling lazim digunakan untuk melakukan penipuan perbankan Internet. *Phishing* melibatkan penghantaran mesej e-mel palsu yang kononnya daripada institusi kewangan untuk mengumpan penerima agar mendedahkan maklumat peribadi seperti nombor pengenalan peribadi (personal identification number, PIN) dan kata laluan lantas mengakibatkan kecurian identiti. E-mail sebegini lazimnya meniru logo dan format mesej institusi perbankan dan mungkin memasukkan pautan yang membawa penerima ke replika laman web perbankan Internet. Lebih daripada 70% daripada kes penipuan perbankan Internet yang dilaporkan sepanjang tahun berpunca daripada *phishing*. Oleh itu, institusi perbankan telah mengambil pelbagai langkah untuk memantapkan keselamatan perkhidmatan perbankan Internet, termasuk program kesedaran pengguna yang meluas.

Jadual 6.1
Penipuan Kad Kredit



Rajah 6.2
Kes Penipuan Perbankan Internet pada Tahun 2007



Semua institusi perbankan juga telah melaksanakan penentusahan dua faktor bagi urus niaga perbankan Internet serta sistem amaran penipuan untuk mengesan dan melaporkan urus niaga mencurigakan.

Meskipun kejadian penipuan perbankan Internet tidak berleluasa, Bank terus memantau trend dan perkembangannya dengan teliti, dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan kemungkinan timbulnya risiko, kelemahan dan ancaman baharu. Dalam hal ini, Bank akan mengeluarkan garis panduan perbankan elektronik yang akan menggariskan keperluan minimum pengurusan risiko terhadap semua bentuk perbankan elektronik, sama ada dilaksanakan melalui Internet, telefon, telefon mudah alih atau kaedah elektronik lain.

MENGGALAKKAN SISTEM PEMBAYARAN YANG LEBIH EFISIEN

Bank Negara Malaysia mendukung tanggungjawab untuk menggalakkan penambahbaikan dalam sistem pembayaran bagi mempertingkatkan kecekapan sistem tersebut secara keseluruhan serta memastikan pembayaran menjadi lebih mudah dan berkesan kos buat pengguna akhir. Pada tahun 2007, usaha Bank bersama-sama dengan industri pembayaran digembleng ke arah mempertingkatkan infrastruktur pembayaran untuk menyediakan saluran dan perkhidmatan pembayaran yang lebih pelbagai, merangsang penggunaan teknologi baharu untuk menggalakkan inovasi pembayaran dan memberikan sokongan untuk berpindah kepada e-pembayaran.

Usaha digembleng ke arah mempertingkatkan infrastruktur pembayaran, merangsang penggunaan teknologi baharu dan menyokong perpindahan kepada e-pembayaran.

Mempertingkatkan Kecekapan Penjelasan dan Penyelesaian Cek

Sejak lima tahun kebelakangan ini, kaedah pembayaran telah beralih daripada penggunaan cek kepada lebih banyak penggunaan e-pembayaran. Namun, dari segi nilai pembayaran, cek masih lagi merupakan sebahagian besar urus niaga runcit bukan tunai, iaitu 93% pada tahun 2007 berbanding dengan 97% pada tahun 2003. Dengan itu, peningkatan kecekapan penjelasan cek terus menjadi tumpuan penting bagi Bank dalam usaha untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Dalam usaha memodenkan cara pemprosesan cek dan membuka jalan untuk mewujudkan cek elektronik, Bank dan industri perbankan telah memulakan inisiatif penting untuk memperkenalkan proses penjelasan cek berasaskan imej sepenuhnya. Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (*Cheque Truncation and Conversion System, CTCS*) atau lebih dikenali sebagai eSPICK dijadualkan pelaksanaannya pada bulan Mei 2008, bermula di Kuala Lumpur dan bandar-bandar berhampirannya. Sistem ini kemudiannya akan diperluas ke seluruh negara dalam beberapa fasa menjelang awal tahun 2009. eSPICK membolehkan penjelasan cek dilakukan melalui kaedah pemangkasan atau penukaran, dengan itu menghapuskan pergerakan cek secara fizikal apabila didepositkan untuk tujuan penjelasan di bank pemungut. Dalam pemangkasan cek, imej cek dan data baris kod pengecaman aksara dakwat magnet (*magnetic ink character recognition, MICR*) dicakup dan dihantar secara elektronik sepanjang proses penjelasan cek; manakala bagi penukaran cek, hanya data baris kod MICR dicakup dan ditukar menjadi arahan pembayaran untuk melaksanakan pindahan dana daripada akaun pembayar kepada akaun penerima. Kedua-dua kaedah ini mengurangkan risiko dan kos berkaitan dengan pengendalian cek secara fizikal dan meningkatkan kecekapan keseluruhan proses penjelasan cek. Hasilnya, pembayaran dan penerimaan dana oleh pelanggan dapat dipercepat dan pelanggan dapat menerima dana pada hari perniagaan berikutnya, tidak kira di mana cek tersebut didepositkan, berbanding dengan tempoh dua hingga lapan hari perniagaan pada masa ini.

Meskipun eSPICK mungkin dianggap tidak sejajar dengan agenda untuk menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran secara aktif, pengalaman di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa penukaran cek merupakan langkah permulaan yang perlu diambil untuk mengubah kaedah pembayaran berasaskan kertas kepada e-pembayaran. Pada tahun 2006, hampir tiga bilion cek yang dikeluarkan oleh individu atau 9.1% daripada jumlah cek yang dikeluarkan di Amerika Syarikat, telah ditukar dan dijelaskan sebagai

e-pembayaran, iaitu pertambahan lapan kali ganda sejak tahun 2003. Lebih daripada 10% pertambahan dalam e-pembayaran dalam tempoh tiga tahun itu berpunca daripada penukaran cek. Penukaran pembayaran cek kepada e-pembayaran bermakna penjimatan kos yang banyak untuk perniagaan ekoran penghapusan kos yang berkaitan dengan pengendalian dan pengangkutan cek secara fizikal. Begitu juga di Malaysia, perniagaan yang menerima jumlah pembayaran cek yang banyak daripada pelanggan seperti syarikat utiliti dan telekomunikasi serta syarikat insurans boleh menggunakan ciri penukaran cek di bawah eSPICK untuk memungut bayaran.

Mempertingkatkan Penyampaian Produk dan Perkhidmatan dalam Rangkaian ATM

Dengan memanfaatkan jangkauan meluas rangkaian ATM yang menyediakan perkhidmatan pembayaran yang mudah dan efisien kepada para pelanggan bank peserta yang kian bertambah, MEPS telah mempertingkatkan rangkaian ATMnya pada bulan Julai 2007. Langkah ini bertujuan membolehkan bank peserta menyediakan perkhidmatan perbankan 24 jam untuk menambah kemudahan bagi para pelanggan. Sehingga kini, lima ahli telah pun menawarkan kemudahan ATM 24 jam.

MEPS melangkah setapak lagi dengan mempertingkatkan fungsi rangkaian ATM perkongsian domestik untuk memperkenalkan kemudahan penambahan nilai akaun prabayar kepada pengguna telefon mudah alih berkuat kuasa mulai bulan Januari 2007. Langkah ini memperlengkap saluran perbankan Internet dan perbankan mudah alih sedia ada yang ditawarkan oleh bank yang juga menyediakan kemudahan sedemikian, dengan itu menambah pilihan saluran kepada pelanggan bank untuk membuat tambahan nilai prabayar mudah alih. Kemudahan ini kini tersedia di lebih 1,000 ATM milik empat bank peserta dan telah mencatat 62,687 urus niaga bernilai RM1.1 juta sehingga akhir tahun 2007.

Berikutan sambutan yang menggalakkan terhadap penyediaan perkhidmatan pindahan dana antara bank melalui rangkaian ATM, tiga lagi institusi perbankan telah menawarkan perkhidmatan tersebut. Ini menjadikan bilangan institusi perbankan yang kini menawarkan perkhidmatan sedemikian sebanyak lima kesemuanya dengan kira-kira 4,000 ATM di seluruh negara. Pada tahun 2007, sebanyak 151,242 urus niaga pindahan dana antara bank berjumlah RM125.2 juta dibuat melalui saluran ATM.

Memandangkan semakin ramai pelancong dari China melawat Malaysia, MEPS memasuki perkongsian strategik dengan China UnionPay (CUP) pada bulan September 2007 untuk membolehkan pemegang kad CUP dari China mendapat manfaat daripada kemudahan pengeluaran wang tunai di ATM di Malaysia. Pada akhir tahun 2007, lebih 5,000 urus niaga pengeluaran wang tunai bernilai RM4 juta telah dibuat di ATM milik tiga bank peserta di Malaysia. MEPS bercadang menambah lebih banyak institusi perbankan pada tahun 2008 di samping memperluas perkhidmatan ini supaya pemegang kad ATM Malaysia boleh melakukan pengeluaran wang tunai di China. Perkongsian strategik yang sama telah dibentuk oleh MEPS dengan penyedia perkhidmatan ATM di Indonesia, Thailand dan Singapura. Pengeluaran wang tunai yang dibuat di ATM di Malaysia pada tahun 2007 oleh pemegang kad daripada ketiga-tiga negara tersebut meningkat lapan kali ganda kepada RM24.4 juta berbanding dengan tahun sebelumnya.

Merangsang Inovasi Pembayaran dan Penerapan Teknologi Baharu

Dasar wang elektronik dan akses pengiriman wang yang lebih liberal bersama-sama dengan inovasi dalam telefon mudah alih, turut membuka peluang dalam membolehkan pemindahan wang elektronik melalui rangkaian telefon mudah alih sebagai kaedah baharu pengiriman wang. Memandangkan potensi pengiriman wang berasaskan mudah alih disebabkan bilangan pekerja asing yang ramai dan tahap penembusan telefon mudah alih yang tinggi di Malaysia, beberapa perkhidmatan pengiriman wang mudah alih diperkenalkan pada tahun 2007. Ini termasuk perkhidmatan pemindahan wang mudah alih antarabangsa yang pertama di dunia antara pengendali mudah alih Malaysia dengan pengendali mudah alih Filipina. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan di Malaysia mengirim wang dengan serta-merta sehingga RM500 bagi setiap urus niaga pada kadar kompetitif iaitu RM5.15 bagi setiap urus niaga [termasuk kos perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) sebanyak 15 sen] kepada benefisiari mereka di Filipina menggunakan telefon mudah alih. Sejak itu, pengendali mudah alih Malaysia tersebut telah memperluas perkhidmatannya sehingga ke Indonesia bagi membolehkan pelanggannya menghantar wang melalui SMS ke dalam akaun bank di Indonesia. Jumlah dan nilai urus niaga yang

dibuat menggunakan perkhidmatan ini bagi tempoh tujuh bulan sejak ia diperkenalkan pada bulan Mei 2007 ialah sebanyak 355 urus niaga dan berjumlah RM69,075. Sebahagian besar daripada urus niaga ini merupakan pengiriman wang ke Indonesia.

Dasar yang lebih liberal memudahkan pengenalan produk pengiriman wang yang inovatif termasuk perkhidmatan pemindahan wang mudah alih ke mudah alih yang pertama di dunia.

Satu lagi produk yang dilancarkan pada tahun 2007 ialah perkhidmatan pengiriman wang mudah alih global menggunakan telefon mudah alih hasil kerjasama antara sebuah lagi pengendali telefon mudah alih Malaysia dengan sebuah institusi perbankan yang kini menawarkan perkhidmatan pengiriman wang ke Bangladesh, Indonesia dan Filipina. Pelanggan pengendali telefon mudah alih tersebut boleh mengirim wang sehingga RM5,000 bagi setiap urus niaga ke ketiga-tiga negara tersebut melalui SMS atau melalui kaunter di premis perniagaan pengendali telefon mudah alih yang turut serta. Perkhidmatan ini menawarkan pelbagai pilihan penyerahan pembayaran termasuk mendeposit dana ke dalam akaun di institusi perbankan di negara penerima atau pengambilan wang tunai di ejen yang ditetapkan di ketiga-tiga negara tersebut.

Pada tahun 2007 juga, sebuah institusi bukan bank telah melancarkan kad prabayar antarabangsa yang menawarkan perkhidmatan pengiriman wang, pemindahan dana dari orang-ke-orang, bayaran bil dan tambah nilai mudah alih. Pelanggan juga dapat menggunakan kad untuk mengeluarkan wang tunai daripada ATM tertentu dan membuat pembayaran di lebih daripada 140,000 premis perniagaan di seluruh negara.

Perkhidmatan pengiriman wang antarabangsa mudah alih ini yang memanfaatkan kebiasaan penggunaan SMS, menyediakan platform yang mudah bagi pekerja asing di Malaysia untuk menghantar wang ke negara asal mereka. Pengiriman wang boleh dibuat pada kadar yang lebih murah dan sepantas mesej teks dari mana-mana lokasi pada bila-bila masa. Di samping itu, kemunculan perkhidmatan pengiriman wang mudah alih ini telah membuka peluang unik buat institusi perbankan untuk memperkukuh perhubungan pelanggan mereka, dan pada masa yang sama, menyediakan perkhidmatan perbankan melalui rangkaian mudah alih kepada segmen masyarakat yang tidak mempunyai akaun bank.

Kerjasama dengan Sektor Kerajaan

Pada tahun 2007, Bank Negara Malaysia meneruskan kerjasama rapatnya dengan Kerajaan dalam usaha memudahkan penggunaan e-pembayaran dalam ekonomi. Ini termasuk mendapatkan sokongan Kerajaan untuk mempercepat penggunaan perkhidmatan Internet jalur lebar berkelajuan tinggi dan dipercayai secara meluas yang dapat mendorong pertumbuhan lebih memberangsangkan dalam perkhidmatan perbankan Internet dan inovasi yang menggunakan teknologi Internet. Pengumuman mengenai insentif cukai berkaitan dengan perkhidmatan jalur lebar dan pembentukan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Jalur Lebar pada tahun 2007 menjadi pendorong kepada pencapaian dua matlamat yang saling berkaitan, iaitu peningkatan penembusan jalur lebar dan penggunaan Internet untuk aktiviti perbankan dan aktiviti berkaitan dengan pembayaran.

Portal *myGovernment* telah dilancarkan pada bulan Disember 2005 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awamnya. Portal ini, yang membolehkan orang ramai mendapat akses secara langsung kepada rangkaian komprehensif perkhidmatan dalam talian, telah dipertingkatkan untuk menawarkan perkhidmatan pembayaran dalam talian pada bulan April 2007. Perkhidmatan ini termasuk penerimaan pembayaran kad kredit dan juga pembayaran yang dibuat daripada akaun bank melalui sistem Bursa Pemprosesan Kewangan (*Financial Process Exchange, FPX*). Kemudahan pembayaran dalam talian ini kini ditawarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi pembayaran berkaitan dengan penyerahsimpanan dokumen berkanun syarikat dan perniagaan secara elektronik, dan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi pembayaran balik pinjaman pendidikan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia turut menawarkan FPX sebagai kaedah pembayaran dalam talian kepada orang ramai untuk memperlengkapi perkhidmatan e-pemfailannya.

Bank Negara Malaysia bukan sahaja menggalakkan lebih banyak urus niaga pembayaran melalui saluran Internet, malah turut mengesyorkan kepada pelbagai agensi Kerajaan yang menerima banyak pembayaran dalam bentuk wang tunai dan cek di kaunter supaya menerima kad pembayaran. Dalam hal ini, beberapa agensi Kerajaan, iaitu Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia, hospital kerajaan dan beberapa pihak berkuasa tempatan telah mula menerima kad kredit dan Bankcard. Satu lagi usaha yang sedang dilaksanakan ialah mempertingkatkan sistem eINSURANS JPJ (dengan memasukkan e-pembayaran) yang dilaksanakan secara bersama oleh industri insurans dan JPJ pada bulan Januari 2005. Penerapan e-pembayaran berlandaskan kejayaan penerapan sistem eINSURANS JPJ telah menghapuskan penggunaan nota perlindungan fizikal kerana butir-butir insurans motor boleh dihantar secara dalam talian kepada JPJ bagi tujuan pembaharuan cukai jalan.

Pada tahun 2007, Bank menjalin kerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara dan institusi perbankan untuk mewujudkan proses yang perlu bagi penyesuaian pembayaran dan pungutan yang dibuat oleh Kerajaan melalui sistem RENTAS dan IBG. Peningkatan kecekapan yang ketara buat Kerajaan dan penerima bayaran bakal diperoleh dengan menerima pakai sistem e-pembayaran. Ini termasuk peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti melalui langkah mengurangkan atau mengagihkan semula sumber, dan penjimatan kos ekoran pengurangan dalam pengendalian wang tunai serta pembayaran dan penerimaan bayaran yang lebih cepat.

Peningkatan kecekapan yang ketara bagi Kerajaan dan penerima bayaran bakal diperoleh dengan menerima pakai sistem e-pembayaran.

Usaha ini berjaya meningkatkan penggunaan e-pembayaran sebagai menggantikan penggunaan wang tunai dan cek. Jumlah pembayaran Kerajaan melalui saluran elektronik telah bertambah sebanyak sembilan kali ganda daripada 699,463 urus niaga pada tahun 2004 kepada 7,033,891 urus niaga pada tahun 2007, manakala nilai urus niaga pula meningkat hampir tiga kali ganda daripada RM16.7 bilion pada tahun 2004 kepada RM64.9 bilion pada tahun 2007.

Rajah 6.3
Trend Pembayaran Kerajaan Mengikut Jumlah



Rajah 6.4
Trend Pembayaran Kerajaan Mengikut Nilai



Penggunaan Bankcard untuk Mempercepat Perpindahan kepada Pembayaran Secara Elektronik

Bilangan Bankcard dalam edaran yang banyak iaitu 21.9 juta dan bilangan terminal pembayaran di saluran dagang dimanfaatkan oleh MEPS dan institusi perbankan untuk menggalakkan pembayaran bukan tunai. Bankcard ialah kad ATM yang dikeluarkan oleh institusi perbankan domestik, yang juga berperanan sebagai kad debit. Pada tahun 2007, MEPS dan institusi perbankan telah mengambil langkah-langkah menggunakan Bankcard secara aktif sebagai pengganti mudah bagi wang tunai dan sebagai instrumen

pembayaran yang lebih efisien dari segi kos. Berdasarkan aplikasi e-Debit yang dilancarkan oleh MEPS pada tahun 2003, usaha yang dijalankan pada tahun 2007 termasuk menggabungkan Bankcard sebagai pilihan pembayaran dalam terminal kad kredit. Bilangan terminal pembayaran yang menerima Bankcard telah bertambah kira-kira 21,600 pada akhir tahun 2006 kepada lebih 34,000 pada akhir tahun 2007. Menjelang akhir tahun 2008, bilangan terminal dijangka meningkat lagi kepada 50,000. Dengan adanya infrastruktur yang menerima Bankcard secara lebih meluas, tumpuan telah beralih kepada meningkatkan kesedaran orang ramai tentang Bankcard. Iklan menerusi media dan lebih banyak maklumat mengenai Bankcard telah dimasukkan dalam laman web institusi perbankan pengeluar.

Bankcard memberikan tawaran nilai terbaik (*value proposition*) buat peniaga. Perniagaan dan kedai yang menerima pembayaran tunai perlu menanggung kos yang tinggi seperti keselamatan dan insurans untuk menangani risiko kecurian, rompakan, dan kesilapan manusia, di samping masa yang digunakan untuk mengira wang, memungut dan menghantar wang tunai ke bank. Dengan adanya Bankcard, pembayaran dapat dikreditkan secara terus ke dalam akaun peniaga dan pembayaran bagi pembelian dijamin kerana akaun pemegang kad ditentusahkan untuk memastikan wangnya adalah mencukupi sebelum pembayaran dibenarkan. Di samping itu, peniaga menikmati fi peniaga yang lebih rendah bagi Bankcard berbanding dengan kad kredit. Bagi pengguna pula, Bankcard adalah seperti wang tunai yang ditambah dengan ciri-ciri keselamatan seperti PIN yang melindungi mereka daripada kecurian dan penipuan.

Langkah-langkah telah diambil untuk menggunakan Bankcard secara aktif sebagai pengganti mudah bagi wang tunai dan sebagai instrumen pembayaran yang efisien dari segi kos.

Pada tahun 2008, usaha yang lebih giat akan dijuruskan ke arah menggalakkan penggunaan Bankcard di kaunter Kerajaan dan stesen minyak. Dalam ekonomi maju seperti Eropah dan Amerika Syarikat, kad debit lebih digemari berbanding dengan kad kredit dan sebab-sebab yang dinyatakan bagi pilihan tersebut termasuk kepantasan, kemudahan dan keselamatan. Dengan adanya infrastruktur yang perlu dan sokongan yang padu daripada peserta industri, potensi bagi penggunaan kad debit di Malaysia adalah tinggi. Pilihan untuk lebih menggunakan kad debit berbanding dengan kad kredit dapat memupuk disiplin kewangan yang lebih tinggi kerana perbelanjaan pemegang kad debit adalah terhad kepada jumlah yang ada dalam akaun simpanan atau akaun semasa mereka.

Trend dalam Perpindahan kepada Pembayaran Secara Elektronik

Jadual 6.1
Pegangan Tunai dan Urus Niaga Bukan Tunai

	2003	2004	2005	2006	2007
Wang tunai dalam edaran per kapita (RM)	1,030.9	1,106.6	1,144.0	1,245.6	1,322.1
Wang tunai dalam edaran kepada KDNK (%)	6.2	6.0	5.8	5.9	5.7
Bilangan cek yang dikeluarkan per kapita	7.7	7.7	7.6	7.5	7.7
Bilangan urus niaga e-pembayaran per kapita	13.8	17.6	21.6	28.0	32.5
Nilai purata pengeluaran tunai melalui ATM (RM)	400.1	407.2	428.1	460.9	463.3

Nota: E-pembayaran merujuk kepada kad kredit, kad caj, kad debit, wang tunai elektronik, IBG dan FPX

Peranan wang tunai dalam ekonomi menunjukkan trend yang serupa pada tahun 2007 dengan nisbah wang tunai dalam edaran (cash in circulation, CIC) kepada-KDNK makin menurun, manakala CIC per kapita meningkat sedikit pada tahun itu. Pengeluaran melalui ATM berada pada tahap yang lebih kurang sama. Banyak pengguna masih menganggap wang tunai sebagai bentuk pembayaran paling murah dan mudah, namun kewujudan dan penggunaan kaedah pembayaran alternatif yang kian meningkat telah memberikan impak terhadap cara pembayaran dibuat. Banyak pembayaran yang dahulunya dibuat melalui wang tunai dan cek kini dibuat secara elektronik dengan kad plastik atau melalui saluran elektronik. Ini ditunjukkan oleh kenaikan dalam bilangan urus niaga e-pembayaran yang dibuat per kapita pada 32.5 urus niaga pada tahun 2007 berbanding dengan 13.8 pada tahun 2003.

Rajah 6.5
Bahagian Pembayaran Runcit Bukan Tunai Mengikut Jumlah



Secara keseluruhan, bilangan urus niaga bagi semua saluran dan kaedah e-pembayaran berdaftar telah bertambah pada tahun 2007. Peningkatan paling ketara adalah dalam penggunaan kad pembayaran, yang sebahagian besarnya dalam bentuk wang elektronik. Wang elektronik mencakupi hampir separuh daripada jumlah urus niaga e-pembayaran, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kesenangan dan kemudahan penggunaan kad Touch 'n Go untuk pembayaran dalam sektor pengangkutan. Berikutan pertumbuhan pesat dalam penggunaan kad Touch 'n Go yang penggunaannya semakin popular untuk membayar caj tol di lebuh raya di negara ini, penggunaan kad ini dijangka diperluas ke dalam sektor runcit tidak lama lagi. Pada tahun 2007, terdapat 237.6 juta urus niaga kad kredit bernilai RM56.2 bilion, pertambahan masing-masing sebanyak 13.8% dan 18.2%, berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kad kredit tanpa sentuh, Visa Wave dan MasterCard PayPass juga kian popular pada tahun 2007. Pada masa ini terdapat lapan pengeluar yang menawarkan kad tanpa sentuh itu, yang boleh digunakan di lebih daripada 7,000 saluran dagang di negara ini. Kad debit pula mencatat pertumbuhan pesat masing-masing sebanyak 114% dan 81% dari segi jumlah dan nilai pada tahun 2007. Perkembangan ketara dalam urus niaga kad debit adalah berikutan orang ramai kian menerima dan menggunakan kad debit untuk menggantikan wang tunai bagi pembayaran pembelian petrol. Trend ini dijangka berterusan dengan usaha yang lebih gigih oleh industri perbankan untuk menempatkan terminal Bankcard di saluran dagang di samping mengendalikan program kesedaran dan promosi oleh industri. Sementara itu, urus niaga kad caj masih lagi kecil dan hanya

Rajah 6.6
Bahagian Pembayaran Runcit Bukan Tunai Mengikut Nilai



mencakupi 0.5% daripada urus niaga bukan wang tunai pada tahun 2007.

Pertumbuhan yang ketara turut dicatat dalam saluran e-pembayaran lain seperti IBG, FPX, perbankan Internet dan perbankan mudah alih pada tahun 2007.

- IBG terus meningkat dengan pesat pada kadar dua-angka, bertambah sebanyak 42.6% dari segi jumlah dan 46.3% dari segi nilai. Peningkatan ini sebahagian besarnya berpunca daripada penambahan penyertaan tiga institusi perbankan pada tahun 2007, penggunaannya yang amat digalakkan dalam sektor Kerajaan dan perekrutan pelanggan korporat secara agresif supaya menerima pakai IBG.
- Penggunaan FPX pada tahun 2007 juga amat menggalakkan disebabkan perekrutan pedagang secara aktif dan pembayaran berulang-ulang seperti premium insurans dan ansuran. Bilangan urus niaga yang dibuat menggunakan FPX pada tahun 2007 ialah 71,220 berbanding dengan 15,829 pada tahun 2006, manakala dari segi nilai, urus niaga yang dilakukan bernilai RM454.5 juta berbanding dengan hanya RM25 juta pada tahun sebelumnya.
- Perbankan Internet terus mencatat pertumbuhan yang mantap pada tahun 2007. Penembusan pelanggan perbankan Internet berbanding dengan pelanggan Internet melonjak daripada 67.8% pada akhir tahun 2006 kepada 85.5% pada akhir tahun 2007, menunjukkan perkhidmatan perbankan Internet yang makin popular dalam kalangan pengguna Internet. Ini juga menyumbang kepada peningkatan dalam jumlah dan nilai urus niaga masing-masing sebanyak 45.3% dan 70% pada tahun 2007. Kemudahan perbankan Internet telah digunakan secara meluas oleh pelanggan bagi pembayaran gaji dan bil, pindahan dana pihak ketiga dan pembayaran baki kad kredit.
- Pelanggan perbankan mudah alih bertambah sebanyak 40.1% berbanding dengan tahun sebelumnya, mencakupi 1.5% daripada pelanggan telefon mudah alih dan 1.3% daripada penduduk pada akhir tahun 2007. Lebih daripada separuh jumlah nilai urus niaga ialah tambah nilai prabayar (51.7%), disusuli oleh pembayaran bil melalui pindahan dana (24.2%) dan pemindahan dana akaun sendiri (24.2%).

Hala Tuju bagi Perpindahan kepada Pembayaran Secara Elektronik

Berikutan proses perundingan dengan pihak berkepentingan dalam sektor pembayaran yang terdiri daripada institusi perbankan dan penanggung insurans, pengendali dan pengeluar sistem pembayaran, syarikat telekomunikasi dan agensi Kerajaan yang relevan serta pandangan yang diterima daripada ahli-ahli Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan, Bank telah memuktamadkan Hala Tuju bagi perpindahan kepada e-pembayaran pada tahun 2007. Hala Tuju ini bertujuan menjajarkan strategi pihak berkepentingan utama, di samping melabur sumber yang diperlukan untuk meneruskan agenda nasional mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran dengan cara yang komprehensif dan terselaras. Bagi tujuan ini, Hala Tuju ini berusaha mempertemukan pihak berkepentingan yang relevan bagi menghapuskan rintangan yang kini menghalang e-pembayaran diterima pakai dengan lebih meluas.

Rajah 6.7
Trend Pembayaran Runcit Bukan Tunai Mengikut Jumlah



Rajah 6.8
Trend Pembayaran Runcit Bukan Tunai Mengikut Nilai



Jadual 6.9
Pertumbuhan dan Penembusan Perbankan Internet



Dengan tumpuan diberikan pada teras utama iaitu keselamatan, kecekapan dan kepentingan orang ramai, Hala Tuju berusaha untuk memanfaatkan bilangan akaun perbankan yang banyak yang melebihi 40 juta di negara ini dan pelaburan besar yang dibuat oleh Kerajaan dan industri untuk memperluas perkhidmatan mereka melalui Internet dan saluran mudah alih. Dalam usaha menggalakkan industri pembayaran supaya mempergunakan peluang ini untuk menawarkan instrumen pembayaran baharu dan menambah baik produk yang sedia ada dengan menawarkan alternatif yang lebih mudah dan murah, usaha turut ditumpukan ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif agar dapat merangsang inovasi dan eksperimentasi dalam sistem pembayaran. Bagi tujuan ini, Bank akan terus mempertingkatkan rangka kerja dasarnya sejajar dengan perkembangan baharu dan akan menghapuskan sekatan yang menghalang kemasukan peserta yang layak atau pengenalan produk yang akan menghasilkan peningkatan kecekapan dan inovasi dalam pasaran, tanpa menjejaskan matlamat utama Bank untuk mengekalkan keselamatan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran secara keseluruhannya. Ini juga sejajar dengan langkah Bank untuk lebih berpandu pada disiplin pasaran bagi melengkapi pengawasan penyeliaan.

Hala Tuju memerlukan pembaikan yang selanjutnya dibuat dalam sistem-sistem pembayaran runcit kerana langkah ini penting untuk mengurangkan penggunaan wang tunai dan cek. Sistem-sistem ini berkemampuan untuk memperluas akses kepada orang ramai, dan dengan itu mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak. Hala Tuju mengandungi pelan tindakan yang akan menggalakkan atau memudahkan peralihan kepada e-pembayaran, seperti menghasilkan penyelesaian bagi pengguna dan menentukan piawai lazim yang perlu serta mempunyai kesan langsung terhadap pertumbuhan e-pembayaran. Ini termasuk menggalakkan lebih banyak perniagaan melibatkan diri dalam perdagangan elektronik atau perbankan elektronik.

Kejayaan mempertingkatkan kecekapan dalam sistem pembayaran akan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan dengan itu meningkatkan daya saing ekonomi.

Hala Tuju turut menangani isu-isu penting seperti keperluan untuk membina keyakinan pengguna, menambah kesedaran pengguna tentang e-pembayaran dan mewujudkan mekanisme pembelaan yang mencukupi. Pengguna perlu membuat pilihan berdasarkan maklumat yang mencukupi dalam menerima pakai cara pembayaran yang paling efisien atau berkesan kos. Dalam hal ini, institusi perbankan dan penyedia perkhidmatan pembayaran perlu bekerjasama dan merangka struktur penentuan harga yang dapat mendorong amalan pembayaran seperti yang diingini. Kejayaan mempertingkatkan kecekapan dalam sistem pembayaran bukan sahaja memanfaatkan peserta dalam industri pembayaran, tetapi juga orang ramai secara keseluruhannya dengan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan dengan itu meningkatkan daya saing ekonomi.

Dialog berkala antara Bank dengan pihak berkepentingan yang relevan akan terus diadakan untuk mengenal pasti dan menangani isu kecekapan dan kerberkesanan kos dengan cara yang seimbang dan strategik. Pengurangan penggunaan

pembayaran berasaskan kertas berpotensi menjana peningkatan yang besar dari segi ekonomi dan kecekapan. Ini dapat menghasilkan manfaat yang ketara dan bermakna dalam usaha mempertingkatkan daya saing Malaysia.

Peralihan kepada e-pembayaran akan dijalankan secara berperingkat dan mungkin memakan masa beberapa tahun, namun, peralihan ini penting memandangkan banyak manfaat yang diperoleh penyedia perkhidmatan dan pengguna e-pembayaran, dan kepada keseluruhan ekonomi. Usaha akan dipertingkatkan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kaedah e-pembayaran, melalui pelaksanaan lebih banyak inisiatif pada tahun-tahun akan datang seiring dengan perkembangan teknologi. Usaha selanjutnya juga akan diambil untuk memanfaatkan Internet dan telefon mudah alih sebagai saluran penyampaian yang berkesan lagi menjimatkan kos bagi perkhidmatan perbankan dan pembayaran.

Tambahan

Kandungan

Perangkaan Penting Kewangan dan Sistem Pembayaran

Sistem Perbankan

A.1 Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan MS 1
A.2 Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 2
A.3 Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 3
A.4 Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 4
A.5 Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 5
A.6 Sistem Perbankan: Data Utama MS 6
A.7 Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi MS 7
A.8 Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi MS 7

Sektor Insurans

Perniagaan Insurans Hayat

A.9 Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 8

Perniagaan Insurans Am

A.10 Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian MS 8

Sektor Takaful

Perniagaan Takaful Keluarga

A.11 Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 9

Perniagaan Takaful Am

A.12 Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian MS 9

Institusi Kewangan Pembangunan

A.13 Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana MS 10
A.14 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana MS 11
A.15 Institusi Kewangan Pembangunan: Haluan Pinjaman MS 12
A.16 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Haluan Pinjaman MS 13
A.17 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pinjaman Tak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk MS 13
A.18 Bank Pembangunan Malaysia Berhad MS 14
A.19 Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) MS 14
A.20 Export-Import Bank of Malaysia Berhad MS 15
A.21 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad MS 16
A.22 Bank Simpanan Nasional MS 17
A.23 Bank Pertanian Malaysia MS 18
A.24 Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih MS 19

Sektor Isi Rumah

A.25 Sektor Isi Rumah: Penunjuk Terpilih MS 19

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

A.26	Penunjuk Pembayaran Asas	MS 20
A.27	Penggunaan Pelbagai Instrumen Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga	MS 21
A.28	Penggunaan Pelbagai Instrumen Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga	MS 21
A.29	Arahan Pembayaran dan Pindahan Sekuriti Melalui RENTAS: Jumlah Urus Niaga	MS 22
A.30	Arahan Pembayaran dan Pindahan Sekuriti Melalui RENTAS: Nilai Urus Niaga	MS 22
A.31	Bilangan Mesin Pembayaran dan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (EFTPOS)	MS 23
A.32	Bilangan Pengguna/Pelanggan Instrumen Pembayaran	MS 23
A.33	Penggunaan Perbankan Internet	MS 23
A.34	Penggunaan Perbankan Mudah Alih	MS 23
A.35	Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen	MS 24

Jadual A.1
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	2003	2004	2005	2006	2007*a*
	RM juta				
Sumber Dana					
Modal, rizab dan keuntungan	148,901.8	167,017.9	180,639.1	215,542.9	227,579.9
Mata wang	29,445.4	32,353.9	34,396.7	37,896.0	42,192.7
Deposit permintaan	92,117.8	124,333.4	135,944.1	141,864.3	166,070.3
Deposit lain[1] (antaranya)	617,286.6	711,307.5	787,169.3	936,089.0	981,070.5
Perbankan dan institusi kewangan	*161,311.5*	*197,022.6*	*227,173.6*	*319,550.6*	*310,807.0*
Sektor awam	*40,563.0*	*38,809.9*	*44,415.0*	*34,176.8*	*37,810.1*
Sektor swasta	*406,049.3*	*462,149.5*	*501,873.3*	*570,274.9*	*616,290.3*
Asing	*9,362.8*	*13,325.4*	*13,707.4*	*12,086.7*	*16,163.1*
Peminjaman	48,715.3	52,607.9	55,955.8	93,936.0	112,763.4
Dana dari institusi kewangan lain	87,571.5	71,717.6	84,238.8	79,121.0	122,726.0
Tempatan[2]	*61,837.8*	*33,762.8*	*43,150.4*	*46,638.0*	*68,413.4*
Asing	*25,733.6*	*37,954.7*	*41,088.4*	*32,483.0*	*54,312.6*
Kumpulan wang insurans, simpanan dan pencen	305,657.0	337,937.6	373,645.1	425,637.3	486,219.2
Tanggungan lain	233,384.8	267,579.3	260,673.7	226,539.4	337,236.8
Jumlah Tanggungan	**1,563,080.0**	**1,764,855.0**	**1,912,662.6**	**2,156,625.9**	**2,475,858.7**
Kegunaan Dana					
Mata wang	5,573.8	5,058.3	6,057.3	6,531.3	8,980.1
Deposit dengan institusi kewangan lain	226,303.7	247,947.3	259,429.4	347,383.6	468,844.4
Tempatan	*211,075.6*	*214,355.2*	*232,385.7*	*299,065.4*	*379,938.9*
Asing	*15,228.0*	*33,592.0*	*27,043.7*	*48,318.2*	*88,905.5*
Pinjaman dan pendahuluan	599,285.5	655,668.4	721,642.3	784,457.1	861,353.0
Perbankan dan institusi kewangan	*24,295.3*	*24,382.2*	*22,449.5*	*55,863.5*	*61,555.2*
Sektor awam	*7,799.2*	*7,950.3*	*5,446.5*	*12,054.8*	*11,989.2*
Sektor swasta	*564,850.9*	*620,712.1*	*691,258.2*	*713,482.6*	*781,751.7*
Asing	*2,340.0*	*2,623.8*	*2,488.1*	*3,056.3*	*6,056.8*
Sekuriti	409,488.6	433,071.0	472,883.8	599,508.3	661,178.1
Bil Perbendaharaan	*3,539.4*	*445.2*	*1,698.4*	*1,687.1*	*1,969.8*
Bil Perdagangan	*13,468.4*	*8,403.7*	*7,078.7*	*6,250.2*	*10,912.4*
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	*125,165.0*	*139,488.3*	*153,654.3*	*174,424.5*	*201,950.7*
Korporat	*254,197.9*	*271,630.7*	*291,606.4*	*297,301.0*	*355,849.7*
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	*122,237.8*	*130,213.0*	*140,405.4*	*135,384.5*	*175,065.1*
Ekuiti	*131,960.1*	*141,417.7*	*151,201.0*	*161,916.5*	*180,784.6*
Asing	*3,429.0*	*4,578.6*	*6,677.9*	*7,399.2*	*5,222.6*
Lain-lain	*9,688.7*	*8,524.5*	*12,168.0*	*112,446.3*	*85,273.0*
Emas dan rizab pertukaran asing	163,499.1	247,786.6	263,235.6	288,921.8	334,410.9
Aset lain[3]	158,929.3	175,323.5	189,414.3	129,823.7	141,092.3
Jumlah Aset	**1,563,080.0**	**1,764,855.0**	**1,912,662.6**	**2,156,625.9**	**2,475,858.7**

[1] Bersamaan deposit tabungan, tetap, dan lain-lain (NIF, LPHT, dll.) deposit + NID + repo
[2] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan
[3] Sebahagian daripada 'Aset lain' telah diklasifikasikan semula mulai tahun 2006
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.2
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		
	2005	2006	2007a
	RM juta		
Pendapatan faedah	43,659.6	52,134.5	59,742.2
Tolak: Perbelanjaan faedah	22,034.8	27,809.1	32,816.0
Pendapatan faedah bersih	21,624.8	24,325.4	26,926.2
Campur: Pendapatan berasaskan fi	4,721.2	5,167.9	6,890.3
Tolak: Kos kakitangan	6,280.0	7,509.5	8,503.8
Kos overhed	7,057.8	8,211.3	9,515.2
Keuntungan operasi kasar	13,008.2	13,772.5	15,797.4
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	5,558.7	6,538.3	5,342.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,449.6	7,234.2	10,454.9
Campur: Pendapatan lain	4,932.2	5,715.0	7,204.5
Untung sebelum cukai	**12,381.8**	**12,949.2**	**17,659.4**
Untung sebelum cukai/Aset purata (%)	1.4	1.3	1.5
Untung sebelum cukai/Dana pemegang saham purata (%)	16.8	16.2	19.7
Untung sebelum cukai/Pekerja purata (RM'000)	130.3	131.8	168.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	40.0	42.0	40.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	61.7	64.6	66.9
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	112.4	109.3	111.9
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	65.3	74.8	77.5

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.3
Bank Perdagangan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		
	2005	2006	2007*a*
	RM juta		
Pendapatan faedah	41,960.9	50,396.0	56,842.8
Tolak: Perbelanjaan faedah	20,768.9	26,486.7	30,587.7
Pendapatan faedah bersih	21,192.0	23,909.3	26,255.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	4,367.0	4,885.7	5,592.8
Tolak: Kos kakitangan	5,932.4	7,088.5	7,742.1
Kos overhed	6,876.9	7,926.3	8,560.7
Keuntungan operasi kasar	12,749.8	13,780.2	15,545.1
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	5,444.7	6,339.3	5,495.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,305.0	7,440.9	10,049.2
Campur: Pendapatan lain	3,790.3	4,642.2	5,600.5
Untung sebelum cukai	**11,095.3**	**12,083.1**	**15,649.7**
Untung sebelum cukai/Aset purata (%)	1.3	1.2	1.4
Untung sebelum cukai/Dana pemegang saham purata (%)	16.2	16.4	19.2
Untung sebelum cukai/Pekerja purata (RM'000)	120.1	126.9	157.4
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	40.9	42.2	40.4
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	60.4	62.8	62.1
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	115.9	111.8	110.6
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	63.5	73.2	75.9

[1] Termasuk syarikat kewangan dan bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.4
Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		
	2005	2006	2007*a*
	RM juta		
Pendapatan faedah	1,698.7	1,738.5	2,899.5
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,265.9	1,322.4	2,228.3
Pendapatan faedah bersih	432.8	416.0	671.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	354.2	282.2	1,297.4
Tolak: Kos kakitangan	347.6	421.0	761.7
Kos overhed	180.9	285.0	954.6
Keuntungan operasi kasar	258.5	-7.7	252.3
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	113.9	199.0	-153.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	144.5	-206.7	405.7
Campur: Pendapatan lain	1,141.9	1,072.8	1,604.0
Untung sebelum cukai	**1,286.5**	**866.2**	**2,009.7**
Untung sebelum cukai/Aset purata (%)	2.9	1.5	2.7
Untung sebelum cukai/Dana pemegang saham purata (%)	23.2	13.8	24.7
Untung sebelum cukai/Pekerja purata (RM'000)	484.1	281.8	357.5
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	25.6	37.6	44.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	122.1	169.7	255.7
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	52.0	67.7	125.3
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	132.4	119.5	98.6

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.5
Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		
	2005[1]	2006[1]	2007*a*
	RM juta		
Pendapatan selepas ditolak pendapatan tergantung	4,183.1	5,271.2	7,670.4
Tolak: Perbelanjaan	1,639.8	2,418.9	3,506.3
Pendapatan faedah bersih	2,543.3	2,852.3	4,164.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	232.7	297.7	461.2
Tolak: Kos kakitangan	282.7	346.8	798.1
Kos overhed	468.5	812.7	1,320.6
Keuntungan operasi kasar	2,024.8	1,990.4	2,506.7
Tolak: Peruntukan kerugian dan peruntukan lain	652.5	575.3	1,104.8
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	1,372.3	1,415.1	1,401.9
Campur: Pendapatan lain	170.3	197.2	414.5
Untung sebelum cukai	**1,542.6**	**1,612.3**	**1,816.4**
Untung sebelum cukai/Aset purata (%)	1.9	1.6	1.4
Untung sebelum cukai/Dana pemegang saham purata (%)	24.0	18.7	16.6
Untung sebelum cukai/Pekerja purata (RM'000)[2]	195.0	198.8	192.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	18.0	22.0	27.6
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	29.5	40.7	50.9
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	165.7	234.3	165.5
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)[2]	32.9	45.5	70.7

[1] Tidak termasuk satu bank Islam yang mengalami kerugian besar
[2] Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.6
Sistem Perbankan: Data Utama

	Pada akhir tahun				
	2003	2004	2005	2006	2007
Bilangan institusi kewangan	46	41	43	42	47
Bank perdagangan[1]	*34*	*29*	*27*	*22*	*22*
Bank pelaburan	*10*	*10*	*10*	*10*	*14*
Bank-bank Islam	*2*	*2*	*6*	*10*	*11*
Rangkaian pejabat	2,563	2,429	2,244	2,139	2,245
Bank perdagangan[1]	*2,414*	*2,276*	*2,072*	*1,952*	*1,968*
Bank pelaburan	*17*	*17*	*19*	*19*	*120*
Bank-bank Islam[2]	*132*	*136*	*766*	*1,167*	*1,271*
Rangkaian ATM	4,396	4,708	4,892	5,238	6,210
Bank perdagangan[1]	*4,184*	*4,428*	*4,584*	*4,869*	*5,797*
Bank-bank Islam	*212*	*280*	*308*	*369*	*413*
Bilangan bank yang menawarkan khidmat perbankan internet	12	13	13	13	15
Bilangan pekerja	90,844	93,948	96,106	100,414	109,699
Bank perdagangan[1]	*85,092*	*87,222*	*89,047*	*91,741*	*96,145*
Bank pelaburan	*2,429*	*2,690*	*2,625*	*3,522*	*7,721*
Bank-bank Islam	*3,323*	*4,036*	*4,434*	*5,151*	*5,833*

[1] Termasuk syarikat kewangan
[2] Termasuk cawangan bank-bank Islam yang dikongsi bersama dengan cawangan-cawangan bank konvensional

Jadual A.7
Bank Perdagangan[1]: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2003	2004	2005	2006	2007*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan pinjaman	26,124.6	24,728.9	21,693.4	21,052.0	19,574.6
Komitmen pemberian pinjaman	180,149.3	204,293.3	228,723.2	258,026.1	303,862.7
Gantian kredit langsung	14,795.5	14,713.9	16,026.4	16,404.2	19,424.7
Kontrak berkaitan pertukaran asing	101,477.0	175,269.0	161,030.2	212,377.6	368,769.5
Kontrak berkaitan kadar faedah	124,496.6	163,101.1	252,488.9	552,340.1	642,812.1
Kontingensi berkaitan perdagangan	20,507.2	23,851.7	21,049.1	20,767.3	17,756.9
Kontingensi berkaitan urus niaga	21,621.3	21,685.4	23,529.3	26,245.3	29,031.1
Obligasi penajajaminan	1,868.4	1,522.9	1,605.7	1,310.4	2,282.7
Lain-lain	11,664.3	14,636.8	19,211.5	34,360.7	44,026.3
Jumlah	**502,704.2**	**643,803.0**	**745,357.7**	**1,142,883.7**	**1,447,540.5**

[1] Termasuk syarikat kewangan dan bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.8
Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2003	2004	2005	2006	2007*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan pinjaman	1,595.2	2,493.7	2,418.3	2,968.0	2,049.9
Komitmen pemberian pinjaman	2,545.9	2,387.6	2,847.3	1,681.3	4,128.8
Gantian kredit langsung	1,226.8	1,126.2	1,312.4	855.5	1,165.9
Kontrak berkaitan pertukaran wang asing	1,459.9	2,877.6	4,976.9	5,669.7	2,812.3
Kontrak berkaitan kadar faedah	115,332.1	169,189.1	112,409.4	38,010.1	44,180.0
Kontingensi berkaitan perdagangan	0.0	0.0	0.0	0.0	1.1
Kontingensi berkaitan urus niaga	818.2	676.6	1,794.5	1,304.5	806.7
Obligasi penajajaminan	1,139.0	1,029.6	2,106.5	4,599.8	3,486.7
Lain-lain	55.4	44.6	506.2	7,950.4	26,943.7
Jumlah	**124,172.6**	**179,825.0**	**128,371.5**	**63,039.2**	**85,575.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.9
Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan

Perkara	Untuk tahun kalendar					
	2005		2006		2007*a*	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Pendapatan						
Pendapatan premium	16,002.1	76.5	17,120.2	72.1	18,898.9	66.5
Pendapatan pelaburan bersih	3,660.8	17.5	3,994.0	16.8	4,572.7	16.1
Keuntungan atas jualan aset dan pendapatan pelbagai	1,257.1	6.0	2,624.5	11.1	4,935.6	17.4
Jumlah	20,920.0	100.0	23,738.7	100.0	28,407.2	100.0
Perbelanjaan						
Faedah polisi bersih	6,268.7	30.0	7,311.1	30.8	9,653.9	34.0
Imbuhan agensi	2,504.6	12.0	2,453.7	10.3	2,566.6	9.0
Perbelanjaan pengurusan[1]	1,071.7	5.1	1,249.6	5.3	1,387.3	4.9
Kerugian atas jualan aset dan perbelanjaan lain	1,158.9	5.5	1,063.8	4.5	915.0	3.2
Jumlah	11,003.9	52.6	12,078.2	50.9	14,522.8	51.1
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	9,916.1	47.4	11,660.5	49.1	13,884.4	48.9

[1] Termasuk hutang lapuk dan hutang ragu bersih
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.10
Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

Perkara	Untuk tahun kalendar					
	2005		2006		2007*a*	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
Keuntungan pengunderaitan	956.9	106.0	492.4	-48.5	39.2	-92.0
Pendapatan pelaburan	641.2	8.0	697.8	8.8	758.6	8.7
Keuntungan modal	106.7	-43.5	182.9	71.4	577.9	216.0
Pendapatan lain	108.9	45.1	264.3	142.7	108.0	-59.1
Kerugian modal	87.6	365.5	86.5	-1.3	13.8	-84.0
Perbelanjaan lain	191.1	53.4	112.8	-41.0	124.7	10.5
Keuntungan kendalian	1,535.0	30.2	1,438.1	-6.3	1,345.2	-6.5

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.11
Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan

Perkara	Untuk tahun kalendar					
	2005		2006		2007*a*	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Pendapatan						
Caruman bersih	977.1	79.6	1,242.3	77.6	1,975.8	83.6
Pendapatan pelaburan bersih	192.3	15.7	232.0	14.5	284.5	12.0
Keuntungan atas jualan aset dan pendapatan pelbagai	57.7	4.7	126.5	7.9	104.3	4.4
Jumlah	1,227.0	100.0	1,600.9	100.0	2,364.6	100.0
Perbelanjaan						
Manfaat sijil bersih	347.2	28.3	400.8	25.0	534.2	22.6
Komisen bersih	93.0	7.6	129.4	8.1	186.6	7.9
Perbelanjaan pengurusan[1]	46.3	3.8	97.5	6.1	161.6	6.8
Kerugian atas jualan aset dan perbelanjaan lain	60.3	4.9	100.7	6.3	58.6	2.5
Jumlah	546.8	44.6	728.5	45.5	941.0	39.8
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	680.3	55.4	872.4	54.5	1,423.6	60.2

[1] Termasuk hutang lapuk dan ragu bersih
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Jadual A.12
Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

Perkara	Untuk tahun kalendar					
	2005		2006		2007*a*	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
Keuntungan pengunderaitan[1]	169.6	50.1	43.9	-74.1	-25.4	-157.9
Pendapatan pelaburan	19.6	33.2	32.3	64.2	44.6	38.3
Keuntungan modal	3.2	52.0	3.8	18.1	10.3	171.3
Pendapatan lain	5.8	94.3	19.2	228.9	8.6	-55.3
Kerugian modal	4.5	282.6	9.5	113.7	0.7	-92.8
Perbelanjaan lain	13.9	-14.3	9.9	-29.0	11.0	11.8
Keuntungan kendalian	179.9	55.9	79.8	-55.7	26.3	-67.0

[1] Jumlah telah diselaraskan untuk menunjukkan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh kumpulan wang takaful am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.13
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir				
	2003	2004	2005	2006	2007
	RM juta				
Sumber:					
Dana pemegang saham	9,424.1	10,543.8	12,744.0	15,091.1	17,297.3
Modal berbayar	*7,192.3*	*7,862.3*	*8,563.4*	*10,296.7*	*10,341.8*
Rizab	*1,599.6*	*2,051.3*	*2,221.5*	*3,006.0*	*3,121.0*
Keuntungan tertahan	*632.2*	*630.2*	*1,959.1*	*1,788.4*	*3,834.5*
Deposit diterima	42,403.3	49,878.0	54,084.7	60,402.0	67,067.9
Peminjaman	16,576.8	18,730.9	20,672.5	23,239.1	24,851.6
Kerajaan	*11,730.2*	*13,050.1*	*13,386.2*	*14,823.7*	*17,359.8*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*3,158.5*	*4,044.2*	*4,103.2*	*4,050.7*	*2,755.4*
Lain-lain	*1,688.1*	*1,636.6*	*3,183.1*	*4,364.7*	*4,736.4*
Lain-lain	10,686.2	12,297.2	12,366.7	14,829.9	19,117.4
Jumlah	**79,090.4**	**91,449.9**	**99,867.9**	**113,562.1**	**128,334.2**
Kegunaan:					
Penempatan deposit	16,244.7	18,908.0	13,964.4	18,831.3	20,075.1
Pelaburan	21,229.5	25,557.0	28,034.6	28,819.7	32,657.0
antaranya:					
Sekuriti Kerajaan	*2,950.8*	*2,629.3*	*4,489.2*	*4,617.7*	*4,759.0*
Saham	*6,778.1*	*8,256.0*	*8,370.5*	*8,005.6*	*6,825.0*
Disenaraikan	*5,200.9*	*6,369.1*	*7,030.1*	*7,561.4*	*6,458.9*
Tidak disenaraikan	*1,577.2*	*1,886.9*	*1,340.4*	*444.2*	*366.1*
Pinjaman dan pendahuluan	32,354.8	37,747.1	47,495.9	55,527.8	65,206.4
Aset tetap	3,707.5	4,057.7	4,205.3	4,449.7	4,726.4
Lain-lain	5,553.9	5,180.1	6,167.7	5,933.6	5,669.3
Jumlah	**79,090.4**	**91,449.9**	**99,867.9**	**113,562.1**	**128,334.2**
Liabiliti Luar Jangka:					
Jaminan	3,661.6	3,949.0	4,341.0	5,365.7	5,952.6
Insurans kredit eksport	123.3	308.6	380.5	348.8	659.4
Jumlah	**3,784.9**	**4,257.6**	**4,721.5**	**5,714.5**	**6,612.0**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji. Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan Malaysia Export Credit Insurance Berhad dan tidak termasuk SME Bank

Jadual A.14
Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir				
	2003	2004	2005	2006	2007
	RM juta				
Sumber:					
Dana pemegang saham	5,359.4	6,178.1	8,398.1	10,484.2	11,278.6
Modal berbayar	*4,167.5*	*4,811.1*	*5,503.6*	*7,171.5*	*7,194.9*
Rizab	*964.1*	*1,339.4*	*1,479.9*	*2,207.7*	*2,322.6*
Keuntungan tertahan	*227.8*	*27.6*	*1,414.6*	*1,105.0*	*1,761.1*
Deposit diterima	30,762.7	37,278.5	40,225.5	45,098.7	50,450.3
Peminjaman	12,347.7	14,586.9	16,437.2	18,729.1	19,948.4
Kerajaan	*9,039.8*	*10,438.2*	*12,201.1*	*13,758.7*	*16,079.7*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*2,933.9*	*3,846.3*	*3,927.4*	*3,869.8*	*2,571.0*
Lain-lain	*374.0*	*302.4*	*308.7*	*1,100.6*	*1,297.7*
Lain-lain	8,403.7	9,730.3	9,550.1	11,343.1	15,207.6
Jumlah	**56,873.5**	**67,773.8**	**74,610.9**	**85,655.1**	**96,884.9**
Kegunaan:					
Penempatan deposit	11,383.5	12,949.5	8,204.7	12,713.4	11,150.8
Pelaburan	12,970.7	15,868.1	18,634.9	17,500.6	20,829.5
antaranya:					
Sekuriti Kerajaan	*2,736.5*	*2,549.8*	*4,446.2*	*4,560.1*	*4,726.4*
Saham	*1,778.5*	*1,705.8*	*1,742.3*	*1,429.5*	*644.2*
Disenaraikan	*1,664.7*	*1,616.7*	*1,625.7*	*1,325.5*	*569.0*
Tidak disenaraikan	*113.8*	*89.1*	*116.6*	*104.1*	*75.2*
Pinjaman dan pendahuluan	28,072.3	33,472.5	43,374.9	50,961.4	60,402.2
Aset tetap	1,550.3	1,786.1	1,843.0	1,994.9	2,196.0
Lain-lain	2,896.7	3,697.6	2,553.4	2,484.8	2,306.4
Jumlah	**56,873.5**	**67,773.8**	**74,610.9**	**85,655.1**	**96,884.9**
Liabiliti Luar Jangka:					
Jaminan	549.1	533.3	613.5	524.7	561.5
Insurans kredit eksport	123.3	308.6	380.5	348.8	659.4
Jumlah	**672.4**	**841.9**	**994.0**	**873.5**	**1,220.9**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).
Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan Malaysia Export Credit Insurance Berhad dan tidak termasuk SME Bank
[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.15
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Haluan Pinjaman

	Pada akhir				
	2003	2004	2005	2006	2007
	RM juta				
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2,874.0	3,261.3	3,359.1	3,575.7	3,968.5
Perlombongan dan kuari	75.2	66.8	56.6	41.6	20.2
Perkilangan	3,952.0	4,126.2	4,474.3	4,655.7	5,698.0
Bekalan elektrik, gas dan air	617.1	1,228.9	2,253.0	2,920.9	3,477.8
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	250.4	698.8	643.3	761.2	1,030.9
Sektor harta benda yang luas	8,376.6	10,084.7	11,789.4	15,192.4	16,383.1
Pembinaan	*4,009.4*	*4,186.6*	*5,246.6*	*7,057.1*	*7,548.6*
Pembelian harta kediaman	*2,927.9*	*4,078.1*	*5,475.5*	*6,868.0*	*7,391.2*
Pembelian harta bukan kediaman	*441.1*	*463.9*	*429.6*	*545.8*	*614.0*
Harta tanah	*998.2*	*1,356.1*	*637.7*	*721.5*	*829.3*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	4,433.7	4,665.2	5,837.1	6,281.1	5,509.1
Maritim	473.1	474.4	681.5	799.0	1,834.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,694.7	984.2	766.1	877.4	1,037.8
Kredit penggunaan	8,066.5	9,896.5	14,074.3	17,435.8	23,158.9
antaranya:					
Pembelian kenderaan bermotor	*800.2*	*1,104.8*	*1,508.2*	*2,168.8*	*2,375.8*
Kad kredit	*23.7*	*24.3*	*32.6*	*50.4*	*86.7*
Pembelian sekuriti	136.2	103.4	214.1	189.9	66.0
Lain-lain	1,405.3	2,156.7	3,347.1	2,797.1	3,021.6
Jumlah	**32,354.8**	**37,747.1**	**47,495.9**	**55,527.8**	**65,206.4**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji. Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan tidak termasuk SME Bank

Jadual A.16
Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Haluan Pinjaman

	Pada akhir				
	2003	2004	2005	2006	2007
	RM juta				
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2,749.1	3,148.3	3,239.5	3,513.7	3,865.0
Perlombongan dan kuari	58.8	49.1	35.5	19.9	14.2
Perkilangan	2,675.3	2,872.2	3,254.5	3,422.1	4,486.1
Bekalan elektrik, gas dan air	617.1	1,228.9	2,251.6	2,919.7	3,476.8
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	151.5	260.7	356.8	502.2	780.9
Sektor harta benda yang luas	7,371.4	8,933.1	10,580.9	13,709.2	14,800.8
Pembinaan	*3,842.0*	*3,973.7*	*4,908.8*	*6,566.4*	*7,036.1*
Pembelian harta kediaman	*2,629.3*	*3,797.0*	*5,195.4*	*6,582.3*	*7,119.8*
Pembelian harta bukan kediaman	*438.8*	*461.2*	*429.1*	*480.8*	*561.3*
Harta tanah	*461.3*	*701.2*	*47.6*	*79.7*	*83.6*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	4,390.0	4,615.0	5,778.3	6,200.0	5,433.8
Maritim	473.1	474.4	681.5	799.0	1,834.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	896.0	827.4	657.0	763.1	940.2
Kredit penggunaan	7,812.8	9,571.1	13,679.5	16,926.8	22,433.5
antaranya:					
Pembelian kenderaan bermotor	*800.2*	*1,104.8*	*1,508.2*	*2,095.4*	*2,315.6*
Kad kredit	*23.7*	*24.3*	*32.6*	*50.4*	*86.7*
Pembelian sekuriti	136.2	103.4	88.2	64.9	66.0
Lain-lain	741.0	1,388.9	2,771.6	2,120.8	2,270.4
Jumlah	**28,072.3**	**33,472.5**	**43,374.9**	**50,961.4**	**60,402.2**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank). Sebelum 1 Oktober 2005, data termasuk Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan tidak termasuk SME Bank
[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.17
Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Pinjaman Tak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir	
	2006	2007
	RM juta	
Peruntukan am	1,126.5	1,286.6
Faedah tergantung	828.6	960.0
Peruntukan khas	1,735.4	2,499.5
Pinjaman tak berbayar	4,919.1	5,137.8
	Peratus (%)	
Nisbah pinjaman tak berbayar kasar	10.0	8.8
Nisbah pinjaman tak berbayar bersih	5.0	3.1
Jumlah peruntukan/pinjaman tak berbayar	75.0	92.4

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia
[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.18
Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Tahun penubuhan	1973					
Objektif	Menyediakan pembiayaan jangka sederhana dan panjang bagi projek-projek infrastruktur, maritim, industri berintensif modal dan berteknologi tinggi dalam sektor perkilangan dan sektor-sektor tertentu selaras dengan dasar pembangunan negara.					
Sektor	Pinjaman Terkumpul		Pinjaman Diluluskan		Pinjaman Dikeluarkan	
	Pada akhir		Pada tahun		Pada tahun	
	2006	2007	2006	2007	2006	2007
	RM juta					
Infrastruktur	15,294.2	15,286.5	3,170.9	2,549.4	3,240.2	2,540.2
Program Kerajaan	*12,843.7*	*12,572.5*	*373.6*	*1,355.6*	*636.2*	*1,660.6*
Program swasta	*2,450.5*	*2,714.0*	*2,797.3*	*1,193.8*	*2,604.0*	*879.6*
Maritim	799.1	1,834.5	1,802.8	539.0	262.4	1,358.7
Industri perkapalan	*437.0*	*776.4*	*640.8*	*338.6*	*128.2*	*480.0*
Industri limbungan kapal	*182.8*	*868.9*	*942.0*	*200.4*	*16.8*	*826.1*
Perkhidmatan berkaitan marin	*179.3*	*189.2*	*220.0*	*0.0*	*117.4*	*52.6*
Perkilangan						
antaranya:						
Berteknologi tinggi	542.7	942.4	1,854.7	1,139.1	382.0	391.8
Lain-lain	57.7	59.7	6.3	3.1	5.4	6.3
Jumlah	**16,693.7**	**18,123.1**	**6,834.7**	**4,230.6**	**3,890.0**	**4,297.0**

Sumber: Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Jadual A.19
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)

Tahun penubuhan	Oktober 2005					
Objektif	Menyediakan pembiayaan dan khidmat nasihat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan, khususnya usahawan Bumiputera.					
Sektor	Pinjaman Terkumpul		Pinjaman Diluluskan		Pinjaman Dikeluarkan	
	Pada akhir		Pada tahun		Pada tahun	
	2006	2007	2006	2007	2006	2007
	RM juta					
PKS	1,504.5	2,204.7	2,135.6	3,051.9	992.0	1,742.7
Mikro	*175.4*	*255.6*	*98.9*	*221.7*	*102.2*	*204.1*
Kecil	*795.1*	*1,115.3*	*463.4*	*806.6*	*558.3*	*753.2*
Sederhana	*534.0*	*833.8*	*1,573.3*	*2,023.6*	*331.5*	*785.4*
Lain-lain	413.6	439.3	0.0	0.0	233.0	122.1
Jumlah	**1,918.1**	**2,644.0**	**2,135.6**	**3,051.9**	**1,225.0**	**1,864.8**

Sumber: Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad

Jadual A.20
Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Tahun penubuhan	1995					
Objektif	Menyediakan kemudahan kredit bagi membiayai dan menyokong eksport dan import barangan, perkhidmatan, dan pembiayaan projek luar negeri dengan tumpuan pada pasaran bukan tradisi dan menyediakan khidmat insurans kredit eksport, insurans pembiayaan eksport, insurans pelaburan di luar negeri dan kemudahan jaminan dan perkhidmatan lain yang biasa ditawarkan oleh institusi kewangan eksport-import dan institusi kewangan insurans kredit.					
Kemudahan Pinjaman	**Pinjaman Terkumpul (RM juta)**		**Pinjaman Diluluskan (RM juta)**		**Pinjaman Dikeluarkan (RM juta)**	
	Pada akhir 2006	Pada akhir 2007	2006	2007	2006	2007
Kemudahan kredit pembeli	420.0	639.6	826.6	169.0	108.3	521.7
Kemudahan kredit pelaburan luar negeri	601.7	808.8	695.2	429.1	215.2	347.6
Kemudahan kredit pembekal	236.2	290.3	1,633.4	850.1	594.0	723.9
Pembiayaan semula kredit eksport	1,585.3	1,955.0	8,245.8	8,428.9	8,245.8	8,428.9
Jumlah	**2,843.2**	**3,693.7**	**11,401.0**	**9,877.1**	**9,163.3**	**10,022.1**
Jaminan dan Polisi Insurans	**Liabiliti Luar Jangka (RM juta)**		**Liputan Perniagaan (RM juta)**			
	Pada akhir 2006	Pada akhir 2007	2006	2007		
Polisi Jangka Pendek						
Polisi komprehensif	*319.0*	*573.0*	*1,759.0*	*2,518.0*		
Polisi surat kredit bank	*56.3*	*33.9*	*175.0*	*116.7*		
Polisi khusus	*17.0*	*0.9*	*24.0*	*1.0*		
Lain-lain	*54.2*	*33.1*	*99.0*	*57.2*		
Jumlah kecil	446.5	640.9	2,057.0	2,692.9		
Polisi Jangka Sederhana dan Panjang						
Polisi khusus	*1.9*	*80.0*	*2.0*	*84.0*		
Jaminan kredit pembeli	*202.3*	*270.0*	*168.0*	*225.0*		
Sokongan jaminan ganti rugi bon	*0.0*	*64.0*	*0.0*	*71.0*		
Insurans pelaburan luar negeri	*10.8*	*3.1*	*12.0*	*3.5*		
Lain-lain	*212.0*	*162.9*	*0.0*	*0.0*		
Jumlah kecil	427.0	580.0	182.0	383.5		
Jumlah	**873.5**	**1,220.9**	**2,239.0**	**3,076.4**		

Sumber: Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Jadual A.21
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Tahun penubuhan	1954					
Objektif	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad menggembleng tabungan dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan kepada ahli dan bukan ahli.					
Deposit Diterima	Deposit Diterima (RM juta)					
	Pada akhir 2006			Pada akhir 2007		
	Ahli	Bukan ahli	Jumlah	Ahli	Bukan ahli	Jumlah
	903.4	21,781.4	22,684.8	937.8	26,320.5	27,258.3
Haluan Pembiayaan	Pembiayaan Terkumpul (RM juta)					
	Pada akhir 2006			Pada akhir 2007		
Sektor	Ahli	Bukan ahli	Jumlah	Ahli	Bukan ahli	Jumlah
Pertanian	43.7	13.2	56.9	39.0	12.7	51.7
Pembelian harta kediaman	3,061.3	1,248.4	4,309.7	3,100.3	1,374.4	4,474.7
Pembelian harta bukan kediaman	83.2	348.0	431.2	98.6	396.3	494.9
Perdagangan am	53.3	598.4	651.7	36.6	751.2	787.8
Pembelian sekuriti	5.5	50.2	55.7	7.5	51.6	59.1
Pembelian kenderaan bermotor	0.0	25.6	25.6	0.0	25.0	25.0
Kredit penggunaan	10,705.6	3,392.5	14,098.1	12,543.9	5,625.4	18,169.3
Perkilangan	0.0	689.0	689.0	0.0	71.7	71.7
Lain-lain	0.0	92.3	92.3	0.0	598.6	598.6
Jumlah	**13,952.6**	**6,457.6**	**20,410.2**	**15,825.9**	**8,906.9**	**24,732.8**

Sumber: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Jadual A.22
Bank Simpanan Nasional

Tahun penubuhan	1974	
Objektif	Bank Simpanan Nasional ialah sebuah bank tabungan, yang diperbadankan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974. Bank ini memberikan tumpuan pada perbankan runcit dan pembiayaan persendirian terutamanya untuk penabung kecil.	
Kemudahan deposit	RM juta	
	Pada akhir 2006	Pada akhir 2007
Deposit simpanan	360.2	190.0
Deposit tetap	7,496.1	6,210.0
Deposit GIRO	4,572.0	4,745.1
Deposit Islam	472.6	1,276.9
Sijil simpanan premium	838.4	899.9
Lain-lain	81.0	103.1
Jumlah	**13,820.3**	**13,425.0**
Pelaburan	RM juta	
	Pada akhir 2006	Pada akhir 2007
Saham disenaraikan	908.9	214.4
Sekuriti Kerajaan	5,135.1	4,668.2
antaranya:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*3,525.1*	*3,347.5*
Sekuriti hutang swasta	889.2	1,121.2
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	467.5	467.8
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	231.8	231.8
Lain-lain	576.2	631.5
Jumlah	**8,208.7**	**7,334.9**
Haluan Pinjaman	RM juta	
	Pada akhir 2006	Pada akhir 2007
Pembelian sekuriti	9.2	6.9
Pembelian harta kediaman	2,272.6	2,645.1
Pembelian harta bukan kediaman	49.7	66.5
Kredit penggunaan	2,828.8	4,264.1
Lain-lain	493.8	420.7
Jumlah	**5,654.1**	**7,403.3**

Sumber: Bank Simpanan Nasional

Jadual A.23
Bank Pertanian Malaysia

Tahun penubuhan	1969					
Objektif	Bank Pertanian ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan pertanian yang mantap di negara ini, melalui penyediaan kemudahan pinjaman dan pendahuluan. Fungsi utamanya adalah untuk menyelaras dan menyelia pemberian kemudahan kredit bagi tujuan pertanian, dan menggembleng tabungan, khususnya daripada sektor pertanian dan masyarakat tani.					
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	Pinjaman Terkumpul (RM juta)		Pinjaman Diluluskan (RM juta)		Pinjaman Dikeluarkan (RM juta)	
	Pada akhir		Pada tahun		Pada tahun	
	2006	2007	2006	2007	2006	2007
Subsektor						
Kelapa Sawit	*801.2*	*851.2*	*304.3*	*465.3*	*169.8*	*198.4*
Tanaman Makanan	*419.6*	*443.3*	*145.8*	*193.6*	*131.4*	*151.5*
Ternakan	*423.6*	*477.2*	*191.6*	*263.8*	*101.8*	*137.1*
Perikanan	*317.8*	*369.0*	*108.5*	*135.9*	*56.2*	*110.2*
Perhutanan	*63.5*	*42.4*	*47.2*	*41.5*	*18.4*	*2.1*
Tembakau	*36.2*	*19.8*	*1.0*	*0.6*	*5.3*	*4.8*
Getah	*51.8*	*56.0*	*22.9*	*34.3*	*23.5*	*20.6*
Lain-lain	*1,328.3*	*1,546.5*	*417.4*	*654.7*	*417.8*	*618.1*
Jumlah	**3,442.0**	**3,805.4**	**1,238.7**	**1,789.7**	**924.2**	**1,242.8**

Sumber: Bank Pertanian Malaysia

Jadual A.24
Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih

IKP di bawah AIKP[1]:	Pada akhir					
	2006			2007		
	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	–	–	465	–	–	499
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	109	135	3,078	112	165	3,239
Bank Simpanan Nasional	379	620	4,918	375	626	4,865
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	–	–	180	–	–	205
Bank Pertanian Malaysia	172	146	2,657	172	148	2,683
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	16	–	792	18	–	908
Jumlah kecil	676	901	12,090	677	939	12,399
IKP Lain:						
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	8	–	352	8	–	425
Sabah Development Bank Berhad	–	–	84	–	–	83
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	–	–	13	–	–	13
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	–	–	35	–	–	35
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	16	–	393	16	–	415
Sabah Credit Corporation	10	–	208	10	–	201
Lembaga Tabung Haji	124	–	1,612	123	–	1,936
Jumlah kecil	158	–	2,697	157	–	3,108
Jumlah	**834**	**901**	**14,787**	**834**	**939**	**15,507**

[1] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.25
Sektor Isi Rumah: Penunjuk Terpilih

	2003	2004	2005	2006	2007*a*
	RM juta				
Hutang isi rumah[1]	275,176	312,754	359,777	396,604	427,912
Aset kewangan isi rumah[2]	595,573	664,334	723,736	809,799	931,872
	%				
Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK	65.7	66.0	69.3	69.3	66.7
Nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang isi rumah	216.4	212.4	201.2	204.2	217.8
Nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) isi rumah dalam sistem perbankan	8.7	8.0	7.7	7.1	5.3

[1] Terdiri daripada pinjaman terkumpul isi rumah dalam sistem perbankan, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, syarikat insurans dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan
[2] Terdiri daripada deposit isi rumah dengan sistem perbankan, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, jumlah aset kumpulan wang insurans hayat, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan nilai aset bersih dana amanah saham
a Awalan

Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Suruhanjaya Sekuriti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.26
Penunjuk Pembayaran Asas

	2003	2004	2005	2006	2007
Penduduk (juta)	25.3	25.9	26.4	26.9	27.5
KDNK (RM juta)	418,769	474,048	519,451	572,555	641,499
Tunai dalam edaran (RM juta)	26,101.4	28,616.9	30,177.6	33,519.4	36,290.8
Jumlah urus niaga (unit)					
Per kapita:					
Cek	7.7	7.7	7.6	7.5	7.7
E-pembayaran	13.8	17.6	21.6	28.0	32.5
Kad kredit	5.8	6.4	7.0	7.8	8.7
Kad caj	0.3	0.3	0.2	0.2	0.2
Kad debit	...	0.1	0.1	0.2	0.3
Wang elektronik	7.6	10.8	13.9	19.2	22.3
Sistem GIRO Antara Bank	0.1	0.1	0.4	0.7	1.0
Bursa Pemprosesan Kewangan[1]	–	...	...	...	...
ATM[2]	t.d.	...	0.1	0.1	0.1
Perbankan Internet[3]	0.3	0.5	0.7	1.0	1.5
Perbankan Mudah Alih[3]	t.d.	t.d.	...	...	...
Nilai urus niaga (RM)					
Per kapita:					
Tunai dalam edaran	1,030.9	1,106.6	1,144.0	1,245.6	1,322.1
Cek	49,855.1	52,841.7	51,467.1	53,584.9	62,443.1
E-pembayaran	1,554.8	2,006.8	2,674.0	3,621.7	4,686.9
Kad kredit	1,159.6	1,348.6	1,550.3	1,767.2	2,047.3
Kad caj	74.9	78.8	78.7	82.0	81.7
Kad debit	3.5	6.4	9.9	24.1	42.9
Wang elektronik	22.4	28.4	37.3	47.3	59.2
Sistem GIRO Antara Bank	294.5	544.5	997.3	1,700.2	2,439.2
Bursa Pemprosesan Kewangan[1]	–	0.1	0.5	0.9	16.6
ATM[2]	t.d.	6.2	145.1	79.8	161.4
Perbankan Internet	403.9	552.7	705.1	1,059.4	1,765.2
Perbankan Mudah Alih	t.d.	t.d.	0.2	0.3	0.3
Peratusan dalam KDNK (%):					
Tunai dalam edaran	6.2	6.0	5.8	5.9	5.7
Cek	301.4	288.3	261.4	251.8	267.2
E-pembayaran	9.4	10.9	13.6	17.0	20.1
Kad kredit	7.0	7.4	7.9	8.3	8.8
Kad caj	0.5	0.4	0.4	0.4	0.3
Kad debit	...	...	0.1	0.1	0.2
Wang elektronik	0.1	0.2	0.2	0.2	0.3
Sistem GIRO Antara Bank	1.8	3.0	5.1	8.0	10.4
Bursa Pemprosesan Kewangan[1]	–	...	...	...	0.1
ATM[2]	t.d.	...	0.7	0.4	0.7
Perbankan Internet	2.4	3.0	3.6	5.0	7.6
Perbankan Mudah Alih	t.d.	t.d.	...	...	...

[1] Bursa Pemprosesan Kewangan, iaitu sistem pembayaran berasaskan Internet yang dilancarkan pada bulan Oktober 2004
[2] Urus niaga ATM terdiri daripada pembayaran bil, pembayaran untuk permohonan saham secara elektronik dan urus niaga tambah nilai MEPS Cash dan Touch 'n Go
[3] Merujuk kepada capaian urus niaga iaitu urus niaga dengan nilai
t.d. Tidak diperoleh
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.27
Penggunaan Pelbagai Instrumen Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga

Sistem/Instrumen	2003	2004	2005	2006	2007
	Juta				
RENTAS[1]	1.8	1.9	2.0	2.2	2.7
IFTS	1.7	1.8	1.9	2.1	2.5
SSTS	0.1	0.1	0.2	0.2	0.1
Cek	195.1	200.2	199.9	201.2	211.7
Instrumen pembayaran:					
Kad kredit	146.3	164.5	184.6	208.8	237.6
Kad caj	7.5	6.6	6.2	5.9	5.5
Kad debit	1.2	1.6	2.1	4.2	9.1
Wang elektronik	192.4	279.4	365.6	516.8	612.0
Sistem lain:					
Sistem GIRO Antara Bank	1.3	3.7	10.4	18.7	26.6
Bursa Pemprosesan Kewangan	-	...	...	...	0.1
ATM[2]	t.d.	0.3	3.6	1.8	3.4

[1] Sistem penyelesaian kasar masa nyata - melalui dua subsistem, iaitu Sistem Pindahan Dana Antara Bank (IFTS) dan Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS)
[2] Urus niaga ATM terdiri daripada pembayaran bil, pembayaran elektronik untuk permohonan saham dan urus niaga tambah nilai MEPS Cash dan Touch 'n Go
t.d. Tidak diperoleh
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.28
Penggunaan Pelbagai Instrumen Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga

Sistem/Instrumen	2003	2004	2005	2006	2007
	RM bilion				
RENTAS[1]	13,370.6	17,872.7	19,314.6	24,974.6	29,880.6
IFTS	12,691.7	16,545.5	17,606.2	22,804.6	27,909.7
SSTS	678.9	1,327.1	1,708.5	2,169.9	1,970.9
Cek	1,262.3	1,366.5	1,357.7	1,442.0	1,714.1
Instrumen pembayaran:					
Kad kredit	29.4	34.9	40.9	47.6	56.2
Kad caj	1.9	2.0	2.1	2.2	2.2
Kad debit	0.1	0.2	0.3	0.6	1.2
Wang elektronik	0.6	0.7	1.0	1.3	1.6
Sistem lain:					
Sistem GIRO Antara Bank	7.5	14.1	26.3	45.8	67.0
Bursa Pemprosesan Kewangan	-	...	...	...	0.5
ATM[2]	t.d.	0.2	3.8	2.1	4.4

[1] Sistem penyelesaian kasar masa nyata - melalui dua subsistem, iaitu Sistem Pindahan Dana Antara Bank (IFTS) dan Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS)
[2] Urus niaga ATM terdiri daripada pembayaran bil, pembayaran elektronik untuk permohonan saham dan urus niaga tambah nilai MEPS Cash dan Touch 'n Go
t.d. Tidak diperoleh
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.29
Arahan Pembayaran dan Pindahan Sekuriti Melalui RENTAS: Jumlah Urus Niaga

	2003	2004	2005	2006	2007
	'000				
IFTS[1]	1,728.9	1,797.0	1,881.3	2,065.8	2,548.4
Operasi pasaran wang	93.9	101.3	93.1	103.2	108.3
Penyelesaian wang asing	13.3	15.7	20.2	32.9	47.7
Pembayaran Kerajaan[2]	t.d.	t.d.	t.d.	0.2	36.8
Pembayaran duti kastam	103.3	91.0	82.8	62.4	68.2
Pembayaran pihak ketiga[2]	t.d.	t.d.	t.d.	106.2	1,462.0
Lain-lain	1,518.3	1,589.0	1,685.2	1,761.0	825.5
SSTS[3]	103.4	123.9	158.0	160.4	111.3

[1] Sistem Pindahan Dana Antara Bank
[2] Data dikumpul mulai bulan November 2006. Pembayaran pihak ketiga merujuk kepada urus niaga IFTS dengan nilai minimum RM10,000, di mana pihak benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS
[3] Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip
t.d. Tidak diperoleh
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.30
Arahan Pembayaran dan Pindahan Sekuriti Melalui RENTAS: Nilai Urus Niaga

	2003	2004	2005	2006	2007
	RM bilion				
IFTS[1]	12,691.7	16,545.5	17,606.2	22,804.6	27,909.7
Operasi pasaran wang	4,955.8	6,912.8	7,354.4	10,576.4	12,261.8
Penyelesaian wang asing	441.0	920.2	1,262.4	1,531.4	2,179.0
Pembayaran Kerajaan[2]	t.d.	t.d.	t.d.	3.5	39.9
Pembayaran duti kastam	2.6	2.2	2.6	2.3	2.6
Pembayaran pihak ketiga[2]	t.d.	t.d.	t.d.	458.6	5,813.4
Lain-lain	7,292.3	8,710.3	8,986.8	10,232.5	7,613.0
SSTS[3]	678.9	1,327.1	1,708.5	2,169.9	1,970.9

[1] Sistem Pindahan Dana Antara Bank
[2] Data dikumpul mulai bulan November 2006. Pembayaran pihak ketiga merujuk kepada urus niaga IFTS dengan nilai minimum RM10,000, di mana pihak benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS
[3] Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip
t.d. Tidak diperoleh
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.31
Bilangan Mesin Pembayaran dan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (EFTPOS)

Terminal	2003	2004	2005	2006	2007
	Unit				
ATM[1]	4,396	5,568	5,777	6,147	7,156
CDM[2]	1,584	1,657	2,535	2,971	4,092
Terminal EFTPOS:					
Kad kredit	t.d.	t.d.	84,751	102,871	133,574
Kad debit (Bankcard)[3]	t.d.	t.d.	20,052	21,592	34,754
Wang elektronik	13,314	16,642	18,198	28,115	28,771

[1] Termasuk ATM yang dimiliki institusi bukan bank bagi tahun 2007
[2] Termasuk mesin deposit tunai dan cek
[3] e-Debit sahaja
t.d. Tidak diperoleh

Jadual A.32
Bilangan Pengguna/Pelanggan Instrumen Pembayaran

	2003	2004	2005	2006	2007
	'000				
Kad kredit	5,098.1	6,583.0	7,815.5	8,833.0	9,899.3
Kad caj	305.6	283.6	241.4	268.3	240.6
Kad debit[1]	3,152.9	10,237.2	15,676.7	18,861.4	21,887.3
Wang elektronik	22,844.3	34,174.1	44,034.7	46,802.2	53,012.3

[1] Termasuk kad debit jenama antarabangsa dan e-Debit

Jadual A.33
Penggunaan Perbankan Internet[1]

Butiran	2003	2004	2005	2006	2007
Bilangan pelanggan (juta)	1.7	2.0	2.5	3.2	4.5
Jumlah urus niaga (juta)[2]	8.9	12.6	18.6	27.7	40.3
Nilai urus niaga (RM juta)	10,225.7	14,292.4	18,600.5	28,507.9	48,456.0

[1] Pelanggan individu sahaja
[2] Merujuk kepada urus niaga yang melibatkan nilai

Jadual A.34
Penggunaan Perbankan Mudah Alih[1]

Butiran	2003	2004	2005	2006	2007
Bilangan pelanggan ('000)	t.d.	25.7	127.6	246.7	345.7
Jumlah urus niaga ('000)[2]	t.d.	t.d.	391.8	237.8	341.4
Nilai urus niaga (RM'000)	t.d.	t.d.	4,455.5	7,509.9	8,077.9

[1] Pelanggan individu sahaja
[2] Merujuk kepada urus niaga yang melibatkan nilai
t.d. Tidak diperoleh

Jadual A.35
Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen

	2003	2004	2005	2006	2007
	Unit				
RENTAS	54	52	55	53	54
Bank	*53*	*48*	*50*	*48*	*51*
Bukan bank	*1*	*4*	*5*	*5*	*3*
Kad kredit	19	18	19	18	18
Bank	*18*	*17*	*17*	*16*	*16*
Bukan bank	*1*	*1*	*2*	*2*	*2*
Kad debit					
Bank	*9*	*13*	*13*	*13*	*14*
Kad caj	5	5	5	6	6
Bank	*1*	*1*	*1*	*3*	*3*
Bukan bank	*4*	*4*	*4*	*3*	*3*
Wang elektronik[1]	4	5	8	13	15
Bank	*–*	*–*	*1*	*2*	*4*
Bukan bank	*4*	*5*	*7*	*11*	*11*
Perbankan Internet					
Bank	*13*	*14*	*14*	*16*	*18*
Perbankan Mudah Alih					
Bank	*3*	*4*	*5*	*6*	*7*
Bursa Pemprosesan Kewangan					
Bank	*-*	*4*	*5*	*11*	*11*
Sistem GIRO Antara Bank					
Bank	*14*	*13*	*16*	*16*	*19*

[1] Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa